



LAPORAN TAHUNAN 2015

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA





LAPORAN TAHUNAN 2015

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

KANDUNGAN

06 PERUTUSAN

- Menteri Pertahanan
- Timbalan Menteri Pertahanan
- Ketua Setiausaha
- Panglima Angkatan Tentera

82 SEKTOR PEMBANGUNAN

- Bahagian Pembangunan
- Bahagian Perolehan
- Pengguna Katalog ATM (MAFCA)

14 MAKLUMAT KORPORAT

- Carta Organisasi
- Latar Belakang Kementerian
- Pejabat Menteri Pertahanan
- Pejabat Timbalan Menteri Pertahanan
- Sektor-Sektor & Agensi Kementerian Pertahanan

38 SEKTOR KETUA SETIAUSAHA

- Pejabat Ketua Setiausaha
- Bahagian Audit Dalam & Siasatan Am
- Bahagian Undang-Undang
- Jabatan Ketua Hakim Peguam
- Unit Komunikasi Korporat
- Urusetia Majlis Angkatan Tentera
- MinDef Cawangan Sabah
- MinDef Cawangan Sarawak
- Unit Integriti

96 SEKTOR DASAR

- Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
- Bahagian Industri Pertahanan
- Depot Simpanan Pertahanan

116 SEKTOR PENGURUSAN

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- Bahagian Pengurusan Maklumat
- Bahagian Akaun
- Bahagian Kewangan
- Bahagian Pentadbiran

150 AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN

- Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE)
- Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)
- Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)
- Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
- Institut Pertahanan & Keselamatan Malaysia (MiDAS)

208 ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

- Markas Angkatan Tentera Malaysia
- Markas Tentera Darat
- Markas Tentera Laut
- Markas Tentera Udara
- Markas Angkatan Bersama

262 KELAB & PERSATUAN BERDAFTAR

- Persatuan Suri & Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA)
- Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP)

280 PENCAPAIAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Peringkat Kebangsaan & Antarabangsa

LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



PERUTUSAN

- Menteri Pertahanan
- Timbalan Menteri Pertahanan
- Ketua Setiausaha
- Panglima Angkatan Tentera

YB. DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

Menteri Pertahanan, Kementerian Pertahanan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan izin Nya dapat bersama dengan semua warga Kementerian Pertahanan mengharungi tahun 2015 yang penuh dengan cabaran serta mencapai keberhasilan yang telah ditetapkan. Laporan Tahunan 2015 ini adalah dokumentasi serta bukti kepada kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan dalam memenuhi agenda Negara yang kita cintai ini.

Tahun 2015 merupakan tahun yang amat bermakna buat Malaysia apabila kita telah dipilih menjadi Ahli Bukan Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta menjadi Pengurus ASEAN pada tahun yang sama. Saya sendiri juga memikul tanggungjawab sebagai Pengurus ASEAN Defence Ministers Meeting (ADMM) dan ADMM PLUS yang menggabungkan 10 negara ASEAN dan 8 rakan dialog terdiri daripada Amerika Syarikat, Australia, China, India, Jepun, Korea Selatan, New Zealand, dan Russia. Alhamdulillah segala program ADMM telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual sepanjang tahun 2015 hasil usaha gigih warga Kementerian Pertahanan dengan sokongan padu dan kerjasama penuh daripada agensi-agensi yang terlibat dengan penganjuran program ADMM. Tahun 2015 juga menyaksikan penganjuran Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi atau LIMA yang terbesar dengan 36 negara mengambil bahagian dengan 512 pempamer pada edisi kali ini.

Pada tahun 2015, Kementerian Pertahanan melalui ATM telah terlibat dengan satu lagi inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS yang dipanggil 1Malaysia Biodiversity Enforcement Operation Network atau (1MBEON). Inisiatif ini merupakan kerjasama antara ATM dengan Jabatan Perhilitan dan kerajaan negeri bagi memberi perlindungan kepada penguatkuasa Jabatan Perhilitan. Penglibatan Kementerian Pertahanan dan ATM dalam program NBOS telah memberi impak positif kepada kesejahteraan rakyat secara umumnya. Di samping itu, ATM juga telah melaksanakan pelbagai Program Jiwa Murni dalam membantu Kerajaan untuk menjaga kesejahteraan

rakyat. Sumbangan Kementerian Pertahanan dan ATM mendapat pengiktirafan apabila mendapat Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2015 menerusi inisiatif inovasi Program Jiwa Murni Tanggungjawab Sosial Ke Arah Kualiti Hidup Luar Bandar.

Isu keselamatan tradisional seperti isu Laut Cina Selatan dan isu keselamatan bukan tradisional seperti keganasan merupakan antara cabaran terbesar kepada keselamatan negara umumnya dan Kementerian Pertahanan khususnya. Sehubungan itu, Kementerian Pertahanan telah mengenalpasti lima Teras Strategik di bawah Hala Tuju 2016 iaitu Kesiapsiagaan, Keselamatan, Kebajikan, Diplomasi Pertahanan, dan PLKN 2.0 yang telah dibincangkan secara mendalam serta melibatkan pelbagai agensi Kerajaan dan pemain industri pertahanan. Adalah menjadi harapan saya dengan pendekatan yang lebih sistematik ini Kementerian Pertahanan dapat mengurus setiap isu dengan lebih baik dengan pelaksanaan aktiviti di bawah setiap Teras Strategik dan memberi impak positif yang boleh dirasai oleh setiap lapisan masyarakat.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua warga Kementerian Pertahanan dan syabas diucapkan di atas penghasilan Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan 2015. Moga hubungan baik antara warga Kementerian Pertahanan akan terus berkekalan demi kebaikan agama, bangsa dan negara yang kita cintai.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
Menteri Pertahanan Malaysia
Kementerian Pertahanan Malaysia





YB. DATO' WIRA JOHARI BIN BAHARUM

Timbalan Menteri Pertahanan, Kementerian Pertahanan Malaysia

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam 1Malaysia,

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan (MINDEF) kerana dapat menerbitkan Laporan Tahunan MINDEF 2015.

Sesungguhnya penerbitan laporan ini amat berguna kepada warga kerja MINDEF khasnya dan orang awam umumnya. Di masa sama, laporan ini memaparkan kegiatan, program pendekatan dan projek-projek yang dilaksanakan oleh MINDEF serta Jabatan/agensi lain di bawahnya. Laporan ini juga akan menjadi bahan rujukan rasmi kepada mana-mana pihak yang ingin membuat kajian ilmiah berkaitan dengan MINDEF.

Saya berbangga dengan segala pemaparan aktiviti MINDEF yang menjurus kepada pencapaian pengharapan kerajaan terutamanya di dalam aspek keselamatan dan industri pertahanan negara.

Semoga usaha cemerlang seperti ini dapat diteruskan di masa-masa yang akan datang demi untuk meningkatkan lagi imej korporat MINDEF di mata umum.

Sekian. Wassalam.



DATO' WIRA JOHARI BIN BAHARUM

Timbalan Menteri Pertahanan
Kementerian Pertahanan Malaysia

YBhg. DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI

Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Alhamdulillah, tahun 2015 telah melabuhkan tirainya. Sekali lagi kita semua dapat menggembung tenaga dan buah fikiran bersama-sama dalam meneruskan tugas di Kementerian Pertahanan serta di lapangan. Pencapaian Kementerian Pertahanan pada tahun 2015 adalah berkat usaha warga Kementerian Pertahanan awam dan tentera dalam mencapai misi dan sasaran yang telah ditetapkan.

Laporan tahunan ini adalah dokumen rasmi kepada pencapaian Kementerian Pertahanan sepanjang tahun 2015. Melalui laporan ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan serta penanda aras sebagai sebahagian prosen Kaizen atau penambahbaikan berterusan dalam kita mengorak langkah ke masa hadapan selaras dengan program transformasi negara.


Tahun 2015 merupakan berakhirnya tempoh tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi melaksanakan program dan projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Pelbagai cabaran telah di tempuh dan Alhamdulillah Kementerian Pertahanan telah berjaya mengurus dengan baik segala Perbelanjaan Pengurusan dan Pembangunan berjumlah RM17.76 bilion.

Kecemerlangan Kementerian Pertahanan pada tahun 2015 terbukti apabila berjaya mendapat pengiktirafan cemerlang daripada MAMPU bagi Ekosistem Kondusif Sektor Awam atau EKSA yang julung kalinya dilaksanakan

bagi menggantikan Program 5S di mana kali terakhir Kementerian Pertahanan juga mendapat pengiktirafan tertinggi 5 bintang serta menjadi Johan di Majlis Persada Inovasi 2015 dalam Konvensyen KIK Kebangsaan 2015.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan jutaan terima kasih kepada seluruh warga Kementerian Pertahanan yang telah menyumbang keringat dan tenaga dalam menjayakan agenda Kerajaan umumnya dan Kementerian Pertahanan khususnya demi agama, bangsa dan negara Malaysia tercinta.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI
Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan Malaysia



JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN

Panglima Angkatan Tentera, Angkatan Tentera Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Menginjak ke usia 82 tahun telah mematangkan ATM baik dari segi pemerintahan mahupun pemodenan aset, malah turut melangkaui pembangunan modal insan yang profesional serta memiliki sahsiah terpuji. Kecemerlangan ATM yang sentiasa konsisten dan berkesan dalam mengambil tindakan telah berjaya meningkatkan legitimasi pemegang taruh terutamanya rakyat jelata dan Kerajaan serta rakan strategik global terhadap keupayaan kita.

Takwim 2015 telah melakarkan pelbagai rona dan coretan tersendiri. Kejadian banjir besar yang melanda Negara amat meruntun perasaan dan emosi rakyat Malaysia, lantas menyatukan kita dari pelbagai latar belakang dalam menghulurkan bantuan serta tenaga bagi menyokong usaha ATM dan agensi-agensi lain demi membantu dan menyelamatkan mangsa yang terjejas. Sesungguhnya, kesepaduan yang dipamerkan ini adalah manifestasi sokongan rakyat yang amat kukuh dan bersatu padu dalam memelihara keselamatan dan kesejahteraan rakyat.


Pada bulan Mei 2015, Negara digemparkan dengan penemuan beberapa kubur yang dikesan oleh Pasukan Keselamatan di kem-kem transit yang dibina oleh sindiket pemedagangan manusia di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Perkembangan ini memberi isyarat dan menuntut kewaspadaan yang tinggi terhadap jenayah rentas sempadan agar ATM terus mentransformasikan angkatannya bagi mendepani cabaran dan ancaman baharu sejajar dengan keperluan menangani konflik pada masa hadapan.

Pada 5 Jun 15 pula, Negara telah dikejutkan dengan tragedi gempa bumi yang menggemarkan Gunung Kinabalu dengan kekuatan 6.0 skala richter. Kejadian ini telah mencetuskan suasana panik dan telah meragut 18 nyawa di kalangan para pendaki dan malim gunung. Negara sekali lagi digemparkan dengan kehilangan tujuh murid orang asli dari Sekolah Kebangsaan Pos Tohoi, Gua Musang pada 23 Ogos 15 selepas tidak pulang ke asrama serta beberapa insiden lain yang memerlukan komitmen ATM untuk diatur gerak.

Lembaran tahun 2015 juga telah menyaksikan beberapa kejayaan ATM khususnya yang diungguli menerusi program National Blue Ocean Strategy (NBOS). Di antara projek utama ialah "Program Jiwa Murni dan Tanggungjawab Sosial ke Arah Kualiti Hidup Luar Bandar". Projek ini terbukti berkesan dalam usaha kerajaan membantu penduduk luar bandar di Sarawak, Pahang, Terengganu dan Perak menerusi penyediaan infrastruktur seperti jalan darat dan jambatan fastrack menggunakan kaedah pembinaan yang kreatif serta menjimatkan kos.

Secara tidak langsung projek ini telah membantu mengurangkan perbelanjaan Negara di mana pembinaan 269.6 km jalan dan 45 buah jambatan bagi kegunaan 92,100 penduduk di 108 kampung hanya menelan belanja RM 319.03 juta sahaja (penjimatan sebanyak 70%). Selain itu, program ini berjaya menjimatkan masa pembinaan daripada 5 tahun kepada purata 2 tahun sahaja, di samping mengurangkan masa perjalanan secara purata daripada 7 hingga 8 jam kepada 4 hingga 5 jam sahaja.


Di atas keunggulan yang tunjukkan itu, maka projek ini juga telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah



Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2015 yang berjaya merangkul hadiah berupa wang tunai RM 1 juta, trofi dan sijil. Bersesuaian dengan itu, saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Tim ATM yang telah memenangi anugerah tersebut. Sesungguhnya anugerah ini memanifestasikan pengiktirafan Negara terhadap kredibiliti dan komitmen ATM selama ini di dalam mendukung aspirasi Negara menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP). Semoga kegembiran yang tercipta ini akan menjadi mercu tanda kepada seluruh pasukan dan elemen dalam ATM untuk terus mengorak langkah bagi mencapai kecemerlangan dalam setiap aktiviti yang diceburi atau dianjurkan.

Sebagai penutup kata, marilah kita dengan sehati sejiwa melabuhkan tirai 2015 dengan irungan doa semoga ATM dan kita warganya sentiasa dilimpahi keberkatan, semangat juang dan kecemerlangan yang berterusan. Mudah-mudahan kemunculan tahun baharu 2016 ini akan meningkatkan lagi keazaman seluruh warga untuk terus melestarikan peranan ATM sebagai Perisai Negara bagi menyempurnakan misi untuk melindungi kedaulatan, integriti dan kepentingan Negara, Insya Allah.

“SENTIASA BERSEPADU”



JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN
Panglima Angkatan Tentera, Angkatan Tentera Malaysia

LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



MAKLUMAT KORPORAT

- Carta Organisasi
- Latar Belakang Kementerian
- Pejabat Menteri Pertahanan
- Pejabat Timbalan Menteri Pertahanan
- Sektor-Sektor & Agensi
Kementerian Pertahanan

CARTA ORGANISASI

MENTERI

DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

KETUA SETIAUSAHA

PTD TURUS II/III

DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI

BAHAGIAN AUDIT DALAM

JURUAUDIT KHAS C

DATO' CHE MOHD SHUKRI BIN CHE HASSAN

URUSETIA MAJLIS ANGKATAN TENERA

PTD M52

EN. MOHD SAID BIN ADNAN

UNIT KPI

52 (TERBUKA)

KOL MOHD BUSTAMAN BIN HAJI MAT ZIN

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)

PTD UTAMA A

DATO' DR. ROTHIAH BINTI HAJI OMAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PTD UTAMA B

DATO' ZAITON BINTI JOHARI

BAHAGIAN PEROLEHAN

PTD UTAMA C

EN. PARANG ABAI @ THOMAS

MALAYSIAN ARMED FORCES CATALOGUING AUTHORITY (MAFCA)

LT KOLONEL ZA22

LT KOL ABD WAHAB BIN ENOK TUDM

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)

PTD UTAMA B

DATIN JUNAIDAH BINTI KAMARRUDDIN

Menerima gelaran Dato' mulai 6.2.2016

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

PTD UTAMA C

EN. AHMAD NADZRI BIN MOHD HASSAN

BAHAGIAN INDUSTRI PERTAHANAN

PTD UTAMA C

EN. WAN MOHD ASRAF BIN WAN SALLEH

DEPOT SIMPANAN PERTAHANAN

54 (TERBUKA)

KOSONG

En. Abdullah bin Abdul Rahman telah bertukar ke Bhg Pembangunan pada 18/8/2015. Pegawai baru DSP En. Khairim Shahril bi. Mat Khalid lapor diri pada 1/3/2016.

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)

PTD UTAMA B

DATO' MOHAMMAD FOAD BIN HAJI ABDULLAH

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PTD UTAMA C

DATO' MOHD ZAINY BIN MOHAMED ZAIN

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

PTM KHAS C

PN. KHAIRIAH BINTI AHMAD

BAHAGIAN KEWANGAN

PTD UTAMA C

EN. MANIAM A/L ARUMUGAM

BAHAGIAN AKUAN

AKAUNTAN UTAMA C

TUAN HAJI SENIN BIN YUSOF

BAHAGIAN PENTADBIRAN

PTD M54

PN. SITI NORMAH BINTI ABDUL AZIZ

TIMBALAN MENTERI

DATUK ABDUL RAHIM BIN BAKRI

Sehingga 28 Julai 2015

DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM

Bermula 29 Julai 2015

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

PEG. UNDANG-UNDANG L54

PN. JURAIYAH BINTI ABBAS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

54 (TERBUKA)

TUAN HAJI JOHARI BIN MOHD

UNIT INTEGRITI

PEG SIASATAN GRED UTAMA C

DATO' HAJI JALIL BIN JAFFAR

MALAYSIAN INSTITUTE OF DEFENCE AND SECURITY (MiDAS)

LT JENERAL UTAMA B

LT JEN DATUK AZIZAN BIN MOHD DELIN

INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS & TEKNOLOGI (STRIDE)

UTAMA B (TERBUKA)

TUAN HAJI ISMAIL BIN MAD DAUD

JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA

UTAMA B (TERBUKA)

DATO' MOHAMED ASRI BIN YUSOF

JABATAN HAL EHWAL VETERAN

UTAMA C (TERBUKA)

MEJ JEN DATO' WIRA HAJI MOHD NOOR BIN HAJI DAUD

JABATAN KETUA HAKIM PEGUAM

PEG UNDANG-UNDANG L54

EN. AMIR BIN NASRUDDIN

PEJABAT KEMENTERIAN PERTAHANAN CAWANGAN SABAH PENTADBIRAN

PTD M52

EN. JOHAR BIN JULASBI

PEJABAT KEMENTERIAN PERTAHANAN CAWANGAN SARAWAK

PTD M52

EN. MAHATHIR BIN BUJANG

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA

JENERAL TURUS II

JEN TAN SRI DATO' SRI (DR.) ZULKIFELI BIN MOHD ZIN

PANGLIMA TENTERA DARAT

JENERAL UTAMA A

JEN TAN SRI RAJA MOHAMED AFFANDI BIN RAJA MOHAMED NOOR

PANGLIMA TENTERA LAUT

LAKSAMANA UTAMA A

LAKSAMANA DATO' SERI PANGLIMA AHMAD KAMARULZAMAN BIN HJ AHMAD BADARUDDIN

PANGLIMA TENTERA UDARA

JENERAL UTAMA A

JEN TAN SRI DATO' SRI ROSLAN BIN SAAD TUDM

KETUA STAF MARKAS ATM

LEFTENAN JENERAL UTAMA B

LT JEN DATO' SRI HAJI SABRI BIN ADAM TUDM

PANGLIMA ANGKATAN BERSAMA

LEFTENAN JENERAL UTAMA B

LT JEN DATO' SRI ACKBAL BIN HAJI ABDUL SAMAD TUDM

KETUA PENGARAH PERISIKAN PERTAHANAN

LEFTENAN JENERAL UTAMA B


LT JEN DATUK ABDUL HADI BIN HAJI HUSSIN

CARTA ORGANISASI


ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (MK ATM)



MARKAS TENTERA DARAT (MTD)



MARKAS TENTERA LAUT (MTL)



LAKSAMANA DATO' SERI PANGLIMA AHMAD KAMARULZAMAN BIN HJ AHMAD BADARUDDIN

PANGLIMA TENTERA LAUT



PANGLIMA TENTERA LAUT



TIMBALAN PANGLIMA
TENTERA LAUT

MARKAS TENTERA LAUT

MARKAS
PEMERINTAHAN
ARMADA
TLDM

PUTSAT
HIDROGRAFI
NASIONAL

MARKAS
PEMERINTAHAN
BANTUAN TLDM

MARKAS
PEMERINTAHAN
PENDIDIKAN DAN
LATIHAN TLDM

MARKAS
PEMERINTAHAN
PASUKAN
SIMPANAN TLDM
(DIRANCANG)

MARKAS
PANGKALAN LUMUT

MARKAS MATERIEL
TLDM

MARKAS
KEJURUTERAAN
TLDM

MARKAS WILAYAH
LAUT 1

MARKAS WILAYAH
LAUT 2

MARKAS ANGKATAN
KAPAL SELAM

MARKAS UDARA
TLDM

MARKAS PASUKAN
KHAS

MARKAS WILAYAH
LAUT 3

MARKAS PANGKALAN
SANDAKAN

MARKAS SELAM
DAN PEPERANGAN
PERIUK API

MARKAS WILAYAH
LAUT 4
(DIRANCANG)

MARKAS TENTERA UDARA (MTU)



JENERAL TAN SRI DATO SRI ROSLAN BIN SAAD TUDM

PANGLIMA TENTERA UDARA

★★★

PANGLIMA TENTERA UDARA

BHG INPEKTORAT TUDM

DGTA

BHG PERISIKAN TUDM

SEKRETARIAT TUDM

ARAS STRATEGIK

TIMBALAN PANGLIMA TENTERA UDARA
(KETUA STAF MTU)

MARKAS TENTERA UDARA

BHG SUMBER MANUSIA

BHG TADBIR

BHG OPERASI & STRATEGI

BHG MATERIEL

BHG KEJERUTERAAN

BHG PERANCANGAN & PEMBANGUNAN

BHG KOMLEK

MARKAS PEMERINTAHAN OPERASI UDARA (MPOU)

MARKAS PEMERINTAHAN BANTUAN UDARA (MPBU)

MARKAS PEMERINTAHAN PENDIDIKAN & LATIHAN UDARA (MPLLU)

ARAS OPERASIONAL

MARKAS WILAYAH UDARA 1

MARKAS WILAYAH UDARA 2

MARKAS PASUKAN SIMPANAN TUDM (MPSTU)

PANGKALAN-PANGKALAN UDARA

PANGKALAN-PANGKALAN UDARA

MATERIEL UDARA (MATRA 1 - 5)

PUSAT - PUSAT LATIHAN TUDM

UNIT PALAPES / PLAS

SKUADRON-SKUADRON PERTAHANAN UDARA

SKUADRON-SKUADRON PERTAHANAN UDARA

UNIT SENGGARAAN INFRA TUDM

MUZIUM TUDM

UNIT SUKARELA PAKAR

PUKALUB SUB

PUKALUB KK

UNIT SENGGARAAN KOMLEK TUDM

PANCARAGAM PUSAT

SIMPANAN ANGKATAN TETAP

ASSIGNED FORCES

PBOU TAWAU

UNIT KHIDMAT MATERIEL TUDM

PU SENDAYAN


PUSAT LATIHAN PSTU

ARAS TAKTICAL

ASSIGNED FORCES

SKUADRON PELAKSANA PSTU

MARKAS ANGKATAN BERSAMA (MAB)



BAHAGIAN STAF PERISIKAN PERTAHANAN (BSPP)



LEFTENAN JENERAL DATUK ABDUL HADI BIN HAJI HUSSIN

KETUA PENGARAH PERISIKAN PERTAHANAN (KPPP)

★★★

KPPP

PUSAT INTEGRASI PERISIKAN

CWG P & P
DTE ANALISIS

INSPEKTORAT JENERAL

91 GOP

★★★

TKPPP

DTE OPERASI

CWG HUMINT

CWG GSPS

CWG GEOSPATIAL INT

DTE KESELAMATAN & RISIK BALAS (DK&RB)

CWG OPERASI RISIK BALAS

CWG OPERASI KESELAMATAN

DTE LATIHAN

CWG DOKTRIN

CWG LATIHAN

KOLEJ PERISIKAN

DTE BANTUAN

CWG PENGURUSAN

CWG LOGISTIK

CWG KEWANGAN

CWG ICT

DTE ANALISIS

CWG PENYEBARAN & KHIDMAT PELANGGAN

PUSAT INTEGRASI PERISIKAN

CWG PERHUBUNGAN LUAR (CPL)

DTE PEPERANGAN INFORMASI (DPI)

PKK

CWG PEPERANGAN ELEKTRONIK

CWG PEPERANGAN SIBER

CWG TELEKOMUNIKASI & KESOM

PKPI

931 REJ PE STRAT

932 REJ SIBER STRAT

CWG ICT

LOGO RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN, ATM & AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN



KEMENTERIAN PERTAHANAN



MARKAS ANGKATAN TENTERA



TENTERA DARAT DIRAJA MALAYSIA



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA



TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA



STRIDE



JLKN



PERHEBAT



JHEV



MIDAS

KEMENTERIAN PERTAHANAN

SEPINTAS LALU

Kementerian Pertahanan telah ditubuhkan pada 31 Ogos 1957 dan memulakan operasi rasminya di sebuah bangunan yang terletak di Brockman Road (sekarang Jalan Dato' Onn), Kuala Lumpur. Bangunan ini turut menempatkan pejabat Menteri Pertahanan yang pertama iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussien yang berkhidmat dari 31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970.


Bangunan Kementerian Pertahanan yang pertama telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos bermilai RM122,000.00 dan telah dirasmikan oleh Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein pada 18 Mac 1960. Bangunan yang dibina di Jalan Padang Tembak ini juga menempatkan pejabat.

Kementerian Pertahanan diterajui oleh Menteri Pertahanan dan dibantu oleh seorang Timbalan Menteri. Organisasi Kementerian Pertahanan pula mengandungi dua perkhidmatan utama iaitu Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh Ketua Setiausaha manakala Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diketuai oleh Panglima Angkatan Tentera.



PEJABAT **MENTERI** KEMENTERIAN PERTAHANAN

CARTA ORGANISASI



AKTIVITI

Majlis Pemakaian Pangkat Anggota Tentera

Majlis Pemakaian Pangkat Anggota Tentera bagi staf Pejabat Menteri Pertahanan. Majlis telah disempurnakan oleh Kol Arman Rumaizi Bin Hj Ahmad (Penasihat Ketenteraan kepada YB Menteri Pertahanan Malaysia) di Tingkat 5, Bilik Anggerik, Wisma Pertahanan. Acara tersebut melibatkan pemakaian pangkat 3 orang anggota TLDL selaku pengiring rapat kepada YB Menteri Pertahanan Malaysia di mana 2 orang dinaikkan pangkat dari bintara muda ke pemangku bintara kanan manakala seorang daripada laskar kanan kepada pemangku bintara muda.



Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kehormat Dalam Angkatan Sukarela Persekutuan

Seramai tiga pegawai kanan awam Pejabat Menteri Pertahanan dipakaikan pangkat Kehormat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kehormat Dalam Angkatan Sukarela Persekutuan yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor bertempat di Pejabat PTD.

Pemakaian pangkat dimulakan dengan pemakaian pangkat Lt Kol Kehormat kepada Setiausaha Sulit Kanan, Dato' Mohd Ikmal bin Ismail diikuti dengan pemakaian pangkat Mej Kehormat kepada Setiausaha Sulit, Dato' Idamoerni binti Zakaria dan Setiausaha Politik, Onn Hafiz bin Dato' Ghazi yang mana semua yang dikurniakan pangkat dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Turut hadir adalah Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi dan Pegawai-pegawai Kanan MK TD.



AKTIVITI

Program ‘MINDEF Inspire Visit’

Pejabat Menteri Pertahanan telah menganjurkan program ‘MINDEF Inspire Visit’. Program tersebut melibatkan penyertaan daripada kepimpinan tertinggi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Mahasiswa daripada Institut Pengajian Tinggi Awam seluruh Malaysia. Antara pengisian program tersebut adalah sessi beramah mesra serta berkongsi pendapat dan pengalaman bersama kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan iaitu Menteri Pertahanan, Timb Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha, Panglima Angkatan Tentera dan Panglima-Panglima Perkhidmatan.



Majlis Pemakaian Pangkat Kol ke Brig Jen

Majlis Pemakaian Pangkat Kol ke Brig Jen kepada Penasihat Ketenteraan kepada YB Menteri Pertahanan, Brig Jen Arman Rumaizi bin Hj Ahmad telah

disempurnakan oleh YB Menteri Pertahanan Malaysia di Bilik Perkasa.



Majlis Penyerahan Bubur Lambuk

Majlis Penyerahan Bubur Lambuk Pejabat Menteri Pertahanan dengan kerjasama Stesen Televisyen Al-Hijrah. Majlis telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein bersama Ketua Pegawai Eksekutif TV Al-Hijrah, Tn Hj Izelan bin Basar, Ahli Parlimen Setiawangsa, YB Dato’ Ahmad Fauzi bin Hj Zahari, staf Pejabat Menteri Pertahanan dan TV Al-Hijrah. Kira-kira 1000 bungkus bungkusan bubur lambuk telah diserahkan kepada para pengunjung yang hadir ke Bazar Ramadhan Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur.



PEJABAT **TIMBALAN MENTERI** KEMENTERIAN PERTAHANAN

PENGENALAN

Pejabat Timbalan Menteri Pertahanan berfungsi sebagai pejabat rasmi sebagai anggota kabinet / anggota pentadbiran kerajaan. Di masa yang sama, pejabat ini juga bertindak sebagai pejabat rasmi Ahli Parlimen Kubang Pasu di Kuala Lumpur.

Segala pengurusan berkaitan aktiviti / Program Timbalan Menteri di dalam membantu Menteri Pertahanan disusun dan di muktamadkan di sini.

Selain itu, pejabat ini juga menerima pelbagai permohonan rayuan di dalam segala bidang khususnya berkaitan kehidupan rakyat Parlimen Kubang Pasu untuk di selesai / diberikan dengan sebaik mungkin.

Pejabat ini juga menerima kunjungan / lawatan masyarakat umum / para pelajar / pegawai kerajaan yang mempunyai kepentingannya masing-masing.

Di pejabat ini juga segala pengumuman berkaitan publisiti media / telekomunikasi dilaksanakan termasuk deraf ucapan, kenyataan media dan siaran media.

Di masa yang sama, pejabat ini juga menguruskan jawapan pertanyaan Jawab Mulut / Bertulis yang dikemukakan di Parlimen berkaitan peranan Kementerian Pertahanan. Timbalan

Menteri Pertahanan akan mewakili Menteri Pertahanan untuk menjawab dan menggulung perbahasan Kementerian ini di Parlimen.

Selain itu, pejabat ini juga menguruskan lawatan kerja Timbalan Menteri Pertahanan di dalam dan di luar negara.

CARTA ORGANISASI:

Pejabat Timbalan Menteri Pertahanan mempunyai seramai 10 orang pegawai kakitangan awam dan 11 orang pegawai / anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

AWAM:

JAWATAN	BILANGAN
SETIAUSAHA SULIT KANAN	1
SETIAUSAHA SULIT	1
SETIAUSAHA AKHBAR	1
SETIAUSAHA PEJABAT	1
PERKERANIAN/OPERASI	7





Lawatan Timbalan Menteri Pertahanan Ke Kem PLKN Princess Haliza, Sepang Selangor



Lawatan Timbalan Menteri Pertahanan ke BSPP

TENTERA:

JAWATAN	BILANGAN
PEMBANTU KETENTERAAN	2
ANGGOTA (PENGURUSAN PEJABAT)	7
PENGIRING / PENGIRING RAPAT	1

AKTIVITI PEJABAT TIMBALAN MENTERI:

ACARA	BILANGAN
SIDANG PARLIMEN	2
MESYUARAT POST KABINET	16
MESYUARAT MAJLIS ANGKATAN TENTERA	4
TUGAS KHAS PENGURUSAN VETERAN ATM DAN JLKN	4
LAWATAN RASMI / KERJA	20
ACARA PERASMIAN	8
KHIDMAT PELANGGAN	80
MENJAWAB SURAT-SURAT RASMI	160
MENERIMA / MENJAWAB TELEFON	SABAN HARI

SEKTOR KETUA SETIAUSAHA

BAHAGIAN AUDIT DALAM & SIASATAN AM

Bahagian Audit Dalam & Siasatan Am (BADSA) bertanggungjawab dalam membantu pihak pengurusan menentukan semua program dan aktiviti Kementerian Pertahanan dan agensi-agensi di bawahnya dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan melalui penilaian bebas, objektif dan menepati masa.

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Bahagian Undang-Undang bertanggungjawab terhadap perkara-perkara perundangan yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan Malaysia - Memberikan nasihat perundangan kepada Kementerian Pertahanan - menjalankan fungsi atau peranan Peguam Negara di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan

JABATAN KETUA HAKIM PEGUAM

Menasihati Majlis Angkatan Tentera, pegawai pengesah dan pihak berkuasa ulang kaji tentang keesahan daptan dan hukuman Mahkamah Tentera.



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit komunikasi korporat bertanggungjawab dalam perancangan dan pelaksanaan pelan media, publisiti, promosi, dan kempen bagi setiap dasar dan aktiviti majlis rasmi Kementerian. Meningkatkan imej Kementerian Pertahanan melalui pelbagai medium komunikasi seperti bahan penerbitan rasmi, video, fotografi, elemen promosi & publisiti serta pengurusan khidmat pelanggan dan aduan yang professional.

URUSETIA MAJLIS ANGKATAN TENTERA

UMAT bertanggungjawab mengenai pemerintahan, tatateribit dan pentadbiran Angkatan Tentera serta semua perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Angkatan Tentera kecuali perkara yang berkaitan dengan kegunaan operasi.



KEMENTERIAN PERTAHANAN CAWANGAN SABAH

MinDef Sabah berperanan dalam melaksanakan beberapa hal ehwal kakitangan awam di Sabah yang berada di bawah MinDef meliputi semua perkara berikut: - Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Akaun & Aset, Perolehan & Penyelenggaraan, Pentadbiran, Projek Pembangunan & pengurusan tanah dan Kebajikan, Penghargaan serta lain-lain aktiviti.



KEMENTERIAN PERTAHANAN CAWANGAN SARAWAK

Mindef Sarawak secara amnya lebih fokus mengenai pengurusan Kementerian Pertahanan berkaitan hal pengurusan Sumber Manusia, Kewangan serta memberikan khidmat sokongan kepada pasukan Angkatan Tentera Malaysia di negeri Sarawak.



UNIT INTEGRITI

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan, Memastikan pembudayaan, penginstitusia dan pelaksanaan integriti dalam Jabatan, Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dan memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Tatatertib - Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.



SEKTOR PEMBANGUNAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Menyediakan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kementerian Pertahanan dan Agensi-agensi di bawahnya;

- Menyediakan Anggaran Belanjawan Pembangunan;
- Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek yang diluluskan supaya selaras dengan skop serta mengikut jadual.



SEKTOR DASAR

BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian ini bertanggungjawab meneraju Dasar Pertahanan Negara (DPN) dan mengendalikan isu-isu keselamatan serta menguruskan kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala Kementerian Pertahanan.

BAHAGIAN INDUSTRI PERTAHANAN

Mengurus dan memantau dasar dan hala tuju industri pertahanan negara, program pembangunan industri pertahanan dan menerusi khidmat nasihat kepada stakeholders di dalam dan luar negara mengenai industri pertahanan tempatan serta lain-lain yang berkenaan.

BAHAGIAN PEROLEHAN

Peranan utama Bahagian Perolehan adalah menyelaras dan menguruskan perolehan secara sebut harga, tender dan rundingan terus bagi peralatan, kelengkapan dan perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Pertahanan berlandaskan peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia - konsep Best Value For Money.

PENGUSA KATALOG ATM (MAFCA)

MAFCA berfungsi bagi menyelaras dan mengamalkan sistem kodifikasi, mewujud dan menjaga fail induk data kodifikasi, mengkoordinasikan pertukaran data-data katalog dengan NATO dan Negara-negara luar, mengawal dan memberi kod pengilang dan pembekal tempatan & menganjurkan kursus-kursus katalog

DEPOT SIMPANAN PERTAHANAN (DSP)

DSP menyimpan serta menyelenggara Stok Bantuan Kemanusiaan selain menyediakan ruang penyimpanan barang agensi-agensi lain termasuk UN-WFP dan JLKN.



SEKTOR PENGURUSAN

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BPSM berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan kepada bahagian-bahagian di Kementerian dan Jabatan/Agensi dalam aspek pembangunan organisasi, pengurusan personel dan pembangunan sumber manusia bagi mencapai visi dan misi Kementerian Pertahanan.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Memperkasakan infrastruktur ICT secara menyeluruh dan bersepada, Membangun dan memperkuuhkan aplikasi bisnes teras. Memastikan program ICT selaras dengan Pelan Strategik, Teknologi Maklumat (PSTM) MinDef, Menggubal, menguatkuasa dan menilai semula dasar serta prosedur ICT MinDef sejajar dengan dasar ICT kerajaan semasa, Mengukuhkan keselamatan perlindungan aset ICT Mengamalkan teras budaya kerja cemerlang dan berintegriti, Membangunkan keupayaan organisasi ICT yang kompeten.



BAHAGIAN KEWANGAN

Bahagian Kewangan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Bajet Mengurus (OE) Kementerian Pertahanan yang berjumlah R M14.14 bilion melibatkan 6 Program yang terdiri daripada 133 Pusat Tanggungjawab (PTJ).



BAHAGIAN AKAUN

Peranan Bahagian Akaun ialah memberi khidmat perundingan dari segi latihan, pelaksanaan, naziran, audit terimaan dan khidmat, nasihat, menguruskan urusan semakan dan bayaran termasuk pengurusan cek/EFT, mengurus operasi sistem dan segala urusan yang berkaitan gaji, menguruskan operasi dari segi penyelenggaraan akaun, pengurusan terimaan, panjar, dana, amanah dan deposit serta akaun subsidiary.

Menguruskan prestasi pembayaran bil setiap Pusat Tanggungjawab di bawah Kementerian; dan mengendalikan urusan pembacaan meter dan pengeluaran bil utiliti kepada penghuni-penghuni Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan premis-premis sewaan bagi bekalan utiliti yang telah dibayar secara pukal oleh Kementerian bagi tujuan kutipan balik.

BAHAGIAN PENTADBIRAN

Bahagian Pentadbiran (BP) bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan yang cekap dan berkesan kepada semua warga awam dan tentera yang bertugas di Wisma Pertahanan.



AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN

INSTITUT SAINS & TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)

STRIDE bertanggungjawab melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertahanan serta perkhidmatan teknikal Sains dan Teknologi (S&T) kepada Kementerian Pertahanan khususnya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi keselamatan.



JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA (JLKN)

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan PLKN ini, Jabatan Latihan Khidmat Negara ditubuhkan di bawah Kementerian Pertahanan yang berfungsi sebagai agensi pelaksana. Demi melahirkan generasi yang berwawasan dan berdisiplin, PLKN telah diperkenalkan khusus untuk menyemarakkan lagi perasaan cinta dan sayangkan negara.



JABATAN HAL EHWAH VETERAN ATM (JHEV)

Menggubal dasar bagi melindungi kepentingan di samping mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan Veteran ATM, Merancang dan melaksanakan Skim Bantuan Kebajikan & Pendidikan JHEV seperti Bantuan Sara Hidup, Persekolahan, Peralatan Pesakit, Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi & Bantuan Bencana Alam serta lain-lain yang berkenaan dengan urusan veteran ATM.

PERBADANAN HAL EHWAH BEKAS ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT)

Fungsi utama PERHEBAT adalah menjalankan dan menguruskan aktiviti yang berhubungan dengan program latihan bagi Personel Bersara dan Personel Akan Bersara, Mengadakan kemudahan latihan dan mengawal serta mengawasi pelaksanaan program latihan itu.



INSTITUT PERTAHANAN & KESELAMATAN MALAYSIA (MiDAS)

MiDAS bertanggungjawab kepada Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pertahanan dengan mempelopori hal ehwal pertahanan dan keselamatan melalui penyelidikan dan perkongsian pengetahuan. Selain itu Midas juga berperanan sebagai institusi strategidi bawah saluran Track 2 ASEAN.

KELAB & PERSATUAN BERDAFTAR

PUSPANITA

Objektif penubuhannya adalah untuk merapatkan perhubungan muhibah serta menyatupadukan isteri-isteri dan anggotaanggota perkhidmatan awam di semua peringkat perkhidmatan.



KAKEP

Sebuah Persatuan Kakitangan Awam yang berdaftar
- Memajukan aktiviti sosial, kebudayaan, rekreasi, keagamaan dan sukan di kalangan kakitangan awam di Kementerian Pertahanan di samping mengeratkan silaturahim sesama ahli.

Memberi peluang kepada semua ahli untuk menyertai pelbagai aktiviti luar serta menggalakkan gaya hidup sihat - Menyediakan pelbagai kemudahan kepada ahli khususnya berkenaan hal kebajikan.

LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA




SEKTOR KETUA SETIAUSAHA

- Pejabat Ketua Setiausaha
- Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am
- Bahagian Undang-Undang
- Jabatan Ketua Hakim Peguam
- Unit Komunikasi Korporat
- Urusetia Majlis Angkatan Tentera
- MinDef Cawangan Sabah
- MinDef Cawangan Sarawak
- Unit Integriti

PEJABAT **KETUA SETIAUSAHA (KSU)** KEMENTERIAN PERTAHANAN

CARTA ORGANISASI



PERANAN UTAMA PEJABAT KSU

1

**Mengurus pentadbiran
Pejabat Ketua
Setiausaha**

2

**Merancang dan
menyelaras jadual harian
Ketua Setiausaha**

3

**Memberi Maklumat
Dan Maklumbalas Yang
Diperlukan Oleh Ketua
Setiausaha**

4

**Menyediakan Nota
Percakapan Untuk
Ketua Setiausaha Bagi
Sesi Perbincangan/
Percakapan/Mesyuarat**

AKTIVITI



27 Ogos 2015 - Kunjungan Hormat Dr. Amy Searight, Timbalan Penolong Setiausaha Pertahanan Asia Tenggara dan Asia Selatan, Amerika Syarikat.



Sesi perbincangan di Bilik Bincang KSU



12 November 2015 ñ Kunjungan Hormat Sempena Persaraan PTL

BAHAGIAN **AUDIT DALAM & SIASATAN AM**

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Pertahanan ditubuhkan pada tahun 1962 melalui Mesyuarat ke-59 Majlis Angkatan Tentera. Satu Seksyen di bawah pengawasan Bahagian Kewangan dengan tugas utamanya memeriksa akaun panjar bulanan, kira-kira stor, rekod akaun Akauntan Kanan Perbendaharaan dan penyata gaji ATM (pay master).

Pada tahun 1970, Seksyen ini telah dinaikkan taraf sebagai Unit Audit Dalam dan melaksanakan pengauditan pematuhan, semakan terhadap rekod perakaunan dan pelupusan di samping tugas sedia ada. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979 dan Bil. 9 Tahun 2004, skop, bidang kuasa dan tanggungjawab UAD diperkemaskan lagi di samping merangkumi tugas siasatan.

Bagi memastikan UAD melaksanakan tugas dengan lancar dan berkesan, pada tahun 1992 UAD telah dinaik taraf menjadi Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA) dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian. BADSA membantu pihak pengurusan menentukan semua program dan aktiviti Kementerian Pertahanan dan agensi-agensi di bawahnya dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan melalui penilaian bebas, objektif dan menepati masa.

AKTIVITI & PENCAPAIAN

Rancangan Audit Tahunan

Rancangan Audit Tahunan 2015 BADSA merangkumi lima (5) aktiviti utama iaitu Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Pengurusan Kewangan Secara Online - *Accountability Index Monitoring System* (AIMS), Pengauditan Prestasi/Kajian Audit, Penampilan Audit dan Siasatan Am. Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Garis Panduan Audit Prestasi Jabatan Audit Negara telah digunakan bagi melaksanakan pengauditan mengikut standard bagi menghasilkan laporan yang berkualiti.

Pencapaian Kerja

BADSA telah berjaya melaksanakan pengauditan seperti mana mengikut Rancangan Audit Tahunan yang ditetapkan. Jadual 1 menunjukkan ringkasan rancangan dan pencapaian Audit pada tahun 2015.



Setiausaha Bahagian BADSA bersama Pegawai & Kakitangannya

BIL	JENIS PENG AUDITAN	RANCANGAN TAHUNAN	PENCAPAIAN SEBENAR
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan	38 PTJ	38 PTJ
2.	Pengauditan Pengurusan Kewangan Secara Online (AIMS)	106 PTJ	106 PTJ
3.	Pengauditan Prestasi	13 Kajian	12 Kajian/ 1 digugurkan
4.	Kajian Audit ICT	1 Kajian	1 Kajian
5.	Penampilan Audit ICT	5 PTJ	5 PTJ
6.	Pengauditan di Pejabat Penasihat Pertahanan (PPP)	5 PPP	4 PPP
7.	Siasatan Am	10 Aduan *	5 Aduan Disiasat

JADUAL 1 RINGKASAN RANCANGAN DAN PENCAPAIAN AUDIT TAHUN 2015

Sumber: BADSA

* Nota: Berdasarkan Bilangan Aduan Yang Diterima Tahun 2015

- **Pengauditan Pengurusan Kewangan**

Pengauditan pengurusan kewangan bertujuan untuk menentukan wujudnya kawalan dalaman terhadap sesebuah organisasi dan pematuhan peraturan serta pekeliling yang berkuatkuasa.

Tumpuan diberikan terhadap lapan (8) aspek kawalan dalaman iaitu kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, perolehan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor serta pengurusan kenderaan.

Pada tahun 2015, BADSA telah berjaya menjalankan pengauditan di 38 Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengikut pusingan tiga (3) tahun sekali daripada 106 PTJ di Kementerian secara keseluruhannya.

- **Pengauditan Pengurusan Kewangan Secara Online (AIMS)**

Accountability Index Monitoring System (AIMS) adalah kawalan dalaman yang berkesan di dalam pengurusan kewangan menggunakan pendekatan penilaian kendiri bagi mewujudkan kesedaran, integriti dan akauntabiliti di kalangan auditi untuk mengamalkan tadbir urus yang baik. Pengauditan AIMS melibatkan semua PTJ di kementerian (106 PTJ). Jadual 2 adalah kedudukan penilaian AIMS pada tahun 2015.

- **Pengauditan Prestasi**

BIL	PENARAFAN BINTANG	PERATUSAN PEMARKAHAN (%)	PRESTASI PTJ		
			SEBELUM PENGESAHAN	SELEPAS PENGESAHAN	SELEPAS PENALTI
1.	★★★★★	95 - 100	98	92	87
2.	★★★★	85 - 94.99	6	13	18
3.	★★★	65 - 84.99	2	1	1
4.	★★	0 - 64.99	0	0	0
	JUMLAH		106	106	106

JADUAL 2 KEPUTUSAN AIMS PADA TAHUN 2015

Pengauditan prestasi yang dilaksanakan adalah berdasarkan aktiviti/program yang dilaksanakan di Kementerian. Pengauditan ini dijalankan bagi memastikan Kementerian dapat mengurus dan menggunakan sumber dengan cara yang cekap, ekonomi serta berkesan selaras dengan perbelanjaan berhemat dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Pemilihan tajuk kajian dibuat berdasarkan perancangan strategik melibatkan tujuh (7) kriteria utama iaitu materialiti, auditabiliti, visibiliti, liputan, impak, signifikan dan risiko.

Pada tahun 2015, BADSA telah merancang sebanyak 13 pengauditan prestasi termasuk satu kajian ICT. Bagaimanapun, Mesyuarat Kajian Semula memutuskan hanya 12 kajian dilaksanakan dan satu kajian digugurkan. Tajuk kajian Audit Prestasi seperti Jadual 3.

- **Penampilan Audit ICT**

BIL	TAJUK KAJIAN
1.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perolehan Peralatan Payung Terjun Tentera Darat MinDef
2.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembayaran Gaji di Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
3.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perolehan Kenderaan Perisai Beroda 8x8 Program Darat
4.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan E-Learning TLDM di Kementerian Pertahanan
5.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perolehan Peralatan dan Senggaraan Bomba ATM
6.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Latihan Anggota Sukarela Pasukan Simpanan Angkatan Tentera Malaysia
7.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perolehan dua (2) Kapal Latihan Tentera Laut DiRaja Malaysia
8.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Kontrak Perkhidmatan dan Pembuangan Sisa Pepejal Kementerian Pertahanan
9.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perpustakaan di Kementerian Pertahanan
10.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembinaan Kompleks STRIDE, Lumut
11.	Kajian Audit Terhadap Pembinaan Kem Oran Perlis
12.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Tanah Kementerian Pertahanan

Pada tahun 2015, BADSA telah merancang dan berjaya melaksanakan pengauditan penampilan ICT di lima (5) Jabatan/Bahagian iaitu :

- a. Markas Tentera Laut – Cawangan Teknologi Maklumat (MTL - IT)
- b. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
- c. Markas Tentera Darat – Pusat Teknologi Maklumat (PUSTEKMA)
- d. Markas Tentera Udara – Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (MTU - BTMK)
- e. Bahagian Pengurusan Maklumat – Jabatan Latihan Khidmat Negara (BPM - JLKN).

- **Pengauditan di Pejabat Penasihat Pertahanan**

Pada tahun 2015, BADSA telah merancang untuk menjalankan pengauditan di lima (5) Pejabat Penasihat Pertahanan (PPP). Bagaimanapun hanya empat (4) PPP diluluskan untuk diaudit dan semuanya berjaya dilaksanakan seperti di bawah yang terpilih dan berjaya melaksanakan Penampilan Audit di empat (4) PPP iaitu :

- a. Islamabad, Pakistan
- b. Pretoria, Afrika Selatan
- c. Brunei Darussalam
- d. Singapura

- **Siasatan Am**

Pada tahun 2015, sebanyak 10 aduan diterima sama ada daripada individu, Jabatan Kerajaan dan lain lain agensi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lima (5) aduan telah selesai disiasat dan baki lima (5) aduan akan dilaksanakan pada tahun 2016. Rumusan aduan adalah seperti berikut :

- a. Salah laku dan penyalahgunaan kuasa pegawai dan kakitangan Kementerian.
- b. Tatacara perolehan Kerajaan tidak dipatuhi.
- c. Tunggakan bayaran bekalan, perkhidmatan dan kerja kepada pembekal.

Sumbangan BADSA

BADSA merupakan satu badan bebas yang memberi kepastian dan khidmat perunding secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi sesebuah organisasi. Membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan memperbaiki keberkesanan kawalan dan proses tadbir urus melalui *oversight, insight* dan *foresight*.

BADSA juga membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan yang baik iaitu membetulkan kelemahan yang biasa dan membiasakan amalan yang betul di kalangan warga Kementerian secara berterusan bagi mempertingkatkan pengurusan kewangan masing-masing dari segi aspek intergriti, keutuhan dan akauntabiliti.



Warga kerja BADSA berkursus & meluangkan masa bersama bagi mengerakkan lagi silatulrahim

BAHAGIAN **UNDANG-UNDANG**

- Bahagian Undang-Undang bertanggungjawab terhadap perkara-perkara perundangan yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan Malaysia;
- Fungsi Bahagian Undang-Undang adalah memberikan nasihat perundangan kepada Kementerian Pertahanan Malaysia pada menjalankan fungsi atau peranan Peguam Negara di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan;
- Antara skop utama perkhidmatan perundangan yang diberikan ialah:

a. Perkara-perkara nasihat

Ia meliputi penyediaan pandangan undang-undang, nasihat perundangan, penyediaan dan semakan dokumen perjanjian atau memorandum persefahaman dan lain-lain.

b. Perkara-perkara gubalan

Ia meliputi penggubalan dan semakan dokumen-dokumen perundangan iaitu:

- Perundangan utama;
- Perundangan subsidiari; dan
- Lain-lain instrumen perundangan seperti Warta atau Pemberitahuan Kerajaan

c. Guaman civil

Ia meliputi tindakan-tindakan guaman dalam mewakili Kerajaan Malaysia dalam apa-apa kuasa tindakan oleh dan bagi pihak Kerajaan atau terhadap Kerajaan.

AKTIVITI


- a. Kursus Pemahaman Asas Statut Siri I dan Siri II telah dianjurkan oleh Bahagian Undang-Undang pada 11 hingga 13 Jun 2015 dan pada 6 hingga 9 Ogos 2015 masing-masing bertempat di Marina Island Pangkor, Lumut Perak dan Akademi JPJ Wilayah Utara Langkawi. Kursus ini bertujuan:
 - Memberikan hala tuju yang jelas dan bimbingan pemahaman kepada semua pegawai dan kakitangan mengenai pemahaman asas statut agar dapat memantapkan perkhidmatan perundangan di Kementerian Pertahanan; dan
 - Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang undang-undang yang berkaitan dengan bidang tugas Bahagian ini dari sudut perundangan di Kementerian Pertahanan kepada semua kakitangan.
- b. Sepanjang tahun 2015, Bahagian Undang-Undang telah menyediakan dan memuktamadkan satu (1) templat Kontrak iaitu Kontrak Perkhidmatan Dobi Atas Kapal yang telah dikeluarkan kepada pelanggan pada 22 Jun 2015. Penyediaan templat kontrak ini bertujuan untuk mempercepatkan proses semakan draf kontrak dan memudahkan proses kerja di bahagian-bahagian lain yang berkaitan. Setakat tahun 2015, terdapat sembilan (9) templat kontrak telah dimuktamadkan untuk kegunaan Kementerian Pertahanan.

BAHAGIAN UNDANG - UNDANG KEMENTERIAN PERTAHANAN





- c. Pada tahun 2015, dua (2) teks perundangan telah diangkat ke Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara iaitu:
 - Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1972 s.185 pada 18.05.2015; dan
 - Draf Peraturan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2015 pada 18.09.15.
- d. Selain itu, pada 1 September 2015 Piagam Pelanggan terhadap tempoh semakan kontrak dan tempoh pandangan dikeluarkan telah ditambah baik iaitu dari 18 hari bekerja ke 14 hari bekerja dengan syarat dokumen adalah lengkap dan sempurna selaras dengan Piagam Pelanggan Jabatan Peguam Negara.
- e. Sebanyak 403 buah draf kontrak yang diterima sepanjang tahun tersebut, sebanyak 378 iaitu 93.8% diselesaikan mengikut tempoh piagam pelanggan yang ditetapkan
- f. Manakala sebanyak 992 atau 100% pandangan atau nasihat undang-undang dikeluarkan mengikut tempoh Piagam Pelanggan.



JABATAN **KETUA HAKIM PEGUAM**

Jabatan Ketua Hakim Peguam adalah salah satu bahagian yang diletakkan di bawah pentadbiran Ketua Setiausaha. Bahagian ini diketuai oleh seorang Ketua Hakim Peguam dan dibantu oleh seorang Hakim Peguam serta tiga orang kakitangan sokongan.

Fungsi

- Menasihati Majlis Angkatan Tentera, pegawai pengesah dan pihak berkuasa ulang kaji tentang keesahan dapatan dan hukuman Mahkamah Tentera;
- Menasihatkan Majlis Angkatan Tentera dan pegawai Angkatan Tentera mengenai apa-apa perkara lain yang dirujukkan kepadanya dari semasa ke semasa; dan
- Melantik orang yang mempunyai pengalaman undang-undang untuk bertindak sebagai Hakim Peguam dalam Mahkamah Tentera.

Ketua Hakim Peguam

- Jawatan Ketua Hakim Peguam adalah satu jawatan yang diwujudkan oleh undang-undang. Ketua Hakim Peguam adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Seksyen 150 (1) Akta Angkatan Tentera 1972 memperuntukan:
 - “150(1) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seseorang yang sesuai untuk melaksanakan bagi angkatan tentera tugas-tugas yang boleh dijalankan oleh Ketua Hakim Peguam dengan sah di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.”
- Syarat perlantikan Ketua Hakim Peguam disebut dalam sub-seksyen (3):
 - “150(3) Orang yang dilantik di bawah sub seksyen (1) hendaklah sama ada merupakan seorang anggota perkhidmatan kehakiman



Hakim Peguam bersama
kakitangan JKHP



Kunjungan hormat KHP ke atas Panglima Armada TLDM

dan perundangan yang telah berkhidmat selama tidak kurang daripada lima tahun, atau seorang peguambela dan peguamcara yang telah menjalankan amalan selama tidak kurang daripada lima tahun, atau seorang yang berkelayakan mengikut pengertian Akta Profesional Undang-Undang 1976 (Akta 168), yang telah berkelayakan sedemikian selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun.”

- Majlis Angkatan Tentera dalam mesyuarat ke 354 pada 10 Disember 1996 telah mengesahkan tugas-tugas Ketua Hakim Peguam seperti berikut:

1. Memberi khidmat nasihat undang-undang kepada Majlis Angkatan Tentera, pegawai pengesah dan pihak berkuasa ulangkaji tentang sahnya keputusan-keputusan dan hukuman-hukuman Mahkamah Tentera:

2.
 - (a) Memberi khidmat nasihat undang-undang kepada Majlis Angkatan Tentera dan pegawai-pegawai Angkatan Tentera tentang perkara-perkara yang berkait dengan Akta Angkatan Tentera 1972, atau undang-undang dan peraturan lain:
 - (b) Memberi khidmat nasihat undang-undang yang dirujuk oleh pegawai-pegawai awam kementerian atau pegawai-pegawai Angkatan Tentera berhubung isu-isu yang terkandung di dalam Akta Angkatan Tentera 1972 dan perundangan-perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya ; dan
 - (c) Menghadiri dan memberi khidmat nasihat undang-undang kepada berikut:
 - Majlis Angkatan Tentera
 - Jawatankuasa Penasihat Asisten



Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (JAKSPA)

- Lembaga-lembaga yang ditubuhkan oleh Majlis Angkatan Tentera, termasuk
- a. Lembaga yang ditubuhkan oleh Perintah Majlis Angkatan Tentera seperti PMAT 3/91:
 - Majlis Tertinggi
 - Lembaga No.1
 - Lembaga No.2
 - Lembaga No.3
- b. Apa-apa lembaga atau badan lain ditubuhkan oleh Majlis Angkatan Tentera.
- Jawatankuasa Tetap Bersama; dan
- Lembaga Siasatan.

- 3. Melantik orang-orang yang mempunyai pengalaman undang-undang untuk bertindak sebagai Hakim Peguam di Mahkamah Tentera.

Hakim Peguam

- Hakim Peguam dilantik oleh Ketua Hakim Peguam untuk menjalankan tugas di Mahkamah Tentera yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan darat, laut dan udara. Kehadiran Hakim Peguam adalah perlu untuk menasihati isu undang-undang.
- Pada teorinya, Hakim Peguam adalah seorang yang berkelayakan undang-undang yang dilantik oleh Ketua Hakim Peguam. Sekiranya Ketua Hakim Peguam gagal melantik Hakim Peguam, maka Hakim Peguam boleh dilantik oleh Pegawai Sidang. Bagaimanapun, pada amalan sekarang, Hakim Peguam adalah seorang pegawai undang-undang dari Jabatan Peguam Negara. Tugas-tugas seorang Hakim Peguam adalah diperuntukan di bawah kaedah 103, Kaedah-kaedah Acara Angkatan Tentera (Mahkamah Tentera) 1976. Dengan kata lain Hakim Peguam adalah penasihat undang-undang di Mahkamah Tentera.

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Mengeluarkan Sijil Lantikan Hakim Peguam bagi setiap kes	Pendaftaran 44 kes yang melibatkan pelantikan Hakim Peguam bagi tahun 2015
2.	Memberi nasihat undang-undang kepada Majlis Tertinggi, Majlis Angkatan Tentera, Lembaga No.1, 2 dan 3, pegawai-pegawai ATM, pegawai pengesah dan pihak berkuasa ulangkaji mengenai isu perundangan dan keesahan keputusan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera	Sebanyak 128 nasihat dan pandangan undang-undang telah diberi sepanjang tahun 2015.

SEKITAR KUNJUNGAN HORMAT KHP KE ATAS PENGLIMA ARMADA TLDM



UNIT **KOMUNIKASI KORPORAT**

Unit Komunikasi Korporat telah distrukturkan semula melalui Waran Perjawatan Bil K41/09 Kementerian Pertahanan Malaysia - Perjawatan bagi Unit Komunikasi Korporat bertarikh 7 April 2009. Sehubungan itu, 14 perjawatan awam dan 30 tentera diwujudkan dan diselaraskan di bawah bahagian baru iaitu Unit Komunikasi Korporat (UKK) bagi menggantikan Cawangan Perhubungan Pentadbiran.

Melalui pembentangan Kertas Kerja oleh Kementerian Pertahanan (semasa) yang bertajuk "Kertas Cadangan

Pemantapan Perhubungan Awam Kerajaan", telah dipersetujui agar Unit Perhubungan Awam Kementerian diletakkan terus di bawah Ketua Setiausaha (Perkara (5)(b)(iii)). Ini adalah bagi merealisasikan peranan para pegawai perhubungan awam sebagai penasihat kepada pengurusan media dan perhubungan awam bukan setakat mengumpul media tertentu. Secara langsung tindakan ini dapat melancarkan proses penyampaian maklumat kepada umum.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN MEDIA

- Penyediaan Pelan Media dan Sisipan Akhbar untuk semua aktiviti teras Kementerian Pertahanan dan ATM contohnya:
- Langkawi International Maritime and Aerospace 15 (LIMA 15)

- Bagi mengukuhkan hubungan kerjasama dengan pihak media, Unit Komunikasi Korporat di bawah Kementerian Pertahanan telah mengadakan Hari Media bersama Tentera Darat di Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan pada 22 dan 23 Mei 2015. Selain itu, Unit Komunikasi Korporat juga mengadakan Hari Media bersama Tentera Laut di KD Sri Gombak, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur pada 22 September 2015 dan Hari Media bersama Tentera Udara di Pangkalan Udara Labuan pada 19 dan 20 November 2015.



Ketua Komunikasi Korporat bersama pegawai-pegawai & kakitangan Unit Komunikasi Korporat

- Acara terbesar tahunan iaitu Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA) telah diadakan di Langkawi selama lima hari bermula 17 Mac dan berakhir pada 21 Mac 2015 yang turut disertai oleh Y.B Menteri Pertahanan.

Dalam acara tersebut, Seksyen Pengurusan Media UKK telah menyediakan pelan media bagi Publisiti dan Promosi LIMA 15' dan mengkoordinasikan Pusat Media bagi kemudahan para wartawan tempatan dan antarabangsa dalam menjalankan tugas masing-masing.

SEL KHIDMAT PELANGGAN

- Unit ini telah melaksanakan Program Jelajah Hari Bertemu Pelanggan (JHBP). Program turun padang ini bertujuan untuk meningkatkan usaha interaksi secara terus kepada pelanggan-pelanggan MinDef.

Program ini merangkumi khidmat kaunter bersemuka daripada semua agensi Awam MinDef dan ATM, sesi taklimat

dan soal jawab berkaitan perkhidmatan, menerima aduan dan penyelesaian masalah, cadangan serta pandangan daripada pelanggan MinDef. Semua maklumat yang disampaikan dan diterima ini adalah untuk kebaikan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan MinDef kepada tahap yang terbaik.

- Siri Jelajah Hari Bertemu Pelanggan bagi 2015 adalah siri jelajah yang terakhir bagi melengkapkan semua zon iaitu Zon Sabah, Sarawak, Utara, Timur dan Selatan. Bagi tahun 2015, iaitu Zon Selatan, sebanyak 5 lokasi telah dipilih seperti berikut:
 - a. KD Sultan Ismail, Tg Pengelih Johor
 - b. MK 22 GGK, Kem Iskandar Mersing
 - c. MK 7 Briged, Kem Mahkota Kluang
 - d. Kem Syed Sirajuddin, Gemas
 - e. Kem PUSASDA, Port Dickson

f. Zon-zon lain ialah Zon Sabah, Zon Sarawak, Zon Utara dan Zon Timur

PENGURUSAN BILIK MEDIA LIMA' 15





JHBP di Kem Syed Sirajuddin



JHBP di PUSASDA



JHBP di Kem Mahkota Kluang

ADUAN 2015

Unit Komunikasi Korporat telah memperakarkan penerimaan aduan dalam tempoh satu (1) hari bekerja dan memberikan maklum balas tentang status aduan yang diambil tindakan sama ada telah selesai atau memerlukan siasatan lanjut dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.

Sepanjang tahun 2015, Unit Komunikasi Korporat telah berjaya menyelesaikan aduan dalam tempoh 15 hari iaitu sebanyak 544 kes dan peratus penyelesaiannya adalah sebanyak 100%. Pecahannya adalah di jadual 1.

BIL	SUMBER ADUAN	TERIMA	PERATUS %
1.	Laman Web	295	54.23
2.	Hari Bertemu Pelanggan	23	4.23
3.	SMS	-	-
4.	Telefon	38	6.99
5.	Emel	30	5.51
6.	Surat	-	-
7.	Hadir Sendiri	-	-
8.	Borang Aduan	-	-
9.	Surat Khabar	-	-
10.	Biro Pengaduan Awam	158	29.04
11.	Lain-lain	-	-
JUMLAH		544	100

JADUAL 1 PERATUSAN PENYELESAIAN ADUAN
MINDEF SEPANJANG TAHUN 2015

SEL PUBLISITI & PROMOSI

Sel Publisiti dan Promosi merupakan sebuah Sel yang ditempatkan di bawah Seksyen Perhubungan Awam. Antara tugas utama sel ini adalah melibatkan program-program promosi ke arah mencapai objektif Unit Komunikasi Korporat dan sekali gus membangunkan imej Kementerian Pertahanan.

Di samping itu, sel ini juga bertanggungjawab dalam merakamkan acara-acara/rasmi dalam bentuk foto dan video yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan serta Angkatan Tentera Malaysia sebagai bahan rujukan. Dalam usaha mempromosi serta meningkatkan imej Kementerian, sel ini bertanggungjawab dalam mengawal selia medium-medium promosi seperti TV Info dan Radio Mindef. Sepanjang tahun 2015, sel ini telah terlibat secara langsung dalam acara-acara utama Kementerian Pertahanan seperti:

- a. Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition '15 (LIMA' 15) di Langkawi
- b. ASEAN Defence Senior Officer Meeting (ADSOM) dan ADSOM-Plus di Kuala Lumpur
- c. ADMM di Langkawi
- d. ADMM Retreat dan 3rd ADMM Plus di Subang
- e. Hari Angkatan Tentera Malaysia
- f. Hari Pahlawan

Sel Publisiti dan Promosi juga bertanggungjawab dalam menerbitkan video sebagai tujuan promosi melibatkan acara-acara besar Kementerian untuk tayangan di stesen-stesen TV antaranya:

- a. Video Takbir Raya Kementerian
- b. Video Promo LIMA' 15
- c. Video Ucapan Raya Pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian
- d. Video Lambaian Aidilfitri 2015



SEKSYEN MEDIA SOSIAL

- **Pengenalan**

Seksyen Media Sosial, Unit Komunikasi Korporat mula diwujudkan pada 1 Julai 2015. Sebelum ini, Media Sosial Kementerian telah bergerak melalui Sel Multimedia dan Produksi dari tahun 2010 sehingga tertubuhnya Seksyen Media Sosial pada tahun 2015. Penubuhan ini sekali gus dapat memastikan Media Sosial Kementerian dapat memaklumkan masyarakat aktiviti terkini Kementerian dengan lebih efektif dan cepat untuk tatapan masyarakat.

Selain mengemas kini Media Sosial Kementerian, Seksyen Media Sosial juga menganalisis komen-komen yang diberikan rakyat agar isu-isu yang cuba disampaikan oleh mereka secara tidak langsung dapat dilestarikan Kementerian dengan lebih berkesan.

- **Aktiviti Sepanjang Tahun 2015**


Sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2015, Unit Komunikasi Korporat memberi tumpuan lebih kepada aktiviti-aktiviti utama

iaitu dengan membuat liputan dan mengemaskini Media Sosial Kementerian bagi aktiviti-aktiviti utama Kementerian seperti:

- a. Hari Angkatan Tentera Malaysia
- b. Hari Tentera Darat
- c. Hari Tentera Laut
- d. Hari Tentera Udara
- e. Hari Pahlawan
- f. Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA)
- g. ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM)

- **Pencapaian Sepanjang Tahun 2015**

Sepanjang tahun 2015, Unit Komunikasi Korporat telah membuat liputan berkenaan pelbagai aktiviti iaitu sebanyak 387 aktiviti. Ia melibatkan aktiviti Kementerian, Angkatan Tentera Malaysia dan khas yang mana melibatkan kerjasama Kementerian Pertahanan dengan organisasi luar.



Melihat kepada statistik yang dilampirkan pada awal tahun dari bulan Januari hingga Mac, terdapat banyak post telah dilaksanakan kerana pada awal tahun terdapat banyak aktiviti yang melibatkan Kementerian seperti bantuan untuk banjir, program ADMM yang melibatkan Kementerian sebagai tuan rumah serta pameran LIMA '15 di Langkawi.

Bagi bulan April hingga Oktober, post yang dilaksanakan hanya melibatkan aktiviti Kementerian yang telah ditetapkan sahaja manakala bagi hujung tahun iaitu bulan November dan Disember, liputan semakin berkurangan kerana tidak banyak aktiviti Kementerian yang berlangsung pada hujung tahun.



Menteri Pertahanan sewaktu di ADMM, Subang

4G 91% 19:19

Kementerian Pertahanan Malaysia

PAGE ACTIVITY 20+ INSIGHTS

FACEBOOK RASMI Kementerian Pertahanan

Government Organization

CREATE BUTTON >

Post Photo Promote

491K likes +1,497 this week
Dhiyauddin Daniel and 640 other friends

Reach people nearby for RM82
Promote your business in Setapak

234,871 post reach this week

4G 91% 19:19

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

TWITTER RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

1MinDef

@1MinDef

Twitter Rasmi Kementerian Pertahanan Malaysia

mod.gov.my

92 FOLLOWING 16.9K FOLLOWERS

Tweets Media Likes

Pinned Tweet

1MinDef @1MinDef 3d

Keupayaan Sistem Network Centric Operations (NCO) Dan Satelit X-Band ATM #Kesiapsiagaan

dan pembenaran yang menggunakan teknologi senama keupayaan aset-aset ATM dengan merangkaikan (networking) sistem Sensors, Command and Control dan shooters di peringkat pemerintahan

Paparan media sosial MinDef

KURSUS PRO MINDEF 2015



'WAR ROOM' MINDEF



KURSUS JURUFOTO DI BUKIT FRASER



LAWATAN KE MEDIA PRIMA



SEL PENERBITAN KORPORAT



Bahan penerbitan korporat Kementerian Pertahanan
2015 ; Laporan Tahunan & Majalah Patriot



Ketua Tadbir, Mejar Setia Perwira bersama dengan Tim Penerbitan Korporat

URUSETIA MAJLIS ANGKATAN TENTERA

- Majlis Angkatan Tentera (MAT) telah diwujudkan pada 26 Julai 1956 berikutan dengan perakuan Persidangan Perlembagaan (Constitutional Conference) di London pada Januari/Februari 1956. Peranan utama MAT ialah untuk mentadbirkan Angkatan Tentera Persekutuan Tanah Melayu yang sebelum tarikh itu telah ditadbirkan oleh Kerajaan British di Kuala Lumpur.
- MAT ditubuhkan di bawah Perkara 137(1) Perlembagaan Persekutuan, menyatakan bahawa "Majlis adalah bertanggungjawab mengenai pemerintahan, tata tertib dan pentadbiran Angkatan Tentera serta semua perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Angkatan Tentera kecuali perkara-perkara berkaitan dengan kegunaan operasi". MAT juga melaksanakan kuasa yang telah diperuntukkan di bawah Akta Angkatan Tentera, 1972.
- **Ahli Turut Hadir.** Di samping Ahli-ahli Tetap, Mesyuarat MAT juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai berikut sebagai Ahli Turut Hadir:
 - c. Wakil Raja-Raja.
 - d. Panglima Angkatan Tentera.
 - e. Panglima Tentera Darat.
 - f. Panglima Tentera Laut.
 - g. Panglima Tentera Udara.
 - h. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
 - i. Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia.
 - j. Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota.

KEAHLIAN MAJLIS ANGKATAN TENTERA

- **Ahli Tetap.** Ahli-ahli Tetap MAT adalah seperti berikut:
 - a. Menteri Pertahanan (Pengerusi).
 - b. Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan (Setiausaha).





- e. Ketua Hakim Peguam.
- Urusetia Majlis Angkatan Tentera.
 - a. Ketua Penolong Setiausaha, Urusetia MAT.
 - b. Pegawai Staf, Urusetia MAT.
- **Pelantikan dan Pertukaran Ahli Majlis Angkatan Tentera.** Pada tahun 2015 terdapat 6 pelantikan baru dan pertukaran seperti berikut:
 - a. YB Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum (Timbalan Menteri Pertahanan) menggantikan YB Datuk Abdul Rahim bin Bakri berkuatkuasa mulai 3 Ogos 2015.
 - b. Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin N/401398 (Eksekutif) (Panglima Tentera Laut) menggantikan Laksamana Tan Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar berkuatkuasa mulai 18 Nov 2015.
 - c. Lt Jen Dato' Sri Sabri bin Adam TUDM (370654) Juruterbang (Ketua Staf Markas ATM) menggantikan Laksamana Madya Dato' Hj Nasaruddin bin Othman berkuatkuasa mulai 5 Ogos 2015.
 - d. Mej Jen Mohd Zakaria bin Hj Yadi (3002793) Turus (RAMD) (Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota) menggantikan Mejaz Jeneral Dato' Azizan bin Md Delin berkuatkuasa mulai 5 Ogos 2015.
 - e. Dato' Jalil bin Marzuki (Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam [Pembangunan]) Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia menggantikan Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah bte Syed Ahmad berkuatkuasa mulai 29 Jan 2015.
 - g. Datin Junaidah bte Kamaruddin (Timbalan Ketua Setiausaha [Dasar]) menggantikan Dato' Suriani bte Dato' Ahmad berkuatkuasa mulai 7 Disember 2015.

MESYUARAT MAJLIS ANGKATAN TENTERA

- Bagi tahun 2015, sebanyak tujuh (7) kali mesyuarat MAT telah bersidang mengikut tarikh-tarikh seperti berikut:

BIL	SIRI MESYUARAT	TARIKH
1.	MAT 537	14 Jan 2015
2.	MAT 538	3 Mac 2015
3.	MAT 539	24 Apr 2015
4.	MAT 540	4 Jun 2015
5.	MAT 541	5 Ogos 2015
6.	MAT 542	30 Okt 2015
7.	MAT 543	30 Nov 2015

- Jumlah Kertas Kerja Lembaga, Kertas Kerja Ahli dan Laporan. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 900 Kertas Kerja Lembaga, Kertas Kerja Ahli dan Laporan telah dibentangkan mengikut pecahan terperinci seperti berikut:

BIL	PERKARA-PERKARA	JUMLAH
1.	KERTAS KERJA LEMBAGA TERTINGGI, NO.1, 2 DAN 3	
	ANGKATAN TETAP	
a.	Persaraan	364
b.	Tamat TJP	49
c.	Kenaikan Pangkat	123
d.	Penganugerahan Tauliah Tetap/TJP	29
e.	Menyambung Tauliah TJP	32
f.	Pembatalan Tauliah/ Membersarakan Pegawai	20
g.	Pelantikan Penasihat dan Penolong Penasihat Pertahanan	8
h.	Menghadiri Kursus/ Pengajian Tinggi di Luar Negara	51
i.	Pinjaman Pegawai (Secondment)	28
j.	Pertukaran Kor dan Cawangan	7
k.	Pelantikan dan Pembatalan Pegawai Kadet	30
l.	Latihan Pegawai Kadet Di Luar Negara	5
m.	Cuti Tanpa Gaji	8
n.	Tukar Perkhidmatan	1
o.	Tumpangan	0
p.	Kenaikan Gred Gaji	5
	ASKAR WATANIAH	
a.	Kenaikan Pangkat	15
b.	Menyambung Tempoh Tauliah	33
c.	Penganugerahan Tauliah	13
d.	Penganugerahan Tauliah (Kehormat)	17
e.	Pembatalan Tauliah (Kehormat)	17
f.	Penyerapan/Kerahan	8
2.	KERTAS KERJA AHLI	34
3.	LAPORAN	3
JUMLAH KESELURUHAN		900



Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera

- Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT). Sepanjang tahun 2015, 10 PMAT telah dibentangkan dan diluluskan seperti berikut:

BIL	PMAT	PERKARA
1.	PMAT 3/1995(B)	Pindaan Kedua Kepada PMAT Bil 3 Tahun 1995 (B)- Berkaitan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Anggota Angkatan Tentera (ATM) Kerana Bertukar Atau Berpindah Rumah.
2.	PMAT 8/2002(B)	Pindaan Kedua Kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 8 Tahun 2002 Berkaitan Elaun Dan Kemudahan Juruiring-Juruiring Angkatan Tentera Malaysia.

BIL	PMAT	PERKARA
3.	PMAT 5/2010(A)	Pindaan Pertama Kepada PMAT Bil 10 Tahun 2010(A) Berkaitan Pemberian Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih (Telefon Bimbit) Untuk Anggota Tentera Malaysia (ATM).
4.	PMAT 10/2003(D)	Pindaan Keempat kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 10 Tahun 2003 (D) Berkaitan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.
5.	PMAT 1/2015	Bayaran Insentif Pegawai Pengurusan Ruangangkasa Angkatan Tentera Malaysia (BIPPR ATM).
6.	PMAT 7/2008(A)	Pindaan Pertama Kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 7 Tahun 2008 Berkaitan Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang Angkatan Tentera Malaysia.
7.	PMAT 2/2015	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kapal Selam Tentera Laut DiRaja Malaysia.
8.	PMAT 3/2015	Imbuhan Tetap Perumahan Bagi Angkatan Tentera Malaysia.
9.	PMAT 6/1983(A)	Pindaan pertama Kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 6 Tahun 1983 Berkaitan Kadar Elaun Pembersihan Jerangkap Samar.
10.	PMAT 3/2001(A)	Pindaan Pertama Kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 3 Tahun 2001 Berkaitan Bayaran Insentif Tugas Stesen Luar Pantai (BITSLP).

AHLI-AHLI MESYUARAT MAJLIS ANGKATAN TENTERA



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

CAWANGAN SABAH

Secara khususnya MinDef Sabah berperanan dalam melaksanakan beberapa hal ehwal kakitangan awam di Sabah yang berada di bawah MinDef meliputi perkara seperti berikut.

1. Pengurusan Sumber Manusia;
2. Pengurusan Kewangan, Akaun dan Aset;
3. Perolehan dan Penyelenggaraan;
4. Pentadbiran;
5. Projek Pembangunan dan Pengurusan Tanah; dan
6. Kebajikan, Penghargaan dan Lain-Lain Aktiviti.

- **Pengurusan Sumber Manusia**

MinDef Sabah mengelola dan menyelaraskan sebanyak 795 perjawatan kakitangan awam dengan pengisian sebanyak 653 perjawatan yang meliputi 34 Unit/Pasukan di empat (4) zon utama iaitu Zon 1 (MinDef Sabah, Lok Kawi, dan Rejimen 507 Askar Wataniah), Zon 2 (Mawilla 2, dan Markas Angkatan Kapal Selam), Zon 3 (Pangkalan Udara Labuan, 51 Komposit KPD, Labuan, dan Markas 2 Divisyen Udara, Labuan), dan Zon 4 (7 Rejimen Askar Melayu Diraja, Tawau, KD Sri Tawau, 22 Rejimen Askar Melayu Diraja, Sandakan, KD Sri Sandakan, dan KD Sri Semporna).

Pada tahun 2015, MinDef Sabah telah melaksanakan 17 program latihan/kursus untuk kakitangan awam dengan menggunakan peruntukan sebanyak

RM74,214.30. Antara program latihan yang terbesar diadakan pada tahun 2015 adalah Program KeepFit MinDef Sabah 2015 yang telah diadakan di KD Sri Tawau dengan kehadiran seramai 200 orang peserta dan melibatkan beberapa orang Pengurusan Tertinggi termasuk Ketua Setiausaha (KSU), MinDef (gambar a. aktiviti seperti di lampiran). Program latihan/kursus ini secara keseluruhannya menjadikan MinDef Sabah dapat mencapai 100 peratus tujuh (7) hari latihan/kursus bagi memenuhi sebahagian daripada Key Performance Indicator (KPI) kementerian.

- **Pengurusan Kewangan, Akaun & Aset**

MinDef Sabah telah menerima peruntukan sebanyak RM3,249,513.00 dan telah membelanjakan sebanyak 95.69%. Pada Julai 2015, Peruntukan awam bagi Waran Peruntukan Kecil (WPK) untuk Elaun Lebih Masa (OS14000) dan Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup (OS21000) bagi semua PTJ Program Darat, Udara dan Laut di seluruh Sabah telah dipindahkan ke MinDef Sabah. Peruntukan ini dipindahkan selaras dengan pemusatan pengurusan tempahan waran udara terutama bagi Program Darat khususnya selain mengatasi isu lewat dan tidak bayaran tuntutan.

Selain itu, perbelanjaan keseluruhan WPK yang diterima dari PTJ-PTJ lain, peruntukan diterima adalah sebanyak RM48,182,895.56 dan perbelanjaan sebanyak



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MinDef Sabah

RM49,464,126.03 (102.66%) (Peruntukan Utiliti tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sehingga hujung tahun 2015). Pecahan prestasi perbelanjaan keseluruhan seperti di Jadual 1.

Lembaga Pemeriksaan Pasukan (LPP) telah bersidang sebanyak sepuluh (10) kali dengan menguruskan nilai aset yang dilupuskan sebanyak RM3,384,223.56. Manakala Lembaga Pemeriksaan Am telah bersidang sebanyak tujuh (7) kali dan aset dilupuskan bernilai RM10,839,068.98. Aset-aset yang dilupus dan kelolakan ini adalah yang melibatkan aset di bawah MinDef Sabah dan juga aset-aset di bawah ATM.

Pada tahun 2015, MinDef Sabah juga tidak terkecuali dalam mengemas kini dan memuat naik Aset Alih dan Aset Tidak Alih di dalam Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (MySPATA) dan Sistem Pengurusan Aset (SPA) yang perlu dilaksanakan pada tahun tersebut.

Terdapat enam (6) Aset Tak Alih yang telah didaftar masuk di dalam MySPATA, seperti berikut:

- a. Pejabat MinDef Sabah (Aras 5, 6 dan 7) di Blok C, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu;
- b. Bangunan Gudang 2 Tingkat di Blok E, Bandar Karamunting Sandakan - Gudang KD Sri Sandakan;
- c. Bangunan 4 Tingkat, Blok E, Bandar Tong Hwat, Batu 3, Jalan Utara Sandakan – Pusat Latihan KD Sri Sandakan;
- d. Rumah Panglima Markas 5 Briged di Kuarters JKR No.7, Jalan Selangor, Tanjung Aru, Kota Kinabalu;
- e. Rumah Perwakilan Tentera Indonesia di Tawau – No. 1668, Taman Bahagia, Jalan Kubota, Tawau.

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
TUNTUTAN	1,162,813.00	1,072,686.41	92.25%
BIL-BIL PEJABAT	616,700.00	606,391.33	98.33%
SEWAAN	2,936,424.00	2,936,227.03	99.99%
SENGGARAAN	524,050.00	516,139.20	98.49%
RANGSUM ATM	8,575,539.83	8,573,517.19	99.98%
GAJI / ELAUN	11,176,265.00	10,301,308.24	92.17%
PERKHIDMATAN IKTISAS & PERKHIDMATAN YANG DIBELI	446,714.30	402,369.74	90.07%
JLKN	127,889.43	127,679.90	99.84%
HARTA MODAL	69,000.00	60,654.00	87.90%
UTILITI	22,547,500.00	24,867,152.99	110.29%
JUMLAH	48,182,895.56	49,464,126.03	102.66%

JADUAL 1

PRESTASI PERBELANJAAN KESELURUHAN
TAHUN 2015 MINDEF SABAH



Kunjungan Hormat Pengarah Mejar Jeneral Dato' Ansar Ali Majeth TUDM Panglima MAWILLUT 2

- f. Rumah Perwakilan Tentera Indonesia di Kota Kinabalu No. 146, Jalan Tanjung Aru Lama, Tanjung Aru, Kota Kinabalu.

Manakala di dalam SPA terdapat lebih 600 aset yang telah didaftarkan secara berperingkat dan jumlah tersebut berkemungkinan akan lebih setelah pemeriksaan semula diadakan secara lebih menyeluruh pada tahun 2016.

- **Perolehan & Penyelenggaraan**

MinDef Sabah adalah salah satu Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah MinDef. MinDef Sabah juga berfungsi dalam membuat beberapa proses perolehan dan penyelenggaraan seperti pengurusan proses pembelian pakaian seragam kakitangan awam dan lain-lain yang tidak lebih daripada RM200, 000.00 ke bawah. MinDef Sabah juga menguruskan proses penyelenggaraan rumah-rumah rehat dan lain-lain yang berkaitan. MinDef Sabah mempunyai lima (5) buah Rumah Rehat, sebuah Dewan Serbaguna yang perlu diselenggara selain projek-projek berskala kecil seperti pembikinan laluan jalan masuk ke rumah rehat dan lot parking dan pada tahun 2016 MinDef Sabah akan bakal mempunyai Rumah Kuarters Awam di Taman Pantai Lok Kawi sebanyak 50 Unit.

- **Projek Pembangunan, Pengurusan Tanah dan Sewaan Rumah Kakitangan Awam/ Angkatan Tentera Malaysia (ATM)**

Unit Pengurusan Tanah dan Bahagian Pembangunan merupakan pengelola dan penyelaras bagi mana-mana juga projek pembangunan yang melibatkan MinDef termasuk projek pembangunan di Sabah. Secara tidak langsung khususnya di Sabah MinDef Sabah turut terlibat dalam menyelaras dan perantara dalam membantu Bahagian Pembangunan bagi isu-isu yang melibatkan tanah milikan Kerajaan Negeri Sabah dan projek-projek pembangunan. Antara projek pembangunan di Sabah yang masih berjalan sehingga kini adalah seperti berikut:

Isu Tanah Yang Terlibat

- a. Tukar Guna Tanah Kegunaan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Kepada MinDef di Laluan Jalan Masuk Perkampungan Melalui Tanah Kegunaan Kem Keningau;
- b. Kem Sri Kinabatangan – Pemantauan Pencerobohan Tanaman Kontan dan Isu Jalan Pembinaan Jalan Melibatkan Tanah Kem;

- c. Kem Lok Kawi – Isu Kuarters dan Landasan Keretapi Melibatkan Tanah Kem dan Pencerobohan Tanah Oleh Penduduk Kg. Lembising;
- d. Lahad Datu – Perolehan Tanah ESSCOM Kegunaan Kementerian Pertahanan Melibatkan Tanah Persendirian di Kawasan ESSZONE;
- e. Permohonan Tukar Ganti Tanah Milik Persekutuan di Kg. Laya-Laya, Tuaran Sabah Seluas 50 Ekar Bagi Cadangan Projek Pembinaan Perumahan Pangkalan TLDM Kota Kinabalu;
- f. Permohonan Tanah Lapangan Terbang Lama Tawau Bagi Kegunaan Kementerian Pertahanan; dan
- g. Permohonan Tanah Lot Tambahan Bagi Rancangan Projek Pembinaan Kem Azumi, Semporna.

Untuk Kakitangan Awam

- h. Menaiktaraf 50 Buah Unit Rumah Teres Satu Tingkat Untuk Kakitangan Awam KEMENTAH Sabah di Taman Pantai Lok Kawi, Sabah; dan
- i. Cadangan Membina Gelanggang Futsal Untuk Kakitangan Awam di Kem Lok Kawi, Sabah.

Untuk ATM

- j. Cadangan Membina dan Menyiapkan Projek Pusat Pemulihian dan Pemasyarakatan di Kem Paradise, Kota Belud; dan
- k. Cadangan Pembinaan Masjid Baru Pangkalan Abai, Kota Belud, Sabah.

MinDef Sabah adalah pengguna akhir yang menerima projek pembangunan yang telah siap dibina bagi tujuan penyenggaraan pada masa akan datang. Namun, hanya projek-projek yang berkaitan dengan kakitangan awam sahaja dipantau, disenggara dan tidak kesemuanya di bawah MinDef Sabah.

Unit Pengurusan Tanah melibatkan MinDef Sabah dalam mengambil tahu beberapa isu-isu tanah dalam memastikan kepentingan ATM terjaga bagi mengatasi masalah pencerobohan tanah di bawah nama dan hak milikan MinDef terutama yang melibatkan pembinaan rumah kuarters mahupun tapak-tapak kem baru yang telah dikenal pasti di Sabah.

Perkara ini amat penting dalam memastikan isu pencerobohan dapat diatasi selain mengatasi masalah ataupun isu keselamatan pada masa akan datang. Pengalaman Gempa Bumi di pergunungan Kinabalu dan Pencerobohan di Lahad Datu pada tahun 2015 menjadikan MinDef lebih berhati-hati dan Sabah dijadikan salah satu inisiatif dan agenda terpenting di dalam Pelan Strategik MinDef 2016 hingga 2020.



Berikutnya kewujudan formasi ataupun pasukan baru di Sabah dan Isu harta tanah yang terlalu mahal serta pencarian lokasi yang bersesuaian dengan keperluan ATM menjadikan perkara ini antara peranan MinDef Sabah dalam menguruskan urusan penyewaan rumah kediaman ATM pada hari ini menjadi semakin penting. Syor dan proses penyewaan ini diuruskan secara bersama dengan ATM dan MinDef Sabah adalah perantara dalam mendapatkan kelulusan Lembaga Perolehan A yang dipengerusikan oleh KSU, MinDef.

- **Kebajikan dan Penghargaan**

MinDef Sabah juga adalah jabatan yang menyelia urusan kebajikan bagi kakitangan awam di Unit/Pasukan di bawah MinDef, Sabah. Pada tahun 2015 terdapat beberapa kes kecederaan dan kesihatan yang telah berlaku bagi kakitangan awam yang berkenaan. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Encik Mohd. Supian bin Juslin, Pembantu Penyediaan Makanan N17, Pangkalan Udara Labuan. Mengalami kemalangan di tempat kerja
- b. Encik Hassan bin Sahadi, Pembantu Operasi N11, 6 RAD Kem Lok Kawi. Menghadapi penyakit kanser tahap 3
- c. Encik Tokiman bin Taman, Pembantu Awam H11, 22 RAMD Sandakan. Mengalami Rabun Kronik (Buta) Kesan Penyakit Kencing Manis; dan
- d. Lain-lain kes kebajikan.

Pada tahun 2015, Pengarah MinDef Sabah telah memperkenalkan Anugerah ‘Men and Women of the Year MinDef Sabah’ untuk pengiktirafan dan penghargaan kepada kakitangan awam yang banyak berjasa dan memberikan sumbangan berterusan semasa Program KeepFit MinDef Sabah 2015. Anugerah ini telah dimenangi oleh Encik Junaiddy Jamilun (kakitangan MinDef Sabah) dan Puan Melania Farrah Dina H.Durai (kakitangan Unit Markas Kapal Selam) bagi sumbangan dan penglibatan aktif dalam apa juga yang aktiviti dan program yang dianjurkan oleh MinDef Sabah.

Selain itu, penganjuran Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014 yang telah diadakan pada 14 Mei 2015 melihatkan kecemerlangan yang berterusan kakitangan awam MinDef Sabah dengan pemberian anugerah ini telah disempurnakan sendiri oleh KSU, MinDef.

Secara khususnya MinDef Sabah berperanan dalam melaksanakan beberapa hal ehwal kakitangan awam di Sabah yang berada di bawah MinDef meliputi perkara seperti berikut:

- a. Pengurusan Sumber Manusia;
- b. Pengurusan Kewangan, Akaun dan Aset;
- c. Perolehan dan Penyelenggaraan;
- d. Pentadbiran;
- e. Projek Pembangunan dan pengurusan tanah; dan
- f. Kebajikan, Penghargaan dan Lain-Lain Aktiviti.



Gambar Bengkel Penyelesaian Rekod pada 31 Julai 2015

LAPORAN MASALAH KESIHATAN 2015

KETERANGAN KES 1	KETERANGAN KES 2
<p>Nama : Hassan bin Sahadi No. KP : 630121-01-5919 Jawatan : Pembantu Operasi N11 Unit/pasukan : Rejimen Ke 6 Artilleri Diraja, Kem Lok Kawi. Penyakit yang dihidapi : Kanser Leher</p>	<p>Nama : Mohd Supian bin Juslin No. ic : 760816125693 No. jabatan : 3-31889 Jawatan : Pembantu Penyedia Makanan N17 Unit : Pangkalan Udara, WP Labuan</p> <p>- Mendapat kecederaan semasa bertugas.</p>

KETERANGAN KES 3	
	<p>Nama : Tokiman Bin Taman No. I/c : 580503-12-5731 No. Jabatan : 4-20465 Jawatan : Pembantu Awam H11 Tarikh Lantikan : 1 Mei 1978 Tempat bertugas : 22 Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Sri Kinabatangan, Sandakan</p> <p>- Menghidap penyakit : 1. Hypertension 2. Diabetis Mellitus 3. Compensated Heart Failure 4. Heart Diseases Secondary to Ischemic</p> <p>- Lawatan Pengarah ke rumah En. Tokiman di Kg.Gum-gum pada 29 September 2015.</p>



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA **CAWANGAN SARAWAK**

Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak telah di tubuhkan pada 16 Jun 1964 dan dikenali sebagai Jabatan Khidmat Negara. Pada tahun 1967, nama tersebut telah diubah kepada Pejabat Penolong Setiausaha Pertahanan Sarawak. Mulai tahun 1982, pejabat ini telah diubah nama kepada Kementerian Pertahanan Cawangan Sarawak dan diketuai oleh seorang Ketua Penolong Setiausaha dan bertanggungjawab terus kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pentadbiran).

Pada tahun 1988, Cawangan MinDef Sarawak diletakkan di bawah Setiausaha Bahagian, Bahagian Perjawatan setelah jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Pentadbiran dimansuhkan. Mulai tahun 1997, MinDef Cawangan Sarawak bertanggungjawab terus kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) dan telah ditempatkan semula di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada 1998. Mulai 2011, MinDef Sarawak bertanggungjawab terus di bawah sektor Ketua Setiausaha sehingga sekarang.

PERANCANGAN & PENGURUSAN

Secara amnya, fokus pengurusan Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak adalah menjalankan fungsi pengurusan sumber manusia, kewangan serta memberikan khidmat sokongan kepada pasukan Angkatan Tentera Malaysia di negeri Sarawak.

Perancangan dan Pengurusan Cawangan MinDef Sarawak dilaksanakan selaras dengan pelan strategik kementerian, Dasar Pertahanan Negara dan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Sebagai sebuah cawangan kementerian persekutuan di peringkat negeri, MinDef Cawangan Sarawak juga sering terlibat dalam pelbagai aktiviti di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak Markas serta formasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) antaranya adalah Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan Negeri Sarawak dan lain-lain.



Pengarah bersama dengan warga kerja MinDef Sarawak



Ybhg.Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah mengadakan lawatan ke Tapak Sewaan Kelompok Rumah Keluarga Angkatan Tentera, Kem Samarahan di Kota Samarahan, Sarawak pada 30 April 2016.





Kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Sarawak

Kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Abdul Taib bin Haji Mahmud oleh Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan, Encik Che Ab Rahman Bin Hamad bersama Panglima Divisyen Pertama Infantri Malaysia, Mejar Jeneral Datuk Stephen Mundaw, Sarawak di Astana, Kuching pada 5 Mac 2015.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Jasamu Dikenang Tahun 2015

Yang Berbahagia Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Jasamu Dikenang Tahun 2015 Kementerian

Pertahanan Cawangan Sarawak di Hotel Hilton, Kuching pada 30hb April 2015. Seramai 58 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 26 orang telah menerima Pingat Pekerti dan Perkhidmatan Terbilang.



Unit Rangsum Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak telah membuat pemantauan rangsum di kem-kem tentera di seluruh negeri Sarawak pada 11 hingga 15 Mei 2015.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Jasamu Dikenang Tahun 2015

Forum Pertahanan Serantau Association of Southeast Asian Nations @ ASEAN serta Forum dan Persidangan

Dasar Keselamatan ASEAN di Pusat Islam Antarabangsa, Kuching, Sarawak pada 7-9 Jun 2015.

Majlis Ramah Tamah Aidilfitri, Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak yang dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi bersama Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara, YBhg Dato' Mohamed Asri Yusof, di Dewan Kelulut, Kompleks Perumahan Awam MinDef Sarawak pada 31hb Julai 2015.



Majlis Ramah Tamah Aidilfitri bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan



Melawat keluarga waris anggota tentera yang terlibat dalam kemalangan

YB Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum, Timbalan Menteri Pertahanan telah melawat keluarga waris anggota tentera yang terlibat dalam kemalangan di Kilometer 121 Jalan

Sibu-Bintulu (Mendiang Koperal Jaman anak Garai - anggota Kem RASCOM, Bt. 10 Sibu, Sarawak) dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga waris pada 15 Oktober 2015.



Timbalan Menteri Pertahanan telah melawat keluarga waris anggota tentera Koperal Victoria Anak Rantai.

YB Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum, Timbalan Menteri Pertahanan telah melawat keluarga waris anggota tentera yang terlibat dalam kemalangan di Kilometer 121 Jalan Sibu - Bintulu pada 15 Oktober 2015. Beliau telah mengunjungi kediaman keluarga Mendiang Koperal Victoria anak Rantai

di Lot 929 Fasa II, Jalan Sentosa Salim, bagi menyampaikan sumbangan bagi meringankan beban dan membantu keluarga mendiang. Mendiang Koperal Victoria anak Rantai merupakan anggota tentera yang bertugas di Kem RASCOM, Batu 10 Sibu, Sarawak.



YB Timbalan Menteri Pertahanan menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Program Komuniti Rumah Anak Yatim bersama BSKN dan PKBN

YB Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum, Timbalan Menteri Pertahanan telah merasmikan Penutup Program Komuniti Rumah Anak Yatim Bersama Briged Sukarela Khidmat Negara (BSKN) Miri dan Alumni Program Khidmat Bakti Negara

(PKBN) Brunei. Majlis ini telah berlangsung di Kompleks Kebajikan Rumah Anak Yatim Hamidah Yakub, Permyjaya Miri, Sarawak pada 25hb Oktober 2015.



YBhg. Tan Sri Dr Ali Hamsa, bergambar bersama Ketua Perkhidmatan dan VIP Kementerian Pertahanan.

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah mengadakan lawatan ke Rumah Panjang Jelapang ak Jali, Sarawak dan Jambatan Sungai Arang Marudi yang mana merupakan Jambatan Bailey berbentuk *curve* yang telah dibina oleh Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) dan merupakan yang pertama sebegini di Malaysia pada 6 Februari 2015.



Lawatan KSU ke Jambatan Sungai Arang Marudi

YBhg.Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan bersama Dato Mohamed Asri bin Yusof telah mengadakan lawatan ke atas En. Anuar bin Kuddus setelah menjalani pembedahan di bahagian tengkuk di Kampung Semariang, Kuching pada 10 Julai 2015. Beliau merupakan staf awam Kementerian Pertahanan Cawangan Sarawak yang bertugas di 71 Batalion Kor Perkhidmatan Diraja di Kem Muara Tuang.



Ybhg.Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah mengadakan lawatan ke Tapak SOC 3, di Kota Samarahan, Sarawak pada 30 April 2016.



Lawatan En. Mahathir bin Bujang, Pengarah Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak bersama Timbalan Pengarah, En. Jerry Ho anak Ussan ke Pejabat Tadbir Awam Rejimen Pertama Semboyan Diraja dan Pejabat Tadbir Awam Batalion Pertama Perubatan Kor Kesihatan Diraja di Kem Muara Tuang pada 25 November 2015.



Sukan Antara Zon-zon Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak yang telah diadakan di Padang Bola Sepak dan Dewan pada 30 November 2015.



UNIT **INTEGRITI**

Unit Integriti di Kementerian Pertahanan telah ditubuhkan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotism. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya, enam (6) fungsi teras telah diletakkan di bawah tanggungjawab Unit Integriti yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- **Tadbir Urus**
 - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan
- **Pengukuhan Integriti**
 - Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam Jabatan.

- **Pengesahan dan Pengesahan**

- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
- Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab.

- **Pengurusan Aduan**

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika Jabatan.

- **Pematuhan**

- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

- **Tatatertib**

- Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib



Ketua Integriti bersama dengan para pegawainya

PROGRAM & AKTIVITI SEKSYEN TADBIR URUS

Sepanjang tahun 2015, unit Integriti telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti seperti Program Bulan Integriti Peringkat Kementerian Pertahanan, Bengkel Corruption Risk Management (CRM) serta Kursus Penyiasatan.

- Program Sambutan Bulan Integriti Peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2015**

Sambutan Bulan Integriti Peringkat Kementerian Pertahanan bagi tahun 2015 telah diadakan bermula pada 12 November 2015 dengan aktiviti perasmian dan berakhir 10 Disember 2015. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang Bulan Integriti adalah seperti berikut:



Pameran Booth Bulan Integriti (oleh SPRM, PDRM, dan AADK)



Kisah Benar :
Suapan Membawa Kegelapan
(oleh : Encik Mohd Firdaus Bin Ramlan)



Ceramah Lesson Learnt :
Ketirisan Maklumat
(oleh : Tn Hj. Alias Bin Salim)



Ceramah Lesson Learnt : Memperkasa
Integriti Warga Kementerian (oleh : Encik
Mazeri Bin Mohd Zain)



Perasmian Bulan Integriti di Bilik Teratai, Wisma Pertahanan pada 12.11.2015
(dirasmikan oleh YB Dato' Wira Mohd Johari Bin Baharum)

- **Bengkel Corruption Risk Management (CRM)**

Sebanyak dua bengkel CRM telah dilaksanakan (iaitu pada 21 hingga 23 April 2015 dan pada 8 dan 9 Oktober hingga 2015) yang melibatkan Bahagian Perolehan, Bahagian Pembangunan, Bahagian Kewangan, Bahagian Akaun, Bahagian Audit Dalam & Siasatan Am dan wakil-wakil Markas ATM. Bengkel yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan mencari jalan penyelesaian berkaitan :

- Masalah-masalah utama berkaitan pengurusan perolehan / projek ;
- Kesan masalah tersebut; dan
- Apakah langkah penyelesaian yang boleh diambil sama ada dalam masa jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

- **Kursus Penyiasatan**

Unit Integriti telah mengadakan Kursus Penyiasatan pada 28 hingga 30 September 2015 yang telah dijalankan di Auditorium JLKN dan telah dihadiri oleh seramai 26 peserta Gred 27 sehingga Gred 52 daripada bahagian-bahagian/jabatan Kementerian Pertahanan yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).



Peserta bengkel sedang melakukan perbincangan dan tugas berkumpulan (Bengkel CRM di Akademi Audit Negara, Bandar Enstek, Negeri Sembilan pada 8-9 Oktober 2015)

PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN

- **Tatatertib**

Setiap penjawat awam hendaklah mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Kegagalan mematuhi peraturan tersebut membolehkan seseorang penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib. Bagi tahun 2015, bilangan kes yang diterima adalah sebanyak 94 kes mengikut pecahan seperti di Jadual 1.

BIL	HUKUMAN	BILANGAN
1.	Amaran	60
2.	Denda	5
3.	Lucut Hak Emolumen	58
4.	Tangguh Pergerakan Gaji	27
5.	Turun Gaji	18
6.	Turun Pangkat	-
7.	Buang Kerja	29
JUMLAH		197
JADUAL 2		BILANGAN TINDAKAN TATATERTIB DIAMBIL BERDASARKAN KES

BIL	JENIS KES	BILANGAN
1.	Tidak Hadir Tanpa Cuti	64
2.	Jenayah	2
3.	Dadah	4
4.	Tatakelakuan	1
5.	Tidak Hadir Tanpa Cuti / Tatakelakuan	23
JUMLAH		94
JADUAL 1		BILANGAN KES TATATERTIB DITERIMA

Bilangan pegawai yang dikenakan hukuman buang kerja adalah seramai 29 orang. Statistik hukuman bagi tahun yang sama adalah seperti Jadual 2:

- **Tadbir Urus**

Seksyen Tadbir Urus telah melaksanakan tiga (3) program utama dalam fungsinya sepanjang tahun 2015 iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JKK JITU), Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) serta Sambutan Bulan Integriti Kementerian Pertahanan.

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JKK JITU)

BIL	MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
1.	Bil. 1/2015	21.8.2015	Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Wisma Pertahanan	Dipengerusikan oleh YBhg Dato' Sri KSU
2.	Bil. 2/2015	5.5. 2015		
3.	Bil.3/2015	18.8. 2015		

JADUAL 3 TARikh Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JKK JITU)

- b. Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)

BIL	MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
1.	Bil. 1/2015	16.2.2015	Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Wisma Pertahanan	Dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Pertahanan
2.	Bil. 2/2015	19.5.2015		
3.	Bil.3/2015	22.9.2015		

JADUAL 4 TARikh Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)



Kursus Bina Insan kakitangan Unit Integriti

LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



SEKTOR PEMBANGUNAN

- Bahagian Pembangunan
- Bahagian Perolehan
- Penguasa Katalog ATM (MAFCA)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan merupakan satu daripada tiga Bahagian di dalam Sektor Pembangunan yang terdiri daripada Bahagian Pembangunan, Bahagian Perolehan dan MAFCA. Sektor ini diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan.

Objektif

- Objektif umum Bahagian Pembangunan ialah untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Awam.

Fungsi

Fungsi Bahagian Pembangunan adalah seperti berikut:

- Menyediakan Rancangan Pembangunan Lima Tahun

Kementerian Pertahanan dan Agensi-agensi di bawahnya;

- Menyediakan Anggaran Belanjawan Pembangunan;
- Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek yang diluluskan supaya selaras dengan skop serta mengikut jadual.

Belanja Pembangunan (DE)

Peruntukan Belanja Pembangunan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM3,618,221,610.00. Dari segi prestasi perbelanjaan, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM3,610,816,085.10 iaitu, 99.80%.

Agihan Peruntukan Belanja Pembangunan bagi Infra dan Kelengkapan tahun 2015 adalah seperti di Carta 1.



Pengarah bersama dengan warga kerja Bahagian Pembangunan

Prestasi Belanja Pembangunan (DE) - (Infra & Kelengkapan)

Jumlah peruntukan Belanja Pembangunan (DE) bagi tahun 2015 ialah sebanyak RM3,618,221,610.00 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3,610,816,085.10 telah dibelanjakan dengan pencapaian 99.80%. Butir perbelanjaan bagi projek infra dan kelengkapan masing-masing adalah RM254,414,959.78 (99.48%) dan RM3,355,401,125.32 (99.82%).

Jumlah keseluruhan peruntukan di bawah RM ke-10 sehingga tahun 2015, adalah sebanyak RM16,113,320,760.00 dan sehingga 31 Disember 2015, Kementerian Pertahanan telah membelanjakan RM16,091,101,709.57 atau 99.86% dari peruntukan yang disediakan.



Projek Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT)


Projek Rumah Keluarga Angkatan Tentera adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup dan keselesaan anggota ATM. Penyediaan kemudahan perumahan yang sesuai akan meningkatkan moral anggota untuk terus memberikan khidmat dengan lebih cemerlang dan komited di samping dapat mencapai teras misi nasional dalam membangunkan modal insan yang berkualiti.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 338 unit RKAT baru telah dibina dengan kos sebanyak RM91.06 juta, manakala bagi baik pulih dan senggaraan di seluruh Malaysia melibatkan kos sebanyak RM145.33juta.



Perasmian Rumah Keluarga Angkatan Tentera di Kem Batu 10, Kuantan oleh YB Menteri Pertahanan

PERUNTUKAN KESELURUHAN = RM3,618,221,610.00



CARTA 1 AGIHAN PERUNTUKAN BELANJA PEMBANGUNAN (DE)
BAGI INFRA DAN KELENGKAPAN TAHUN 2015

Projek Jiwa Murni

Kementerian Pertahanan terlibat secara aktif dalam pembangunan infrastruktur dan sosio ekonomi tempatan melalui inisiatif di bawah Projek Jiwa Murni yang dilaksanakan oleh Rejimen Askar Jurutera DiRaja dengan kerjasama Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Inisiatif pelaksanaan Projek Jiwa Murni telah bermula pada tahun 2011 dengan pelaksanaan projek di luar bandar seperti menaik taraf jalan dan jambatan dari Long Lopeng ke Ba'kelalan di Sarawak. Projek ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh dua (2) tahun sebagaimana dijadualkan. Bagi tahun 2015, satu (1) Projek Membina Jalan Dari Ba'kelalan Ke Bario dan satu (1) Projek Pembangunan Cerun di Jalan Long Lopeng ke Ba'kelalan di Sarawak telah berjaya dilaksanakan dan disiapkan. Projek Jiwa Murni yang siap pada tahun 2015 adalah seperti di Jadual 1.



Menteri Pertahanan mengadakan lawatan tapak Projek Jiwa Murni di Ba'kelalan Ke Bario, Sarawak

SENARAI PROJEK JIWA MURNI YANG SIAP PADA TAHUN 2015

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	STATUS PROJEK
1.	Membina Jalan Dari Ba'kelalan Ke Bario	40,830,000.00	Tarikh Mula: 9 Jan 2013 Tarikh Siap: 8 Jan 2015
2.	Pembangunan Cerun di Jalan Long Lopeng ke Ba'kelalan	9,560,000.00	Tarikh Mula: 1 Jun 2014 Tarikh Siap: 31 Mei 2015

JADUAL 1 PROJEK JIWA MURNI YANG SIAP PADA TAHUN 2015

Impak Projek Jiwa Murni

Projek Jiwa Murni telah memberi impak yang besar kepada masyarakat tempatan terutama dari segi sosio ekonomi, sistem perhubungan dan antaranya adalah seperti berikut :

- Penjimatan dari segi kos pembinaan berbanding dengan kaerah konvensional yang melibatkan kos yang tinggi;
- Melalui pelaksanaan Projek Jiwa Murni, perhubungan di kawasan pedalaman dapat dihubungkan dengan kawasan bandar dan ini memudahkan akses kepada bantuan perubatan serta menjana ekonomi bagi pengeluaran hasil pertanian dan hutan. Pendapatan

penduduk tempatan dapat ditingkatkan kerana hasil pertanian dapat dipasarkan dengan mudah ke kawasan bandar. Ini membolehkan golongan muda tidak perlu berhijrah ke kawasan bandar kerana peluang pekerjaan boleh diwujudkan di kawasan pedalaman;

- Penduduk di kawasan pedalaman akan menikmati kos sara hidup yang lebih rendah berbanding sebelum pelaksanaan projek kerana pengangkutan melalui jalan darat telah dapat digunakan berbanding laluan sungai dan pengangkutan udara;
- Merapatkan hubungan di antara rakyat dan juga tentera dan bukti keperihatinan Kerajaan terhadap kehidupan masyarakat di luar bandar.

PEMBINAAN JALAN DARI BA'KELALAN KE BARIO

Gambar 1 : Keadaan jalan semasa pembinaan



Gambar 2 :Keadaan jalan setelah siap pembinaan



Gambar 3 : Keadaan jalan semasa pembinaan



Gambar 4 : Keadaan jalan setelah siap pembinaan

PEMBAIKAN CERUN DI JALAN LONG LOPENG KE BA'KELALAN

Gambar 1 : Keadaan tebing sebelum pembaikan



Gambar 2 : Keadaan tebing setelah siap pembaikan

BAHAGIAN PEROLEHAN

PENGENALAN

Bahagian Perolehan telah ditubuhkan pada tahun 1966 dengan nama asalnya sebagai Bahagian Bekalan dan Kewangan. Nama bahagian ini telah ditukarkan kepada Bahagian Perolehan bagi menyesuaikan dengan peranan yang telah dilaksanakan.


Peranan utama Bahagian Perolehan adalah menyelaras dan menguruskan perolehan secara sebut harga, tender dan rundingan terus bagi peralatan, kelengkapan dan perkhidmatan

Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Pertahanan berlandaskan peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Bahagian Perolehan juga perlu memastikan setiap perolehan dibuat dengan baik serta mendapat keperluan dengan konsep *Best Value For Money*.

Dengan kekuatan seramai 170 orang pegawai dan staf, Bahagian Perolehan diketuai oleh Setiausaha Bahagian, Gred JUSA C. Fungsi-fungsi unit di Bahagian Perolehan adalah seperti di jadual 2 :

PENCAPAIAN TAHUN 2015

- a. Bilangan perolehan tahun 2015 yang telah diproses pada 1 Januari hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak 426 mengikut pecahan seperti berikut;



Setiausaha Bahagian bersama dengan pegawai dan kakitangan Bahagian Perolehan

- b. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (Perolehan) yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut ;

MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN (PEROLEHAN)

26 FEBRUARI 2015

28 APRIL 2015

18 NOVEMBER 2015

21 OGOS 2015

UNIT PEROLEHAN 1

Melaksanakan perolehan senjata, peluru, kenderaan, stor teknikal dan peralatan-peralatan darat.

UNIT PEROLEHAN 2

Melaksanakan perolehan kapal, alat ganti dan penyelenggaraan kapal serta peralatan berkaitan dengan laut

UNIT PEROLEHAN 3

Melaksanakan perolehan kapal terbang, alat ganti dan penyelenggaraan kapal terbang serta peralatan berkaitan dengan udara

UNIT PEROLEHAN 4

Melaksanakan perolehan rangsum pukal, ubat-ubatan, peralatan perubatan, pakaian dan aksesori

UNIT PEROLEHAN 5

Melaksanakan perolehan berkaitan peralatan komunikasi, ICT, sistem komputer, peralatan pejabat, mesin worksyop, barang besi/bukan besi, bahan percetakan, perabot dan peralatan berek

UNIT PEROLEHAN 6

Melaksanakan perolehan berkaitan perkhidmatan dan penyewaan

UNIT PEROLEHAN 7

Melaksanakan penyelidikan dasar perolehan serta urusetia mesyuarat lembaga tender dan sebutharga

UNIT PEROLEHAN 8

Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan kewangan Bahagian Perolehan


CAWANGAN TEKNIK DAN PEMERIKSAAN (CT&P)

Melaksanakan pemeriksaan teknikal dan kualiti barang yang telah dibuat perolehan

JADUAL 2

FUNGSI-FUNGSI UNIT
DI BAHAGIAN PEROLEHAN

- c. Bagi tempoh Januari hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak 65 siri mesyuarat Lembaga Perolehan dan Sebut Harga telah diadakan. Bilangan mesyuarat mengikut bulan adalah seperti berikut ;



- d. Kutipan Denda Pecah Kontrak sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti berikut ;

DENDA PECAH KONTRAK (RM)	PELARAS/KUTIPAN (RM)	BAKI AKAUN BELUM TERIMA (RM)
3,179,517.70	430,337.70	2,749,180.00

AKTIVITI BAHAGIAN PEROLEHAN TAHUN 2015



Kursus Pemantapan Jati Diri Bahagian Perolehan



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Sektor Pembangunan



PENGUASA KATALOG ATM (MAFCA)

Penguasa Katalog ATM (*Malaysian Armed Forces Cataloguing Authority - MAFCA*) telah ditubuhkan pada 7 April 1981 berdasarkan:

- Arahan Jawatankuasa Ketua Turus Angkatan Tentera (JK TAT) 147 Bertarikh 20 Oktober 77
- Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT 1982)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Februari 1983 telah meluluskan ATM untuk menyertai *NATO Codification System* (NCS). MAFCA telah dilantik sebagai Biro Kodifikasi National (NCB) untuk mewakili negara dalam pertukaran data katalog dan maklumat kodifikasi dengan negara-negara luar.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN

Peranan & Fungsi

- Menyelaras dan mengamalkan sistem kodifikasi
- Mewujud dan menjaga fail induk data kodifikasi
- Mengkoordinasikan pertukaran data-data katalog dengan NATO dan negara-negara luar
- Mengawal dan memberi kod pengilang dan pembekal tempatan
- Menganjurkan kursus-kursus katalog

BAHAGIAN TEKNIKAL

Apa itu NCAGE Code?

Singkatan NCAGE Code adalah *NATO Commercial and Government Entity Code* digunakan di peringkat antarabangsa sebagai sebahagian daripada Sistem Kodifikasi NATO (NCS). Dalam Sistem Kodifikasi Nasional ia lebih merujuk kepada organisasi yang berkaitan serta berkepentingan di dalam Industri Pertahanan.

NCAGE Code merupakan kod pengenalan yang unik dan sistematik bagi mengenali Pengilang, Pembekal, Penyedia Perkhidmatan, Badan Kerajaan, Badan-badan Piawaian serta pelbagai organisasi dalam membentuk rantaian bekalan yang mana ianya dirujuk silang dengan nama dan alamat premis atau lokasi pengoperasian. NCAGE Code secara umum berbentuk sama ada lima angka atau gabungan huruf dan empat angka, contohnya: 12345, Y1234

Huruf dalam kod mencerminkan negara yang mengeluarkan kod tersebut. Kod 'Y' adalah menunjukkan pengilang dan pembekal dari negara Malaysia. Kod ini disediakan bagi memudahkan kita mengenali pengilang dan pembekal yang mengeluarkan produk ataupun perkhidmatan sama ada pengilang tempatan maupun luar negara.



BAHAGIAN RANCANG, PROJEK & LATIHAN

KURSUS-KURSUS KATALOG DI DALAM NEGARA

MAFCA berperanan sebagai pusat maklumat dalam membantu sistem logistik melalui bahasa perbekalan bersama untuk menghasilkan sistem pengurusan logistik yang efisyen kepada ATM serta agensi lain yang melaksanakan perkhidmatan kodifikasi melalui kursus-kursus katalog yang dianjurkan.

BIL	KURSUS	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1	Pengenalan Sistem Katalog (LLP) Siri 27/2015	09 - 13 Mac	Kuala Lumpur	25
2	Indoktrinasi Sistem Katalog (LLP) Siri 49/2015	17.08.15 - 18.12.15	Kuala Lumpur	25
3	Pengurusan Sistem Katalog (PEG) Siri 44/2015	02.08.15 - 18.12.15	Kuala Lumpur	25

INDOKTRINASI SISTEM KATALOG (LLP) SIRI 49/2015

KURSUS, SEMINAR & MESYUARAT KATALOG

Sebagai negara berstatus Tier 2, MAFCA bertindak sebagai *National Codification Bureau* (NCB) bagi negara Malaysia dalam proses pertukaran data maklumat dengan negara-negara yang menggunakan *National Codification System* (NCS) dan berpeluang menghadiri kursus, seminar dan mesyuarat di peringkat antarabangsa selaras kemajuan teknologi di dalam kodifikasi.

BIL	KURSUS / SEMINAR / MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT	KEHADIRAN
1	Mesyuarat AC 135 Panel A ke 125	09.03.15 – 12.03.15	Luxembourg	1
2	Latihan Tahunan Pelanggan (IHS)	18.10.15 – 24.10.15	U.S.A	3
3	Mesyuarat Kumpulan Utama ke 108	17.11.15 – 19.11.15	Luxembourg	1

KURSUS, SEMINAR DAN MESYUARAT DI PERINGKAT ANTARABANGSA



Pencapaian MAFCA

Jadual di sebelah menunjukkan peningkatan jumlah pendaftaran NCAGE Code dari tahun 2012 hingga 2015.

ORGANISASI	TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015
Pengilang	8	7	4	2
Pembekal	25	13	28	37
JUMLAH	33	20	32	39

BAHAGIAN RANCANG, PROJEK & LATIHAN



Peserta Kursus Indoktrinasi Sistem Katalog (LLP) Siri 49/2015 sedang membentangkan kertas kerja sindiket kursus kodifikasi.



Staf MAFCA sedang membuat latihan praktikal sistem NCORE di bilik kuliah MAFCA.

PROSES KERJA KODIFIKASI OLEH JURUKATALOG BAHAGIAN PENGENALAN BARANG (BPB)



Proses kerja-kerja kodifikasi yang dijalankan oleh Jurukatalog Bahagian Pengenalan Barang (BPB) mengikut permohonan NSN dari setiap perkhidmatan Darat, Laut dan Udara. Untuk mencapai sasaran MAFCA yang telah ditetapkan, setiap kerja-kerja yang dijalankan direkod dan dikemaskini



Audit MAMPU Siri 1/2015 oleh Kementerian Pertahanan telah dilaksanakan di MAFCA untuk persijilan program EKSA pada 11, 12 dan 13 Nov 2015



Penerimaan Pengiktirafan Sijil ISO 9001:2008 dari YBhg Dato' Rothiyah binti Hj Omar pada 15 Mei 2015

Bagaimana Cara Untuk Mendapatkan NCAGE Code?

- Daftar dengan NATO Support Agency (NSPA) melalui laman sesawang NATO NCAGE Tool : <https://eportal.nspa.nato.int/AC135Public/scage/CageList.aspx>
- Datang sendiri Ke MAFCA:

The screenshot shows the 'NATO Codification Tools' website with a search interface for 'CAGE/NCAGE Code Request'. The search criteria include 'Organization Name: ZORAN', 'Country: Malaysia', and 'City:'. The results table displays four entries:

CAGE/NCAGE Code	Organization Name	City	Postal Code	Country	Status
S0449	FILIFI, ZORAN	ANN ARBOR	48105-2860	UNITED STATES	A
4L249	NEMEKO, ZORAN	MADISON	53701-3746	UNITED STATES	A
4U2Y9	RADSC, ZORAN	LA JOLLA	92093	UNITED STATES	A
GALR8	ZORAN CORP	SANTA CLARA	95054	UNITED STATES	A

ALAMAT	HUBUNGI
Penguasa Katalog ATM (MAFCA) Kementerian Pertahanan 2, Blok B, Ground Floor Bangunan Zetro, Jalan 9/27C, Seksyen 5, Wangsa Maju, 53000 Kuala Lumpur	Lt Col. Azura binti Atan Tel : +603 4027 4382 Faks : +603 4027 4374 Emel : ncb34bt@mod.gov.my Cc to the director requested: mafca.dir@mod.gov.my


KURSUS N-CORE TRAINING SIRI 1-SPB

Pencapaian Kodifikasi MAFCA Tahun 2015

Sepanjang tahun 2015, MAFCA telah melaksanakan proses kodifikasi pelbagai alatan bagi Perkhidmatan ATM sebanyak 44,985 baris alatan graf pencapaian adalah seperti di bawah:



Pegawai-pegawai kanan MAFCA



LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



SEKTOR DASAR

- Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
- Bahagian Industri Pertahanan
- Depot Simpanan Pertahanan

BAHAGIAN **DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK**

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) merupakan satu Bahagian yang mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar di Kementerian Pertahanan. Bahagian ini terbahagi kepada dua cawangan iaitu Cawangan Dasar dan Hubungan Antarabangsa dan Cawangan Perancangan Strategik. Bahagian ini bertanggungjawab meneraju Dasar Pertahanan Negara (DPN) dan mengendalikan isu-isu keselamatan serta menguruskan kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala Kementerian Pertahanan.

Selain daripada itu, BDPS juga berperanan merancang, menggalب, menyelaras serta memantau pelaksanaan dasar-dasar strategik Kementerian. Pada masa yang sama, BDPS mengendalikan program-program inovasi, kualiti dan Strategi Lautan Biru Nasional serta bertindak sebagai pemudah cara bagi urusan-urusan kabinet dan parlimen. BDPS juga berperanan sebagai urus setia kepada mesyuarat-mesyuarat peringkat tertinggi kementerian.

AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN

MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN KE-9

Malaysia selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN telah berjaya menganjurkan beberapa siri mesyuarat melibat Negara-Negara ASEAN dan ASEAN Plus seperti berikut:

- a. *ASEAN Defence Senior Officials' Meeting-Working Group (ADSOM-WG)* pada 21-22 Januari 2015, Johor Bahru
- b. *ASEAN Defence Senior Officials' Meeting PLUS – Working Group (ADSOM PLUS-WG)* pada 23- 24 Januari 2015, Johor Bahru



- c. ASEAN Defence Senior Officials' Meeting (ADSOM) pada 15 - 16 Februari 2015, Kuala Lumpur
- d. ASEAN Defence Senior Official Meeting Plus (ADSOM-Plus) pada 17 - 18 Februari 2015, Kuala Lumpur
- e. 9th ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) pada 16 Mac 2015, Langkawi
- f. ASEAN Defence Ministers' Meeting Retreat (ADMM Retreat) pada 3 November 2015, Kuala Lumpur
- g. 3rd ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus (ADMM-Plus) pada 4 November 2015, Kuala Lumpur

Deklarasi ADMM dan Penerimaan Kertas Konsep

- a. Deklarasi Bersama Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN mengenai *Maintaining Regional Security and Stability for and by the People*, 16 Mac 2015
- b. Penerimaan kertas konsep "ASEAN Militaries Ready Group on HADR", 16 Mac 2015
- c. Penerimaan garis panduan berhubung "Respond to the Request for Informal Engagements or Meetings by the ADMM-Plus Countries", 3 November 2015


- d. Persetujuan penubuhan ASEAN Center of Military Medicine, 3 November 2015
- e. Persetujuan terhadap "SOP of the Utilisation of Military Assets for HADR under the framework of ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER)", 3 November 2015.

DIPLOMASI PERTAHANAN

Selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa menghadiri Perhimpunan Agung PBB pada Oktober 2015, Malaysia telah menyatakan kesediaan untuk menyumbang tambahan satu lagi *battalion group* dan satu *engineer troop* dalam Misi Pengaman PBB di samping melaksanakan *capacity building* melalui kursus – kursus yang ditawarkan di Pusat Pengaman Malaysia.

Ini merupakan manifestasi kepada sokongan Malaysia terhadap usaha PBB ke arah kestabilan dan keamanan global. Buat masa ini, Malaysia menyumbang di dalam lapan misi pengaman PBB di serata dunia yang melibatkan seramai 920 pegawai dan anggota ATM bertugas dalam misi pengaman PBB serta misi antarabangsa di Lebanon, Congo, Liberia, Sahara Barat, Darfur, Abyei, Afghanistan dan Mindanao.

Mindef juga telah berjaya menganjur dan menyertai pelbagai mesyuarat dua hala termasuk:



Kementerian Pertahanan juga telah berjaya mengaturkan sebanyak lapan (8) lawatan dua hala ke negara-negara ASEAN sebelum penganjuran 9th ADMM seperti berikut:

TARIKH	LAWATAN KERJA KE NEGARA-NEGARA ASEAN
29 Januari 2015	Lawatan Kerja Menteri Pertahanan ke Thailand
20 Februari 2015	Lawatan Kerja Menteri Pertahanan ke Myanmar
23 Februari 2015	Lawatan Kerja Menteri Pertahanan ke Cambodia
24 Februari 2015	Lawatan Kerja Menteri Pertahanan ke Lao PDR
25 Februari 2015	Lawatan Kerja Menteri Pertahanan ke Vietnam
2 Mac 2015	Lawatan Kerja Menteri Pertahanan ke Singapura
7 Mac 2015	Lawatan Kerja Menteri Pertahanan ke Brunei
11 Mac 2015	Lawatan Kerja Menteri Pertahanan ke Filipina



Sesi bergambar bersama pemenang Majlis Hari Inovasi Kementerian Pertahanan Tahun 2015



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Negeri 2015



Pensijilan EKSA oleh MAMPU



Sijil EKSA Tahun 2015

ISU ISU PERBINCANGAN DUA HALA TAHUN 2015

PERINCIAN	FAEDAH KEPADA NEGARA
FOKUS: KEPENTINGAN NEGARA	
Kawasan Utama (wilayah daratan, perairan wilayah dan ruang angkasa)	Kedaulatan dan keutuhan wilayah Negara dapat dipertahankan dari pencerobohan dan ancaman luar
Kawasan Ekonomi Luar Pesisir	Perlindungan kepada sumber perikanan, minyak mentah dan gas asli
Laluan strategik perairan dan ruang udara	Menjamin rangkaian perhubungan dan keutuhan wilayah
FOKUS: PERSPEKTIF STRATEGIK SERANTAU	
Peranan kuasa besar	Menjamin kestabilan dan keamanan di rantau Asia Pasifik
Konflik serantau	Meningkatkan imej Negara dalam menyokong usaha – usaha perdamaian
FOKUS: ISU-ISU KESELAMATAN BUKAN TRADISIONAL	
Anti - keganasan	Mencegah ancaman-ancaman bukan ketenteraan atau ancaman asimetrik
Anti - pelanunian	Menyumbang kepada keselamatan perairan
Keselamatan dalam negeri	Membantu keamanan dalam Negara
FOKUS: ISU-ISU KESELAMATAN BUKAN TRADISIONAL	
Latihan dan Eksesais	Meningkatkan tahap profesionalisme ATM
Perolehan aset pertahanan	Menjamin keupayaan dan kesiagaan ATM
Industri pertahanan	Menyokong keupayaan dan kesiagaan ATM serta menyumbang ke arah ekonomi negara

CAWANGAN PERANCANGAN STRATEGIK

PROGRAM KUALITI & INOVASI

Sepanjang tahun 2015, BDPS telah berjaya melaksanakan beberapa program kualiti dan inovasi yang melibatkan sektor awam dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Program-program yang telah dilaksanakan termasuklah Pertandingan Anugerah Inovasi, Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), dan Majlis Sambutan Hari Inovasi. Pencapaian terbaik yang diperolehi melalui program-program peringkat negeri dan nasional yang diadakan adalah seperti berikut:-

- a. Tempat ke-2 dan ke-3 (Kategori Teknikal) di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Negeri;
- b. Johan Anugerah Ketua Setiausaha Negara (Kategori Teknikal) di Majlis Persada Inovasi Sektor Awam Peringkat Kebangsaan;
- c. Johan Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM); dan
- d. Penerimaan Sijil Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dari MAMPU dengan penarafan Cemerlang.

PENARAFAN BINTANG SSR 2015 OLEH MAMPU

Kementerian Pertahanan dianugerahkan Penarafan Lima (5) Bintang di bawah Sistem Penarafan Bintang (SSR) oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Penilaian ini merangkumi empat bidang fokus

utama iaitu pematuhan, kualiti, transformasi dan inovasi. Penilaian baharu ini memberi penekanan kepada elemen transformasi dan inovasi serta turut memperkenalkan sistem dimerit berdasarkan laporan integriti.



Sesi Rumusan Panel Penilai MAMPU yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohammad Foad bin Hj. Abdullah, TKSU (U)

PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU NASIONAL (NBOS)

BDPS merupakan urus setia NBOS Kementerian yang dipertanggungjawabkan ke atas *1Malaysia Veteran Recognition Programme* (1MVRP). Terdapat empat komponen di bawah 1MVRP dengan pencapaian-pencapaian berikut sepanjang tahun 2015:

1. *1Malaysia Veteran Home Repair Programme* (1MVHRP) di mana sebanyak 52 buah rumah baru veteran ATM berjaya dibina dan 148 buah rumah veteran ATM dibaik pulih. Seramai 862 isi rumah menerima manfaat melalui program ini;
2. *Veteran Hiring Programme* bertujuan mewujudkan peluang penggajian semula veteran ATM melalui latihan peralihan oleh Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dimana seramai 195 orang veteran ATM telah memulakan pekerjaan baru;
3. *Entepreneurship Support Programme* bertujuan menyediakan skim pembiayaan mikro usahawan kepada veteran ATM. Seramai 1,272 usahawan veteran telah menerima pembiayaan kredit berjumlah RM12.46 juta; dan
4. *1Malaysia Veterans Family Programme* bertujuan menyediakan kemudahan asas peralatan keusahawanan kepada isteri dan balu veteran ATM. Seramai 396 penerima telah mendapat faedah dari program ini.



1MVHRP: Rumah Veteran Yang Telah Siap Dibina



Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM

PERHIMPUNAN BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK TAHUN 2015**MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK TAHUN 2015**

BAHAGIAN INDUSTRI PERTAHANAN

Sektor industri pertahanan merupakan salah satu komponen di bawah industri strategik yang mempunyai potensi besar untuk menjana ekonomi sesebuah negara, mengambil kira skopnya yang amat luas meliputi bidang aeroangkasa, maritim,

persenjataan, automotif, dan barang guna sama ketenteraan. Antara peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Bahagian Industri Pertahanan (BIP) adalah:

BIP melaksanakan dua *core business* utama, iaitu keurusetiaan Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) dan pelaksanaan dasar industri pertahanan. Sehingga hari ini, terdapat lebih 180 syarikat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sektor industri pertahanan yang berdaftar di bawah MIDES. Sepanjang tahun 2015, lapan buah syarikat telah berjaya berdaftar menjadi ahli MIDES, di mana ke semua lapan (8) syarikat berjaya menjalani audit yang berkualiti tinggi berdasarkan kriteria audit SCORE SME Corp. Syarikat tersebut adalah:

KEAHLIAN BAHRU SYARIKAT MIDES 2015

- Daya O.C.I Sdn Bhd
- Mandarin Engineering & Welding Sdn Bhd
- Sandakan Jaya Teknik Sdn Bhd
- Scana Industries Sdn Bhd
- Semerak Shipyard & Maritime Engineering Sdn Bhd
- D'Era Pouch Industries Sdn Bhd
- Jakel Trading Sdn Bhd
- Advanced Defence System Sdn Bhd



Setiausaha Bahagian Industri Pertahanan bersama dengan warga kerja serta keluarga

PERANAN & TANGGUNGJAWAB BIP

BAHAGIAN INDUSTRI PERTAHANAN

Mengurus dan memantau dasar dan hala tuju industri pertahanan negara, program pembangunan industri pertahanan dan menerusi khidmat nasihat kepada stakeholders di dalam dan luar negara mengenai industri pertahanan tempatan

Keurusetiaan Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES)

Merancang dan mengendalikan program dua hala industri pertahanan di peringkat antarabangsa (bilateral & multilateral)

Memantau aktiviti ke arah memperkasakan Ekonomi Bumiputera di peringkat Kementerian Pertahanan

Merancang, menentu dan memantau pelaksanaan Program *Offset* dan Program Pengukuhan Ekonomi (PPE) melalui *Industry Collaboration Programme* (ICP) MinDef bersama *Technology Depository Agency* (TDA) di bawah Kementerian Kewangan bagi program Darat, Laut, Udara dan Markas ATM

Mengurus dan melaksanakan keurusetian induk bagi dua (2) pameran pertahanan antarabangsa iaitu *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition* (LIMA) dan *Defence Services Asia* (DSA)

Pemudah cara bagi kontrak penswastaan dan memantau program/ aktiviti penswastaan dan badan berkanun

Selain itu, BIP juga telah berjaya melaksanakan EMPAT program utama industri pertahanan iaitu:

PEMBANGUNAN INDUSTRI PERTAHANAN

4 PROGRAM UTAMA PEMBANGUNAN INDUSTRI PERTAHANAN 2015

1

Seminar dan Bengkel MIDES yang bertujuan untuk meningkatkan *networking* ahli MIDES pada 22 Jan 2015

2

Sesi Dialog Pelaksanaan GST dan Hi-Tea Majlis industri pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) pada 22 Jan 2015 di Wisma Perwira

3


Ceramah – *Industry Collaboration Programme* (ICP) pada 18 Mac 2015 di London, UK

4

Seminar *Industry Collaboration Programme* (ICP) kepada ahli MIDES dan agensi-agensi Kerajaan pada 15 Disember 2015 di Wisma Perwira

Platform dua hala industri pertahanan di peringkat antarabangsa atau lebih dikenali sebagai bilateral dan multilateral digunakan untuk mempromosi produk dan perkhidmatan industri pertahanan tempatan, membangkitkan isu-isu berkaitan peluang perkongsian pintar, peluang menjadi sebahagian daripada rantaian pembekalan antarabangsa, mendapatkan

teknologi pertahanan serta peluang perkongsian ilmu dalam bidang industri pertahanan dan teknologi “dual-use” serta latihan dalam bidang industri pertahanan. Sepanjang tahun 2015, BIP telah berjaya menganjur dan menyertai pelbagai program dua hala industri pertahanan antaranya:



Mesyuarat yang berlangsung telah menjadi platform bagi meneruskan perbincangan mengenai perkara-perkara berbangkit daripada mesyuarat-mesyuarat lepas serta membolehkan negara terlibat meneroka keupayaan sedia ada, terutamanya untuk memperkasakan lagi industri pertahanan tempatan. Sekali gus, semua mesyuarat yang berlangsung telah dapat membuka lebih banyak peluang kepada industri pertahanan tempatan dalam menghasilkan kerjasama industri serta memperkenalkan pembangunan keupayaan dan kecekapan yang berkaitan.

Penglibatan BIP sebagai keurusetian induk pameran pertahanan antarabangsa di Negara ini iaitu *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA)* dan *Defence Services Asia (DSA)* melibatkan jumlah pengaliran wang yang besar serta dengan pelbagai aktiviti koordinasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

ia juga merupakan aktiviti antarabangsa yang dapat menjana ekonomi negara menerusi pelaksanaan yang sistematik dan terancang. Penglibatan Kementerian Pertahanan dalam penganjuran pameran pertahanan antarabangsa seperti ini dapat menggalakkan *networking*, kolaborasi dan kerjasama antara syarikat tempatan dan pemain industri utama dunia dan memperkenalkan teknologi pertahanan terkini kepada pengguna dan pemain industri serta mempromosi keupayaan syarikat tempatan di pasaran global.

Pada tahun 2015, Kementerian Pertahanan berjaya mengajurkan Pameran *Langkawi International Maritime & Aerospace (LIMA'15)* pada 17-21 Mac 2015 di Langkawi, Kedah. LIMA 2015 telah mencatat kejayaan yang besar berbanding pameran sebelumnya dengan penyertaan 512 pempamer daripada 36 buah negara. Lebih 380 tetamu kerajaan daripada 55 buah negara telah hadir. Rajah 1 menunjukkan fakta kejayaan LIMA 2015.

BIP juga berjaya membawa syarikat industri pertahanan tempatan menyertai Pavilion 1Malaysia di pameran pertahanan antarabangsa yang membolehkan syarikat yang terlibat meningkatkan kebolehpasaran mereka di arena industri pertahanan antarabangsa, iaitu:

- Pameran *Langkawi International Maritime & Aerospace* (LIMA'15) - 10 syarikat menyertai Pavilion 1Malaysia.
- Pameran *Defence & Security Equipment International* (DSEI) London, United Kingdom - Enam syarikat menyertai Pavilion 1Malaysia.
- Pameran Pertahanan Antarabangsa *7th Defence & Security* Bangkok, Thailand - Enam syarikat menyertai Pavilion 1Malaysia.



Perasmian LIMA'15 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Haji Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak


LIMA '15

THE LANGKAWI INTERNATIONAL MARITIME & AEROSPACE EXHIBITION

17-21 March 2015 | Langkawi, Malaysia



PENCAPAIAN



■ LIMA 2013
■ LIMA 2015

*Jualan Tapak :
LIMA2013/LIMA2015
16.458mil/15mill =

109.7%

RAJAH 1 KEJAYAAN PAMERAN ANTARABANGSA LIMA 2015

BIP juga bertanggungjawab memantau aktiviti ke arah memperkasakan ekonomi bumiputera di peringkat Kementerian Pertahanan. Pada tahun 2015, pelbagai *engagements* dengan syarikat industri pertahanan bumiputera telah berjaya dilaksanakan yang memperlihatkan kejayaan dalam memperkasakan ekonomi bumiputera, termasuk:

PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA MINDEF

1

Peningkatan bilangan usahawan baru di kalangan veteran ATM Bumiputera

2

Peningkatan bilangan usahawan baru di kalangan veteran ATM Bumiputera

3

Peningkatan bilangan usahawan baru di kalangan veteran ATM Bumiputera

Melalui platform implementasi Program *Offset* dan Program Pengukuhan Ekonomi (PPE), industri pertahanan tempatan berkembang dan membangun melalui penyertaan dalam program *offset* dan PPE berkenaan. Sehingga kini, sebanyak 70 buah syarikat telah menyertai program *offset* dan PPE di bawah projek perolehan kementerian pertahanan dan memperolehi manfaat melalui:

FAEDAH PROGRAM *OFFSET* & PPE

SUPPLY CHAIN

KANDUNGAN TEMPATAN

TRANSFER OF TECHNOLOGY

LATIHAN DAN RESEARCH & DEVELOPMENT (R&D)

Sebanyak tujuh program *offset* berjaya disempurnakan dengan pelepasan obligasi (*offset credit claims*), iaitu:

7 PROGRAM *OFFSET* BERJAYA DISEMPURNAKAN TAHUN 2015

4 Program di bawah *Offset* EC725/ EC225

1 Program di bawah *Offset* PC 7MKII

2 program di bawah *Offset* Sewaan Satelit

Selain itu, 38 projek *offset* berjaya diluluskan termasuk projek di bawah Program *Offset* PC7MKII, Program Offset AV8, Program Offset EC725, dan Program Offset LCS pada 2015.



Helikopter Ec725 milik Tentera Laut Diraja Malaysia



AV8 Gempita milik Tentera Darat Malaysia



PC7 MKII milik Tentera Udara Diraja Malaysia

SEKITAR LIMA' 2015



DEPOT **SIMPANAN PERTAHANAN (DSP)**

Depot Simpanan Pertahanan atau lebih dikenali sebagai DSP adalah merupakan sebuah organisasi yang terletak di bawah Sektor Timbalan Ketua Setiausaha Dasar - TKSU (D) dan ditubuhkan melalui suratkuasa rujukan Perbendaharaan.06833 Pt 116 susulan kepada peristiwa 13 Mei 1969 apabila pihak ATM menghadapi masalah Stok Bantuan Darurat. Pengurusan DSP dipertanggungjawabkan kepada Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Pertahanan berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera.

Objektif

- Menyimpan peralatan bagi melengkapkan kekuatan dua (2) kumpulan Briged
- Memastikan peralatan sentiasa berada dalam keadaan siap siaga (Evereadiness) untuk kegunaan negara semasa keadaan darurat dan juga aman



Keluarga besar Depot Simpanan Pertahanan



HALA TUJU DSP

DSP telahpun beroperasi dan melaksanakan fungsinya seperti yang ditetapkan sebelum ini. Namun begitu, DSP melalui perubahan peranan selari dengan peredaran masa dan keperluan semasa.

Kini DSP tidak lagi mempunyai Stok Simpanan Pertahanan (kecuali senjata lama) dan hanya menyimpan serta menyelenggarakan Stok Bantuan Kemanusiaan selain menyediakan ruang penyimpanan barang agensi-agensi lain termasuk UN-WFP dan Jabatan Latihan Khidmat Negara.

Mesyuarat Cadangan Hala Tuju DSP pada 2 April 2015 telah memutuskan supaya diadakan satu bengkel sehari bagi memperincikan hala tuju baru DSP untuk dibentangkan kepada Lembaga Menteri. Bengkel tersebut telah diadakan pada 25 Jun 2015 dan dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada

BDPS, DSP, BPSM, Bahagian Logistik Pertahanan serta Markas ATM.

SUMBER MANUSIA

Perjawatan & Pengisian

- Jumlah keseluruhan perjawatan di DSP adalah sebanyak 266 perjawatan yang terdiri daripada perjawatan awam dan perjawatan tentera.
- Daripada jumlah tersebut, 120 perjawatan adalah perjawatan awam manakala baki 146 perjawatan adalah perjawatan tentera.
- Kekosongan serta kedudukan semasa perjawatan-perjawatan di DSP adalah seperti Jadual 1.

JENIS PERKHIDMATAN	PERJAWATAN YANG DILULUSKAN	PERJAWATAN YANG DIISI	KEKOSONGAN	PERATUS PENGISIAN
Pegawai dan kakitangan awam	120	57	63	47.50%
Pegawai dan Lain-lain Pangkat ATM	146	32	114	21.92%
JUMLAH	266	89	177	33.46%

JADUAL 1 PERJAWATAN DSP SEHINGGA 31 DISEMBER 2015



KURSUS & LATIHAN AWAM

- Kursus dan Wacana Ilmu DSP**

- Sepanjang tahun 2015, DSP secara keseluruhan telah menganjurkan empat siri kursus dan empat wacana ilmu untuk penjawat awam termasuk mengadakan lawatan kerja ke Gudang WFP-UNHRD Subang.
- Jumlah Hari Berkursus yang telah dihadiri oleh penjawat awam DSP adalah seperti berikut:
 - Lebih 7 hari setahun - 56 orang (98.25%)
 - Kurang 7 hari setahun - 1 orang (1.75%)
- Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB)

Bagi merealisasikan Konsep Pelan Integriti Nasional (PIN), Depot Simpanan Pertahanan dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia telah menganjurkan Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) Siri I dan II pada 02 hingga 04 Jun 2015 dan 09 hingga 11 Jun 2015 bertempat di Bilik Latihan, DSP. Kursus ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan penghayatan peserta mengenai usaha pengukuhan integriti dalam sektor awam.

- Lawatan Kerja Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)

Pada 27 Oktober 2015, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) telah mengadakan satu lawatan kerja ke DSP untuk membuat tinjauan dan seterusnya membolehkan JPAM memberi pandangan dan maklumbalas kepada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik berhubung hala tuju baru DSP sebagai Depoh Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Negara. Lawatan tersebut diketuai oleh Tuan Haji Zainun bin Salleh selaku Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JPAM berserta lapan orang pegawai lain.

- Lawatan Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian (Dasar)
 - Datin Junaidah binti Kamaruddin

YBhg. Datin Junaidah binti Kamaruddin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) yang baru telah mengadakan lawatan ke DSP pada 31 Disember 2015 untuk mendengar taklimat berkenaan fungsi dan meninjau kawasan persekitaran DSP bagi melihat keperluan sebenar DSP dalam penyediaan Kertas Lembaga Menteri Hala Tuju DSP serta memperkemaskan urus tadbir DSP.



Lawatan Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian (Dasar)

PROGRAM KEMBARA DUGA DSP

Pada 28 hingga 30 Oktober 2015, seramai 33 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan awam dan anggota tentera DSP telah menyertai dengan jayanya Program Kembara Duga DSP 2015 bertempat di Taman Negara Kuala Tahan Pahang.

Melalui program tersebut, para peserta diberi pendedahan dan latihan asas kehidupan sebagai anggota tentera, meningkatkan kemahiran membaca peta serta ilmu medan perang selain mengasah daya ketahanan mental dan fizikal.



Program Kembara Duga DSP di Taman Negara Kuala Tahan, Pahang


MAJLIS PERPISAHAN PENGARAH DSP

Satu Majlis Perpisahan telah diadakan di Dewan Bestari, Depot Simpanan Pertahanan pada 26 Oktober 2015 bagi meraikan Pengarah DSP iaitu Encik Abdullah bin Abdul Rahman yang menerima kenaikan pangkat JUSA C dan ditempatkan di Bahagian Pembangunan, Kementerian Pertahanan Malaysia. Majlis tersebut diraikan sebagai tanda penghargaan ke atas jasa beliau berkhidmat di DSP.

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN 2015

DSP telah diberi peruntukan Belanja Mengurus (OE) berjumlah RM 502,998.00 dengan pecahan Objek Am 10000 (Emolumen) RM 44,598.00 dan Objek Am 20000 (Bekalan dan Perkhidmatan) RM 458,400.00. Dari jumlah tersebut DSP telah berjaya membelanjakan sebanyak RM 420,855.51 (83.67%) dan bakinya RM 82,142.49 (16.33%) sahaja.

16.33%



Peruntukan Jumlah Yang Telah Dibelanjakan
Pada Tahun 2015

RM420,855.51

Jumlah Baki Peruntukan Yang Telah
Dibelanjakan Pada Tahun 2015

RM82,142.49

CARTA 1

JUMLAH PERBELANJAAN KEWANGAN
DSP SEHINGGA 31 DISEMBER 2015

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI DEPOT SIMPANAN PERTAHANAN

Satu Majlis Sambutan Aidilfitri Depot Simpanan Pertahanan telah diadakan secara sederhana pada 13 Ogos 2015 bertempat di Dewan Bestari. Semua hidangan makanan



dan minuman telah dimasak dan disediakan sendiri oleh kakitangan DSP. Walaupun masih keletihan namun jelas terpancar kegembiraan di wajah kalangan warga kerja DSP.



Gotong royong memasak hidangan bagi Majlis Sambutan Aidilfitri yang turut dihadiri oleh bekas pesara DSP serta pegawai-pegawai MinDef

PERSEDIAAN MENGHADAPI PENGAUDITAN EKSA

Q Manager serta semua kakitangan DSP telah menjalankan aktiviti gotong-royong EKSA pada setiap hari Jumaat bermula jam 2.45 petang bagi memastikan kawasan dan ruang kerja berada dalam keadaan yang bersih serta teratur.



Ini juga sebagai langkah-langkah persediaan bagi menghadapi Pengauditan Pensijilan EKSA yang telah ditetapkan oleh pihak MAMPU pada 11 hingga 13 November 2015



Q Manager dan Ahli Jawatankuasa sedang menghadapi Pengauditan Pensijilan EKSA oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia pada 11 November 2015

LAWATAN PEGAWAI BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK (BDPS)

Berikut BDPS dalam peringkat akhir penyediaan Kertas Lembaga Menteri Hala Tuju DSP, maka satu lawatan ke DSP telah diadakan pada 27 November 2015 (Jumaat) bagi melihat persediaan DSP dalam menghadapi perubahan fungsi ke arah

simpanan bantuan kemanusiaan dan bencana. Antara kawasan yang dilawati adalah bangunan pentadbiran, garaj kenderaan, stor MKN, Stor Bantuan Kemanusiaan, gedung senjata dan depoh kenderaan.



Pegawai BDPS dibawa melawat ke garaj kenderaan A dan B serta Stor Bantuan Kemanusiaan dengan diiringi oleh Kapten Zairol bin Zakaria



PENYELARAS LOGISTIK / BANTUAN / SUMBANGAN BAGI PENGURUSAN BENCANA MINDEF

Mesyuarat Jawatankuasa Task Force / RRU Bencana Kementerian Pertahanan yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Sri KSU pada 03 November 2015 telah bersetuju dan memuktamadkan pembahagian penugasan dengan penglibatan DSP sebagai penyelaras Logistik/Bantuan/Sumbangan. Tugas DSP adalah untuk mengenalpasti keperluan aset logistik yang boleh digerakkan serta mengurus dan menjadi pusat pengumpulan sementara bagi keperluan sumbangan daripada syarikat / masyarakat dan agensi lain ke lokasi bencana.



Sumbangan bantuan kemanusiaan daripada SAPURA Group



Sumbangan bantuan kemanusiaan daripada Syarikat DEFTECH dan Syarikat HF Nurani Sdn Bhd

LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



SEKTOR PENGURUSAN

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- Bahagian Pengurusan Maklumat
- Bahagian Akaun
- Bahagian Kewangan
- Bahagian Pentadbiran

BAHAGIAN **PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Pendahuluan

Sepanjang tahun 2015, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pertahanan Malaysia telah melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan berpandukan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh kementerian. BPSM berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan kepada bahagian-bahagian di Kementerian dan Jabatan/Agensi dalam aspek

pembangunan organisasi, pengurusan personel dan pembangunan sumber manusia bagi mencapai visi dan misi Kementerian Pertahanan sekali gus memperlihatkan standard dan kualiti yang tinggi dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang dituntut di dalam perkhidmatan awam.



Setiausaha Bahagian BPSM bersama dengan para pegawai & kakitangannya

AKTIVITI & PENCAPAIAN TAHUN 2015

Urusan Pelantikan

Perkara pelantikan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2015 seperti di Jadual 1.

BIL	PERKARA PELANTIKAN	BILANGAN
1.	Menguruskan Penempatan Lantikan Baru	688
2.	Pengesahan Pelantikan	558
3.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan	247
4.	Pemberian Taraf Berpencen	100
5.	Pelanjutan Tempoh Percubaan	11
JUMLAH		1,604

JADUAL 1 PERKARA PELANTIKAN SEPANJANG TAHUN 2015

Penempatan / Pertukaran

Pusingan kerja yang dilaksanakan sepanjang tahun 2015 seperti di Jadual 2.

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PEGAWAI TERLIBAT
1.	Pengurusan & Profesional	18
2.	Kumpulan Sokongan	1,078
JUMLAH		1,096

JADUAL 2 PUSINGAN KERJA SEPANJANG TAHUN 2015

Gaji, Elaun & Kemudahan Gaji

Penyediaan Penyata Perubahan Pendapatan (Kew.8) untuk Pergerakan Gaji Tahunan telah diselesaikan seperti di Jadual 3.

PGT	TARIKH SELESAI
Januari	15 Mac 2015
April	15 Mac 2015
Julai	15 Jun 2015
Oktober	15 Ogos 2015

JADUAL 3 PERGERAKAN GAJI TAHUN 2015

Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

MODUL/ SUBMODUL	PERATUS PENGEMASKINIAN
Data Perjawatan	100.0%
Rekod Peribadi	100.0%
Profil Perkhidmatan	100.0%
Pengisytiharan Harta	94.96%
SKT 2015	100.0%
LNPT 2015	100.0%

JADUAL 4 PENCAPAIAN HRMIS DI MINDEF SEHINGGA 31 DISEMBER 2015

Persaraan

BIL	JENIS PERSARAAN	JUMLAH TERLIBAT
1.	Persaraan Paksa	331
2.	Persaraan Pilihan	217
3.	Persaraan Atas Sebab Kesihatan	1
4.	Penswastaan	3
5.	Kematian	25
JUMLAH		577

JADUAL 5 STATISTIK PERSARAAN PENJAWAT AWAM

Program Psikologi & Kaunseling

Pada tahun lepas, terdapat 37 program psikologi yang telah dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Kesemua 37 program ini adalah berdasarkan keperluan yang telah ditetapkan oleh Perkeling Perkhidmatan No.18/2005 yang menekankan kepada perkembangan modal insan, langkah-langkah pencegahan dan pemulihan.

Program-program ini memfokuskan untuk memperkasakan keberkesanan modal insan, motivasi pekerja, memperkasakan nilai-nilai positif dan meningkatkan kerjasama pekerja dalam pekerjaan.

Polisi & Urusan Perkhidmatan Tentera

Sepanjang tahun 2015, beberapa program telah berjaya dilaksanakan oleh CKT seperti berikut:

- Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) oleh YB Timbalan Menteri pada 9 Februari 2015 di Wisma Pertahanan;
- Majlis Penyerahan Surat Pelaksanaan Penambahbaikan Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Bagi ATM oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 9 April 2015 di Wisma Pertahanan;
- Program Kembara Duga Askar Wataniah Kementerian Pertahanan pada 5-9 Oktober 2015 di Outward Bound School, Lumut;
- Bengkel semakan Peraturan-Peraturan ATM pada 28-31 Mei 2015 di Port Dickson dan pada 16-19 November 2015 di Pulau Pinang;
- Mesyuarat Lembaga Pengurus TAPPN ke-40 dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri pada 28 November 2015 di Wisma Pertahanan; dan
- Pembentangan Rang Undang-Undang Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015 di Dewan Rakyat pada 3 Disember 2015 dan Dewan Negara pada 18 Disember 2015.

Pengukuhan Perjawatan Kementerian Pertahanan Malaysia

Bagi tahun 2015, Kertas Cadangan Perjawatan (KCP) yang diluluskan adalah sebanyak 13. Bagi lawatan Naziran Perjawatan di Markas/Unit/Pasukan di bawah naungan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), CP telah mengadakan Lawatan Naziran sebanyak empat kali yang merangkumi Program Pertahanan Darat, Laut , Udara serta Awam.

Tujuan lawatan Naziran ini adalah untuk menyemak pengisian perjawatan awam dan tentera secara amnya agar selari dengan struktur organisasi dan beban tugas yang dipertanggungjawabkan. CP juga telah mengadakan bengkel sebanyak dua (2) kali bagi tahun 2015. Tujuan bengkel ini adalah untuk memberikan penerangan serta perbincangan yang melibatkan perjawatan di setiap program.



Mesyuarat Lembaga Pengurus TAPPN ke-40



Bengkel Pindaan Peraturan Angkatan Tetap ATM di Pulau Pinang & Port Dickson

KURSUS & AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN



- Sesi Pembantangan RUU LTAT kepada Dewan Rakyat
- Majlis Penyerahan Surat Pelaksanaan Penambahbaikan kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum Angkatan Tentera Malaysia
- Kursus Bahasa Inggeris 'Taking Charge' dan Kursus Pengukuhan 'Developing High Performing Team' yang telah diadakan di atas Kapal Layar DiRaja Tunas Samudera (KLD Tunas Samudera)

- Cawangan Latihan juga telah mengadakan kerjasama dengan pihak Biro Tata Negara untuk mengadakan empat (4) siri Kursus Patriotisme
- Program Kembara Duga Askar Wataniah Kementerian Pertahanan di OBS Lumut.
- Program Pasca Akrab bagi tahun 2015 telah berjaya dilaksanakan sebanyak empat (4) siri sehingga bulan September 2015

PROGRAM PTPTN BERSAMA PEMINJAM WARGA MINDEF





Program Bengkel Motivasi Kerja bagi tahun 2015 telah dilaksanakan sebanyak empat (4) siri bagi tahun 2015



Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling bagi tahun 2015 telah dilaksanakan pada 5 Mei 2015 hingga 8 Mei 2015 di Hotel Sentral Johor Bahru



Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 1 tahun 2015 telah dilaksanakan pada 20 April 2015 hingga 23 April 2015 di Suria Cherating Beach Resort Kuantan, Pahang



Program Jelajah Psikologi MinDef telah dilaksanakan dengan jayanya pada 25 Mei 2015 hingga 29 Mei 2015 bermula dari Wisma Pertahanan Kuala Lumpur ke Institut Latihan Tentera Udara (ILTU), Perak dan berakhir di Pangkalan TLDM Lumut, Perak

LAWATAN KEBAJIKAN KSU KE RUMAH KAKITANGAN MINDEF

Anak sakit jantung berlubang



Prestasi & Pelaksanaan Kursus/Latihan

Sepanjang tahun 2015, Cawangan Latihan BPSM telah melaksanakan sebanyak 214 kursus daripada 143 yang dirancang dan kehadiran peserta kursus seramai 13,937 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di semua Bahagian / Jabatan / Markas / Briged di seluruh Negara.

Berdasarkan jumlah tersebut, 1,632 orang atau 99.21% (dari Jabatan/Bahagian) dan 9,122 orang atau 94.2% (dari Markas / Briged) telah mencapai prestasi tujuh (7) perbelanjaan BPSM bagi pelaksanaan kursus/latihan/seminar/program adalah sebanyak 98.54%.

JUMLAH KESELURUHAN KURSUS 2015	JUMLAH PESERTA
214	13,937
JADUAL KESELURUHAN KURSUS	

KEMENTERIAN PERTAHANAN	JUMLAH PENJAWAT AWAM	> 7 HARI	%	> 7 HARI	%	TIDAK BERKURSUS	%
JABATAN/ BAHAGIAN	1,664	1,611	96.8%	53	3.2%	0	0%
MARKAS/ BRIGED	9,887	8,444	85.41%	1,443	14.59%	0	0%
JLKN	1,096	684	62%	389	35%	23	2%
JUMLAH	12,647	10,739	84.91%	1,885	14.91%	23	0.18%

PRESTASI LATIHAN KEMENTERIAN

PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat Kementerian Pertahanan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Abdul Rahim Bakri pada 11 Mac 2015 di Auditorium Wisma Pertahanan. Seramai 365 penerima APC telah hadir untuk menerima insentif yang ditetapkan.

Pengiktirafan Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia Tahun 2015

Kementerian Pertahanan Malaysia telah dianugerahkan Pengiktirafan Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia Tahun 2015 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Naziran ini adalah antara usaha Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan psikologi di kementerian dan jabatan.



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bahagian Pengurusan Maklumat MinDef (BPM) telah diwujudkan kira-kira 39 tahun lalu bermula pada tahun 1976 dan dikenali sebagai Bahagian Prosesan Data Elektronik (BPDE). Sepanjang 39 tahun BPM ditubuhkan, organisasi ini telah mengalami dua perubahan nama dan peranan. Perubahan pertama pada tahun 1993, dengan penyusunan semula perjawatan, peranan dan tanggung jawab BPDE kepada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM). Bermula 15 Ogos 2008, BTM bertukar imej kepada Bahagian Pengurusan Maklumat.

Objektif

- a. Memperkasakan infrastruktur ICT secara menyeluruh dan bersepada.
- b. Membangun dan memperkuatkan aplikasi bisnes teras.

- c. Memastikan program ICT selaras dengan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) MinDef.
- d. Menggubal, menguatkuasa dan menilai semula dasar serta prosedur ICT MinDef sejajar dengan dasar ICT kerajaan semasa.
- e. Mengukuhkan keselamatan perlindungan aset ICT.
- f. Mengamalkan teras budaya kerja cemerlang dan berintegriti.
- g. Membangunkan keupayaan organisasi ICT yang kompeten

Aktiviti

■ KELULUSAN & PEMANTAUAN PROJEK ICT MINDEF

Sepanjang tahun 2015, Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) MinDef yang diurus setiakan oleh BPM telah meluluskan 66 projek ICT dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM84,748,147.



Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat bersama dengan para pegawai & kakitangannya

■ **PENARAFAN *STAR RATING SYSTEM* (SSR) MAMPU 2015**

BPM telah berjaya menyediakan keperluan penarafan *Star Rating System* yang dikendalikan oleh MAMPU pada 12 dan 13 Oktober 2015. Pada *Exit Conference Program* tersebut, tiada teguran dicatatkan bagi kesemua Kriteria Audit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

■ **PENILAIAN SEMULA DASAR KESELAMATAN ICT, MINDEF**

BPM telah melaksanakan penilaian semula Dasar Keselamatan ICT MinDef (DKICT versi 4.0) melalui dua Mesyuarat Kerja melibatkan para pegawai BPM, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) dan juga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 28-30 September 2015 dan 6-8 Disember 2015.

■ **PERSEDIAAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT (PSTM MINDEF) 2016-2020**

Program Persediaan Pembangunan PSTM MinDef 2016-2020 adalah selaras dengan tempoh PSTM MinDef 2011-2015 yang berakhir Disember 2015.

Objektif persediaan Pembangunan PSTM MinDef adalah mengumpul maklumat awal perancangan strategik ICT yang merangkumi kajian pencapaian PSTM MinDef 2011-2015 dan analisa persekitaran bisnes semasa MinDef.

Tempoh PSTM MinDef yang baharu 2016-2020 adalah selari dengan perancangan RMKe-11 dan Pelan Strategik MinDef 2016-2020. Selain itu, Pelan Strategik Teknologi Maklumat Sektor Awam 2016-2020 juga sedang dibangunkan oleh MAMPU.

Bagi mengumpulkan input kepada persediaan pembangunan PSTM MinDef yang baharu, satu Mesyuarat Kerja Persediaan Pembangunan PSTM MinDef 2016-2020 telah diadakan di Royale Bintang Seremban pada 26-28 Oktober 2015 - melibatkan pegawai MinDef dan ATM serta pegawai daripada Bahagian Perundingan ICT MAMPU.



Kursus Latihan Pengguna anjuran BPM



Taklimat sistem LIMA



Taklimat SPS

■ INISIATIF SMART MINDEF

Inisiatif SMART MinDef yang diterajui oleh BPM adalah salah satu daripada program Bold and Radical yang telah dikenalpasti dalam Bengkel Semakan Semula Pelan Transformasi MinDef pada 8-10 Mei 2014. SMART MinDef menyokong Teras ke-2 dalam Pelan Transformasi MinDef iaitu bagi meningkatkan keupayaan dan memberi nafas baharu kepada MinDef.

Tempoh pelaksanaan Inisiatif ini adalah bermula 1 April 2015 sehingga 30 April 2020. SMART MinDef diwujudkan berdasarkan keperluan pengurusan atasan MinDef mendapatkan maklumat bisnes dengan segera bagi tujuan perancangan strategik, pemantauan dan pelaporan masa nyata secara *on-demand*.

SMART MinDef dinspirasikan berdasarkan konsep *SMART Government* yang berteraskan Kerajaan Elektronik yang bercirikan *Social-Mobile-Analytics-Radical Openness-Trust* (S.M.A.R.T).

Hasil daripada pelaksanaan SMART MinDef pada tahun 2015 adalah pembangunan prototaip aplikasi

mudah alih iMinDef yang terdiri daripada iKew (Modul Pelaporan Kewangan MinDef) dan juga iHR (Modul Pelaporan Sumber Manusia).

■ KERJASAMA MENGHADAPI ANCAMAN SERANGAN SIBER OLEH KUMPULAN ANONYMOUS MALAYSIA

Satu kumpulan yang mendakwa diri mereka kumpulan '*Hacktivis Anonymous*' Malaysia telah mengeluarkan satu ancaman berbentuk video pada 4 Ogos 2015 untuk menyerang laman web kerajaan pada 29 hingga 30 Ogos 2015. Lanjutan daripada itu, *Government Computer Emergency Response Team* (GCERT) MAMPU telah mengeluarkan makluman kepada semua agensi kerajaan mengenainya pada 11 Ogos 2015.

Tindakan pencegahan dan pemantauan telah dilaksanakan bagi menghadapi ancaman tersebut berpandukan garis panduan daripada GCERT MAMPU. Tiada gangguan terhadap laman web MinDef sepanjang tempoh ancaman berkenaan.



Pemantauan Berkala Pusat Data MinDef bagi menjamin ketersediaan perkhidmatan



Pemantauan Berkala Pusat Data MinDef bagi menjamin ketersediaan perkhidmatan

■ PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ICT UNTUK PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN DI SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) & PUSAT KOS (PK)

Ia menerusi Pemasangan Kemudahan Rangkaian Setempat (*Local Area Network-LAN*) di Zon Utara & Tengah

Sebagai persediaan Kementerian menjelang pelaksanaan Perakaunan Akruan menerusi penggunaan sistem 1GFMAS dan NextGen eP pada Januari 2017, BPM telah melaksanakan perluasan rangkaian setempat atau *Local Area Network (LAN)* bagi membolehkan komputer-komputer yang dibekalkan kepada Pejabat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Kos dapat membuat capaian ke atas sistem-sistem tersebut melalui talian 1GovNet.

Perluasan rangkaian setempat ini melibatkan kerja-kerja pemasangan nod kabel *Unshielded Twisted Pair* (UTP), pemasangan kabel gentian optik dan pembekalan serta pemasangan rak rangkaian melibatkan 28 lokasi di Zon Utara dan Tengah. BPM merancang untuk melaksanakan pemasangan kemudahan rangkaian setempat bagi Zon Selatan, Zon Timur, Sabah dan Sarawak pada tahun 2016.

Pencapaian

■ KEJAYAAN TRANSISI PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

Daripada MS ISO/IEC 27001:2007 kepada MS ISO/IEC 27001:2013

Pelaksanaan MS ISO/IEC 27001:2007 ISMS di Kementerian Pertahanan (MinDef) bermula pada tahun 2012 dan telah berjaya mendapat persijilan daripada *Cyber Security Malaysia* pada tahun 2013.

Pelaksanaan ISMS ini melibatkan empat (4) agensi di bawah MinDef iaitu BPM MinDef, BPM Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), BPM Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan Cawangan Pengurusan Maklumat (CPM).

Skop persijilan ISMS MinDef adalah seperti berikut:

Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Data melibatkan:

- Maklumat *Card Issuance System*, *Visitor Management System* dan Sistem eRakam di BPM MinDef;



Aktiviti House Keeping Inventori di Stor BPM

- Maklumat Sistem E-Mel dan Laman Web JLKN di BPM JLKN;
- Maklumat Sistem *Veteran Information Benefit System (VIBES)* di BPM JHEV; dan
- Maklumat Sistem E-Mel STRIDE di CPM STRIDE.

Pada 1 Oktober 2013, versi terbaru bagi standard keselamatan maklumat telah diterbitkan ISO 27001:2013 menggantikan standard lama dan badan persijilan mempunyai masa sehingga dua (2) tahun untuk membuat pertukaran sijil kepada versi baru. Setiap organisasi yang telah dipersijilkan berdasarkan standard lama pula perlu memperbaharui pelaksanaan ISMS supaya selari dengan keperluan standard

tersebut. Oleh yang demikian, pada tahun 2015, kesemua dokumen dan pelaksanaan ISMS di MinDef telah diselaraskan seiring keperluan standard baru ISMS iaitu ISO/IEC 27001:2013.

Pada tahun 2015, MinDef telah diaudit sebanyak dua (2) kali menggunakan standard baru ISMS:

- Audit Dalam dilaksanakan oleh Pasukan Audit Dalam MinDef pada 2 hingga 7 April 2015; dan
- Audit Luar dilaksanakan oleh *Cyber Security Malaysia* bertarikh 19 hingga 21 Mei 2015.

Persijilan ISMS telah berjaya diperbaharui pada 26 Jun 2015 oleh *Cyber Security Malaysia*.

■ ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN 2015

Kategori Teknologi Maklumat & Komunikasi

BPM telah berjaya memenangi tempat ketiga di dalam Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2015 melalui penyertaan Sistem Maklumat Status Spesifikasi (SisMaSS). Anugerah telah disampaikan oleh Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein pada "Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Pertahanan Tahun 2015" pada 15 Disember 2015, di Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur.



Salinan Sijil ISMS ISO/EC 27001:2013 MinDef



Salinan Sijil ISMS ISO/EC 27001:2013 MinDef

■ PEMENANG ANUGERAH PTJ TERBAIK MINDEF 2015

BPM telah dianugerahkan sebagai PTJ Terbaik MinDef bagi tahun 2015 pada Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bajet Mengurus 2016 pada 11 Januari 2016. Sijil telah disampaikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi.

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



BAHAGIAN AKAUN

Bahagian Akaun telah ditubuhkan pada 1 Julai 2006 untuk menjalankan fungsi Pejabat Perakaunan berdasarkan perakaunan tunai ubah suai sebagaimana yang telah digariskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan fungsi pengurusan kewangan yang khusus di bawah Kementerian seperti berikut:

- a. Memberi khidmat perundingan dari segi latihan, pelaksanaan, naziran, audit terimaan dan khidmat nasihat;
- b. Menguruskan urusan semakan dan bayaran termasuk pengurusan cek/EFT;
- c. Mengurus operasi sistem dan segala urusan yang berkaitan gaji;
- d. Menguruskan operasi dari segi penyelenggaraan akaun, pengurusan terimaan, panjar, dana, amanah dan deposit serta akaun subsidiari;
- e. Pengurusan teknologi maklumat iaitu sebagai pentadbir sistem aplikasi dan memberi bantuan teknikal;
- f. Menguruskan prestasi pembayaran bil setiap Pusat Tanggungjawab di bawah Kementerian; dan
- g. Mengendalikan urusan pembacaan meter dan pengeluaran bil utiliti kepada penghuni-penghuni Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan premis-premis sewaan bagi bekalan utiliti yang telah dibayar secara pukal oleh Kementerian bagi tujuan kutipan balik.

Berdasarkan waran perjawatan Bilangan K20 Tahun 2015 yang telah diterima, Bahagian Akaun mempunyai 220 perjawatan yang terbahagi kepada dua iaitu 93 perjawatan di Wisma Pertahanan bagi melaksanakan fungsi baru Pejabat Perakaunan berdasarkan perakaunan akruan dan 127 perjawatan di lapan sel berek mengikut zon di seluruh Malaysia bagi melaksanakan pengurusan utiliti.



Keluarga Besar Bahagian Akaun

Walau bagaimanapun, fungsi baru Pejabat Perakaunan ditunda sehingga sistem 1GFMAS selesai dibangunkan dan sehingga pelaksanaan perakaunan akruan ditetapkan mengikut tarikh pewartaan undang-undang.

Slogan '*Defence Accounting 4 Service Excellence*' merupakan pernyataan kesungguhan dan komitmen Bahagian Akaun selaku Pemboleh (*Enabler*) untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang bagi menyokong operasi utama kementerian dalam memastikan ke semua teras utama yang telah ditetapkan adalah tercapai.

AKTIVITI & PENCAPAIAN

Memantapkan Pengurusan Bayaran

Sepanjang tahun 2015, Bahagian Akaun telah memproses 114,879 baucar bayaran (2014: 173,732 baucar bayaran). Daripada jumlah tersebut, 99% (2014: 97%) telah diproses dalam tempoh tiga hari bekerja. Standard yang telah ditetapkan

adalah empat hari bekerja. Proses bayaran yang cepat dapat membantu penerima menguruskan kewangannya dengan teratur dan secara tidak langsung membantu menjana ekonomi negara.

Meningkatkan Prestasi Pembayaran Bil Pusat Tanggungjawab

Pembayaran bil dalam tempoh 14 hari merupakan komitmen Kerajaan yang dipantau oleh Jabatan Perdana Menteri pada setiap pertengahan dan penghujung bulan. Pada tahun 2015, 99% daripada 240,774 bil (2014: 99% daripada 269,507 bil) di Pusat Tanggungjawab telah dibayar dalam tempoh 14 hari bagi menjamin kepuasan pelanggan dan meningkatkan imej Kementerian secara berterusan.

Walau bagaimanapun, usaha menambah baik prestasi ini terus dijalankan di mana 44 bil (2014: 33 bil) yang telah dibayar melebihi 14 hari telah dikenal pasti punca kelewatan dan kaedah penyelesaiannya seperti di jadual 1.

PUNCA	2015	2014	KAEDAH PENYELESAIAN
JUMLAH BIL DIBAYAR MELEBIHI 14 HARI	44	33	
Salah kunci masuk tarikh oleh penyedia baucar bayaran	29	29	Menggunakan aplikasi i-Bill
Lewat memperaku invois <i>online</i> kerana menunggu invois manual	1	1	Terus sahaja memperaku invois <i>online</i> tanpa invois manual
Lewat memperaku baucar kerana ketiadaan pegawai	-	2	Menambah bilangan pegawai yang memperaku
Masalah teknikal pada kad atau talian	-	1	Menghubungi segera <i>helpdesk</i> dan menyusul sehingga selesai
Memperaku baucar yang telah dikuiri	4	-	Menyediakan baucar ganti dengan segera
Arahan penutupan oleh Perbendaharaan dan Jabatan Akauntan Negara	10	-	Merancang perbelanjaan dan mengelak berbelanja pada penghujung tahun
JADUAL 1	JUMLAH BIL YANG DIBAYAR MELEBIHI 14 HARI - PUNCA & KAEDAH PENYELESAIAN		

Untuk mengurangkan punca kelewatan paling utama iaitu ‘salah kunci masuk tarikh di peringkat penyedia baucar bayaran di Pusat Tanggungjawab’, satu inisiatif telah diambil oleh Bahagian Akaun dengan menguatkuasakan penggunaan aplikasi i-Bill oleh setiap Pusat Tanggungjawab melalui Surat Arah Bahagian Akaun Bilangan 1 Tahun 2015: Pelaksanaan Aplikasi i-Bill yang telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha pada 17 September 2015.

Aplikasi i-Bill adalah hasil Inovasi Program Maritim yang telah memenangi Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2014 Kategori Pengurusan Kewangan dan perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua Pusat Tanggungjawab bagi mengelakkan kesilapan yang sama dari terus berulang. Inovasi ini juga sudah mula digunakan oleh jabatan-jabatan dari luar Kementerian Pertahanan seperti Jabatan Kesihatan Perak dan telah dimohon oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.

Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Laporan Perakaunan

Sepanjang tahun 2015, kesemua laporan yang dijana daripada sistem perakaunan telah berjaya diedar kepada Pusat Tanggungjawab melalui sistem eLaporan dari tarikh tutup akaun bulanan sehingga 5 haribulan bulan berikutnya bagi membantu Pusat Tanggungjawab menyemak ketepatan transaksi yang telah diperakaunkan melalui penyesuaian data antara rekod di Pusat Tanggungjawab dengan rekod di Pejabat Perakaunan.

Maklumat perakaunan yang tepat akan memberi gambaran kedudukan dan prestasi kewangan sebenar kepada pihak yang memerlukan untuk merancang dan membuat keputusan.

Memantapkan Pengurusan Terimaan

Pada tahun 2015, Bahagian Akaun telah berjaya mengutip sebanyak 81% daripada baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2014 berjumlah RM42 juta (2014: 75% daripada baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2013 berjumlah RM67 juta).



Lawatan tapak panel pengadil bagi Anugerah Inovasi MinDef 2015
kategori pengurusan kewangan

Di samping itu, kesemua 1,464 resit (2014: ke semua 1,688 resit) telah dikeluarkan dalam tempoh satu hari bekerja. Pengurusan Akaun Belum Terima dan kutipan yang efektif serta efisien adalah penting di dalam pengurusan aliran wang tunai bagi mengelakkan kerugian yang besar di pihak kerajaan.

Meningkatkan Prestasi Pengurusan Kewangan

Sepanjang tahun 2015, ke semua 58 Pusat Tanggungjawab (2014: kesemua 55 Pusat Tanggungjawab) di Lembah Kelang telah berjaya dinazir bagi memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan kewangan dan mengelakkan daripada berlakunya kehilangan wang awam akibat penipuan atau kecuaian.

Di samping itu, semua laporan Naziran eSPKB bagi 58 Pusat Tanggungjawab (2014: 55 Pusat Tanggungjawab) dapat dikeluarkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh *exit meeting* bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil dengan serta merta oleh Pusat Tanggungjawab yang terlibat.

Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Kewangan & Perakaunan Kerajaan Persekutuan

Pelaksanaan Perakaunan Akruan adalah selaras dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi untuk memantapkan pengurusan fiskal berhemat serta mempertingkatkan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan. Sepanjang tahun 2015, Bahagian Akaun telah berjaya melaksanakan kesemua tindakan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia seperti berikut:

- Melaksanakan empat Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan bagi memantau kemajuan pelaksanaan perakaunan akruan di peringkat Kementerian.
- Melaksanakan empat Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengumpulan Data yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti baki awal aset dan liabiliti yang akan digunakan di dalam sistem 1GFMAS.
- Melaksanakan 13 latihan yang melibatkan *Core Trainers* dan *Expert End Users* di peringkat Kementerian bagi memberi pendedahan kepada peserta berkenaan konsep dan modul 1GFMAS yang akan digunakan di dalam perakaunan akruan.

Sumbangan

Panel Pengadil Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2015 Kategori Pengurusan Kewangan

Dari 6 November hingga 4 Disember 2015, Bahagian Akaun secara tidak langsung telah menjadi hos kepada Panel Pengadil Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2015 Kategori Pengurusan Kewangan untuk menilai 12 penyertaan projek dari seluruh Malaysia. Panel ini telah diketuai oleh Ketua Akauntan dan disertai oleh dua orang Akauntan daripada Bahagian Akaun, tiga orang pegawai tentera daripada Markas Tentera Darat, Markas Tentera Laut dan Markas Tentera Udara dan seorang pegawai awam dari Kementerian Kewangan.

Penerima anugerah pada tahun 2015 adalah Markas Pemerintahan Bantuan Udara Pangkalan Udara Kuala Lumpur bagi projek *Contract Monitoring System* yang telah diumumkan semasa Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Pertahanan Tahun 2015 yang telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein.



Penyerahan Sijil Kecemerlangan Bayaran oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan kepada Pusat Tanggungjawab pada salah satu Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bajet Mengurus



Ketua Akauntan (dua dari kiri) menerima Anugerah Pejabat Terbaik bagi tahun 2014

- d. Membuat dua serahan baki aset dan liabiliti kepada Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am bagi tujuan pengesahan.

Anugerah Program EKSA MinDef Tahun 2014

Pada 4 Disember 2015 Bahagian Akaun telah menerima tempat pertama Pejabat Terbaik bagi tahun 2014 semasa sesi Penyampaian hadiah/cenderahati Anugerah Program EKSA MinDef Tahun 2014 yang bertempat di Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur. Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi.

Pelaksanaan Sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah membangunkan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan elektronik untuk agensi kerajaan di luar negara yang dikenali SPLN. Bahagian Akaun mula terlibat dengan pelaksanaan ini semenjak

Jun 2012 sehingga 31 Mac 2015. Pada 26 Januari 2016, Dato' Hj. Che Pee Bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia telah menyerahkan Sijil Penghargaan ke atas penglibatan Kementerian Pertahanan Malaysia dalam pelaksanaan SPLN.

Pemilihan Calon Penerima Sijil Kecemerlangan Bayaran Tahun 2015

Pada 11 Januari 2016, 10 Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah terpilih untuk menerima Sijil Kecemerlangan Bayaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bajet Mengurus Tahun 2016 Kementerian Pertahanan.

Bahagian Akaun telah mengenal pasti calon penerima sijil daripada 109 Pusat Tanggungjawab berdasarkan kriteria pembayaran bil 100% dalam tempoh tiga hari pada setiap bulan di sepanjang tahun 2015. Penerima sijil adalah seperti di jadual 2.

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB		PROGRAM
1.	120401	Bahagian Pengurusan Maklumat	Pentadbiran Pertahanan
2.	230201	Maktab Pertahanan Angkatan Tentera	Bantuan Bersama
3.	310801	Cawangan Perancangan Dan Pembangunan	
4.	320801	Wisma Transit Kuala Lumpur	
5.	341601	Markas 4 Divisyen, Setapak	Pertahanan Darat
6.	341701	Markas 12 Briged, Setapak	
7.	340801	Markas 3 Briged Mekaniza, Kuantan	
8.	420901	Markas Bantuan TLDM, Pangkalan TLDM, Lumut	
9.	430201	KD Pelandok, Pangkalan TLDM, Lumut	Pertahanan Maritim
10.	440801	Markas Angkatan Kapal Selam TLDM, Pangkalan TLDM, Kota Kinabalu	

JADUAL 2 10 PENERIMA SIJIL KECEMERLANGAN
BAYARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN



Aktiviti Kakitangan Bahagian Akaun



Kejohanan Boling Bahagian Akaun berjaya mengerakkan lagi silatulrahim sesama kakitangan

BAHAGIAN KEWANGAN

Bahagian Kewangan dengan kekuatan seramai 139 orang dari segi perjawatan telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Bajet Mengurus (OE) Kementerian Pertahanan yang berjumlah RM14.14 bilion melibatkan 6 Program yang terdiri daripada 133 Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Pencapaian Bahagian Kewangan Sepanjang Tahun 2015

- **Penarafan 4 Bintang Bagi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Pengauditan Indeks Akauntabiliti Oleh Jabatan Audit Negara**

Kementerian berjaya mengekalkan pencapaian 4 bintang dalam Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi 5 tahun berturut-turut. Prestasi Kementerian Pertahanan bagi tahun 2014 adalah sebanyak 94.23% di tangga ke 6 daripada 24 Kementerian berbanding 91.47% (tangga ke 20 daripada 24 Kementerian) pada tahun sebelumnya.

- **Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)**

Disenarai pendek untuk Anugerah Inovasi Peringkat Kebangsaan (AIPK) 2015; Mewakili MinDef dalam pertandingan KIK Peringkat Wilayah; Mendapat tempat ke-3 dalam Peringkat Kementerian.

- **Diiktiraf Sebagai PTJ Terbaik Program Pentadbiran Pertahanan**

PTJ Bahagian Kewangan telah dianugerahkan sebagai PTJ Terbaik Program Pentadbiran Pertahanan tahun 2014 semasa Majlis Perjanjian Program.

- **Penarafan 4 Bintang Dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AIMS)**

BADSA memberi pengiktirafan 4 Bintang kepada PTJ Bahagian Kewangan dalam Pengauditan AIMS bagi tahun 2014.

Anggaran Belanja Mengurus

Bagi tahun 2015, Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan sebanyak RM17.76 bilion. Daripada jumlah tersebut, peruntukan Belanja Mengurus Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM14.14 bilion (79.63%), manakala Belanja Pembangunan pula sebanyak RM3.62 bilion (20.37%). Pecahan peruntukan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2015 mengikut Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan adalah seperti di Carta 1.

Setiausaha Bahagian Kewangan bersama dengan para pegawai & kakitangannya




Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2015 Kementerian Pertahanan menunjukkan peningkatan sebanyak RM789.46 juta (5.91%) berbanding peruntukan tahun 2014 berjumlah RM13.36 bilion.

Sebanyak RM6,976.97 juta (49.32%) daripada jumlah peruntukan tersebut merupakan peruntukan bagi emolumen, manakala RM7,167.82 juta (50.67%) adalah peruntukan bukan emolumen.

Prestasi Belanja Mengurus

Bagi tahun 2015, peruntukan kementerian juga telah disekat sebanyak RM876.63 juta menjadikan peruntukan keseluruhan Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM13.27 bilion. Namun, pada awal Januari 2016, Bahagian Kewangan telah membuat pelarasan peruntukan antara program bagi memastikan tiada perbelanjaan defisit bagi tahun 2015.



Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Mengikut Jenis Perbelanjaan

Prestasi perbelanjaan berdasarkan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut jenis perbelanjaan bagi tahun 2015 adalah seperti di Jadual 1.

JENIS PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	BAKI (RM)
Emolumen	6,800,783,408.00	6,800,782,632.23	100.00	775.77
Perkhidmatan & Bekalan	6,079,023,454.00	6,079,023,435.05	100.00	18.95
Aset	406,049,251.00	406,049,246.62	100.00	4.38
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	111,633,656	111,628,161.86	100.00	5,494.14
Perbelanjaan – Perbelanjaan lain	291,059.00	291,056.80	100.00	2.20
JUMLAH (RM)	13,397,780,828	13,397,774,532.56	100.00	100.00

JADUAL 1 PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS
TAHUN 2015 MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN

Laporan ePerolehan Kementerian Pertahanan

Jumlah transaksi melalui Sistem ePerolehan berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti di Jadual 2.

PROGRAM	BIL. PTJ	BIL. TRANSAKSI	JUMLAH PESANAN KERAJAAN (LO) (RM)
Pentadbiran Pertahanan	14	3,758	87,495,565.54
Bantuan Bersama	17	11,014	237,022,779.11
Pertahanan Darat	39	15,541	720,382,038.15
Pertahanan Maritim	20	17,685	1,091,156,406.22
Pertahanan Ruang Udara	16	12,357	284,262,988.53
Latihan Khidmat Negara	1	568	35,623,981.39
JUMLAH (RM)	107	60,923	2,455,943,758.94

JADUAL 2 JUMLAH TRANSAKSI
ePEROLEHAN TAHUN 2015

Prestasi ePerolehan Kementerian bagi tahun 2015 adalah sebanyak 94.56% dengan perbelanjaan sebanyak RM2,455,943,758.94 berbanding peruntukan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM2,597,214,140.33. Prestasi ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 14.33% di mana pada tahun 2014 kementerian telah Berjaya mencapai sebanyak 80.23%.

Fokus Perbelanjaan Kementerian Pertahanan

Fokus utama perbelanjaan di kementerian adalah seperti berikut:

1. KESIAGAAN ATM

Peruntukan kesiagaan meliputi penyelenggaraan ke atas aset-aset sedia ada seperti in-service support (ISS) bagi 2 buah kapal selam TLDM, aset operasi MEDAN seperti MIFV, ADNAN, PENDEKAR, A109 LOH, pesawat pejuang, pesawat angkut, pesawat latihan, helikopter dan sistem Elektronik Strategik (PRISMA) dan lain-lain.

2. PEMBANGUNAN MODAL INSAN ATM

Pembangunan modal insan ATM merupakan teras bagi melahirkan warga ATM yang berpengetahuan tinggi serta meningkatkan profesionalisme dan kompetensi anggota. Fokus utama adalah melibatkan latihan dan kursus, K-Force dan Program TVET.

3. KEBAJIKAN ANGGOTA ATM

Bagi menjaga kebijakan warga ATM, kementerian telah memberi tumpuan bagi kemudahan utama seperti perolehan ubat-ubatan, senggaraan RKAT dan feri sekolah.

4. KEBAJIKAN VETERAN ATM

Bagi menguruskan veteran yang berpencen dan PERHEBAT, kementerian telah mengadakan beberapa bentuk program, latihan dan bantuan sara hidup, bantuan persekolahan, bantuan kemasukan IPTA, bantuan peralatan pesakit, bantuan bencana, bantuan mengurus jenazah, pembayaran ex-gratia dan bayaran balik perubatan veteran tidak berpencen.

5. DIPLOMASI PERTAHANAN

Perbelanjaan adalah untuk mesyuarat, kursus, persidangan serta sumbangan antarabangsa.

6. PROGRAM NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)

Program-program yang dijalankan oleh kementerian di bawah program NBOS adalah seperti 1 Military Community Transformation Centre (MCTC), 1 Malaysian Veteran Home Repair (1MVHR), Pusat pemuliharaan Pemasyarakatan (PPP), Program Remaja Berwawasan, Program National Service 2.0, Program Rondaan bersama ATM/PDRM, Program OP Wawasan dan Military Community Partnership.

7. PROGRAM TRANSFORMASI PLKN

Transformasi PLKN adalah memfokuskan kepada program pembinaan Negara yang mana pelatih dipilih oleh pihak sekolah dan secara sukarela. Dua fasa yang terlibat dalam transformasi PLKN memberi tumpuan kepada Program Pembelajaran Bersepadu selama 2 bulan dan seterusnya fasa kedua pelaksanaan program sijil kemahiran teknikal dan ia merupakan pilihan bagi pelatih yang berminat.

8. MEMPERKASA INDUSTRI PERTAHANAN

Pelbagai inisiatif dilaksanakan seperti program off-set, PPE, Program Vendor, pameran antarabangsa, kandungan tempatan, transfer of technology, latihan dan research and development (R&D).

9. KESELAMATAN SABAH

Bagi memastikan kedaulatan dan keselamatan negara terus dipelihara, tahap kesiagaan dan mobiliti aset-aset yang beroperasi di kawasan Sabah dipertingkatkan melalui ESSZONE, Ops Pasir, Sea Basing dan Pengkalan Hadapan Lahad Datu.

10. MISI PENGAMAN MALAYSIA

Perbelanjaan bagi misi pengaman Malaysia di luar negara adalah diperuntukkan di bawah Akaun Amanah Kementerian Pertahanan Malaysia. Peruntukan yang diterima merupakan sumbangan seperti bayaran balik Contingent Owned Equipment (COE) daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, bayaran pampasan, sumbangan daripada syarikat, pertubuhan bukan kerajaan dan negara luar serta perbelanjaan untuk melengkapkan anggota ke mana-mana kawasan Misi Pengaman.



Menteri Pertahanan mencuba salah satu aset tempur milik TLDM

Pemantauan Oleh Bahagian Kewangan

Selaras dengan usaha Kementerian ke arah Zero Financial Mismanagement, Bahagian Kewangan melalui Cawangan Inspektorat bertanggung jawab dalam melaksanakan pemantauan pengurusan kewangan secara berterusan ke atas kesemua 133 PTJ di kementerian. Skop pemeriksaan meliputi pematuhan

kepada peraturan kewangan berkuatkuasa serta pelaksanaan bagi kelulusan yang diberikan oleh Bahagian Kewangan kepada PTJ. Sebagai insentif kepada PTJ-PTJ yang mengamalkan pengurusan kewangan yang Cemerlang, pengiktirafan PTJ Terbaik telah diberikan semasa Majlis Perjanjian Program.

Latihan / Kursus Yang Dianjurkan Oleh Bahagian Kewangan

Sebanyak 17 kursus yang telah dianjurkan oleh Bahagian Kewangan yang melibatkan seramai 788 orang pegawai dan kakitangan di kementerian pada tahun 2015.

Laporan Aset Tahunan Kementerian Pertahanan

Butiran terperinci aset Kementerian Pertahanan berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti di Jadual 3 berikut:

JENIS ASET	BAKI PADA 31 DISEMBER 2015 (RM)
Aset Alih	41,700,244,015.20
Aset Haiwan	6,923,207.25
Aset Tumbuhan	6,949,170.83
Aset Ikan	0.00
Stok	9,211,817,732.10
JUMLAH	50,925,934,125.38

JADUAL 3 NILAI ASET KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2015

• Tidak termasuk stok peluru dan letupan



Pertandingan 'Indoor Games' Bahagian Kewangan 2015



Pertandingan Batu Seremban



Pertandingan Karom

Sesi audit EKSA oleh pihak MAMPU ke Bahagian Kewangan



BAHAGIAN PENTADBIRAN

Bahagian Pentadbiran (BP) merupakan bahagian yang bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan yang cekap dan berkesan kepada semua warga awam dan tentera yang bertugas di Wisma Pertahanan. Terdapat tiga (3) cawangan dan satu (1) seksyen di BP iaitu Cawangan Logistik, Cawangan Belanjawan & Kewangan, Cawangan Penyelenggaraan Bangunan dan Seksyen Pengurusan Rekod.



Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom merasmikan Kuarters Awam Sri Mutiara pada 7 November 2015

CAWANGAN LOGISTIK

Cawangan Logistik (CL) bertanggungjawab dalam perkara-perkara berkaitan keselamatan, kebersihan dan keceriaan Bangunan Wisma Pertahanan dan persekitaran, pengurusan logistik serta pengurusan acara-acara Kementerian. Selain itu, CL juga menguruskan Kuarters Kakitangan Awam Sri Mutiara di Setiawangsa.



BP bertindak sebagai Sekretariat Logistik dan Bilateral bagi penganjuran Asean Defense Minister' Meeting 2015



Setiausaha Bahagian Pentadbiran bersama dengan para pegawai & kakitangannya



*YB Menteri Pertahanan bersama YB Timbalan Menteri Pertahanan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan
di Majlis Perjumpaan sempena Hari Raya Aidilfitri pada 4 Ogos 2015*

Sepanjang tahun 2015, CL bertindak sebagai nadi utama untuk beberapa majlis dan program rasmi peringkat Kementerian. Di antara majlis/program peringkat Kementerian yang turut melibatkan penyertaan warga Mindef dari Jabatan/Bahagian/Unit adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM / MAJLIS	TARIKH	TEMPAT
1.	<i>Asean Defence Senior Official Working Group Meeting 2015</i>	21-24 Januari 2015	Johor Bahru, Johor
2.	<i>Asean Defence Senior Official Meeting 2015</i>	11-14 Januari 2015	Kuala Lumpur
3.	<i>Asean Defence Ministers' Meeting 2015</i>	15-17 Mac 2015	Langkawi, Kedah
4.	Majlis Berbuka Puasa Kementerian Pertahanan bersama YB Menteri Pertahanan	22 Julai 2015	Masjid Khalid Al-Walid
5.	Majlis Perjumpaan YB Menteri Pertahanan Sempena Hari Raya Aidilfitri	4 Ogos 2015	Dewan Seroja
6.	<i>Asean Defence Ministers' Retreat</i>	2-5 November 2015	Subang, Selangor

CL juga adalah urus setia kepada mesyuarat-mesyuarat utama yang berkaitan dengan keselamatan dan kebersihan. Sepanjang tahun 2015 mesyuarat-mesyuarat yang dikendalikan adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Keselamatan Mindef (Urus setia Bersama Sek. Mk ATM)	3 kali
2.	Mesyuarat Kebersihan Wisma Pertahanan	4 kali
3.	Mesyuarat Pengurusan Kafeteria	3 kali
4.	Mesyuarat Penyelarasaran Pelan Kesinambungan Perkhidmatan	1 kali
5.	Mesyuarat Pengurusan Kuarters Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan	3 kali

CAWANGAN BELANJAWAN & KEWANGAN

Cawangan Belanjawan dan Kewangan (CBK), Bahagian Pentadbiran adalah Pengurus Program Pentadbiran Pertahanan, Pengurus PTJ Bahagian Pentadbiran dan pusat memproses bayaran gaji dan elaun bagi 19 pusat pembayaran gaji di Kementerian Pertahanan. Sebagai pengurus Program dan PTJ, Cawangan ini telah berjaya mengadakan mesyuarat yang telah ditetapkan dalam pekeliling yang sedang berkuatkuasa sekarang. Mesyuarat tersebut adalah:

BIL.	PERKARA	BILANGAN
1	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Peringkat Program Pentadbiran Pertahanan	4 kali
2	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Peringkat Pusat Kos	4 kali
3	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Peringkat Program Pentadbiran Pertahanan	4 kali

Prestasi Perbelanjaan

Pencapaian prestasi perbelanjaan PTJ Bahagian Pentadbiran adalah sebanyak 91.74%.

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%
1	Dasar Sedia Ada	44,883,892.00	41,973,,285.14	93.52
2	Program Khusus Luar Negara	5,368,700.00	4,140,018.83	77.11
3	<i>One Off</i>	292,125.00	292,125.00	100.00
4	Dasar Baru	173,000.00	122,857.08	71.02
	PRESTASI KESELURUHAN	50,717,717.00	46,528,286.05	91.74

CBK juga menganjurkan kursus pengurusan kewangan bagi mendidik warga Kementerian mengenai tatacara perolehan dan pengurusan kewangan yang efektif seperti berikut:

BIL	PROGRAM / MAJLIS	TARIKH
1	Kursus Pengurusan Aset (Program Pertahanan)	24 – 27 Mei 2015
2	Bengkel ePerolehan	25 – 27 Ogos 2015
3	Bengkel OBB	11 – 13 Disember 2015
4	Kursus Pengurusan Kewangan (Peringkat PTJ)	9 – 11 September 2015



Peserta-peserta Bengkel OBB bersama dengan En Kamarul Ikram b. Sidek,
Pengurus Program Pentadbiran Pertahanan di Ayda Hotel, Langkawi Kedah

CAWANGAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

Projek Peningkatan Bangunan Wisma Pertahanan

Bagi memastikan infrastruktur bangunan Wisma Pertahanan ini sentiasa selesa, selamat dan terkini, Cawangan Penyelenggaran Bangunan (CPB) telah melaksanakan pelbagai usaha penambahbaikan dan senggara sepanjang tahun 2015.


1. Projek Kerja-Kerja Pemasangan Sistem Solar dan Kerja-Kerja berkaitan di Balai Pengawal Wisma Pertahanan


Pemasangan Panel Solar berkapasiti 40kW di Balai Pengawal Wisma Pertahanan bagi menjana bekalan tenaga elektrik untuk kegunaan di Balai Pengawal

dan kawasan sekitar. Projek ini dapat mengurangkan penggunaan bil elektrik Wisma dan selari dengan amalan Teknologi Hijau

2. Projek Menaik taraf Kipas Ekzos Bagi Tandas Kor
3. Projek Menaik taraf Sudut Foyer Utama (Sudut Informasi & Sudut Inovasi)

Menaik taraf hiasan dalaman sudut sedia ada Foyer Utama kepada Sudut Informasi dan Sudut Inovasi. Ini dapat meningkatkan penyampaian maklumat kepada warga Wisma dan pelawat.





SEKSYEN PENGURUSAN REKOD (SPR)

Pada tahun 2015, Seksyen Pengurusan Rekod (SPR) telah mengalami penstrukturkan semula organisasi, seiring dengan pertambahan fungsi dan peranannya dalam pengurusan rekod secara digital iaitu melalui aplikasi *Digital Document Management System* (DDMS). Bagi melancarkan pelaksanaan DDMS, Unit Pos yang dahulunya di bawah Cawangan Logistik, Bahagian Pentadbiran telah dipindah masuk ke dalam SPR.

Pelaksanaan DDMS di Kementerian Pertahanan Malaysia bermula pada 14 September 2015. Mulai dari tarikh ini, pengurusan rekod rasmi Kementerian dilaksanakan secara hibrid iaitu melalui sistem dan fail fizikal.

Selain itu, SPR juga bertanggungjawab menyimpan, menguruskan peminjaman dan pemulangan fail peribadi pegawai dan kakitangan awam serta melaksanakan pelupusan rekod mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia

Aktiviti SPR:

1. Pelupusan Rekod

SPR telah melaksanakan sebanyak tiga (3) sesi pelupusan rekod. Sebanyak 1,289 unit fail telah dimusnahkan dan 3,193 unit fail dan buku perkhidmatan dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia, Petaling Jaya untuk simpanan kekal.

2. Bengkel Klasifikasi Fail Fungsian

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 14-16 April 2015 di Kementerian Pertahanan Malaysia dan disertai oleh 30 orang pegawai (PRJ / PTRJ) dari setiap bahagian.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rekod

Mesyuarat ini berjaya dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2015. Ia bagi membincangkan perkara berkaitan pengurusan rekod Kementerian Pertahanan. Seramai lebih 30 orang PRJ dan PTRJ hadir pada mesyuarat ini.

Berikut adalah tarikh Mesyuarat J/K Pengurusan Rekod yang dijalankan:

- Bil.1/2015 - 9 April 2015
- Bil. 2/2015 - 1 September 2015
- Bil. 3/2015 - 2 November 2015

4. Lawatan Khidmat Nasihat

Lawatan khidmat nasihat 2015 dilaksanakan ke setiap bahagian yang terlibat dengan penggunaan aplikasi DDMS sebagai langkah kesedaran dan persediaan.

Puan Siti Normah binti Abdul Aziz, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pentadbiran sedang mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rekod yang dihadiri oleh PRJ dan PTRJ setiap bahagian.

5. Kursus & Bengkel Anjuran Seksyen Pengurusan Rekod

SPR telah menganjurkan sebanyak tiga (3) buah kursus/bengkel berkaitan pengurusan rekod iaitu:

- Bengkel Pengharmonian Jadual Pengurusan Rekod pada 14 hingga 16 April 2015.
- Kursus Pengurusan Rekod Terperingkat pada 1 hingga 2 Jun 2015.
- Kursus Pengurusan Rekod Bagi Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) pada 19 hingga 21 Oktober 2015.

6. Latihan Penggunaan DDMS

Sesi latihan penggunaan aplikasi DDMS telah dilaksanakan pada 29 Julai hingga 17 Ogos 2015 di makmal komputer Wisma Pertahanan.





Pegawai Keselamatan Kerajaan, Puan Maryafatin Hajar binti Ibrahim sedang memberikan khidmat nasihat kepada para peserta Kursus Pengurusan Rekod Terperingkat Oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan (CGSO) Pada 1-2 Jun 2015.



Sesi Latihan Penggunaan Aplikasi Digital Document Management System (DDMS) Pada 29 Julai -17 Ogos 2015 yang turut disertai oleh En. Ab Rahman Bin Che Hamad, TSBU Bahagian Pembangunan.



Pegawai Arkib, Cik Rusniza binti Hamdan sedang memberikan khidmat nasihat kepada para peserta Kursus Pengurusan Rekod Bagi Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Pada 19-21 Oktober 2015



Lawatan Audit Penilaian Indeks Sistem Star Rating (SSR) 2015 Pengurusan Rekod Oleh Pegawai Arkib Dari Arkib Negara Malaysia Pada 23 Disember 2015

Pada 23 Disember 2015, SPR / Bahagian Pentadbiran telah menjadi urus setia bagi lawatan audit Penilaian Indeks Sistem Star Rating (SSR) 2015 bagi Pengurusan Rekod di Kementerian Pertahanan.

Sebanyak lapan bahagian telah dilawati oleh dua (2) orang juruaudit dari Arkib Negara Malaysia iaitu Bahagian Akaun, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Dasar dan Pengurusan Strategik, Bahagian Kewangan, Bahagian Perolehan, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Pentadbiran dan Unit Komunikasi Korporat.

Hasil daripada laporan audit, Kementerian Pertahanan telah berjaya mencapai sebanyak 92% markah penilaian fizikal berbanding 91% markah penilaian kendiri melalui ez-Sinar yang membawa kepada pencapaian 5 Bintang!

KEJAYAAN & PENGIKTIRAFAN

Bahagian Pentadbiran telah menempa kejayaan dan menerima beberapa pengiktirafan dalam tahun 2015. Antara kejayaan yang diperolehi adalah:

1. Pengiktirafan empat (4) Bintang bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AIMS).
2. Memperolehi markah 85.34% bagi Naziran e-SPKB dan Naziran Khas oleh Bahagian Akaun.
3. Memperolehi markah 92% bagi Pengurusan Rekod dalam Penilaian Indeks Sistem Star Rating (SSR) 2015.

LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN

- Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE)
- Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)
- Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)
- Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
- Institut Pertahanan & Keselamatan Malaysia (MiDAS)

INSTITUT PENYELIDIKAN **SAINS & TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)**

Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) bertanggungjawab melaksanakan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pertahanan serta perkhidmatan teknikal Sains dan Teknologi (S&T) kepada Kementerian Pertahanan khususnya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi keselamatan. Ditubuhkan pada tahun 1968, STRIDE menjalankan aktiviti utama di Kompleks Induk, Kajang, Selangor dan di dua lokasi lain iaitu Batu Arang, Selangor dan Lumut, Perak

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D)

R&D Pertahanan

Sepanjang 2015 warga STRIDE masih meneruskan pelaksanaan untuk menyiapkan projek-projek penyelidikan pertahanan yang telah diluluskan untuk Rancangan Malaysia Ke-10. Berikut adalah beberapa aktiviti R&D yang telah dijalankan:



Kesan Penilaian *Commonly Used Materials on Multipath Propagation of Global Positioning System (GPS) Signals via GPS Simulation*



Pengujian kesan GPS antenna orientation



Pengujian penggunaan kuasa GPS halaju GPS



Pengujian kesan multipath terhadap ketepatan bacaan

Keluarga besar STRIDE



Pengujian Sistem Aerostat



Pengujian Keupayaan Sistem Aerostat

Kajian Mereka bentuk Corak Samaran Bot Pesisir Pantai & Sungai*Kajian ke atas bot***Ready To Eat Meat Bars***Proses membakar dan memotong Meat Bar**Pelabelan kantung retort**Proses mengisi Meat Bar ke dalam kantung*

PERKHIDMATAN TEKNIKAL

Khidmat teknikal kepada MinDef, Angkatan Tentera Malaysia dan sektor keselamatan lain terus diberi keutamaan sepanjang 2015, dan pencapaian aktiviti–aktiviti ini adalah seperti di Jadual 1.

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Pembangunan dan Pengesahan Spesifikasi Perolehan Pertahanan	234 permohonan
Ujian Makmal dan Medan	680 ujian
Penilaian Teknikal	155 permohonan
Penyiasatan Kegagalan dan Kajian Kes	19 kes penyiasatan

JADUAL 1 PENCAPAIAN AKTIVITI SOKONGAN TEKNIKAL STRIDE 2015

a. Ujian, Penilaian, Penyiasatan & Kalibrasi

Jumlah pengujian makmal dan medan, penilaian teknikal serta penyiasatan bertambah berbanding dengan tahun sebelumnya. Berikut adalah beberapa aktiviti yang telah dijalankan.



Aktiviti penyiasatan Cip Elektronik Mil-Std



Pengukuran Suhu Ke Atas Badan Pesawat B200T TUDM Subang



Bantuan teknikal STRIDE untuk Eksesais Panah Jaguh di Tanjung Logok, Kota Tinggi, Johor



Ujinilai Laser Warning dan Grenade Discharge System (LWGDS) di Pekan, Pahang



Pengujian EMC Kenderaan AV8 di Gemas, Negeri Sembilan

b. Agensi Teknikal Perundangan Negara

STRIDE meneruskan penglibatannya dengan beberapa perundangan negara sepanjang 2015 iaitu agensi teknikal bahan kimia jadual 1 Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005, agensi meneraju draf rang undang-undang Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin serta agensi teknikal Akta Perdagangan Strategik 2010.



Seminar Akademik Kebangsaan "Biothreats and Biorisk:
Bridging Science and Security"



National Interagency Joint Bioincident Investigation

Malaysia Advanced Biorisk Officers Training (MABOT) 2 Fasa 1



c. Pusat Pengujian Tropika

STRIDE telah mengambil satu pendekatan dan inisiatif menyeluruh dalam usaha membantu mengurangkan dan mencegah risiko kerosakan peralatan dan kesan negatif terhadap keupayaan fizikal dan kognitif anggota apabila terdedah kepada iklim tropika. Pusat Pengujian Tropika akan memperkenalkan program *Tropicalization* dan manfaat ini

akan dinikmati oleh negara-negara luar dan agensi-agensi yang terlibat. STRIDE bertanggungjawab menyediakan fasiliti tersebut dan mengoptimakan penggunaan keupayaan dan kapakaran sedia ada dan seterusnya meningkatkan keupayaan ketenteraan bagi menangani masalah-masalah bawaan iklim tropika pada masa hadapan.



Bengkel Lab 4 Tropicalization Testing Centre (TTC)



Lawatan Kerja Sekretariat Tropical Testing Centre (TTC)
Ke Kem Konkoi, Negeri Sembilan

AKREDITASI MAKMAL MS ISO/IEC 17025:2005

STRIDE memastikan tenaga kerja yang kompeten dan aktiviti pengujian makmal di dalam persijilan MS ISO/IEC 17025:2005. STRIDE meneruskan kecemerlangan pengurusan makmal berdasarkan MS ISO/IEC 17025:2005. Dengan adanya akreditasi ini, pengujian yang dijalankan oleh makmal-makmal STRIDE adalah kredibel dan diiktiraf oleh agensi antarabangsa.



Penilaian Penambahan Skop



PRESTASI KEWANGAN 2015

a. Belanja Mengurus (OE)

Bagi tahun kewangan 2015, STRIDE diperuntukkan Belanja Mengurus sejumlah RM 4,229,300.00. Jumlah ini telah berkurang dari peruntukan dasar sedia ada asal pada tahun 2014.

b. Akaun Amanah Penyelidikan & Pembangunan (R&D) STRIDE 2015

Akaun Amanah Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) STRIDE memulakan tahun kewangan 2015 dengan baki bawa ke hadapan sebanyak RM 1,074,889.42, manakala sejumlah RM 1,501,950.16 dicatatkan pada akhir tahun berakhir pada 31 Disember 2015. Maklumat terperinci adalah seperti Jadual 3 di bawah.

BAKI 01 JANUARI (RM)	1,074,889.42
JUMLAH TERIMAAN (RM)	609,817.00
JUMLAH PERBELANJAAN	(182,756.26)
BAKI 31 DISEMBER (RM)	1,501,950.16

JADUAL 3

BUTIRAN AKAUN AMANAH R&D
STRIDE 2015

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kursus Dalaman & Luaran

Sepanjang 2015, STRIDE telah menganjurkan 11 kursus / bengkel / latihan merangkumi pelbagai bidang teknikal dan bukan teknikal warga STRIDE juga diberi peluang menghadiri kursus, seminar dan bengkel luaran.



Kursus Pasukan ERT STRIDE



Kursus Kompetensi NIR & AAS



Kursus Pengurusan dan Kursus Pembuatan Kasut di Kilang Kulitkraf Sdn Bhd, Petaling Jaya, Selangor eselamatan Makmal



Military Vehicle Dynamics di Cranfield University,
Sripenham, United Kingdom

Majlis Pelbagai

STRIDE menganjur pelbagai majlis, taklimat dan perjumpaan termasuk majlis-majlis berikut dalam tahun 2015.



Hari Kualiti STRIDE



Hari Bersama Pelanggan di Bahagian Teknologi Persenjataan

Lawatan

Warga STRIDE telah mengadakan lawatan ke beberapa agensi kerajaan dan swasta serta turut menerima kunjungan pelawat-pelawat dari luar.



Destini Prima Sdn Bhd di Shah Alam



Agenzi Angkasa Negara (ANGKASA)



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan



Delegasi Pakistan

Aktiviti Kakitangan STRIDE



Pertandingan badminton pasukan KSU menentang Pasukan STRIDE

JABATAN LATIHAN **KHIDMAT NEGARA (JLKN)**

LATARBELAKANG

Satu Jawatankuasa Kabinet mengenai kerahan tenaga telah dibentuk dalam Mesyuarat Kabinet pada 30 Oktober 2002 untuk mengkaji keperluan pelaksanaan Kerahan Tenaga ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Menteri Pertahanan dan dianggotai oleh tujuh orang Menteri, seorang Penasihat Perdana Menteri yang bertaraf Menteri dan lima orang Timbalan Menteri.

Dalam mesyuarat pertama pada 12 November 2002, Jawatankuasa Kabinet mengenai kerahan tenaga telah menerima penggunaan istilah Khidmat Negara bagi menggantikan istilah ‘kerahan tenaga’.

Jawatankuasa Kabinet Menteri mengenai Khidmat Negara (JKMKN) telah menubuhkan empat buah Jawatankuasa Kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Kewangan, Jawatankuasa Kurikulum, Jawatankuasa Undang-undang dan Jawatankuasa Logistik bagi membantu jawatankuasa ini menyediakan perancangan dan menyelaraskan keperluan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan PLKN ini, Jabatan Latihan Khidmat Negara ditubuhkan di bawah Kementerian Pertahanan yang berfungsi sebagai agensi pelaksana. Demi melahirkan generasi yang berwawasan dan berdisiplin, PLKN telah diperkenalkan khusus untuk menyemarakkan lagi perasaan cinta dan sayangkan negara.

Berlandaskan penekanan semangat patriotisme serta jalinan integrasi nasional yang harmonis, program ini diadunkan bagi mewujudkan kestabilan dan kesejahteraan rakyat berterusan dan kekal utuh.

Ia dijalankan dengan menyatupadukan kumpulan generasi muda yang membesar dari latarbelakang dan keturunan yang berbeza, dengan hasrat dapat membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin, yakin diri dan dilengkapi sikap yang luhur yang sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan.

OBJEKTIF JABATAN

Program Latihan Khidmat Negara akan dilaksanakan bagi mencapai objektif yang telah digariskan seperti berikut:

- Meningkatkan semangat patriotik di kalangan generasi muda
- Memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional
- Membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni
- Menyemarakkan semangat kesukarelaan
- Melahirkan generasi muda yang lebih cergas, cerdas, dan penuh keyakinan
- Menyediakan generasi muda yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah bagi memenuhi pasaran kerja



Ketua Pengarah JLKN bersama dengan pegawai-pegawai kanannya



MINDEF 2



Ketua Pengarah JLN bersama dengan warga kerja JLN

TRANSFORMASI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN 2.0)

Pada tahun 2015 Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ditangguhkan bagi memberi ruang kepada Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) mengkaji semula dan menambahbaik program melalui Transformasi PLKN yang bertujuan untuk merumus pendekatan yang terbaik bagi PLKN yang baharu agar terus relevan dengan tuntutan semasa, praktikal dan mendatangkan kesan yang bermakna kepada pembangunan negara.

Bagi merealisasikan perkara ini, MAKMAL TRANSFORMASI PLKN telah diadakan selama lima minggu bermula dari 23 Februari hingga 26 Mac 2015. Ia bagi mendapatkan maklum balas pihak berkepentingan berhubung transformasi yang ingin dilaksanakan terhadap PLKN dan bermatlamat menghasilkan satu resolusi yang seterusnya dibentuk menjadi “blueprint” bagi menjayakan transformasi PLKN.

Pelaksanaan makmal ini adalah selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri sewaktu ucapan Bajet 2015 yang mengumumkan strategi pertama di dalam Pelan Transformasi Belia Negara - ‘Mengkaji semula Program Latihan Khidmat Negara dengan satu konsep baharu yang menjalinkan keperluan kemahiran dan kenegaraan’.

Makmal Transformasi PLKN ini telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 85 orang pihak berkepentingan yang terdiri daripada wakil kementerian, agensi kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pemain-pemain industri, golongan muda, operator kem PLKN, Alumni PLKN, jurulatih PLKN, ibu bapa dan lain-lain lagi.

Hasil daripada Makmal Transformasi PLKN, Jabatan telah mengenal pasti ENAM (6) FOKUS UTAMA yang perlu diberi tumpuan menjelang pengenalan PLKN berwajah baharu pada 2016 iaitu:



1. PEMILIHAN PELATIH

Pengambilan pelatih dipilih melalui proses pemilihan secara sukarela dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pejabat Pendidikan Daerah serta dipersetujui oleh ibu bapa atau penjaga yang dikehendaki menjalani latihan khidmat negara.

2. MODUL

PLKN 2.0 dilaksanakan dalam 2 fasa iaitu:

Pada Fasa 1, pelatih-pelatih akan menjalani latihan Program Pembelajaran Bersepadu (Integrated Learning Programme) yang mengandungi **lapan (8) modul baharu** iaitu modul Fit4Life, Tech+Talk, i-Upgrade, MalaysiaKu, Be Safe, Be Alert, Service Learning, Spirituality dan myFuture. Modul ILP ini akan dilaksanakan selama lapan (8) minggu di Kem PLKN.

Sebaik menamatkan latihan Fasa 1, pelatih akan mengikuti latihan Fasa 2 iaitu dengan mengikuti latihan bidang kemahiran di lebih 400 Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) atau Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) melalui kolaborasi dengan lapan (8) Kementerian serta pihak swasta selama tiga bulan minimum sehingga 36 bulan maksimum.

3. JURULATIH

Pelantikan adalah secara tetap melalui proses penilaian dan pemilihan yang ketat. Jurulatih PLKN akan diperkasa dengan ilmu yang sewajarnya dan mempunyai perkembangan kerjaya yang lebih baik.

Mereka akan diberi kursus *Training of Trainers (ToT)* modul-modul baharu bagi meningkatkan *Knowledge, Skills* dan *Attitude* (ASK) mereka serta akan dibentuk menjadi jurulatih yang multiskill dan tidak tertumpu kepada satu modul sahaja.

4. PRASARANA

Kem PLKN yang beroperasi dikehendaki untuk mematuhi garis panduan terkini yang telah ditetapkan (Garis Panduan Minima (SOC) 2008 pindaan 2013) bagi memastikan kualiti prasarana dan sajian yang disediakan. Kem-kem PLKN juga akan diberikan gred untuk memastikan setiap operator mengambil tindakan pada setiap teguran yang diberikan kepada kem mereka.



5. ALUMNI

JLKN akan membangunkan sebuah pangkalan data bagi mengumpulkan setiap pelatih yang pernah menyertai PLKN dan mensasarkan pada tahun 2020, seramai 1 juta alumni PLKN telah berdaftar dengan JLKN (Briged Sukarelawan Khidmat Negara).

6. PELAN KOMUNIKASI DAN MEDIA

Program Pelan Komunikasi Media serta penjenamaan yang lebih komprehensif dan mengoptimumkan penggunaan media perdana dan media sosial bagi mendekati tiga sasaran utama iaitu ibu bapa, belia dan majikan berpotensi.

Pada 19 April 2015, bertempat di IOI City Mall, Putrajaya, Jabatan dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah melaksanakan Hari Terbuka Transformasi PLKN untuk memberi maklum mengenai cadangan transformasi PLKN yang dibuat semasa makmal kepada masyarakat bagi mendapatkan maklum balas atau cadangan yang dapat melengkapkan lagi cadangan transformasi tersebut.

Pada 21 Mei 2015, satu penerangan telah diadakan bagi membentangkan hasil makmal transformasi PLKN kepada YAB Perdana Menteri semasa Program Cabinet Away Day di Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Hasil makmal ini seterusnya akan dibawa ke jemaah menteri untuk dibentangkan. Setelah ia diluluskan oleh kabinet, PLKN baharu akan dilaksanakan pada tahun 2016.

PROJEK RINTIS PLKN 2.0

Sehubungan itu, bagi memastikan kesemua enam fokus Transformasi PLKN dapat dilaksanakan dengan berkesan, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah melaksanakan Projek Rintis selama dua bulan bermula 17 Oktober 2015 sehingga 16 Disember 2015 bagi menguji keberkesanan modul-modul baharu yang akan diperkenalkan seperti *Fit4Life*, *MalaysiaKu*, *Tech+Talk* dan *i-Upgrade* serta pelaksanaan latihan kemahiran di institut-institut kemahiran yang telah dikenal pasti.

Projek Rintis ini telah dilaksanakan di Kem Princess Haliza, Selangor dan melibatkan penyertaan seramai 470 orang pelatih dengan 345 pelatih telah tamat bagi latihan Fasa 1.

Untuk Projek Rintis ini, pelatih-pelatih menjalani latihan secara dua (2) Fasa iaitu Fasa 1 yang merangkumi latihan kenegaraan melalui lapan modul yang telah ditambah baik, manakala Fasa dua pelatih ditawarkan ke kursus latihan kemahiran di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Kolej MAI (full NAME). Seramai 79 orang pelatih telah mendaftar dan menjalani latihan untuk fasa 2 tersebut.



Makmal Transformasi (Workstream: Penjenamaan PLKN) pada 23 Februari 2015 hingga 26 Mac 2015 di Palm Garden Hotel, IOI Resort Putrajaya.



Makmal Transformasi (Workstream: Latihan & Sumber) pada 23 Februari 2015 hingga 26 Mac 2015 di Palm Garden Hotel, IOI Resort Putrajaya.



Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam diberi penerangan mengenai Transformasi PLKN semasa Program Persada Transformasi Jabatan Perkhidmatan Awam di PICC, Putrajaya.

FASA 1: PROGRAM PEMBELAJARAN BERSEPADU

Program Pembelajaran Bersepadu yang menumpukan aspek Kenegaraan dan pembangunan individual melalui **Iapan (8) MODUL BAHARU PLKN 2.0** iaitu:

FIT4LIFE

Pengisian modul adalah berbentuk kemahiran survival, aktiviti ekstrim outdoor, latihan kecergasan fizikal dan pengambilan makanan dan nutrisi seimbang.

Tujuan modul ini adalah untuk melatih generasi muda mengamalkan gaya hidup sihat disamping membentuk keberanian, keyakinan, komitmen, daya ketahanan dan disiplin.

TECH + TALK

Modul yang menekankan aspek pembangunan interpersonal serta membina pemikiran kreatif dan kritis. Penekanan yang diberikan di dalam modul ini ialah pengukuhan kemahiran berkomunikasi khususnya bagi penggunaan Bahasa Malaysia dan Inggeris.

ia juga memberi latihan kepada pelatih untuk menggunakan aplikasi IT dan teknologi terkini sebagai persiapan untuk melangkah ke industri pekerjaan termasuklah kemahiran menyediakan resume, pembentangan slaid, dan persiapan temuduga.

MALAYSIAKU

Memberi penekanan terhadap aspek patriotisme dan semangat cintakan negara dalam masyarakat berbilang kaum serta membina pemahaman yang mendalam terhadap prinsip asas pembinaan Negara,cth. Rukun Negara



Kursus Training of Trainers



Kursus Training of Trainers



Lawatan Menteri Pertahanan dan Menteri Belia dan Sukan ke Projek Rintis PLKN 2.0



Ketua Setiausaha Negara beramah mesra bersama pelatih projek rintis PLKN 2.0 semasa lawatan kerja ke Kem PLKN Princess Haliza, Sepang.

BE SAFE, BE ALERT

Membina pemahaman pelatih tentang cabaran dan ancaman semasa samada berbentuk moden mahupun tradisional. Ini termasuklah ancaman-ancaman seperti tindakan subversif, ancaman dunia siber digital, ancaman pemikiran radikalisme serta ekstrimisme.

Modul ini secara tidak langsung dapat membina ketahanan jati diri pelatih untuk lebih berdaya tahan dalam mendepani arus perubahan global.

I-UPGRADE

Khusus kepada pembangunan individu “personal development” yang akan diintegrasikan ke dalam semua modul latihan secara “experiencial learning”.

Antara kaedah pembelajaran adalah melalui kerjasama berkumpulan, latihan berorientasikan permainan, kesenian dan media.

SERVICE LEARNING

Melaksanakan projek sukarela sebenar “real project” yang dapat memberikan impactsosial sebagai contoh membangunkan komuniti setempat, projek alam sekitar dan projek kesedaran sosial

SPIRITUALITY

Menekankan soal pemahaman dan penguasaan aspek kerohanian, agar pelatih akan lebih memahami perihal agama.

Selain itu, pelatih turut diajar kepentingan menghormati dan memahami sistem masyarakat majmuk yang mengamalkan kepelbagaian agama sebagai usaha memupuk perpaduan yang lebih mendalam.

MYFUTURE

Membantu pelatih mengenal pasti pilihan kerjaya berdasarkan ujian aptitude, pendedahan kepada asas keusahawanan, peluang melanjutkan pendidikan melalui Fasa 2 PLKN iaitu latihan kemahiran “Hard Skill Training” serta siri motivasi oleh tokoh-tokoh berpengaruh.

FASA 2 : PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN TEKNIKAL

Pada Fasa 2 nanti, pelajaran lebih kepada kemahiran teknikal. Program ini merupakan pilihan bagi pelatih PLKN 2.0 yang berminat dan layak untuk menyambung pengajian dalam bidang kemahiran di 400 pusat latihan kemahiran awam dan swasta yang terpilih.




Melalui modul myFuture pada Fasa 1 PLKN 2.0, para pelatih akan diberi ujian kecenderungan dan kaunseling kerjaya bagi mengenalpasti minat dan kecenderungan yang ada dalam diri mereka.

Pelatih yang berminat dan layak boleh memilih untuk melanjutkan pelajaran di dalam pelbagai jurusan dari peringkat Sijil sehingga diploma selepas tamat PLKN Fasa 1. Jangka masa latihan selama 3 minggu sehingga 36 bulan bergantung kepada kursus yang dipilih.

Antara bidang kemahiran teknikal yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- (1) Automotif
- (2) Perhotelan dan Pelancongan
- (3) Pengangkutan dan Logistik
- (4) Pembinaan
- (5) Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan
- (6) Pembuatan



Salah satu kemudahan yang disediakan di Kem iaitu Klinik bagi memantau kesejahteraan dan kesihatan pelatih.



Bilik Penginapan Pelatih PLKN



Antara khidmat komuniti yang dilakukan oleh Briged Sukarelawan Khidmat Negara



BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN / AGENSI
1	Kementerian Pendidikan Tinggi	Politeknik Kolej Komuniti
2	Kementerian Sumber Manusia	Institut Latihan Perindustrian CIAST
3	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Malaysia Automotive Institute (MAI)
4	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan
5	Kementerian Belia dan Sukan	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)
6	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	Giat Mara
7	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	Unit Latihan dan Hospitaliti
8	Kementerian Kerja Raya	Akademi Binaan Malaysia
9	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) Akademi Hevea Malaysia

JADUAL 1 KEMENTERIAN YANG TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN FASA 2 PLKN 2.0

MAJLIS LATIHAN KHIDMAT NEGARA (MLKN)

Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) bertanggungjawab sepenuhnya bagi melaksanakan fungsi yang diberikan di bawah Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Majlis ini juga bertanggungjawab untuk menasihati menteri berkenaan segala perkara yang berhubung dengan Program Latihan Khidmat Negara.

Majlis perlu terdiri daripada anggota yang berikut dan mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor menteri :

- Seorang (1) pengurus
- Lima (5) orang anggota yang mewakili Kerajaan; dan
- Tidak kurang daripada tiga (3) orang dan tidak lebih daripada lima (5) orang anggota lain yang perlu terdiri daripada wakil kaum-kaum yang utama di Malaysia.



PLKN 2.0



BAHAGIAN PENGURUSAN PELATIH

PEMILIHAN, PENEMPATAN & REKOD

KUMPULAN	PANGGILAN	KEHADIRAN
1	43,000	32,273
2 (Projek Rintis 2015)	1,600	345
JUMLAH	44,600	32,618

- Pelaksanaan Panggilan Pelatih Siri 12/2015**

Jumlah panggilan pelatih bagi Siri 12/2015 telah ditetapkan sebanyak 150,000 orang iaitu 28.52% daripada jumlah keseluruhan 525,982 kelahiran remaja pada tahun 1997. Pelaksanaan PLKN hanya berjalan untuk Kumpulan 1/2015 sahaja dengan jumlah panggilan sebanyak 43,000 orang berikutan daripada penangguhan PLKN bagi Kumpulan 2 dan 3 Siri 12/2015.

Walau bagaimanapun, selepas Transformasi PLKN 2.0 diluluskan maka Projek Rintis Tranformasi PLKN 2015 dijalankan dengan jumlah panggilan sebanyak 1,600 orang dengan peratusan 1.5 % daripada senarai pelatih Kumpulan 2 dan 3 yang masih belum dipanggil bagi tahun 2015.

- Jumlah Kehadiran Pelatih Siri 12/2015**

Berdasarkan daripada 44,600 jumlah panggilan pelatih, kehadiran pelatih bagi Siri 12/2015 adalah seperti berikut:

- Proses Pemilihan Pelatih Bagi Siri 13/2016**

Bagi pemilihan pelatih Siri 13/2016, sebanyak 64,000 nama telah dicalonkan oleh sekolah-sekolah di bawah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pendidikan Malaysia. Proses pemilihan pelatih PLKN 2.0 adalah mengikut kriteria berdasarkan pada pecahan kaum dan jantina yang telah ditetapkan.

- Proses Penempatan Pelatih**

Penempatan pelatih Projek Rintis PLKN 2.0 adalah daripada seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang melibatkan sebuah kem sahaja iaitu Kem PLKN Princess Haliza Sepang Selangor. Ia menumpukan aspek integrasi nasional dan semangat perpaduan dikalangan remaja Malaysia.

Bagi penempatan Kumpulan 1 Siri 13/2016, seramai 28,000 orang pelatih telah dipilih dengan kerjasama

Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi remaja yang lahir pada tahun 1998, iaitu sebanyak 5.3% daripada keseluruhan remaja Malaysia. Proses penempatan ini telah dilaksanakan pada 6 hingga 24 November 2015. Penempatan pelatih adalah mengikut negeri kelahiran masing-masing kecuali bagi negeri Sarawak dan Perlis kerana kekurangan bilangan pelatih yang diterima.






BAHAGIAN KEWANGAN & AKAUN

ANGGARAN BELANJA MENGURUS

Bagi tahun 2015, Kementerian Pertahanan telah meluluskan peruntukan Belanja Mengurus bagi Program Latihan Khidmat Negara sebanyak RM697,831,300.00. Walau bagaimanapun, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penangguhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah menyebabkan peruntukan dikurangkan kepada RM425,676,300.00.

Daripada jumlah tersebut, peruntukan untuk Aktiviti Pengurusan adalah sebanyak RM50,428,200.00 atau 11.85% daripada jumlah keseluruhan peruntukan Jabatan, manakala peruntukan untuk Aktiviti Latihan pula adalah sebanyak RM375,248,100.00 atau 88.15% pecahan peruntukan Program Latihan Khidmat Negara bagi Tahun 2015 adalah seperti di Carta 1.



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

RANGKAIAN & KESELAMATAN

- RANGKAIAN**

Bermula pada Oktober 2015, Kerja-kerja migrasi talian daripada Rangkaian JLKN*Net kepada Rangkaian 1Gov*Net telah dilaksanakan dan dijangka selesai pada Mac 2016. Rangkaian ini bertujuan sebagai medium komunikasi ICT utama di antara ke semua Kem PLKN (81 Kem) dengan Ibu Pejabat.

Adalah dijangka melalui pelaksanaan projek ini, sistem-sistem utama Jabatan, kemudahan email jabatan, pelaksanaan modul Pelatih PLKN (Tech and Talk) serta capaian internet dapat digunakan oleh semua warga JLKN serta pelatih PLKN. Di dalam projek tersebut, teknologi Very Small Aperture Terminal (VSAT) telah digunakan di 34 buah Kem manakala 46 buah Kem lagi menggunakan teknologi Internet Protocol Virtual Private Network (IPVPN).

- KESELAMATAN**

Jabatan menggunakan *firewall* sebagai *gateway* utama dalam membuat capaian ke Internet dan juga talian EG*Net bagi capaian sistem aplikasi Kerajaan Elektronik. *Firewall* ini juga dikonfigurasi dengan polisi bagi meningkatkan keselamatan dalam rangkaian Jabatan.

Dasar Keselamatan ICT (DKICT) JLKN versi 2.3 telah diedarkan pada 15 Januari 2015. Jumlah pegawai dan kakitangan yang menandatangani Surat Akuan Pematuhan DKICT setakat ini adalah seperti berikut:


- Ibu Pejabat: 350 (100%)
- Kem: 3382 (62.30%)

KAEDAH BAGI MENINGKATKAN MUTU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN GERBANG SMS KERAJAAN MYSMS (15888)

- Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) adalah antara agensi terawal yang menyediakan perkhidmatan sms melalui Gerbang SMS Kerajaan mySMS (15888). Di antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:
 - Semakan Status Terpilih Menjalani Latihan PLKN
 - Semakan Penempatan Pelatih Ke Kem-Kem PLKN

Statistik Keseluruhan Hit MySMS Tahun 2015




BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

LAPORAN KHIDMAT PELANGGAN JLKN TAHUN 2015

Pengendalian Maklum Balas Pelanggan Menerusi Emel (emel: pelanggan@khidmatnegara.gov.my)

Jabatan telah menerima sebanyak 805 maklum balas daripada pelanggan yang dimajukan melalui emel sepanjang tahun 2015. Maklum balas ini termasuklah aduan, cadangan, penghargaan ataupun pertanyaan kepada Jabatan. Perincian jumlah maklum balas pelanggan adalah seperti di Rajah 1.



RAJAH 1 JUMLAH MAKLUM BALAS DARIPADA PENGUNJUNG MENERUSI LAMAN WEB



STATUS MYSMS (15888)

- Dua (2) perkhidmatan MySMS yang mendapat hit paling tinggi adalah:
 - a. Semakan Pemilihan Pelatih: 224,462
 - b. Semakan Penempatan Pelatih: 166,255

LAMAN WEB JLKN

- Dengan pencapaian yang memberangsangkan oleh Jabatan bagi tahun 2015 dengan mendapat penarafan Lima (5) Bintang dalam Penilaian Malaysia *Government Portals and Websites Assesment* (MGPWA) MDeC, Jabatan berhasrat untuk mengekalkan pencapaian Lima (5) Bintang ini dengan mengukuhkan ciri-ciri laman web sedia ada dan menambah baik kriteria penilaian yang masih belum dipatuhi. Bagi tahun ini penilaian laman web ini diubah format kepada *Provider Based Evaluation 2015* atau ProBe2015.
- Pada September 2015, satu Pertandingan Portal dan Laman Web peringkat Kementerian Pertahanan 2015 telah diadakan dengan disertai oleh 11 agensi termasuk MinDef. Dalam pertandingan ini, Jabatan telah berjaya mengekalkan penarafan Lima (5) Bintang. Penilaian adalah berdasarkan kaedah penilaian Sistem Self Assesment MDeC oleh agensi-agensi dan disemak semula oleh MinDef. Pencapaian ini juga dikekalkan oleh Jabatan dalam pertandingan Portal dan Laman Web peringkat Kementerian Pertahanan 2015 untuk kali kedua pada November 2015.
- Selain itu, bagi menambah baik fungsi, ciri-ciri reka bentuk dan capaian Laman Web Jabatan, Jabatan telah melaksanakan Projek Naiktaraf Laman Web dengan melantik syarikat

yang telah dipilih. Projek ini sedang dilaksanakan dengan perubahan major pada reka bentuk di samping mematuhi kriteria penilaian ProBe terkini, Pekeliling Am Bil.1/2006-Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam dan lain-lain garis panduan berkaitan.

- Laman web ini dijangka akan dapat dilancarkan pada tahun 2016 selaras dengan pelaksanaan PLKN 2.0.



STATISTIK PENGUNJUNG LAMAN WEB 2015

Dalam tahun 2015, jumlah pengunjung Laman Web Jabatan adalah sebanyak 1,106,319. Jadual di bawah menunjukkan jumlah bulanan serta pengunjung yang melayari Laman Web Jabatan sepanjang tahun 2015.

1. STATISTIK PENGUNJUNG

BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JUL	OGL	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Pengunjung	125,375	60,019	47,259	35,286	36,715	76,282	84,177	150,761	166,574	142,450	86,544	94,877	1,106,319

2. STATISTIK PENGUNJUNG MENGIKUT TAHUN

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
Pengunjung	2,009,309	2,311,174	1,981,249	1,226,456	2,416,827	1,106,319	11,051,334

STATISTIK PENGUNJUNG LAMAN WEB JLKN TAHUN 2015

AKTIVITI-AKTIVITI JLKN



Jualan Amal JLKN, 25 Jun 2016



Kursus Pemantapan Frontliner, 22-25 Oktober 2015



Kursus Volunteer Mindef, 30 Julai - 2 Ogos 2015



Program Derma Darah JLKN, 21 Mei 2015



Latihan Kebakaran JLKN, 30 Disember 2015

JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM (JHEV)

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM atau JHEV telah ditubuhkan pada 11 Oktober 2000. Ia telah diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan Malaysia. JHEV telah memulakan operasi secara rasminya pada 1 Januari 2001 dengan berlokasi di Medan Tuanku, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Objektif utama jabatan ini adalah untuk membantu para pesara Angkatan Tentera Malaysia dalam meningkatkan taraf sosioekonomi setelah menamatkan perkhidmatan dalam ATM.

Antara fungsi penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ini adalah seperti berikut:

1. Menggubal dasar bagi melindungi kepentingan di samping mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan Veteran ATM.
2. Merancang dan melaksanakan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV seperti berikut:
 - Bantuan Sara Hidup
 - Bantuan Persekolahan
3. Memantau pelaksanaan kursus/latihan, Pra Latihan Peralihan, Latihan Peralihan dan Pasca Peralihan yang dikendalikan oleh PERHEBAT.
4. Membantu Veteran ATM mendapatkan pekerjaan di sektor awam dan swasta.
5. Membantu mendapatkan peluang dan kemudahan dalam bidang keusahawanan serta menyelaras khidmat bantuan dari jabatan dan Agensi Kerajaan berkaitan.
6. Mengurus dan memantau faedah-faedah persaraan dan tuntutan bayaran balik perubatan Veteran ATM.
7. Memupuk dan mengekalkan kesedaran orang awam terhadap sumbangan dan pengorbanan Veteran ATM.



SKIM-SKIM BANTUAN KEBAJIKAN JHEV

a. Bantuan Sara Hidup

Bantuan Sara Hidup adalah bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada Veteran ATM bagi meringankan beban sara hidup veteran dan tanggungan yang uzur, daif, hilang upaya ataupun hilang mata pencarian berdasarkan kelayakan mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan.

Kadar bantuan yang diberikan kepada Veteran ATM adalah sebanyak RM 300.00 sebulan. Pada tahun 2015, seramai 5,207 orang Veteran ATM, balu dan anak yatim telah diberikan bantuan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 18,913,200.00.



b. Bantuan Persekolahan

Bantuan persekolahan adalah bantuan yang diberikan kepada Veteran ATM yang kurang mampu untuk membayai pelajaran anak-anak sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun di sekolah menengah mengikut kelayakan.

Bantuan ini hanya layak untuk seorang anak bagi satu keluarga. Bagi tahun 2015, seramai 1,247 orang penerima skim ini berjumlah RM 794,300.00.

c. Bantuan Kemasukan ke IPTA / Politeknik

Sebagai memberi galakan dan motivasi kepada anak-anak Veteran ATM, jabatan juga menyediakan bantuan kewangan berbentuk pemberian secara *one-off* kepada anak-anak Veteran ATM yang berjaya melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat diploma ataupun ijazah pertama mengikut kelayakan. Bantuan ini juga diberikan sebagai tanda pengucapan tahniah sekaligus membantu meringankan beban kewangan Veteran ATM ketika pendaftaran kemasukan. Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM 6,977,000.00 kepada 5,392 penerima.

d. Bantuan Peralatan Pesakit

Di bawah skim Bantuan Peralatan Pesakit sebanyak RM 304,309.23 telah dibelanjakan oleh jabatan ini bagi membeli peralatan pesakit kepada veteran ATM, balu

dan tanggungan yang memerlukan. Bantuan ini adalah dalam bentuk peralatan sokongan seperti kerusi roda, katil hospital dan sebagainya. Sebanyak 395 orang telah menerima manfaat di bawah skim ini.

e. Bantuan Bencana Alam

Bantuan Bencana Alam diberikan kepada veteran ATM yang mengalami kerosakan pada struktur rumah milik sendiri akibat bencana alam seperti banjir, kebakaran, ribut, tanah runtuh dan lain-lain. Jabatan ini telah memperuntukan sebanyak RM 190,600.00 yang melibatkan 70 orang veteran.

BILANGAN KES BANTUAN TAHUN 2015

SKIM BANTUAN	JUMLAH KES	PERBELANJAAN
SARA HIDUP	5,207	18,913,200.00
SEKOLAH	1,247	794,300.00
IPTA	5,392	6,977,000.00
PERALATAN PESAKIT	395	304,309.23
BENCANA	70	190,600.00
JUMLAH	12,311	27,179,409.23

PROGRAM PENGKTIKRAFAN VETERAN 1 MALAYSIA

Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia merupakan satu inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang diwujudkan semasa Persidangan Strategi Lautan Biru Kebangsaan pada 22 Jun 2012 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Program ini adalah di bawah kelolaan Kementerian Pertahanan dan dipertanggungjawabkan pelaksanaannya kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.

Program ini bertujuan untuk membantu Veteran ATM supaya dapat berdaya saing dan menyumbang kepada pembangunan negara setelah tamat perkhidmatan. Objektif utama program ini adalah untuk melaksanakan program-program bantuan khas serta meningkatkan taraf sosioekonomi Veteran ATM.

Sebanyak tujuh (7) sub inisiatif telah digariskan iaitu Program Membaikpulih Rumah 1Malaysia, Program Pusat Sehenti 1Malaysia, Program Penempatan Kerja 1Malaysia, Bantuan Keusahawanan, Program Keluarga Veteran 1Malaysia, Meningkatkan Penerimaan Latihan PERHEBAT oleh Industri dan Kad ‘Privilege’ 1Malaysia.


PROGRAM MEMBAIK PULIH RUMAH VETERAN 1 MALAYSIA

Inisiatif ini bertujuan untuk membaik pulih rumah sedia ada dan membina rumah baru untuk Veteran ATM. Ini melibatkan pembiayaan dan pelaksanaan kerja di antara Kementerian Pertahanan dan Rejimen Askar Jurutera DiRaja ATM.

Matlamat utama program ini adalah untuk menyediakan kediaman yang selesa dan kondusif untuk veteran miskin. Pecahan statistik penerima rumah untuk tahun 2015 adalah seperti berikut :

TAHUN	BAIK PULIH	BINA BARU	JUMLAH
2015	148	52	200

CARTA 1: PERATUSAN PERBELANJAAN BANTUAN KEWANGAN TAHUN 2015



PROGRAM PENEMPATAN KERJA UNTUK VETERAN

Program ini adalah bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan kedua kepada Veteran ATM terutama kepada Veteran Tidak Berpencen. Ini melibatkan pelbagai sektor seperti kerajaan, pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan. Antara sektor syarikat berkaitan kerajaan dan swasta yang terlibat adalah Sime Darby, Boosted, Prasarana Berhad dan Giant Sdn Bhd.

Badan kerajaan lain yang memberi peluang pekerjaan kepada Veteran ATM ialah Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

BANTUAN KEUSAHAWANAN

Program ini melibatkan pemberian bantuan kewangan berbentuk pinjaman kecil bagi Veteran ATM yang berhasrat memajukan perniagaan mereka.

Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPM-UV-ATM) telah diwujudkan melalui kerjasama dengan TEKUN, PERHEBAT dan JHEV dengan menyediakan pinjaman kecil Usahawan Veteran ATM.

MENINGKATKAN PENERIMAAN LATIHAN PERHEBAT OLEH INDUSTRI

Inisiatif ini direka untuk mempertingkatkan taraf dan mutu kursus serta latihan yang ditawarkan oleh PERHEBAT melalui pengakreditasian oleh badan akreditasi tempatan atau luar negara selain menambah baik modul kursus dan latihan melalui kajian bagi meluaskan peluang pekerjaan Veteran ATM

Peningkatan kerjasama terhadap kursus dan latihan telah dilaksanakan melalui PERHEBAT, Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Amanah Rakyat.

PERHEBAT sebagai peneraju untuk inisiatif ini telah mengadakan perjanjian persefahaman dengan pelbagai agensi swasta dan syarikat antarabangsa bagi membolehkan bakal pesara/pelatih mendapatkan latihan yang diiktiraf. PERHEBAT juga telah melaksanakan kerjasama bersama kolej dan universiti tempatan bagi menawarkan kursus bertaraf eksekutif diploma dan program berasaskan '*knowledge transfer*'.

PROGRAM KELUARGA VETERAN 1MALAYSIA

Program ini bertujuan membebaskan isi rumah berpendapatan rendah dari dibelenggu kemiskinan dan mampu memperolehi pendapatan melalui bidang keusahawanan.

Salah satu program yang dijalankan adalah Program 1AZAM dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

KAD 'PRIVILEGE' 1MALAYSIA

JHEV telah berkolaborasi dengan Kementerian Kewangan dan KPDKKK bagi memberikan diskau kepada Veteran ATM daripada syarikat-syarikat sektor peruncitan dan perkhidmatan tempatan. Kad Bekas Tentera ATM telah diiktiraf sebagai Kad 'Privilege' 1Malaysia dan keistimewaan ini telah dipanjangkan oleh 2,155 rakan dagang seluruh Malaysia kepada Veteran ATM.



PUSAT SEHENTI VETERAN 1 MALAYSIA

Pusat Sehenti Veteran 1Malaysia telah diwujudkan di 31 buah kem dan pangkalan tentera dan bersifat sebagai ‘One-Stop Centre’ bagi mendapatkan informasi berkaitan faedah persaraan dan aktiviti semasa Jabatan termasuk menyediakan khidmat nasihat dan bantuan yang disediakan kepada Veteran ATM.

Pada 3 Oktober 2013, YB Menteri Pertahanan telah melancarkan Pangkalan Udara Butterworth, Pulau Pinang sebagai salah sebuah Pusat Sehenti 1Malaysia. Justeru, ke semua 30 buah kem dan pangkalan yang lain telah diiktirafkan sebagai Pusat Sehenti 1Malaysia. Kedudukan dan taburan kem atau pangkalan adalah seperti di Jadual 1.



NEGERI	KEM/ PANGKALAN
PERLIS	KEM ORAN, ARAU
KEDAH	KEM LAPANGAN TERBANG (MSS SG. PETANI)
PULAU PINANG	PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH
	KEM SG. ARA (2 RSD)
PERAK	BN 3 REJ 503 (AW), TELUK INTAN
	PANGKALAN TLDM LUMUT (KD MALAYA)
	KEM TRANSMITTER, SUNGAI BESI (74 SSD)
	KEM PAYA JARAS, SUNGAI BULOH (RPS)
W.P KL/ SELANGOR	REJIMEN TUDM JUGRA, BANTING
	BN 3 REJ 502 (AW), SABAK BERNAM
	PANGKALAN UDARA LABUAN
NEGERI SEMBILAN	KEM SYED SIRAJUDDIN, GEMAS (Mk GARISON GEMAS)
	KEM SIRUSA, PORT DICKSON (MSS PORT DICKSON)
MELAKA	KEM TERENDAK (Mk GARISON TERENDAK)
	KEM MAHKOTA, KLUANG (MSS KLUANG)
	KEM TEBRAU, JOHOR BAHRU (Bn 1 REJ 501 AW)
	KEM MUAR (Bn 2 REJ 501 AW)
	KEM SRI PANTAI, MERSING (Bn 3 REJ 501 AW)
KELANTAN	KEM BATU MELINTANG, JELI (2 RS)
	KEM BATU 11, TANAH MERAH (1 RS)

TERENGGANU	KEM BATU KUANG, KEMAMAN(Bn 3 REJ 512 AW) KEM SRI PANTAI, KUALA TERENGGANU (18 RAMD)
PAHANG	PANGKALAN UDARA KUANTAN KEM LIPIS, KUALA LIPIS(8 RAMD) KEM BATU 3, TEMERLOH (MSS TEMERLOH)
SABAH	KD SRI SANDAKAN KEM KUKUSAN, TAWAU (REJ 516 AW)
SARAWAK	KEM PAKIT, SRI AMAN (13 RAMD) KEM OYA, SIBU (3 RRD) KEM SRI MIRI, MIRI (20 RAMD) KEM KUALA SEGAN, BINTULU (Bn 2 REJ 510 AW)

JADUAL 1 PUSAT SEHENI VETERAN 1MALAYSIA

Penyampaian kunci rumah Program Membaik pulih Rumah
Veteran 1Malaysia (1MVHRP-NBOS) kepada Veteran ATM




FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN

Bahagian Pencen, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) berperanan untuk mengurus dan memantau proses pembayaran faedah-faedah persaraan pegawai dan anggota ATM. Faedah Persaraan merangkumi faedah-faedah perkhidmatan, faedah kematian dan faedah hilang upaya. Selain itu, Bahagian Pencen juga melaksanakan pelarasan pencen dan kemudahan perubatan kepada Veteran ATM.



Faedah Perkhidmatan dan Hilang Upaya

BIL	PERKARA	JUMLAH PENERIMA	AMAUN PERBELANJAAN (RM)
1	Pencen Perkhidmatan	4,077	11,116,209.96
2	Ganjaran Perkhidmatan	4,056	349,798,413.64
3	Ganjaran Tamat Perkhidmatan	107	16,382,629.73
4	Ganjaran Ihsan	9	570,561.00
5	Pencen Hilang Upaya	25	14,541.00
6	Ganjaran Hilang Upaya	136	315,275.00
7	Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR)	4,940	103,948,213.98
8	Ex-Gratia Bencana Kerja Bulanan	8	300,873.40
9	Ex-Gratia Bencana Kerja Pukal	107	2,824,307.61
10	Elaun Pelajaran	0	0
11	Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM)	115	1,764,867.27



Faedah Kematian

BIL	PERKARA	JUMLAH PENERIMA	AMAU PERBELANJAAN (RM)
1	Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)	1,408	4,224,000.00
2	Pencen Terbitan MDS	1,365	5,005,285.77
3	Pencen Terbitan MDP	132	679,452.57
4	Ganjaran Terbitan	132	5,009,001.19
5	Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR)	130	1,550217.22
6	Pencen Orang Tanggungan	15	328,137.14
7	Ganjaran Orang Tanggungan	0	0
8	Ex-Gratia Orang Tanggungan	0	0

JADUAL 2 JUMLAH PENERIMA DAN PERBELANJAAN FAEDAH KEMATIAN BAGI TAHUN 2015

Penyelarasan Pencen

BIL	KES	KES SELESAI	FAEDAH	PERUNTUKAN TERLIBAT (RM)
1	Ulangkaji Gaji Akhir	2,452	Pencen	1,669,748.89
			Ganjaran	6,419,851.96
			FGCR	1,472,536.80
2	Kenaikan Tahunan	3,369	Pencen (Hilang Upaya/ + 2 %)	1,514,062.15


JADUAL 3 JUMLAH PENERIMA DAN PERBELANJAAN PELARASAN PENCEN TAHUN 2015



Contoh kad bekas tentera

Kemudahan Perubatan

- Tidak Berpencen



GRAF 4 JUMLAH PENERIMA DAN PERBELANJAAN
PERUBATAN TIDAK BERPENCEN 2015

BIL	PERKARA	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	Haemodialisis	1,682	13,098,170.26
2	Alat Ortopedik & Implan	239	1,984,920.60
3	Alat Bantuan Pendengaran	50	433,212.00
4	Kanta Mata	949	484,651.84
5	Oksigen Konsentrator	19	204,176.70
6	Institut Jantung Negara (IJN)	357	1,357,541.86
7	Kes Kecemasan	2	16,682.47
8	Tuntutan Perjalanan Rawatan	225	61,167.10
9	Pembelian Ubat	982	6,600,448.91
10	Rawatan Perubatan	47	258,776.30
JUMLAH		4,552	24,499,748.04


JADUAL 4 JUMLAH PENERIMA DAN PERBELANJAAN
PERUBATAN TIDAK BERPENCEN 2015



- Berpencen

BIL	PERKARA	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	Haemodialisis	3,087	20,325,382.81
2	Alat Ortopedik & Implan	254	2,151,481.20
3	Alat Bantuan Pendengaran	100	601,142.20
4	Kanta Mata	1,241	619,165.56
5	Oksigen Konsentrator	15	200,880.00
6	Institut Jantung Negara (IJN)	0	0
7	Kes Kecemasan	18	298,766.47
8	Tuntutan Perjalanan Rawatan	243	90,697.77
9	Pembelian Ubat	2,604	8,615,715.48
10	Rawatan Perubatan	59	204,789.37
JUMLAH		7,621	33,108,020.86

JADUAL 5 JUMLAH PENERIMA DAN PERBELANJAAN PERUBATAN BERPENCEN TAHUN 2015



GRAF 5 JUMLAH PENERIMA DAN PERBELANJAAN PERUBATAN BERPENCEN TAHUN 2015

AKTA VETERAN 2012

Akta Veteran 2012 digubal sebagai sebuah akta induk yang memperuntukkan hal-hal penstrukturkan badan-badan yang berperanan mengendalikan hal ehwal Veteran ATM. Tiada peruntukan undang-undang berkaitan hal ehwal Veteran sebelum Akta Veteran diwujudkan.

Justeru, akta ini merupakan usaha pertama bagi memperundangkan hal ehwal Veteran dan perkara-perkara

yang berkaitan dengannya. Akta ini telah berkuat kuasa mulai 15 Oktober 2015. Dengan berkuatkuasanya akta ini, semua persatuan Veteran ATM yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 hendaklah berdaftar di bawah Akta Veteran 2012 dalam tempoh tiga bulan.

Pemindahan pendaftaran ini tidak menjelaskan status, tarikh penubuhan atau hak kebebasan mana-mana persatuan

untuk bergerak atau bersuara seperti yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Peranan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) bagi pendaftaran dan penyeliaan persatuan Veteran ATM kini diambil alih oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Sehingga kini, sebanyak 280 persatuan (induk dan cawangan) telah berdaftar dengan JHEV.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Dalam usaha mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan di JHEV, Sistem VIBES (Veteran Integrated and Benefits System) dan Sistem VETIS (Veteran Information System) telah dibangunkan.

Sistem VIBES merupakan sistem teras yang memproses pembayaran pencen dan faedah-faedah perkhidmatan Veteran berpencen diguna pakai secara bersama oleh JHEV dan Jabatan Arah dan Rekod Pencen (JRP).

Sistem VIBES dibangunkan pada 2009 dan telah mula beroperasi sepenuhnya di JRP bermula Disember 2011. Selain itu berperanan mengawal selia dan memantau portal rasmi JHEV.

YAYASAN VETERAN ATM

Bantuan Mengurus Jenazah Veteran ATM Tidak Berpencen dan Tanggungan (BMJ)

Salah satu skim bantuan kebaikan Yayasan Veteran ATM ialah Bantuan Mengurus Jenazah Veteran ATM yang tidak berpencen dan tanggungan (pasangan atau anak) yang telah meninggal dunia. Bantuan ini diberikan selaras dengan Bantuan Mengurus Jenazah Veteran ATM yang berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM berkuat kuasa 10 Oktober 2010.

Jumlah bantuan ini adalah RM3,000 (Veteran ATM Tidak Berpencen), RM1,500 (Pasangan) dan RM1,500 (Anak berumur 18 tahun ke bawah atau 21 tahun ke bawah bagi yang masih belajar dan anak di dalam kategori orang kelainan upaya).

Berikut ialah jumlah pembayaran BMJ bagi tahun 2015:

JUMLAH (ORANG)	JUMLAH (RM)
2,133	5,001,000

Lawatan ziarah ke rumah Veteran ATM oleh Mej Jen Dato' Wira Hj Mohd Noor bin Hj Daud, Ketua Pengarah JHEV



Sumbangan Perayaan Yayasan Veteran ATM

Pada tahun 2015, Yayasan Veteran ATM menyampaikan sumbangan kepada Veteran ATM serta keluarga sempena menyambut hari perayaan. Penerima yang layak menerima sumbangan ini terdiri daripada lima (5) kategori iaitu Veteran ATM berumur 70 tahun ke atas, Balu-Balu, Anak Yatim Veteran ATM, Veteran ATM di Rumah Orang Tua dan Veteran ATM Kurang Upaya (cedera semasa operasi). Semua penerima adalah di bawah Skim Bantuan Kebajikan JHEV. Bagi tahun 2015, sumbangan ialah RM300.00 bagi setiap penerima.

Berikut adalah jumlah sumbangan perayaan bagi tahun 2015:

JUMLAH (ORANG)	JUMLAH (RM)
4,014	1,204,200

PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM)

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan Pingat Jasa Malaysia (PJM) bagi mengenang jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh warga ATM dan juga anggota-anggota pengaman dari luar negara yang telah bertugas menegakkan keamanan dan kedaulatan negara sepanjang perkhidmatan tempoh darurat.

- Warga ATM yang telah berkhidmat bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 bagi operasi menentang Parti Komunis Malaya (PKM).
- Warga ATM yang telah berkhidmat bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990 bagi operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).
- Anggota Pengaman dari Negara Luar. Anggota-anggota pengaman dari negara luar yang berkhidmat di Malaysia dari 31 Ogos 1957 sehingga 12 Ogos 1968 termasuk rakyat Malaysia yang berkhidmat dengan negara berkenaan.

PJM adalah ‘Campaign Medal’ yang dianugerahkan kepada warga ATM dan anggota negara luar yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan tanpa mengira sama ada sedang berkhidmat atau telah bersara / menamatkan perkhidmatan dan masih hidup atau telah meninggal dunia.

Statistik Jumlah Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia Bagi Tahun 2015

BIL	CAWANGAN	JUMLAH MAJLIS	JUMLAH PENERIMA
1	Cawangan Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan	13	463
2	Cawangan Negeri Perak	9	652
3	Cawangan Negeri Kedah, Perlis & Pulau Pinang	12	680
4	Cawangan Negeri Melaka & Negeri Sembilan	13	613
5	Cawangan Negeri Johor	7	244
6	Cawangan Negeri Pahang	8	333
7	Cawangan Negeri Kelantan & Terengganu	2	114
8	Cawangan Negeri Sabah	9	208
9	Cawangan Negeri Sarawak	17	479
JUMLAH		90	3,786

Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Veteran ATM oleh
YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammudin Tun Hussein



PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT)

PERHEBAT telah ditubuhkan melalui Perintah Lembaga Tabung Angkatan Tentera 1994 berkuatkuasa mulai 30 Ogos 1994. Fungsi utama PERHEBAT adalah :

- a. Menjalankan dan menguruskan aktiviti yang berhubungan dengan program latihan bagi Personel Bersara dan Personel Akan Bersara.
- b. Mengadakan kemudahan latihan dan mengawal serta mengawasi pelaksanaan program latihan itu.

Peruntukan Kewangan

Operasi PERHEBAT dibiayai sepenuhnya melalui geran kerajaan. Peruntukan kewangan yang diterima oleh PERHEBAT bagi tahun 2015 adalah Geran Tahunan berjumlah RM32 juta.

Pencapaian Pelaksanaan Latihan

Pada tahun 2015, PERHEBAT telah mengurus dan melatih seramai 10,658 orang Personel Akan Bersara dan Personel Bersara ATM yang mengikuti latihan di Kompleks PERHEBAT atau di Institusi latihan luar yang merangkumi tiga peringkat latihan iaitu ;

1. Pra Latihan Peralihan (Pra LP)
2. Latihan Peralihan (LP)
3. Pasca Latihan Peralihan (Pasca LP)

PERHEBAT komited dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan dan sentiasa mengkaji untuk menambah baik kursus-kursus sedia ada mengikut keperluan pasaran kerja semasa.

Pelaksanaan Latihan 2015

a. Pra Latihan Peralihan (Pra LP)

Program ini dijalankan untuk tempoh selama lima (5) hari. Peserta program akan mendapat pendedahan serta berpeluang membuat pemilihan kursus dan persediaan untuk persaraan. Peserta juga dapat mengenal pasti kekuatan diri sendiri untuk menghadapi alam persaraan yang amat mencabar.

Memandangkan peruntukan kewangan yang terhad, tumpuan pelaksanaan Program Pra LP adalah di Kompleks PERHEBAT. Namun begitu, beberapa siri program telah dilaksanakan di PERHEBAT Negeri Sabah dan PERHEBAT Negeri Sarawak.

Bagi tahun 2015, sejumlah 32 siri program telah berjaya dilaksanakan termasuk enam (6) siri di PERHEBAT Negeri dengan kehadiran seramai 4,517 orang walaupun peruntukan tempat hanya sebanyak 4,500.



Pengarah PERHEBAT bersama dengan seluruh warga kerjanya


Statistik kehadiran mengikut lokasi adalah seperti berikut :

BIL	TEMPAT	BILANGAN SIRI	TEMPAT	KEHADIRAN	PERATUS %
1	Kompleks PERHEBAT	26	3,900	3,642	93.08%
2	Sabah	3	300	415	138.33%
3	Sarawak	3	300	460	153.33%
JUMLAH		32	4500	4517	100.37%

b) Latihan Peralihan (LP)

Latihan Peralihan adalah wajib bagi semua Personel akan bersara yang layak mengikut syarat seperti yang ditetapkan.

Pelaksanaan dan pengurusan LP adalah mengikut 6 kategori seperti yang termaktub di dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bil. 5 Tahun 2005.



PERHEBAT	1,388
Teknikal Vokasional	1,443
Pertanian	81
LSK	3,221
Pengurusan	1
Persendirian	2

1. Latihan di PERHEBAT

Latihan di PERHEBAT dilaksanakan bagi peringkat Kemahiran Asas dan Peningkatan yang meliputi tempoh selama 3 hingga 18 bulan. Selain modul kemahiran, pelatih juga akan mengikuti modul nilai tambah keusahawanan dan penempatan Latihan Dalam Industri (LDI) agar pelatih mempunyai ketrampilan serta kebolehpasaran atau sebagai usahawan.


PERHEBAT telah melaksanakan empat (4) pengambilan pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober dengan jumlah keseluruhan pengambilan pelatih seramai 1,388 orang.



Kursus Latihan Peralihan di PERHEBAT

2. Latihan Teknikal & Vokasional

Pada 2015, seramai 1,443 personel akan bersara telah mengikuti Latihan Peralihan dalam kategori ini di Institut Latihan Awam dan Swasta seperti pecahan berikut:



Kolej Komuniti	331
Pusat Giat Mara (PGM)	624
Institut Kemahiran Mara (IKM)	195
Institut Latihan Perindustrian (ILP)	123
Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)	21
Kolej Pertanian	35
Swasta	114

3. Latihan Pertanian & Penternakan

Latihan Peralihan dalam kategori ini dilaksanakan di Institusi Latihan Agensi Awam atau Swasta untuk tempoh selama 6 bulan.

Seramai 81 orang personel akan bersara telah menjalani latihan dalam kategori ini.

4. Latihan Sambil Kerja

Latihan dalam kategori ini membenarkan personel akan bersara ditempatkan di Agensi Kerajaan dan Swasta yang dipilih sendiri .

Latihan ini bertujuan mendapat penempatan pekerjaan dalam bidang kemahiran tertentu setelah tamat tempoh latihan selama 6 bulan.

Sepanjang tahun 2015, seramai 3,221 orang personel akan bersara telah menjalani Latihan Peralihan dalam kategori ini.

5. Latihan Bidang Pengurusan

Latihan dalam kategori ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan peningkatan kemahiran kepada personel akan bersara yang akan mencebur dalam bidang pengurusan di Agensi Kerajaan atau Swasta.

Sepanjang tahun 2015, hanya seorang (1) personel akan bersara sahaja yang mengikuti latihan dalam kategori ini.

6. Latihan Secara Persendirian

Latihan bagi kategori ini diberikan kepada personel akan bersara yang tidak mahu terikat dengan mana-mana majikan dan ingin menghadapi masa depan mengikut minat sendiri. Kategori ini hanya diluluskan secara terpilih oleh Ketua Perkhidmatan.

Hanya dua (2) personel akan bersara telah menjalani Latihan Peralihan dalam kategori ini.

c. Pasca Latihan Peralihan (Pasca LP)

Program Pasca Latihan Peralihan dikhususkan kepada personel bersara ATM bertujuan untuk peningkatan, tambah nilai atau kepelbagaiannya kemahiran serta keusahawanan yang sedia dimiliki oleh mereka.

Sepanjang tahun 2015, seramai 1,058 orang personel bersara telah diluluskan tajaan bagi mengikuti pelbagai kursus Pasca LP termasuk dibawah kategori Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpengeluaran (PPSEV-ATM-TB).

PROMOSI & KAWAL SELIA LATIHAN

a) Forum Khidmat Nasihat LP

Sejumlah 26 siri Forum Khidmat Nasihat telah dianjurkan bersama Perkhidmatan Tentera (Darat / Laut / Udara) dengan kehadiran seramai 2,561 orang anggota tentera.

Senarai forum khidmat nasihat mengikut perkhidmatan bagi tahun 2015 :

BIL	PERKHIDMATAN	BILANGAN SIRI	KEHADIRAN
1	Tentera Darat	17	1130
2	Tentera Laut	4	644
3	Tentera Udara	5	787
JUMLAH		26	2,561

b) Kawal Selia Latihan

Tumpuan kawal selia adalah kepada mereka yang menjalani Latihan Peralihan dalam kategori Latihan Sambil Kerja dan pelatih yang menjalani Latihan Dalam Industri. Sejumlah 2,158 personel akan bersara telah dikawal selia.

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI VETERAN ATM TIDAK BERPENCEN (PPSEV-ATM-TB)

Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV-ATM-TB) adalah merupakan program khas dengan peruntukan berjumlah RM50 juta yang dilaksanakan seperti yang diumumkan dalam pembentangan Bajet bagi Tahun 2012.

PERHEBAT telah melaksanakan beberapa program untuk PPSEV-ATM-TB.

Antaranya adalah seperti berikut:

1. Program Outreach
2. Program Latihan
 - a) *Hardskills*
 - b) *Softskills*
- **Program Outreach**

Sehingga 31 Disember 2015, seramai 16,975 veteran ATM telah berdaftar dengan PERHEBAT. Tujuan program *outreach* ini adalah mengenalpasti veteran yang memerlukan khidmat kaunseling, veteran yang memerlukan pekerjaan dan untuk pembangunan keusahawanan di kalangan mereka.

Sasaran awal PERHEBAT adalah untuk mendapatkan seramai 10,000 veteran tidak berpencen berdaftar dengan PERHEBAT bagi mencapai matlamat PPSEV-ATM-TB.

• Program Latihan

Latihan yang dilaksanakan untuk veteran ATM Tidak Berpencen merangkumi kursus *Hardskills* dan *Softskills*.

Bagi tahun 2015, seramai 1,043 orang veteran ATM telah menjalani kursus *hard skills* dan *soft skills*.



SKIM PINJAMAN MIKRO USAHAWAN VETERAN ATM (SPM-UV-ATM)

PERHEBAT, melalui Program NBOS 7 Kementerian Pertahanan, telah menerima dana daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM13.5 juta bagi mewujudkan Skim Pinjaman Mikro Usahawan. Pada bulan November 2014, pihak UKAS telah menyalurkan dana tambahan berjumlah RM20 juta.

Bagi melaksanakan skim ini PERHEBAT telah bekerjasama dengan TEKUN Nasional. Sejak 2012 hingga 31 Disember 2015, seramai 1,274 orang usahawan veteran ATM telah diluluskan pinjaman berjumlah RM23.27 juta untuk tujuan memajukan perniagaan yang diusahakan.

Butiran pinjaman sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	BIL PEMOHON	JUMLAH (RM)
1	PERMOHONAN DITERIMA OLEH PERHEBAT	431	14,805,041.00
2	PERMOHONAN TELAH DIHANTAR KE TEKUN	418	14,307,041.00
3	PERMOHONAN DILULUSKAN (pada 2015)	298	6,452,500.00



Antara kursus-kursus yang disediakan di PERHEBAT

PERHEBAT SEBAGAI PUSAT LATIHAN BERTAULIAH KONTRAKTOR (PLBK)

PERHEBAT telah ditauliahkan oleh CIDB sebagai Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor (PLBK) iaitu pusat latihan yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi menjalankan kursus Latihan Kemahiran dan Pengurusan Kontraktor Malaysia. PERHEBAT telah ditauliahkan sebagai PLBK-CIDB selama dua (2) tahun dan bertanggungjawab bagi menjalankan kursus latihan pengurusan kontraktor

mengikut modul atau sukanan pelajaran yang telah ditetapkan dan diiktiraf oleh CIDB mengikut kepakaran bidang masing-masing. Kelayakan petaulahan dan pengiktirafan ini mengambil kira faktor-faktor utama iaitu pusat latihan, kelayakan akademik dan pengalaman tenaga pengajar. Program Kecekapan Pengurusan Kontraktor yang ditauliahkan adalah seperti berikut:

BIL	MODUL	KOD	BIDANG
1	Mansory Works, Penerapan Bata dan Pelepaan	KK-T-001	Tred
2	Penjubinan	KK-T-003	Tred
3	Kerja Bangunan – Pengubahsuaian	KK-T-0036	Pakar
4.	Kerja Cat	KK-T-0036	Tred

Demonstrasi mengambil madu lebah kelulut oleh tenaga pengajar



PENCAPAIAN PELATIH-PELATIH PERHEBAT



Koperal Abd Aziz A. Rahim (B) - Paket Pelancongan Boat House X-Army 8318 Tasik Kenyir (Bidang Pelancongan)



Kapt. Norisham Kadmin (B) - UA Sham Resources (Bidang Pembuatan Pakaian)



Sarjan Zakaria Abd Ghani (B) - NZ Alang Enterprise (Bidang Pembuatan Perabot)



(Bidang Pertanian)



Mejar Ir. Chew Huat Chiang (B) - A Plus Manufacturing Sdn Bhd (Bidang Kejuruteraan Automotif)



Sarjan Roslan Mohd Jonoh (B) - Jabal Uhud Enterprise & Global Printing (Bidang Percetakan)



Sarjan Abd Halim Hasan (B) - Touch Services, KL (Bidang Kejuruteraan Elektrik)



Mejar Hjh Nora Mohd Aris (B) - Nova Security Sdn. Bhd. (Bidang Pengurusan Pelancongan & Perkhidmatan Keselamatan)

INSTITUT PERTAHANAN & **KESELAMATAN MALAYSIA (MiDAS)**

PERJAWATAN MiDAS

Penubuhan MiDAS diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Waran Perjawatan K92/2012 bertarikh 20 Nov 2012 yang mula berkuat kuasa mulai 16 Nov 2012. Sejumlah 36 perjawatan ATM dan Awam diwujudkan untuk penubuhannya.

PERANAN

MiDAS berperanan sebagai sebuah institusi profesional yang bertanggungjawab kepada Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pertahanan dengan mempelopori hal ehwal pertahanan dan keselamatan melalui penyelidikan dan perkongsian pengetahuan.

MiDAS berperanan sebagai institusi strategidi bawah saluran Track 2 ASEAN yang dapat memberi pandangan dan input-input berkaitan isu yang akan dibincangkan oleh Kementerian Pertahanan dan kerajaan Malaysia melalui saluran Track 1 di persidangan Menteri-menteri Pertahanan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan negara-negara ASEAN.

LEMBAGA GABENOR

MiDAS dikawal selia oleh lembaga gabenor yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan dan ahlinya terdiri dari Timbalan Menteri Pertahanan, KSU, PAT, Panglima Perkhidmatan dan NC UPNM.



Ketua Pengarah bersama dengan warga kerja MiDAS

AKTIVITI MiDAS

Persidangan MiDAS 2015- Ekstrimisme dan Militan: Satu Cabaran Kepada Keselamatan Negara

22 September 2015 - Persidangan MiDAS 2015, persidangan ketiga daripada siri seumpamanya telah berjaya dianjurkan oleh MiDAS di Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur pada 22 September 2015.

Tema bagi persidangan ini adalah “Ekstrimisme dan Militan: Satu Cabaran Kepada Keselamatan Negara”.

Seramai 350 peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta ahli akademik pertahanan dan keselamatan, penganalisis, pembuat dasar, penyelidik dan pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang menyertai persidangan tersebut. Persidangan ini terdiri daripada tiga pembentangan, dialog dan sesi soal jawab dengan topik-topik perbincangan berikut:




- i. Sesi Satu - “Ideologi-ideologi Militan dan Fahaman Radikal di Malaysia”
- ii. Sesi Dua - “Islamic State: Ancaman Baharu kepada Keselamatan Negara”
- iii. Sesi Tiga - “Menentang Ekstrimisme dan Fahaman Radikal: Inisiatif & Strategi”

Persidangan MiDAS 2015 ini telah ditutup secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato ‘Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Pelancaran Pelan Strategik MiDAS 2015-2025

22 Jun 2015 - MAJLIS PELANCARAN MiDAS StratPlan 2015-2025 telah berjaya diadakan di Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Pertahanan YB Dato ‘Seri Hishammuddin Tun Hussien dan dihadiri oleh Panglima Angkatan Tentera: Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin, Panglima Tentera Darat: YM Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Udara: Jeneral Dato ‘Sri Hj Roslan bin Saad, Timbalan Panglima Tentera Laut: Laksamana Madya Dato’ Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin, Timbalan Ketua



Setiausaha (Pembangunan): Dato ‘Dr. Rothiah binti Hj Omar, serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan tentera Kementerian Pertahanan. Pelan strategik ini terdiri daripada pelan tindakan masa kini dan masa depan MiDAS.

AKTIVITI MiDAS

MiDAS Dialog 3/2015

21 September 2015 – Sesi Dialog MiDAS, The Essential Dynamics Of Countering Violent telah berjaya diadakan di Auditorium Jabatan Latihan Khidmat Negara, Zetro, Kuala Lumpur pada 21 September 2015.

Sesi Dialog ini telah disampaikan oleh Profesor Dr Greg Barton, Profesor di Universiti Deakin & Timbalan Pengurus UNESCO bahagian Antara Agama dan Hubungan Antara Budaya - Asia Pacific.



MiDAS Talk 10/2015

14 Januari 2015 - MiDAS Talk 10/2015, Dasar Kejiranan China dan Keselemanat Reka bentuk Bangunan Asia telah berjaya diadakan di Auditorium, Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur.

MiDAS Talk 10/2015 telah disampaikan oleh Profesor Yang Jiemian, Felo Kanan dan Pengurus Pengajian Antarabangsa Shanghai Institute (SIIS).



Kursus Pertanian Bandar di MARDI, Serdang

27 Nov 2015 - Kursus pertanian Bandar telah diadakan di Ibu pejabat MARDI Serdang pada 27 Nov 2015. Kursus ini telah dihadiri oleh Ketua Eksekutif MiDAS, pegawai dan pasangan, dan kakitangan.

Dalam kursus ini, peserta telah diberi gambaran keseluruhan pertanian bandar oleh En. Wan Zaki, Timbalan Pengarah Herbs.



AKTIVITI MiDAS

Mesyuarat NADI Tahunan ke-8

Februari 10, 2015 – Sebagai Pengurus ASEAN 2015, Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada pelbagai mesyuarat rasmi dan tidak rasmi di peringkat menteri dan Track II Institutions. MiDAS, sebagai Pengurus Jaringan Track II Pertahanan ASEAN dan Institusi Keselamatan (NADI) berjaya menjadi tuan rumah mesyuarat tahunan kelapan dari 9 hingga 11 Februari 2015 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 41 perwakilan dari semua ASEAN Track II NADI Institutions. Objektif mesyuarat ini adalah untuk membincangkan dan membentangkan pandangan dalam mengukuhkan perpaduan ASEAN dan meningkatkan kerjasama serantau dari setiap negara.

Ini adalah isu-isu semasa yang memerlukan perhatian yang berterusan agar seiring dengan agenda ASEAN tahun 2015. Mesyuarat ini telah dibahagikan kepada dua sesi utama untuk semua peserta membentangkan



dan membincangkan mengenai Memperkuuhkan Perpaduan ASEAN dan hubungan kuasa utama dan Kerjasama ASEAN dalam Menangani Cabaran Keselamatan Bukan Tradisional.

Di akhir mesyuarat itu, delegasi NADI telah bersetuju untuk mengemukakan senarai input dan cadangan untuk pertimbangan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) melalui Mesyuarat Pegawai Kanan Pertahanan ASEAN (ADSMO).

Pameran semasa Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2015 (AIPM 2015) dan Anugerah Inovasi Sektor Awam 2015 (AISA 2015)

Pada 16 Disember 2015, MiDAS telah bekerjasama dengan Jabatan Penjara, Kementerian Pertanian dan MARDI untuk memperkenalkan Program Pemulihan Dalam Komuniti (CRP) semasa pameran bersempena dengan majlis penyampaian hadiah AIPM dan AISA 2015.

Penyertaan dalam pameran itu adalah hasil daripada inisiatif CRP yang telah disenaraikan sebagai finalis AIPM 2015 bersama-sama dengan 2 inisiatif lain.



Di samping itu, MiDAS juga terlibat dalam memperkenalkan inisiatif Patrol Bersama ATM-PDRM yang memenangi AIPM 2010.

AKTIVITI MiDAS

Perbincangan Meja Bulat Dengan Perisikan, Kementerian Pertahanan Thailand

29 Julai 2015 - MiDAS telah berbesar hati menerima lawatan dari Thailand delegasi pada 29 Julai 2015. Rombongan tersebut diketuai oleh Mejari Jeneral Somkid Tubtim, Ketua Perisikan Pusat Penyelarasan, Pejabat Dasar dan Perancangan, Kementerian Pertahanan Thailand.

Dalam lawatan itu, perbincangan meja bulat yang diketuai oleh Brig Gen Toh Choon Siang, Pengarah Kanan MBOSC telah diadakan untuk bertukar pandangan mengenai beberapa isu-isu keselamatan serantau utama termasuk Laut China Selatan, Islamic



State (IS) dan keselamatan sempadan. Sebagai tanda penghargaan, ketua delegasi telah dihadiahkan dengan syiling khas MiDAS.

Perbincangan Meja Bulat Dengan NIDS, Kementerian Pertahanan, Jepun

16 Disember 2015 - MiDAS telah berbesar hati menerima lawatan daripada Encik Hideo Tomikawa, Felo Kanan di Institut Pengajian Pertahanan (NID), Kementerian Pertahanan, Jepun pada 16 Dis 2015. Dalam lawatan itu, satu perbincangan meja bulat yang diketuai oleh Puan Siti Salmiah Binti Hj Dimyati, Pengarah Kanan CDSRC telah diadakan untuk bertukar pandangan mengenai beberapa isu utama keselamatan serantau. Sebagai tanda



penghargaan, ketua delegasi telah dihadiahkan dengan syiling khas MiDAS.

Lawatan Kolej Pertahanan Nasional (NDC) Bangladesh

14 September 2015 - Pada 14 Sept 2015, satu delegasi dari Kolej Pertahanan Nasional (NDC) Bangladesh melawat MiDAS. Delegasi tersebut diketuai oleh Laksamana Muda M Anwarul Islam telah disambut oleh Ketua Eksekutif MiDAS, Dato 'Azizan Bin Md Delin dan pegawai-pegawai MiDAS. Delegasi Kolej Pertahanan Nasional (NDC) Bangladesh diberi taklimat mengenai peranan MiDAS dan tugas yang selaras dengan inisiatif strategi Lautan Biru Kebangsaan dan menjalankan penyelidikan dan analisis mengenai dasar-dasar yang berkaitan dengan




pertahanan dan keselamatan. Lawatan berakhir dengan penyampaian cenderahati.

AKTIVITI MiDAS

Lawatan oleh The National Resilience of the Republic of Indonesia (LEMHANNAS)

15 September 2015 - Pada 15 September 2015, satu delegasi dari The National Resilience of the Republic of Indonesia (LEMHANNAS) melawat MiDAS. Delegasi diketuai oleh Gabenor LEMHANNAS RI, Prof Dr Ir Budi Susilo Soepandji telah disambut oleh Ketua Eksekutif MiDAS, Dato 'Azizan Bin Md Delin dan pegawai-pegawai MiDAS. Delegasi LEMHANNAS diberi taklimat mengenai peranan MiDAS dan tugas yang selaras dengan inisiatif strategi Lautan Biru Kebangsaan dan menjalankan penyelidikan dan analisis mengenai dasar-dasar yang berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan. Lawatan berakhir dengan penyampaian cenderahati.



Perbincangan mengenai CRP Way Forward Di Kem Syed Sirajudin, Gemas

3 September 2015 - Satu perbincangan mengenai CRP Way Forward telah dijalankan di Army War Game Center, Kem Syed Sirajudin Gemas untuk berbincang mengenai perkembangan aktiviti dalam setiap Program Pemulihan Dalam Komuniti (CRP). Peserta yang terlibat dalam perbincangan ini ialah MiDAS, Kementerian Pertanian (MOA), MARDI, FAMA, Lembaga Industri Nanas Malaysia, MADA dan jabatan berkenaan. Perbincangan ini dipengerusikan oleh Pengarah MBOSC Kanan, Brig Gen Toh Choon Siang.



Lawatan Ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (CRC) Kota Belud, Sabah

11 Nov 2015 - Datuk Azizan bin Md Delin melawat Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (CRC) Kem Paradise, Kota Belud, Sabah pada 11 Nov 2015. CRC adalah inisiatif lain di bawah NBOS8 yang melibatkan kerjasama antara ATM, Jabatan Penjara dan Kementerian Pertanian. Tujuan pusat ini adalah untuk melatih penjenayah kecil dengan pelbagai kemahiran agar dapat digunakan sebaik sahaja dibebaskan. Pada masa ini, terdapat 6 CRC di kem tentera terpilih dan CRC Kota Belud, Sabah adalah salah satu daripadanya.



AKTIVITI MiDAS

Lawatan oleh Panglima Angkatan Tentera ke Laman Pertanian NBOS 3, Sepang

13 Nov 2015 - Lawatan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato 'Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin ke Laman Pertanian NBOS 3, Sepang pada 13 November 2015. Inisiatif ini melibatkan kerjasama strategik antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertanian (MOA), MARDI khususnya. Ia adalah mengenai penggunaan tanah terbiar ATM dengan produk pertanian bernilai tinggi. Veteran ATM akan diberi latihan untuk menanam tembakai wangi supaya mereka boleh digunakan untuk menjana pendapatan apabila mereka bersara.



Lawatan ke CRC Kem Syed Sirajuddin Gemas oleh Panglima Angkatan Tentera

13 Nov 2015 - Lawatan ke CRC Kem Syed Sirajuddin Gemas oleh Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Dato 'Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin pada 15 November 2015. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat kemajuan semua program di bawah CRC. CRC Gemas adalah yang terbesar CRC berbanding lima CRC lain yang terletak di kem tentera.

CRC ini boleh memuatkan 450 ODS dan menjalankan pertanian, akuakultur, dan menternak ayam kampung dengan matlamat utama untuk menyediakan pelbagai kemahiran kepada ODS bagi mereka untuk menggunakan selepas



dibebaskan dari CRC. Selain daripada Ketua Eksekutif MiDAS, GOC 3 Div, 1 bde Comd, pegawai kanan tentera, pengarah-pengarah dari agensi-agensi kerjasama lain yang terlibat dalam lawatan itu.

Lawatan Ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (CRC) Desa Pahlawan, Kelantan

30 Okt 2015 - Datuk Azizan bin Md Delin melawat Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (CRC) Desa Pahlawan, Kelantan pada 30 Oktober 2015. CRC adalah inisiatif lain di bawah NBOS8 yang melibatkan kerjasama antara ATM, Jabatan Penjara dan Kementerian Pertanian. Tujuan pusat ini adalah untuk melatih penjenayah kecil dengan pelbagai kemahiran agar dapat digunakan sebaik sahaja dibebaskan. Pada masa ini, terdapat 6 CRC di kem tentera terpilih dan CRC Desa Pahlawan, Kelantan adalah salah satu daripadanya.



AKTIVITI KAKITANGAN MiDAS



Majlis Pemakaian Pangkat Anggota Lain-lain Pangkat (LLP) MiDAS



LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

- Markas Angkatan Tentera Malaysia
- Markas Tentera Darat
- Markas Tentera Laut
- Markas Tentera Udara
- Markas Angkatan Bersama

MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

PENGURUSAN

Audit Sistem *Star Rating* (SSR) ATM 2015

Bahagian Inspektorat Jeneral (BIJ ATM) bertanggungjawab dalam mengkoordinasikan persediaan ATM untuk keperluan audit SSR bagi 2015. Beberapa siri bengkel dilaksanakan bagi memastikan SSR ATM menjadi teras utama dalam menilai prestasi dalam organisasi.

Di antara pasukan terlibat adalah Pusat Pengaman Malaysia (PPM), Rejimen Perhubungan Strategik (RPS) Sungai Buloh dan Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP).

Audit SSR ATM 2015 Oleh MAMPU

MK ATM telah menerima lawatan dan pemeriksaan bagi Audit SSR 2015 dari pihak MAMPU pada 10 dan 11 Sep 15. Deligasi MAMPU diketuai oleh En Lornie a/k Enggong, Timbalan Pengarah Perundingan Pengurusan 2 bersama 4 orang staf dari MAMPU. Semasa pemeriksaan audit, sesi kunjungan hormat Ketua Pengarah MAMPU ke atas PAT telah dilaksanakan di Bilik Perkasa, Tingkat 5, Wisma Pertahanan.



Perasmian Bengkel SSR ATM di PPM, Port Dickson pada 10 Feb 15



Kunjung hormat Dato' Seri Zainal Abidin bin Seman Ketua Pengarah MAMPU ke atas PAT



Sesi bergambar Ketua Staf MK ATM dan delegasi MAMPU



Mej Jen Dato' Zamrose bin Md Zain, Panglima 3 Div, menerima hadiah dari PAT

Penyampaian Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera (SIAGA PAT) 2015 Sempena Hari Ulang Tahun (HUT) ATM Ke-82

Majlis penganugerahan telah disempurnakan oleh PAT semasa perbarisan HUT ATM Ke-82 di Padang Kawad Kem Perdana, Sg Besi pada 17 Sep 15. Pemenang anugerah dari setiap perkhidmatan ATM adalah seperti berikut:

ANUGERAH KESIAGAAN PANGLIMA ATM - HUT (ATM) KE 82	
PERKHIDMATAN	JUARA
Tentera Darat	3 Div, Kem Terendak, Melaka
Tentera Laut	Skn 502, KD Rajawali, Lumut
Tentera Udara	PU Gong Kedak, Terengganu



Penyampaian hadiah kepada pemenang dari Skn 502, KD Rajawali



Pegawai Memerintah PU Gong Kedak menerima hadiah daripada PAT

Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Sempena HUT ATM 2015

Semasa majlis jamuan ringan di Dewan Makan 1 RAMD, penyampaian bagi anugerah KIK telah dilaksanakan oleh PAT kepada:



KATEGORI PENGURUSAN

Depot Kenderaan TLDL, Lumut	JUARA
Depot Peluru dan Bahan Letupan, TLDL Lumut	KEDUA
8 RRD Para, Kem Terendak	KETIGA



KATEGORI TEKNIKAL:

PUSPEKA, PU Subang	JUARA
Cawang Kejuruteraan PU Kuching	KEDUA
73 Wksp Div, Kem Terendak	KETIGA



Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2015

Majlis penganugerahan telah berlangsung pada 16 Dis 15 di Putrajaya International Convention Centre (PICC) dan disempurnakan oleh YAB PM.

Program Jiwa Murni telah diumum sebagai pemenang AIPM dan memenangi hadiah berupa wang tunai RM 1 juta, trofi dan sijil penyertaan. Penyertaan ATM adalah seperti berikut:

- Kolaborasi ATM dan Jabatan Penjara Malaysia (Program Pemulihan Pemasyarakatan) - Pendekatan Pemulihan Memberi Sinar Baru Kehidupan**

Program Pemulihan Pemasyarakatan (PPP) telah berjaya mengurangkan jumlah *recidivists* iaitu kemasukan semula bekas banduan ke dalam penjara dengan menempatkan penjenayah kecil dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir hukuman di pusat-pusat PPP.



Sekitar majlis penyampaian hadiah AIPM 2015

- Program Jiwa Murni - Tanggungjawab Sosial Ke Arah Kualiti Hidup Luar Bandar**

Program Jiwa Murni ini telah membantu penduduk di kawasan luar bandar Sarawak, Pahang, Terengganu dan Perak melalui penyediaan kemudahan infrastruktur seperti jalan darat dan jambatan secara *fast track* menggunakan kaedah pembinaan yang kreatif dan kos efektif.



PERUBAHAN KEPIMPINAN

Majlis Serah Terima Tugas KS MK ATM

Majlis serah terima tugas telah dilaksanakan pada 3 Sep 15 di Bilik Teratai, Tingkat 5 Wisma Pertahanan dengan disaksikan oleh PAT. Majlis yang dihadiri oleh semua AKS MK ATM dan wakil-wakil perkhidmatan telah dilaksanakan antara Lt Jen Datuk Baharom bin Hamzah kepada Lt Jen Dato' Sri Hj Sabri bin Adam TUDM. KS MK ATM yang baru

Lt Jen Dato' Sri Hj Sabri bin Adam TUDM sebelum ini bertugas di MTU selaku Panglima Bantuan Udara manakala mantan KS MK ATM, Lt Jen Datuk Baharom bin Hamzah pula bertukar ke MK AB dan menyandang jawatan sebagai Panglima Angkatan Bersama (PAB).



PAT menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas KS MK ATM

Serah Terima Tugas AKS Perkhidmatan Anggota (AKS PA)

Majlis telah diadakan pada 3 Sep 15 di antara Lt Jen Datuk Azizan bin Md Delin dengan Mej Jen Mohd Zakaria bin Hj Yadi dan disaksikan oleh AKS PP. Mej Jen Datuk

Azizan bin Md Delin bertukar ke MiDAS menjawat jawatan Ketua Eksekutif.



Majlis Serah Terima Tugas AKS PA

Pertukaran Pucuk Pimpinan Bahagian Inspektorat Jeneral ATM (BIJ ATM)

Inspектор Jeneral ATM, Mej Jen Dato' Abdul Rahim bin Mohd Yusoff telah menyerahkan tugas kepada Timbalan IJ ATM, Laksamana Datuk Kay Hai Thuan pada 11 Nov 15 setelah berkhidmat selama 2 tahun 7 bulan mulai 18 Apr 13. Beliau akan mula bercuti tahun sebelum bersara dari perkhidmatan. Pada 23 Nov 15, Timbalan IJ ATM pula

telah menyerahkan semula tugas IJ ATM kepada Mej Jen Dato' Abu Muslim bin Ismail, sebagai IJ ATM yang baharu. Kedua-dua majlis berlangsung di Bilik Mesyuarat Sek MK ATM, Tingkat 12, KEMENTAH dan disaksikan oleh Lt Jen Dato' Sri Hj Sabri bin Adam TUDM, KS MK ATM.



Menandatangani dokumen Serah Terima Tugas antara Mej Jen Dato' Abd Rahim, IJ ATM dengan Tij ATM pada 11 Nov 15



Serah Terima Tugas Asisten Ketua Staf Operasi dan Latihan Pertahanan (AKS OLP)

Laksamana Dato' Anuwi bin Hassan telah menyerahkan tugas AKS OLP kepada Mej Jen Datuk Hj Masrani bin Paiman. Acara serah terima tugas ini telah diadakan pada 20 Nov 15 di Bilik Mesyuarat Sek MK ATM. Laksdyo Dato' Anuwi bin Hassan merupakan AKS OLP yang kelapan telah dinaikkan

pangkat dan kini menjawat jawatan sebagai Timbalan Panglima Tentera Laut (TPTL) berkuatkuasa pada 18 Nov 15. Beliau telah memegang jawatan AKS OLP selama 3 tahun lapan bulan.



Acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas AKS OLP

PENGANUGERAHAN & PENGIKTIRAFAN

Penganugerahan Pingat *Order of Emirates Military (First Class)* Kepada PAT

PAT telah dianugerahkan pingat *Order of Emirates Military (First Class)* pada 9 Nov 15 bertempat di Dubai, United Arab Emirates. Istiadat penganugerahan ini telah disempurnakan oleh TYT Mohammed Ahmed Al Bawardi Al Falasi, Timbalan Menteri Pertahanan UAE, bersempena dengan lawatan PAT Malaysia ke Dubai Air Show 2015.

Pengurniaan ini telah dimasyhurkan sebagai pengiktirafan kepada perkhidmatan cemerlang dan khidmat bakti serta sumbangan signifikan yang telah dicurahkan oleh PAT dalam mewujudkan kerjasama, persefahaman dan hubungan pertahanan antara Malaysia dan UAE.



Penganugerahan Pingat Emirates First Class di UAE

KOLABORASI EKSESAIS

Eksesais KERIS AMAN CAPSTONE 2015

ATM dengan kerjasama *United States Pacific Command* (USPACOM) telah menjadi hos bersama menganjurkan Eksesais Operasi Pengaman (PKO) yang diberi nama KERIS AMAN CAPSTONE 2015 yang telah diadakan mulai 11 hingga 24 Ogos 15 di bawah program *Global Peace Operations Initiative* (GPOI). Eksesais ini merupakan latihan tahunan PKO melibatkan penglibatan daripada pelbagai negara yang bermatlamat untuk membangunkan dan mengekalkan keupayaan, kapasiti serta keberkesanannya PKO. Eksesais ini juga melibatkan penglibatan seramai 1,026 anggota tentera dan kakitangan awam dari 29 buah negara.



Sesi fotografi semasa acara pembukaan dan penutup



LIBAT URUS MESUARAT & PERTEMUAN DUA HALA

Persidangan 12th Asean Chief of Defence Forces Informal Meeting (12th ACDFIM)

Persidangan ACDFIM dilaksanakan setiap tahun dan dianjurkan mengikut penggiliran oleh negara-negara ASEAN yang dilantik sebagai Pengerusi ASEAN dan ditetapkan semasa ASEAN Summit. Persidangan telah dilaksanakan di Brunei Darussalam pada 2013 manakala tahun 2014 telah diadakan di Myanmar. Bagi tahun 2015,

Malaysia telah dipilih untuk menganjurkan persidangan ini yang berlangsung pada 10 Feb 15 bertempat di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur. Persidangan penting ini dalam langkah mengeratkan hubungan Negara ASEAN selain membincangkan isu-isu semasa dan keselamatan serantau.



Barisan delegasi persidangan

The 2nd SASEAN Defense Chief's Dialouge 2015

Dialog ini telah dilaksanakan di Wisma Perwira ATM mulai 6 hingga 9 Dis 15. ia menghimpunkan 9 *Defense Chief's* atau wakil dari 9 negara ASEAN dan 6 orang *Defense Chief's* atau wakil dari negara *South Asian Association for Regional Cooperation* (SAARC). Wakil dari Amerika Syarikat, Rusia dan China juga turut hadir selaku pemerhati. Pengajuran dialog ini bermatlamat

untuk memperkuuhkan hubungan kerjasama keselamatan dan pertahanan di kalangan Angkatan Tentera negara ASEAN dan SAARC melalui aktiviti dua hala dan pelbagai hala. Selain itu ia juga merupakan medium bagi Defense Chief's dan wakil yang hadir bertukar pandangan dan pengalaman dalam menangani isu-isu keselamatan semasa.



MENHAN, PAT dan KSU bersama para delegasi

HUBUNGAN ANTARABANGSA

AKTIVITI CONFIDENCE BUILDING MEASURES (CBM) ATM

Penglibatan PAT dalam *United Nation Chiefs of Defence Conference* di Ibu Pejabat PBB, New York

PAT telah menerima undangan *The Secretariat of the United Nations* bagi menghadiri Persidangan “Chief of Defence” (CHOD) yang diadakan dari 26 hingga 27 Mac 15 bertempat di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York, Amerika Syarikat. Persidangan ini telah dirasmikan oleh TYT Ban Ki Moon, Setiausaha Agung PBB yang julung-julung kali diadakan bagi Negara-Negara Anggota yang menyumbang trup tentera pengaman kepada PBB.

Antara isu yang dibangkitkan adalah mengenai situasi konflik di negara-negara bergolak masa kini serta cabaran-cabaran



PAT menerima kunjungan hormat dari Gen Kiyofumi Iwata, Chief of Staff Japan Ground Self-Defence Force di Ibu Pejabat PBB setelah selesai CHoD UN

yang perlu ditangani bersama ke arah keamanan dan keselamatan dunia.

MISI KHAS

Op KINABALU 2015

Gempa Bumi berukuran 6.0 magnitud telah melanda Ranau, Sabah pada 5 Jun 15. Gempa bumi ini merupakan gempa yang terbesar telah melanda Malaysia sejak tahun 1976. Seramai 18 mangsa telah terkorban di Gunung Kinabalu dan kebanyakannya merupakan pelajar daripada Sekolah Kebangsaan Tanjong Katong, Singapura manakala seramai 137 pendaki gunung telah terkandas namun berjaya diselamatkan. Disebabkan situasi ini, kebanyakan kawasan di Taman Kinabalu telah ditutup sepenuhnya sehingga situasi kembali pulih bagi kerja-kerja pembaikan.

Majlis Keselamatan Negara telah mengatur gerak Tim SMART (Tim Perubatan, Jurutera dan Tim Penyelamat) untuk melaksanakan kerja-kerja menyelamat. PM telah mengarahkan usaha-usaha lebih giat dijalankan untuk menyelamatkan

mangsa dan trup TD di bawah Pemerintahan 5 Bgd berserta 2 buah pesawat EC 725 telah diatur gerak bagi membantu kerja-kerja menyelamat.



Agensi-agensi Penyelamat Malaysia menyelamatkan mangsa gempa bumi Sabah

AKTIVITI UTAMA

Sambutan Hari Pahlawan

ATM dan PDRM diberi tanggungjawab bagi melaksanakan Sambutan Hari Pahlawan peringkat kebangsaan Tahun 2015. Acara/Majlis Sambutan Hari Pahlawan yang melibatkan keberangkatan SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong ke acara/majlis seperti Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil yang diadakan pada 30 Jul 15 di Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Istiadat Perbarisan Hari Pahlawan yang diadakan pada 31 Jul 15 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur yang melibatkan Keberangkatan SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong. Majlis Sambutan Hari Pahlawan tahun 2015 diakhiri dengan Khutbah Khas dan Solat Jumaat yang diadakan di Masjid Negara, Kuala Lumpur.



Sambutan Hari Pahlawan



Sambutan Hari Kebangsaan

Sambutan Hari Kebangsaan

Sambutan Hari Kebangsaan tahun 2015 telah diadakan pada 31 Ogos 2015 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong.

Penglibatan ATM di dalam Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini adalah persembahan pembukaan derap seragam, perbarisan dan perarakan dari Kontinjen ATM dan menyelaraskan Kumpulan Istiadat sempena sambutan tersebut.



Perbarisan Hari Ulang Tahun ATM ke-82

Sambutan Hari Ulang Tahun ATM Ke-82

Sambutan Hari ATM ke-82 telah diadakan pada 17 Sep 15 dengan keberangkatan SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong.

Beberapa acara yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Sep hingga Okt 15 adalah seperti Istiadat Perbarisan, Majlis Bacaan Yassin, Tahlil & Doa Selamat, Khutbah Khas & Solat Jumaat, Majlis Meraikan Mantan PAT dan Mantan Panglima Perkhidmatan serta Lawatan BAKAT.



Mesyuarat Majlis Raja-Raja (MRR)

Majlis Raja-Raja merupakan sebuah badan rasmi yang ditubuhkan mengikut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai tempat bagi DYMM Raja-Raja dan semua Yang di-Pertua Negeri bertemu dan berbincang.

Majlis ini dianggotai oleh semua sembilan Raja Melayu dan empat Yang di-Pertua Negeri di Malaysia sebagai ahli. MRR diadakan sebanyak tiga kali dalam setiap tahun, tidak termasuk MRR Khas.

Dalam setiap MRR, ATM melalui PAT akan menyampaikan Taklimat Perisikan secara lisan kepada Raja dan Yang di-Pertua Negeri serta Taklimat Operasi kepada ahli-ahli MRR beserta Perdana Menteri, Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri.

Pada setiap MRR, BPP dipertanggungjawabkan untuk menyediakan naskhah Nota Taklimat ATM, skrip dan slaid persembahan oleh PAT kepada MRR. Tiga siri MRR 2015 yang telah diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur seperti berikut:

- a. MRR 237 pada 11 dan 12 Mac 15.
- b. MRR 238 pada 10 dan 11 Jun 15.
- c. MRR 239 pada 7 dan 8 Okt 15.



Mesyuarat Majlis Raja-Raja di Istana Negara

KURSUS KEPIMPINAN

Program Remaja Berwawasan - Program *Summer Camp 2015*

Sebanyak 11 siri Program Remaja Berwawasan-Program Summer Camp, 5 siri Kursus Penataran Jurulatih dan 5 siri Taklimat Pengetua telah dianjurkan bagi tahun 2015. Secara keseluruhannya Program Summer Camp ini melibatkan

aktiviti-aktiviti kawad kaki, pandu arah, program kerohanian, merentas halangan, gotong-royong, *night walking*, *survival* dan aktiviti sukan. Program-Program tersebut adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	KEHADIRAN MURID
1	Summer Camp Siri 1/2015 melibatkan 10 sekolah di Melaka	380
2	Summer Camp 2/2015 melibatkan 7 sekolah di Terengganu	266
3	Summer Camp 3/2015 melibatkan 8 sekolah di Terengganu	293
4	Summer Camp 4/2015 melibatkan 13 sekolah di Kedah	498
5	Summer Camp 5/2015 melibatkan 9 sekolah di Selangor	350
6	Summer Camp 6/2015 ini melibatkan 11 sekolah di Johor	407
7	Summer Camp 7/2015 ini melibatkan 5 sekolah di Pulau Pinang dan 4 sekolah di WP KL	357
8	Summer Camp 8/2015 ini melibatkan 15 sekolah di Perak	571
9	Summer Camp 9/2015 ini melibatkan 15 sekolah di Kelantan	570
10	Summer Camp 10/2015 ini melibatkan 10 sekolah di Negeri Sembilan	328
11	Summer Camp 11/2015 ini melibatkan 13 sekolah di WP KL	453



Pendaftaran Summer Camp



Aktiviti Flying Fox dan Abseiling



Aktiviti Latihan Merempuh Halangan

SUKAN ATM

PERINGKAT ANTARABANGSA

BIL	SUKAN	KEJOHANAN	ACARA	PINGAT
1	Angkat Berat	Kejohanan Angkat Berat Senior & Junior dan Remaja Komanwel 2015 mulai 10 - 17 Okt 15 di Pune, India.	Snatch Kategori 69 kg	Emas
			Clean and Jerk Kategori 69 Kg	Emas
2	Hoki	Kejohanan Sukan SEA Ke-28, Singapura mulai 5 -16 Jun 15	Berpasukan Wanita	Emas
3	Lumba Basikal	Kejohanan Sukan SEA Ke-28, Singapura mulai 5 -16 Jun 15	Kriteria Lebuhraya (60 km) Lelaki	Emas
			Lebuhraya Lepas Beramai-Ramai (160 km) Lelaki	Emas
4	Memanah	Kejohanan Sukan SEA Ke-28, Singapura mulai 5 - 16 Jun 15	Compound Berpasukan Wanita	Emas
5	Menembak	Kejohanan Sukan SEA Ke-28, Singapura mulai 5 - 16 Jun 15		5 x Perak
6	Olahraga	Kejohanan Sukan SEA Ke-28, Singapura mulai 5 - 16 Jun 15	Lompat Kijang Lelaki	Emas
			Lempar Cakera Wanita	Perak
7	Perahu Layar	Kejohanan Royal Langkawi International Regatta mulai 13 -18 Jan 15 di Langkawi, Kedah	Acara Racing Class (Berpasukan 15 Pelayar)	Naib Johan
8	Petanque	Kejohanan Sukan SEA Ke-28 di Singapura mulai 5 - 16 Jun 15	Acara Individu Lelaki	Emas
			Acara Trio Lelaki	Perak
9	Ragbi	Kejohanan Ragbi Asia (ARC) di Stadium Kelana Jaya mulai 10 - 16 Mei 15	Asia Div 2	Johan
		Kejohanan Crescent Cup 15 di Stadium Mini Politeknik Merlimau, Melaka mulai 1 - 14 Jun 15		
10	Sepak Takraw	Kejohanan Sukan SEA Ke-28 di Singapura mulai 5 - 16 Jun 15	Acara Berpasukan Lelaki	Perak
			Non - Repetiton Primary (Chinlone)	Perak



Olahragawan & olahragawati ATM 2015

BIL	SUKAN	KEJOHANAN	ACARA	PINGAT
11	Silat Olahraga	Kejohanan Silat UPSI dan Jemputan Antarabangsa Kali Ke-6 mulai 15 -19 Apr 15 di Kolej Ungku Omar, Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim, Perak.		2 x Emas 1 x Perak
		Kejohanan Silat Terbuka di Bangkok Thailand mulai 12 - 22 Mac 15		1 x Emas 1 x Perak
		Kejohanan Silat South East ASEAN di Singapura mulai 4 dan 5 Apr 15		
		Kejohanan Silat Terbuka di Belgium mulai 12 - 19 Mei 15		2 x Emas 1 x Perak
		Kejohanan Sukan Silat Pantai Antarabangsa Terengganu di Pantai Batu Burok, mulai 4 - 6 Jun 15		1 x Emas 1 x Perak
		Kejohanan Silat Antarabangsa Terbuka Malaysia 2015 mulai 9 - 12 Sep 15 di Stadium Titiwangsa, KL		6 x Emas 1 x Perak
12	Tinju	SIJORI CUP, Singapura di Kompleks Sukan, Singapura mulai 7 - 11 Apr 15		2 x Emas 2 x Perak
		PRESIDENT CUP di Palembang, Sumatera, Indonesia mulai 19 - 25 Apr 15		Perak

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pelaksanaan segala aktiviti yang telah dirancang pada tahun 2015 oleh MK ATM dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Komitmen serta sokongan padu semua pihak merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan ini.

MK ATM akan terus menyumbang ke arah memartabatkan integriti serta kekuatan pertahanan Negara sebagai Angkatan Tentera Kelas Pertama. Semoga komitmen dan sokongan dari setiap lapisan keanggotaan akan menjurus kepada pencapaian hasrat ATM sebagai sebuah Angkatan Berspektrum Penuh - Perisai Negara.


BADAN KEBAJIKAN KELUARGA ANGKATAN TENTERA (BAKAT)

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN & SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR DI PANTAI TIMUR

Pada 2 Jan 15, Majlis Penyerahan Bantuan dan sumbangan kepada mangsa banjir di Pantai Timur telah dilaksanakan di Pangkalan Udara Subang. Majlis diserikan dengan kehadiran YM Tengku Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah, Isteri Menteri Pertahanan Malaysia. Sumbangan BAKAT ATM ini telah diserahkan kepada Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, YBhg Puan Sri Dato' Hajjah Umi Kalsom binti Wan Awang, Ahli-Ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM serta ahli-ahli BAKAT ATM.

CARTA ORGANISASI BAKAT



MAJLIS BACAAN YASIN, DOA SELAMAT & SAMBUTAN MAULIDUR RASUL BAKAT ATM

BAKAT Udara telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan Majlis Bacaan Yasin, Doa Selamat dan Sambutan Maulidur Rasul BAKAT ATM sempena pembukaan untuk aktiviti BAKAT ATM bagi tahun 2015 dan juga sempena memperingati hari kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Majlis ini telah diadakan pada 6 Feb 15 di Dewan Bankuet, Rumah BAKAT ATM.

Acara dimulakan dengan dendangan selawat yang dipimpin oleh ustazah-ustazah dari Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Majlis ini juga diisi dengan slot ceramah oleh penceramah jemputan iaitu Ustaz Haslin bin Baharin. YBhg Puan Sri Dato' Hajah Umi Kalsom binti Wan Awang, Pengerusi

Jemaah Tertinggi BAKAT ATM dan Ahli-ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM turut hadir di majlis ini.



Majlis Bacaan Yassin oleh BAKAT Udara



YM Tengku Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah & Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM Menyerahkan Sumbangan Daripada BAKAT ATM Kepada Menteri Pembangunan Wanita



Ceramah oleh Ustaz Haslin Bin Baharin

MAJLIS HI-TEA BERSAMA MILITARY ATTACHE CORPS (MAC) LADIES

Majlis Hi-Tea MAC Ladies telah diadakan pada 26 Mei 15 bertempat di Wisma Perwira ATM. Majlis ini adalah merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh BAKAT Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) yang melibatkan penglibatan isteri Penasihat Pertahanan Asing dan ahli BAKAT ATM. Objektif majlis ini adalah untuk mengeratkan hubungan di kalangan ahli BAKAT ATM dengan isteri Penasihat Pertahanan Asing serta mewujudkan hubungan dua hala, berkongsi pendapat dan budaya antara mereka. Majlis ini turut dimeriahkan dengan persembahan oleh isteri-isteri Penasihat Pertahanan Asing dan persembahan daripada ahli BAKAT ATM. Turut menyertai majlis ini adalah YBhg Puan Sri Dato' Hajah Umi Kalsom binti



Upacara Perasmian Hi-Tea Bersama Military Attache Corps (MAC) Ladies

Wan Awang, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, Mrs Natalia Zhevnovatyy, MAC Ladies Deanette serta Ahli-ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM.

MAJLIS RAMAH MESRA SEMPENA 12TH ASEAN CHIEFS OF DEFENCE FORCES INFORMAL MEETING (ACDFIM)

Pada 10 Feb 15, Majlis Ramah Mesra sempena 12th ASEAN Chiefs of Defence Forces Informal Meeting (ACDFIM) telah berlangsung di Dewan Bankuet, Rumah BAKAT ATM. Delegasi negara asing yang terlibat adalah Myanmar, Filipina, Singapura, Indonesia, Thailand dan Vietnam. Turut hadir di majlis tersebut adalah Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, YBhg Puan Sri Dato' Hajjah Umi Kalsom binti Wan Awang, Ahli-Ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM serta ahli-ahli BAKAT ATM.



Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM Bergambar Kenangan Bersama Delegasi Dari Negara ASEAN Yang Terlibat.

PEMERIKSAAN KESIHATAN BAKAT ATM

Pada 26 Mac 15 seramai 200 orang ahli BAKAT ATM telah menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan. Antara ujian kesihatan yang dilaksanakan adalah ujian darah, Pap Smear dan Mamogram. Tujuan pemeriksaan kesihatan ini dilaksanakan adalah untuk mengesan tanda-tanda awal kanser yang merupakan silent killer bagi wanita pada zaman ini. Turut menjalani pemeriksaan kesihatan ini ialah Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT ATM serta Ahli-ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM.



Sesi Ujian Darah Bagi Mengesan Kadar Gula, Kolesterol Dan Tanda-Tanda Awal Kanser

MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI BAKAT ATM BERSAMA ISTERI MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA

Pada 13 Ogos 15, Majlis Ramah Mesra Aidilfitri BAKAT ATM telah diadakan di Dewan Bankuet, Rumah BAKAT ATM. Majlis ini diadakan bertujuan untuk menyemarakkan semangat Hari Raya Aidilfitri di samping mewujudkan jalinan kemesraan yang lebih erat di kalangan ahli BAKAT.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu YM Tengku Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah, isteri Menteri Pertahanan Malaysia, YBhg Datin Wira Marziah bte Mohd Hashim, isteri Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YBhg Datin Sri Zahrah bte Che Hussain, Pengurus PUSPANITA Kementerian Pertahanan dan YBhg Puan Sri Dato' Hjh Umi



Ahli-Ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM Bergambar Kenangan Bersama Isteri Menteri Pertahanan Malaysia Serta Tetamu Kehormat.

Kalsom binti Wan Awang, Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT ATM selaku tuan rumah bagi majlis tersebut.

PENGLIBATAN BAKAT ATM DALAM PERBARISAN HARI MERDEKA KE-58

Pada 31 Ogos 15 seramai 60 orang ahli BAKAT ATM telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam perbarisan sempena Hari Kemerdekaan Ke-58 di Dataran Merdeka. Objektif perbarisan ini adalah untuk memupuk dan melahirkan semangat cintakan negara serta menerapkan semangat kerjasama, setiaikawan dan pemantapan daya ketahanan dari segi mental dan fizikal. Penglibatan ahli-ahli BAKAT ATM dalam perbarisan ini merupakan satu penghormatan daripada pihak kerajaan.



Ahli-ahli BAKAT ATM dalam Perbarisan sempena Hari Kemerdekaan Ke-58

PROGRAM TAMUNITA SEMPENA MESYUARAT KE-32 HIGH LEVEL COMMITTEE MALAYSIA-THAILAND

Pada 14 Sep 15, Program Tamunita sempena Mesyuarat Ke-32 High Level Committee Malaysia-Thailand (HLC MALTHAI) telah diadakan bagi meraikan Puan Wichuda Sanganetra, isteri kepada Panglima Angkatan Tentera Thailand serta delegasi wanita dari Thailand yang turut hadir. Program ini dimulai dengan acara Morning Coffee yang diadakan di Lemon Garden Café, Shangri La Hotel.

Acara Morning Coffee ini turut dihadiri oleh YBhg Puan Sri Dato' Hajah Umi Kalsom binti Wan Awang, Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT ATM serta ahli-ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM. Ia diteruskan dengan lawatan isteri Panglima Angkatan Tentera Thailand serta delegasi ke Kuil Wat Chetawan di Petaling Jaya dan diakhiri dengan sesi membeli belah di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur.

LAWATAN JEMAAH TERTINGGI BAKAT ATM KE 94 HOSPITAL ANGKATAN TENTERA KEM TERENDAK, MELAKA

Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ATM ke-82, Jemaah Tertinggi BAKAT ATM telah mengadakan lawatan ke 94 Hospital Angkatan Tentera Kem Terendak, Melaka pada 13 Okt 15. Lawatan ini telah dihadiri oleh YBhg Puan Sri Dato' Hajah Umi Kalsom binti Wan Awang, Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT ATM dan Ahli-ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM. Lawatan dimulakan dengan melawat Wad Bersalin, Wad Perubatan (Wanita), Wad Perubatan (Lelaki), Wad Hemodialisis dan diakhiri dengan Wad Kanak-kanak. Seramai 75 orang pesakit telah menerima sumbangan ikhlas daripada Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT ATM



Ahli-Ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM Melawat Pesakit Di 94 HAT Kem Terendak, Melaka



MARKAS TENTERA DARAT

Tentera Darat Malaysia adalah perkhidmatan yang terkanan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan terus memacu pencapaian untuk menjadi kuasa yang berwibawa dalam mempertahankan kedaulatan negara dan membantu pihak

berkuasa awam semasa kecemasan. Tentera Darat Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan dan perubahan geo-strategik rantau ini untuk bersiap sedia menghadapi apa jua misi ketenteraan:

STRUKTUR PEMERINTAHAN

Struktur Pemerintahan Tentera Darat Malaysia adalah berdasarkan kepada struktur hierarki dengan diterajui oleh Panglima

Tentera Darat. Struktur pemerintahan terdiri daripada lima barisan lateral pemerintahan seperti di bawah:


BIL	STRUKTUR PEMERINTAHAN	TANGGUNGJAWAB	FORMASI	KAWASAN TANGGUNGJAWAB
1	Pemerintahan Medan Barat	Bertanggungjawab dalam tugas-tugas gerakan TD di Semenanjung Malaysia	2 Divisyen	Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Kelantan & Terengganu
			3 Divisyen	Negeri Sembilan, Melaka, Johor & Pahang
			4 Divisyen	Selangor & Wilayah Persekutuan
2	Pemerintahan Medan Timur	Bertanggungjawab dalam tugas-tugas gerakan TD di Sabah dan Sarawak	1 Divisyen	Sarawak
			TF 450 (5 Divisyen)	Sabah
3	Pemerintahan Latihan dan Doktrin TD	Bertanggungjawab dalam pengurusan latihan dan doktrin		Institut, Pusat-pusat Latihan & sekolah
4	Pemerintahan Logistik TD	Bertanggungjawab dalam pengurusan logistik		Pasukan-pasukan logistik
5	Terup TD	Bertanggungjawab dalam penugasan yang khusus		Briged Para
				Grup Gerak Khas (GGK)
				Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD)
				Batalion Risik
				Rejimen Semboyan Diraja (PE)

HARI ULANGTAHUN TENTERA DARAT MALAYSIA KE-82 1 MAC 2015



MARKAS TENTERA DARAT

Struktur Markas Tentera Darat adalah seperti yang ditunjukkan:



TUGAS & TANGGUNGJAWAB

Walaupun objektif Tentera Darat Malaysia adalah untuk mempertahankan kedaulatan negara, ia mempunyai tiga peranan utama seperti berikut:

BIL.	TUGAS	TANGGUNGJAWAB
1.	Tugas Utama	Mempertahankan perbatasan dan sempadan negara daripada penceroboh luar pada sebilang masa Untuk bertindak balas kepada sebarang bentuk kecemasan atau ancaman pengganas
2.	Tugas Sekunder	Membantu PDRM dan Pihak Berkuasa Awam dalam ketenteraman awam
3.	Tugas Sokongan	Menyediakan pasukan pengaman di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menyumbang ke arah keamanan sejagat

PENGURUSAN STRATEGIK


Tentera Darat Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah pasukan moden, boleh dipercayai dan seimbang mampu untuk melaksanakan misi sebagai sebahagian daripada Angkatan Tentera Malaysia.

Oleh itu, misi Tentera Darat Malaysia adalah untuk mempertahankan kedaulatan dan kepentingan negara daripada sebarang bentuk ancaman luar serta membantu Pihak Berkuasa Awam mengekalkan keamanan dan ketenteraman negara.

Bagi merealisasikan misi ini, Sistem Pengurusan Strategik Tentera Darat Malaysia yang berdasarkan kepada Pelan


Pembangunan Strategik Army 2 10 Plus 10 telah dibangunkan. Ia menggariskan pelan tindakan ke arah menjadi sebuah angkatan yang kredibel dalam menghadapi berbagai bentuk ancaman dalam spektrum perang yang berbeza-beza.

Bidang teras yang diberi penekanan Sistem Pengurusan Strategik Tentera Darat adalah Kesiagaan, Pengurusan Sumber Manusia, Perisikan dan Pasukan Simpanan. Army Strategic Linkage Model yang digunakan pada tahun 2015 adalah seperti Rajah 1.



AKTIVITI STRATEGIK

Sistem Pengurusan Strategik Tentera Darat memberi penekanan kepada empat bidang teras bagi memastikan keupayaan yang tinggi. Pencapaian objektif pada tahun 2015 adalah berikut:



KESIAGAAN

Kesiagaan Tempur Tentera Darat menekankan Kuasa Tembakan sebagaimana yang ditunjuk di atas. Tentera Darat telah berjaya mengekalkan Kesiagaan Tempur di tahap yang tinggi bagi melaksanakan operasi daratan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

SUMBER MANUSIA

Pegawai dan anggota Tentera Darat dilatih dalam pelbagai spektrum peperangan untuk kekal relevan dan bersiap sedia dalam melaksanakan misi. Di samping itu, Tentera Darat juga memastikan kebajikan, keyakinan dan kualiti hidup anggota dipelihara bagi mencapai Tentera Darat yang berkeupayaan dan berkemahiran tinggi.

PERISIKAN

Berdasarkan perkembangan geo-strategik, pengumpulan perisikan pada tahun 2015 ditumpukan kepada HUMINT, bantuan logistik dan latihan anggota. Walau bagaimanapun, keperluan untuk meningkatkan komunikasi, mobiliti dan aset perisikan dilaksanakan secara berperingkat bagi memenuhi keperluan masa hadapan.

PASUKAN SIMPANAN

Tentera Darat juga memberi penekanan ke atas peningkatan pasukan simpanan melalui pengambilan dan latihan bagi Askar Wataniah. Sasaran nisbah anggota tetap dan anggota Askar Wataniah adalah 1:1.09 pada tahun 2015. Namun sasaran yang dicapai adalah 1:0.92, yang mana boleh diterima berdasarkan penyertaan yang aktif oleh anggota Askar Wataniah. Mereka sentiasa dilatih bagi mengekalkan profesionalisma ketenteraan dan kepakaran dalam bidang masing-masing.

KESIMPULAN PENGURUSAN STRATEGIK

Secara keseluruhannya, Tentera Darat telah mencapai objektif yang ditetapkan bagi tahun 2015 dan akan terus berusaha untuk mengekalkan tahap Kesiagaan Tempur sebagaimana yang dikehendaki dalam Rancangan Pengurusan Strategik.

PROJEK NBOS - MENAIKTARAF HOMESTAY RUMAH PANJANG DI NEGERI SARAWAK

Tujuan utama projek ini adalah untuk menaik taraf homestay rumah panjang yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPKM). TD melalui RAJD telah diberi kepercayaan untuk menerajui projek ini dengan kerjasama dari

Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS) dan KPKM serta kontraktor yang dilantik. Sebanyak 5 buah lokasi homestay rumah panjang yang terlibat di dalam projek ini iaitu:

- | | |
|---------------------------|--------------------------|
| (1) Kg Pueh di Semantan | (4) Nyuka di Sarikei |
| (2) Kg Benuk di Padawan | (5) Bawang Assan di Sibu |
| (3) Annah Rais di Padawan | |

SEBELUM



SELEPAS



Projek Membaikpulih Rumah Panjang Nyuka



Projek Membaikpulih Rumah Panjang di Homestay Bawang Assan

NBOS 10 - BOTTOM TO TOP INITIATIVE - 1 MALAYSIA BIODIVERSITY ENFORCEMENT OPERATION NETWORK (1MBEON)

Program ini adalah bagi membendung pencerobohan warga asing dari Thailand, Kemboja, dan Vietnam yang mencuri hasil hutan seperti kayu Gaharu dan memburu hidupan liar. Sebanyak 12 siri telah dirancang dan berjaya dilaksanakan pada tahun 2015.

LAWATAN RASMI PTD KE LUAR NEGARA

Beberapa lawatan rasmi oleh Panglima Tentera Darat telah dilaksanakan pada tahun 2015 bertujuan bagi memupuk hubungan dua hala ketenteraan yang baik antara negara-negara asing. Antara lawatan-lawatan yang dilaksanakan adalah seperti di bawah:



Perbincangan Dua Hala di antara PTD dan General Raheel Sharif, Chief of the Army Staff, Pakistan Army



PTD bersama Jen Kiyofumi Iwata, Panglima Tentera Darat Jepun di Bali, Indonesia



Kunjungan Hormat PTD ke atas HE General Tea Bahn, Cambodian Deputy Prime Minister and Minister of National Defence Cambodia



Ketibaan PTD disambut oleh Lt Gen Eduardo M Ano AFP, Commanding General, Philippine Army (CG PA)

PERASMIAN DESA TENTERA DARAT SG PANCHING, KUANTAN

Projek pembinaan RKAT Desa TD Sg Panching sebanyak 338 unit dengan kos bernilai RM91,069,237.43. Kemudahan yang dibina termasuklah surau, taska, dewan serbaguna dan padang permainan. Menteri Pertahanan Dato' Seri Hishammuddin Tun



YB MENHAN menandatangani Plak

Hussein diiringi oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor telah merasmikan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang baharu Desa Tentera Darat (TD) Sg Panching, Kuantan pada 25 Mac 2015.




YB MENHAN dan pegawai kanan tentera dan awam bergambar di hadapan Pintu Masuk RKAT Desa TD Sg Panching

BADAN KEBAJIKAN KELUARGA ANGKATAN TENTERA (BAKAT) DARAT

Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Darat dipimpin oleh YBhg Puan Sri Norlida bte Haji Abdul Munib, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat iaitu isteri kepada Panglima Tentera Darat. Pengerusi JT BAKAT Darat turut dibantu oleh 12 orang JT BAKAT Darat yang terdiri daripada Pengurus-Pengerusi BAKAT Formasi.

AKTIVITI BAKAT DARAT

Secara keseluruhannya, sebanyak 59 aktiviti BAKAT telah dilaksanakan di peringkat BAKAT Darat dan BAKAT ATM. Kepelbagaian program diadakan adalah berlandaskan kepada 6 jenis aktiviti seperti di bawah Carta 1.



Majlis Ihya Ramadhan BAKAT Darat anjuran BAKAT 3 Divisyen di Dewan Terendak, Kem Terendak Melaka pada 10 Jun 2015



Jemaah Tertinggi BAKAT Darat dalam pertandingan memanah ATM



Ahli BAKAT Darat yang terlibat dalam Hari Kebangsaan Malaysia pada 31 Ogos 2015



Majlis Solat Sunat Dhuha, Solat Hajat dan Bacan Yassin sempena anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan dan ahli BAKAT yang bakal menunaikan haji anjuran Exco BAKAT Darat di Rumah BAKAT Darat pada 4 September 2015



Sukan Rakyat/Sukan Pantai BAKAT Darat di Rumah Libur PULAMOR, Port Dickson pada 1 Mac 2015



Jemaah Tertinggi BAKAT dan Pegawai Kerja BAKAT Darat dalam Mesyuarat Tahunan di Dewan Seroja, Wisma Transit KL pada 18 Februari 2015

MARKAS TENTERA LAUT

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berperanan melindungi kepentingan maritim Malaysia merangkumi kedaulatan negara dan integriti wilayah meliputi keselamatan nyawa dan harta benda. TLDM di bawah teraju Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin, sentiasa berusaha memastikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan lancar serta berkesan sejajar dengan visi menjadi

Tentera Laut Bertaraf Dunia. TLDM sebagai sebuah ketumbukan utama dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah membuktikan kemampuannya untuk terus berkembang melalui proses perubahan dan transformasi sehingga TLDM menjadi sebuah angkatan yang berkredibiliti tinggi. Justeru, kewujudan TLDM bukan sahaja sebagai pertahanan negara malahan TLDM adalah organisasi yang amat berkepentingan dan secara inklusifnya menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

PERTUKARAN PUCUK PIMPINAN

Tanggal 18 Nov 15 menyaksikan satu lakaran sejarah pertukaran pucuk pimpinan jawatan tertinggi dalam TLDM. Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin telah dinaikkan ke pangkat Laksamana dan seterusnya mengambil alih jawatan Panglima Tentera Laut (PTL) Ke-16 menggantikan Laksamana Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdul Aziz bin Hj Jaafar. Majlis pemakaian pangkat dan serah terima tugas disempurnakan oleh YB Menteri Pertahanan di Auditorium Wisma Pertahanan.



Majlis Pemakaian Pangkat dan Serah Terima Tugas PTL disempurnakan oleh YB Menteri Pertahanan



HARI ULANGTAHUN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA KE-81

27 APRIL 2015



PENGURUSAN STRATEGIK

TLDM telah membangunkan Pelan Strategik yang dikenali sebagai Pelan Strategik 2013 - 2020 atau PS 1320 Versi 2 dalam mencapai misi dan visi yang ditetapkan. Pelan ini merupakan perancangan strategik jangka pendek dan panjang TLDM. PS 1320 Versi 2 dikaji semula berdasarkan pelataan dan penajaran daripada Sistem Pengurusan Strategik ATM

Versi 2. PS 1320 Versi 2 adalah mekanisme pengukuran prestasi kecemerlangan TLDM dalam memastikan kepentingan stakeholder ditepati. Sistem pengurusan prestasi ini memastikan the Navy People berusaha secara kolektif mencapai kesiagaan tertinggi yang merupakan Objektif Strategik Utama PS 1320 Versi 2.



OPERASI & LATIHAN

Operasi Dalam Negara

TLDM telah melaksanakan tujuh operasi maritim secara berterusan untuk melindungi kedaulatan perairan dan kepentingan negara. Operasi maritim ini merangkumi rondaan pengawasan dan operasi di perairan strategik bagi mencegah ancaman tradisional dan bukan tradisional. Kehadiran berterusan TLDM di perairan Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut Sulawesi dan Laut Sulu berjaya mengagalkan sebarang bentuk ancaman yang berpotensi mengugat kedaulatan negara.

Operasi Bersama & Gabungan

Terdapat beberapa rondaan bersama telah dilaksanakan di perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan yang melibatkan TLDM dan tentera laut negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura. Operasi ini telah berjaya mengekang aktiviti seperti pelanunian, rompakan laut, pencerobohan nelayan asing dan penangkapan ikan secara haram, penyeludupan, pencemaran laut dan PATI. Antara Operasi Bersama dan Gabungan 2015 yang telah dilaksanakan adalah Op PATKOR MALINDO, *Combined Patrol Agreement (CPA)* dan *Malacca Straits Sea Patrol (MSSP)* yang melibatkan Tentera Laut dan Tentera Udara Indonesia, Singapura serta Thailand.

Eksesais Dalam Negara

Sebanyak empat eksesais dalam negara telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2015 iaitu Ops MARLIN 3/2015 yang melibatkan Penembakan *Torpedo Black Shark* oleh Kapal Selam TLDM, Eks ANGSA 10/2015 yang melibatkan aset TLDM dan TUDM, OSTEX 2015 yang dilaksanakan bertujuan menilai kesiagaan Armada TLDM serta NAGA EMAS yang dilaksanakan oleh PASKAL bersama pihak *Malaysian International Shipping Corporation (MISC)* dalam latihan operasi menyelamat kapal MISC yang dirampus musuh. Pelaksanaan eksesais ini adalah bertujuan untuk menentukan kesiagaan aset dan warga TLDM sentiasa berada pada tahap tertinggi di samping meningkatkan tahap kecekapan profesionalisme ketenteraan.

Eksesais Bersama & Gabungan

Sebanyak 16 eksesais bersama dan gabungan secara bilateral dan multilateral telah berjaya dilaksanakan. Eksesais ini telah melibatkan tentera laut negara asing seperti Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Thailand, Perancis, China dan Singapura. Eksesais yang dilaksanakan ini berjaya meningkatkan tahap professionalisme warga TLDM di samping meningkatkan perhubungan dua hala di antara negara terlibat.



Aset dari tiga Negara FPDA iaitu RSS STALWART (72), KD GANYANG (3504) dan HMAS SHEEAN (77) sedang melaksanakan Eks BERSAMA SHIELD 15 di Perairan Laut China Selatan pada 14 Mei 15



Pasukan Geledah TLDM memeriksa bot nelayan tempatan di Perairan Pulau Jarak pada 6 Jun 15



KD TUN ABDUL RAHMAN dalam pelayaran menuju posisi penembakan torpedo di Perairan Laut China Selatan pada 3 Mac 15

DIPLOMATI KETENTERAAN

Usaha mengekalkan hubungan diplomatik dengan tentera laut asing turut menjadi salah satu agenda utama TLDM. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama dan persefahaman di antara TLDM dengan tentera laut asing. Komitmen ini terbukti dengan pelaksanaan program dan aktiviti seperti berikut:



Kunjungan hormat Laksamana TNI Ade Supandi, Kepala Staf Angkatan Laut Indonesia pada 21 Mei 15

Lawatan Oleh Panglima Tentera Laut (PTL) Negara Asing

Sepanjang tahun 2015, TLDM telah menerima sebanyak 11 lawatan daripada PTL dan delegasi negara asing iaitu Brunei, Amerika Syarikat, Filipina, Singapura, Indonesia, Bangladesh, Turki, Perancis, Norway, China dan Thailand.



Kunjungan hormat Admiral Wu Shengli Commander PLA Navy pada 9 Nov 15



Kunjungan hormat Admiral Bulent Bustanoglu, Panglima Tentera Laut Turki pada 29 Mac 15



Kunjungan hormat Admiral Scott H. Swift Commander US Pacific Fleet pada 24 Ogos 15

Lawatan Operasi Kapal Perang Negara Asing

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 99 buah kapal perang asing telah singgah untuk lawatan operasi di pelabuhan-pelabuhan TLDM dan Pelabuhan Awam. Lawatan tersebut adalah sempena latihan bersama yang diadakan, ulang

bekal dan lawatan operasi. Dalam lawatan tersebut Pegawai Memerintah kapal berkenaan telah melakukan kunjungan hormat kepada Panglima Tentera Laut dan Panglima-panglima Formasi yang berkenaan.



FNS ACONIT (Perancis) di Pelabuhan Klang pada 4 Sep 15



TCG GEDIZ (Turki) di Pelabuhan Klang pada 3 Mei 15

Mesyuarat Bilateral & Multilateral

Sebanyak enam (6) mesyuarat bersama tentera laut negara asing telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Mesyuarat yang utama adalah seperti berikut:

1. **Military Leadership Forum 2015 (MLF 2015)** di Kuala Lumpur dari 28 hingga 30 Jul 15. Forum ini dihadiri oleh Panglima Wilayah 1, 2 dan 3 bagi membincangkan isu keselamatan maritim, cabaran dan kerjasama di Laut China Selatan, Selat Melaka dan Laut Sulu.
2. **Navy-to-Navy Talks (N2NT)** dengan Tentera Laut Pakistan di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur dari 25 hingga 29 Mei 15. N2NT dipengerusikan secara bersama oleh Asisten Ketua Staf Operasi dan Eksesais serta Rear Admiral Muhammad Amjad Khan, *Deputy Chief of the Naval Staff (Training and Evaluation)*. Mesyuarat ini bagi

membincangkan kerjasama dua hala antara tentera laut kedua-dua negara dalam bidang operasi, latihan dan eksesais.

3. **Mesyuarat Strategik & Interaksi Dua Hala (MSIDH)** dengan TNI-AL Indonesia di Kuala Lumpur dari 21 hingga 23 Mei 15. MSIDH ini dipengerusikan oleh Panglima Tentera Laut bagi membincangkan kerjasama dua hala antara tentera laut dalam bidang operasi, latihan dan eksesais.
4. **General Bathymetric Chart of the Oceans (GEBCO) 2015** di Hotel Royale Chulan dan Kuala Lumpur Convention Centre dari 5 hingga 9 Okt 15. GEBCO adalah suatu badan yang bertanggungjawab kepada Pertubuhan Hidrografi Sedunia dan dianggotai oleh para saintis dan juruukur hidrografi seluruh dunia dalam memperkuuhkan kerjasama hidrografi sedunia.

5. **1st Sulu Sulawesi Sea Conference (1st SSS)** di Kota Kinabalu, Sabah dari 18 hingga 19 Nov 15. 1st SSS dipengerusikan oleh Ketua Staf MAWILLA 2 bagi



PTL menyampaikan Ucapan Pembukaan sempena Maritime Security and Coastal Surveillance Conference (MSCSC) di Hotel Intercontinental Kuala Lumpur pada 1 Dis 15

PEMBANGUNAN PRASARANA

Seiring dengan pembangunan infrastruktur yang pesat bagi mengukuhkan pengawasan dan pertahanan maritim, beberapa perolehan infrastruktur dan platform telah berjaya dilaksanakan. Antaranya ialah platform Pangkalan Laut TUN SHARIFAH



Kapal Auksiliar TUN AZIZAN mula beroperasi pada 10 Mei 15

membincangkan isu keselamatan dan pembangunan (KESBAN) di Laut Sulu dan Sulawesi yang melibatkan pelbagai agensi tempatan.



Perasmian Hari Sains Batimetri 2015 oleh Timbalan Menteri Pertahanan

RODZIAH dan Kapal Auksiliar TUN AZIZAN. Selain daripada itu, pemasangan *frequency converter* bagi menampung keperluan bekalan kuasa darat bagi kapal TLDM yang merapat di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu juga telah dilaksanakan.



Pangkalan Laut TUN SHARIFAH RODZIAH mula beroperasi pada 31 Jul 15



Pemasangan Frequency Converter bagi menampung keperluan bekalan kuasa darat bagi kapal TLDM yang merapat di PTKK



PEMBANGUNAN & PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Demi meningkatkan tahap profesionalisme dan pengetahuan warganya, TLDM telah melaksanakan beberapa inisiatif yang merangkumi:

- Kursus Pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) melalui Kaedah DESCUM oleh *Centre for Instructor & Advanced Skill Training* (CIAST). Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran anggota dalam penyediaan sibus pembelajaran kursus kerja TLDM agar sentiasa menepati NOSS yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- Kursus *Train The Trainer* di *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH), Bangi. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan memberi pengiktirafan ke tahap untuk menjadi seorang jurulatih *Occupational Safety and Health* kepada anggota TLDM.
- Kursus Induksi Pegawai Penilai/Pegawai Pengesah Dalaman (PP/PPD) dan Kursus Pegawai Penilai Pencapaian Terdahulu (PP/PPT). Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pegawai tentang pelaksanaan

penilaian, kaedah penilaian, peranan serta tanggungjawab sebagai Pegawai Pengesah Dalaman melalui sistem Sijil Kemahiran Malaysia.

- Program Pengajian Tinggi. TLDM sentiasa menitikberatkan peluang untuk peningkatan taraf akademik warganya. Pada tahun 2015, TLDM telah menghantar seramai 155 orang warganya untuk mengikuti Program Pengajian Tinggi Sepenuh Masa dan Separuh Masa di beberapa universiti dalam negara.



PTL menerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan (Pengurusan Maritim) yang disempurnakan oleh Sultanah Terengganu di Dewan Sultan Mizan pada 24 Okt 15

KEBAJIKAN & SOSIAL

Aktiviti kebajikan turut menjadi agenda utama TLDM dalam mengeratkan hubungan harmoni di antara ahli keluarga. Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera - LAUT (BAKAT LAUT) telah mengadakan tiga majlis berkonsepkan kebajikan iaitu Majlis Meraikan Balu-balu dan Anak Yatim, Majlis Meraikan Anak Istimewa dan Lawatan Kebajikan di 96 Hospital Angkatan Tentera (HAT) Lumut. Ketiga-tiga majlis telah dilaksanakan dengan jayanya. Antaranya adalah seperti berikut:

• Majlis Meraikan Balu-balu & Anak Yatim.

Majlis telah diadakan di Pusat Pembangunan Wanita pada 27 Apr 15. ia merupakan aktiviti tahunan sempena Sambutan HUT TLDM setiap tahun.

Konsep interaktif masih dikekalkan pada tahun ini bagi memberi ruang kepada balu-balu menyalurkan permasalahan yang dihadapi seperti kebajikan, kesihatan, hal keagamaan dan pelajaran kepada pihak yang berkenaan melalui booth yang disediakan.

• Pertandingan Spelling Bee.

Pertandingan ini telah dilaksanakan di Auditorium KD SULTAN IDRIS I (KDSI I) pada 15 Ogos 15. ia terbahagi kepada empat kategori yang terdiri daripada peringkat umur 7 - 17 tahun. Pertandingan ini dilaksanakan saban tahun bertujuan memberi galakan kepada kanak-kanak dan pelajar sekolah dalam mengasah kemahiran tatabahasa dan juga membina keyakinan diri mereka di khalayak ramai.



Balu dan Anak-anak Yatim bersama Pengurusi Jemaah Tertinggi BAKAT LAUT TLDM di Pusat Pembangunan Wanita, Lumut pada 27 Apr 15

TANGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Selain daripada tugas-tugas operasi, TLDM juga memainkan peranan dalam tangungjawab sosial korporat dengan memberi bantuan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain dan masyarakat awam. Sepanjang 2015, TLDM telah terlibat dalam bantuan seperti berikut:

- **Penerbangan Ihsan.** TLDM telah melaksanakan beberapa penerbangan ihsan bagi membantu orang awam semasa dalam situasi kecemasan dan memerlukan tindakan pantas serta tempoh perjalanan yang singkat berbanding laluan darat.

Tindakan ini secara langsung menggambarkan keprihatinan TLDM terhadap masyarakat dan orang awam yang memerlukan bantuan kecemasan dan kritisikal atas faktor kemanusiaan.

- **Program Jiwa Murni.** TLDM amat prihatin terhadap masyarakat umum melalui aktiviti atau projek yang dilaksanakan. Program yang dianjurkan ini telah berjaya mewujudkan hubungan dan kerjasama yang erat di kalangan warga TLDM dengan masyarakat setempat. Pada tahun 2015, TLDM telah mengadakan program Jiwa Murni Impak Tinggi "Sail and Dive with The Navy" bersama penduduk Kampung Mukut Pulau Tioman mulai 8 hingga 10 Apr 15.

Program ini dirasmikan oleh Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Muda Dato' Azhari bin Abdul Rashid pada 9 Apr 15. Program 3 hari ini melibatkan 250 anggota TLDM dan aset TLDM iaitu KD PAHANG, KD GANYANG, KD PERKASA, KD PERDANA, Bot Tempur 102, pasukan selam serta 130 penduduk Kampung Mukut. Program ini turut melibatkan pihak media dari TV3, Radio Televisyen Malaysia (RTM), BERNAMA dan New Straits Times.

- **Bantuan Mencari dan Menyelamat.** Pada 19 Jun 15, TLDM berjaya menyelamatkan sebuah kapal tangki minyak pesisir MT ORKIM HARMONY milik Syarikat E.A. Technique (M) Sdn Bhd daripada rampasan lanun 84 batu nautika Barat Daya Pulau Phu Quoc, Vietnam dengan bantuan Tentera Udara Diraja Australia dan Vietnam Coast Guard.

Kapal MT ORKIM HARMONY telah dirampas oleh lapan lanun di kedudukan 30 batu nautika Timur Tanjung Sedili, Kota Tinggi, Johor pada 11 Jun 15. Operasi ini berjaya dilaksanakan dengan bantuan pelbagai agensi diketuai oleh TLDM menggunakan aset KD TERENGGANU, KD PAHANG, KD JEBAT dan KD HANDALAN. Ketika ditemui,



Panglima Wilayah Laut 1 menyampaikan sumbangan dan keperluan harian kepada warga emas di Kg Mukut, Pulau Tioman pada 10 Apr 15



Pasukan Selam Markas Wilayah Laut 1 membersihkan Tapak Sulaiman dari dasar laut persisir pantai Mukut, Pulau Tioman pada 9 dan 10 Apr 15



Penerbangan ihsan bayi dari Hospital Seri Manjung ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh menggunakan pesawat Super Lynx pada 22 Apr 15

22 kru kapal iaitu 16 warga Malaysia, lima warga Indonesia dan seorang warga Myanmar dalam keadaan selamat. Pihak TLDM sentiasa bersiap sedia bagi memastikan segala bentuk bantuan yang diperlukan diatur gerak dengan kadar segera selaras dengan semangat setiaikawan ASEAN yang sedia terjalin.

PENCAPAIAN & PENGITIRAFAN

Pembudayaan inovasi dan kreativiti dalam TLDM merupakan pemangkin dalam menuju kecemerlangan TLDM. Warga TLDM sentiasa digalakkan untuk membudayakan inovasi ke arah pencapaian kecemerlangan melalui peningkatan produktiviti, kesiagaan dan mengelakkan pembaziran. Pencapaian TLDM dalam Anugerah Kreativiti dan Inovasi Kementerian Pertahanan 2015 adalah seperti berikut:

- Kategori Pengurusan.** Projek e-Kenderaan, Depot Kenderaan dan projek *e-Card Personal*, Depot Peluru dan Bahan Letupan TLDM telah dipilih sebagai Johan dan Naib Johan dalam kategori Pengurusan serta dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah KIK KEMENTAH 2015.
- Kategori Pengurusan Projek.** TLDM memenangi tempat Pertama melalui Projek *Demineralised Water Efficient Transfer System (DWETS)* oleh Markas Angkatan Kapal Selam yang berupaya memindahkan demineralized water dengan lebih cekap daripada jeti ke kapal selam.
- Kategori Pengurusan Kewangan.** Markas Angkatan Kapal Selam memenangi tempat kedua dalam Kategori Pengurusan Kewangan melalui aplikasi permohonan tuntutan pindah secara *online* atau dikenali sebagai e-Trac.
- Kategori Pengurusan Sumber Manusia.** Projek Sistem Pengurusan Sumber Manusia oleh Bahagian Sumber Manusia, Markas Tentera Laut yang membantu dalam perancangan dan membuat keputusan terhadap kerjaya pegawai TLDM telah memenangi tempat kedua.
- Kategori Pengurusan Sumber Manusia.** TLDM memenangi tempat Ketiga melalui Projek Sistem Pengurusan Penyata Anggota oleh Bahagian Sumber Manusia, Markas Tentera Laut yang berjaya menyelesaikan masalah kelewatan penyata anggota. 8 hingga 10 Apr 15. Program ini dirasmikan oleh Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Muda Dato' Azhari bin Abdul



Pegawai Memerintah Depot Peluru dan Bahan Letupan TLDM dan Depot Kenderaan TLDM menerima Anugerah KIK ATM 2015 daripada Panglima Angkatan Tentera di Sg Besi pada 17 Sep 15



PTL bersama Johan Kategori Pengurusan Projek, Markas Angkatan Kapal Selam dalam Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Pertahanan 2015 bertempat di Auditorium KEMENTAH pada 15 Dis 15



YB Menteri Pertahanan menyampaikan sijil penyertaan kepada pasukan yang menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan di Auditorium KEMENTAH pada 15 Dis 15



Pemenang Pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreativiti KEMENTAH pada 10 Jul 15

USAHA-USAHA PROMOSI

TLDM turut meningkatkan usaha dalam menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti dan program penambahbaikan yang dilaksanakan agar dapat memberi manfaat kepada warganya. Usaha promosi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Pelancaran Buku Manual Perekayaan.** PTL telah melancarkan Buku Manual Perekayaan pada 14 Mei 15 di Auditorium Wisma Pertahanan sempena Hari Inovasi TLDM 2015.

Penerbitan yang julung kali dihasilkan ini adalah cetusan idea beliau sebagai satu pendekatan sistematik untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan secara radikal. Turut sama dilancarkan adalah Buku Cetusan Inovasi Jilid 3 dan Buku Amalan Terbaik Jilid 2.

- Promosi Kerjaya.** Usaha juga giat dijalankan untuk memperkenalkan TLDM kepada masyarakat umum melalui Program Promosi Kerjaya.

Sepanjang tahun 2015, TLDM telah menyertai sebanyak 26 program anjuran ATM, agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.



Pelancaran Buku Manual Perekayaan, Buku Cetusan Inovasi (Jilid 3) dan Buku Amalan Terbaik TLDM (Jilid 2) semasa Hari Inovasi TLDM pada 14 Mei 15



Pelajar SMK Setiawangsa sempena Pameran Kerjaya pada 25 Jun 15



Pelajar SMK Shahbandar, Klang melawat tapak pameran TLDM pada 24 Nov 15

PENUTUP

Berpegang kepada prinsip ‘We Will Turn The Challenges Into Opportunities’ yang disarankan oleh Panglima Tentera Laut Ke-16, TLDM sentiasa memastikan misinya dalam menjaga dan melindungi kedaulatan dan kepentingan Malaysia berada dalam tahap optimum. TLDM akan terus berusaha memastikan kesiagaan Armada sentiasa berada di tahap terbaik dalam

memenuhi keperluan keselamatan maritim sepanjang masa demi masyarakat dan *stakeholder*. Warga TLDM juga sentiasa memastikan keupayaan peperangan berada dalam keadaan terbaik walau dimamah usia. Pelaksanaan strategi kreatif dan inovasi akan digunakan dalam memastikan TLDM menjadi satu angkatan tentera yang kredibel dan disegani.

MARKAS TENTERA UDARA

MATLAMAT TUDM

Matlamat TUDM adalah untuk menyedia, mengendali dan menggerakkan satu Angkatan Udara yang sentiasa bersedia dan berkemampuan untuk menonjolkan kekuatan kuasa udara demi memelihara dan menjamin kepentingan negara.

PIAGAM PELANGGAN

Memelihara keselamatan negara melalui kuasa udara yang responsif, terjamin dan berkesan.

NILAI TERAS

Nilai Teras TUDM adalah seperti berikut:

- a. Integriti (Integrity).
- b. Keberanian (Courage).
- c. Keunggulan (Excellence).
- d. Setia Kawan (Esprit decorps).
- e. Mengutamakan perkhidmatan (Service before self).

PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Sebagai salah satu elemen pertahanan di dalam ATM, TUDM berperanan untuk melaksanakan bidang-bidang berikut:

- a. Pengawalan Ruang Angkasa untuk digunakan bagi tujuan menggunakan sama di samping menghalang penggunaannya oleh pihak musuh. Ia melibatkan offensive airstrike, defensive counter-air and operasi defensive suppressive.
- b. Aplikasi kekuatan bagi menangani ancaman di perairan ataupun di udara. Ia melibatkan serangan strategik, operasi dan serangan maritim.
- c. Penambahbaikan kekuatan bagi menambahkan keupayaan di udara dan di darat yang melibatkan misi pengisian minyak di udara, pengawasan dan tinjauan, misi mengangkut, Electronic Counter Measure dan Combat Search and Rescue.
- d. Ketahanan kekuatan untuk melaksanakan operasi dengan jayanya. Ia melibatkan pertahanan pangkalan, sokongan logistik bagi memberi perkhidmatan penting kepada organisasi dan anggota.



HARI ULANGTAHUN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA KE-57

1 JUN 2015



PENCAPAIAN 2015

Anugerah Inovasi. Sepanjang tahun 2015, pencapaian TUDM di dalam aktiviti dan pertandingan Inovasi serta KIK adalah sangat memberangsangkan. Berikut adalah pencapaian dan pengiktirafan yang telah dimenangi oleh TUDM di atas usaha warganya yang kreatif dan berinovatif.

- Konvensyen KIK KEMENTAH 2015.** Konvensyen ini telah berlangsung pada 9 dan 10 Julai 2015 di Auditorium KEMENTAH. TUDM telah berjaya memperolehi tempat pertama (Kumpulan Bite) dan tempat kedua (Kumpulan 100% Trust) bagi Kategori Teknikal di konvensyen tersebut. TUDM juga telah menghantar satu kumpulan (Kumpulan Wild Horse) yang merupakan satu-satunya kumpulan yang bertanding dalam kategori Hybrid di konvensyen tersebut.
- Penerimaan Geran Paten Produk Inovasi dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).** TUDM telah berjaya memperoleh pengiktirafan paten inovasi daripada MyIPO bagi produk 'Test Panel for Bomb Rack' yang telah dibangunkan oleh Cawang Kejuruteraan PU Gong Kedak. Majlis penyerahan sijil paten tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah MyIPO kepada PTU pada 30 Julai 2015 bertempat di 'Eagle Nest', Wisma Pertahanan.
- Penerbitan Buku Kompilasi Projek AIKP Tahun 2014.** Bahagian Inspektorat TUDM telah berjaya menerbitkan Buku Kompilasi Projek TUDM bagi AIKP 2014. Tujuan buku ini dihasilkan adalah untuk mengiktiraf usaha dan keringat warga TUDM yang telah berjaya mengharumkan nama TUDM di dalam pertandingan AIKP 2014 yang lalu. Penghasilan buku ini juga adalah sebagai usaha untuk



RMAF Innovations activities on 2015

mempromosikan produk-produk inovasi yang telah dihasilkan agar konsep penghasilannya dapat diaplikasikan di Pangkalan/Unit TUDM yang lain. Majlis pelancaran buku tersebut telah disempurnakan oleh PTU pada 27 Ogos 2015 lalu bertempat di Kelab Rekreasi Tentera Udara (KRTU), PU Subang.



TUGAS UTAMA

PENGURUSAN OPERASI

TUDM terlibat dengan operasi-operasi rutin dan bukan rutin yang telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu di samping operasi pemantauan berterusan ruang angkasa. Operasi-operasi tersebut adalah berbentuk operasi sendiri atau operasi sokongan kepada lain-lain cabang perkhidmatan ATM seperti berikut:

- a. Op CURIGA
- b. Op Daya
- c. Op PASIR
- d. Op SANGGAH
- e. Op PEJARAK
- f. Op Bersama TLDM
- g. Eye In The Sky

TUGAS-TUGAS LAIN

TUDM juga terlibat di dalam tugas-tugas penerbangan yang membantu agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain seperti:

- a. Penerbangan VVIP/VIP.
- b. Penerbangan Komunikasi (Awam/Tentera).
- c. Penerbangan MEDEVAC/CASEVAC/BODEVAC.

- d. Op Pemberian Awan Kemarau Kenyalang. TUDM telah menggerakan aset-aset udara untuk memberi bantuan dalam Op JEREBU 2/2015 di Semenanjung Malaysia bermula pada 15 Sep 15.

Operasi pemberian awan Sarawak di daerah Sri Aman, Simunjan, Asajaya, Balingan, Serapi dan Bintulu bermula pada 20 Jul 15 hingga 31 Okt 15 dengan kerjasama MKN dan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM).



Operasi pemberian awan oleh anggota TUDM

BANTUAN BENCANA ALAM & KEMANUSIAAN

Selain daripada itu, TUDM juga sentiasa bersedia melaksanakan tugas bantuan bencana alam di bawah kelolaan MKN tidak kira sama ada di dalam negara atau di peringkat antarabangsa. Antara bantuan bencana alam yang melibatkan TUDM adalah:

a. **OP YEMEN.** TUDM telah menggerakkan aset-aset udara untuk memberi bantuan HADR dan evakuasi rakyat Malaysia di Yemen yang melibatkan pesawat C130H.

b. **HADR** - Gempa Bumi di Gunung Kinabalu dan Kundasang, Sabah.

- (1) Pada 5 Jun 15, Malaysia telah dikejutkan dengan kejadian gempa bumi bermagnitud 6.0 pada skala richter yang telah menggemarkan kawasan di Ranau, Sabah.
- (2) TUDM melalui No 5 Skn bertempat di PU Labuan telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan

tugas-tugas menyelamat mangsa gempa bumi yang terdiri daripada pendaki-pendaki yang terkandas di Gunung Kinabalu melibatkan tiga (3) buah pesawat EC 725AP di mana dua (2) buah pesawat telah ditempatkan di Kota Kinabalu International Airport (KKIA) manakala sebuah pesawat telah ditempatkan di Kem Seri Kinabatangan, Sandakan.

(3) Bantuan yang telah diberi adalah seperti bekalan makanan dan selimut yang diperolehi dari PU Labuan, TLDM Sepanggar dan MK 5 Bgd.

Sejumlah tujuh (7) sortie penerbangan berjaya dilaksanakan sepanjang operasi dijalankan dan pihak TUDM telah berjaya membawa keluar sembilan (9) mayat. Jumlah anggota penyelamat yang dibawa dari Kundasang ke LP Laban Rata seramai 30 orang. Keseluruhan operasi menyelamat telah berjalan dengan lancar walaupun di dalam keadaan cuaca yang tidak menentu.



Helikopter TUDM RMAF EC 725 menyertai misi bantuan bencana gempa bumi di Gunung Kinabalu

- c. **OP MURNI.** Berlanjutan dengan keadaan banjir di Pantai Timur, TUDM telah terlibat dalam membantu pemindahan mangsa banjir, MEDEVAC dan penghantaran bahan makanan kepada mangsa-mangsa yang terlibat.



RMAF helicopters fleet deployment aiding flood victims in East Coast of Malaysia

LAIN-LAIN

Penerimaan pesawat Airbus A 400M TUDM: TUDM telah menerima pesawat Airbus A 400M pada 17 Mac 15 di PU Subang.

Itu merupakan pesawat pertama yang diterima oleh TUDM daripada empat buah pesawat yang telah dibeli.



The acceptance of the first Airbus 400M onto RMAF

LIMA'15: Pameran telah diadakan pada 17 hingga 21 Mac 15 di Pulau Langkawi, Kedah. Bersempena dengan pameran tersebut, pelbagai acara menarik telah diadakan. Aktiviti yang dilaksanakan termasuklah pertunjukkan udara daripada Tim Aerobatik Krisakti, Tim Aerobatik daripada PLAAF China dan Tim Aerobatik daripada TNI-AU. Di samping itu, pada pameran ini juga, TUDM telah menyerahkan helikopter Nuri kepada PUTD.



1st appearance of RMAF Airbus A 400M during LIMA' 15



The handing over of the RMAF Nuri's helicopters to the Malaysian Army



RMAF Airbus A 400M amongst the attraction on LIMA' 15

Sambutan HUT TUDM Ke-57: Sambutan bertemakan ‘We Are One’ ini merupakan ilham daripada PTU dan ia telah dipetik daripada Perintah Ulung beliau. Tema ini bertujuan dan membawa maksud untuk menyerlahkan konsep kesepadan dan kebersamaan dalam setiap pelaksanaan fungsi oleh setiap warga TUDM.

Pendekatan yang telah digariskan oleh pucuk pimpinan TUDM di dalam mempraktikkan konsep ‘We Are One’ adalah mengamalkan semangat sepasukan dalam melaksanakan konsolidasi, pemerkasaan dan pengoptimuman segala bentuk sumber sedia ada yang membentuk satu kapasiti TUDM yang mapan. Sempena sambutan HUT TUDM Ke-57, TUDM telah mengatur dan melaksanakan beberapa program bagi memeriahkan acara sambutan.



Blood donation programme in conjunction with the Air Force day



The Chief of Air Force taking the salute during the 57th Air Force Day parade



Royal Dining with HRH the Sultan of Pahang

Pertukaran Panglima Markas Pemerintahan Operasi Udara

Majlis serah terima tugas Panglima MPOU di antara Lt Jen Dato' Sri Affendi bin Buang TUDM dengan Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah diadakan di Eagle's Nest, MTU pada 8 Sep 15.

Lt Jen Dato' Sri Affendi bin Buang TUDM telah dilantik ke jawatan Timbalan PTU menggantikan Lt Jen Dato' Sri Che Akmar bin Mohd Nor TUDM yang telah bersara daripada perkhidmatan pada 7 Ogos 15. Manakala Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM adalah merupakan Panglima Markas Angkatan Bersama sebelum mengambil alih tugas MPOU. Majlis serah terima tugas tersebut telah disaksikan oleh PTU dan dihadiri oleh Pegawai-pejawai Kanan TUDM.



The handing and taking over Commander of the RMAF Air Operation Command

Persaraan TPTU: TUDM telah kehilangan seorang Pegawai Kanan yang amat berkaliber pada 2015 dengan persaraan Timbalan PTU, YBhg Lt Jen Dato' Sri Che Akmar bin Mohd Nor TUDM pada 7 Ogos yang lalu. Bagi menghargai jasa dan pengorbanan beliau selama lebih 30 tahun kepada perkhidmatan dan negara, satu Istiadat Perbarisan Persaraan telah diadakan di PU Subang pada tarikh tersebut.



Farewell parade for the Deputy Chief of Air Force on his retirement from the service



MARKAS ANGKATAN BERSAMA

OPERASI DALAM NEGARA

OP PASIR

Secara keseluruhannya, keselamatan negara berada dalam tahap yang baik dan terkawal. Op PASIR melibatkan anggota daripada ketiga-tiga perkhidmatan ATM yang ditempatkan di sepanjang Pantai Timur Sabah meliputi kawasan di antara Kudat hingga ke Tawau, Sabah yang meliputi jarak sepanjang 1577 km. Operasi ini dilaksanakan sejak 18 September 2000 sehingga kini, di mana anggota ATM telah ditempatkan di 28 penempatan pesisir pantai dan pulau di sepanjang lokasi tersebut.

OP SANGGAH

Op SANGGAH telah diperkenal dan dilancarkan untuk menggantikan Op SERKAP semasa perbarisan pemakaian pingat Op DAULAT di Felda Sahabat pada 29 Jun 2013 - sepenuhnya di bawah bidang tugas ESSCOM. MK ATB 2 telah ditugaskan dengan aset laut dan darat untuk meneruskan operasi menunjukkan kehadiran dan pengawasan di KTJ Op PASIR bersama-sama TUDM dan APMM. Bekerjasama dengan PDRM khususnya PPM dan APMM dalam pengoperasian, statistik pemeriksaan dan tangkapan telah meningkat.

OPERASI LUAR NEGARA

Operasi Luar Negara (Misi PBB)

Bagi tahun 2015, MK AB terus menguruskan penglibatan ATM dalam misi luar negara. Kehadiran ATM di luar negara semakin dirasai dunia. Penglibatan anggota ATM dalam misi PBB telah menaikkan nama negara melalui kemampuan, dedikasi serta disiplin tinggi anggota ATM semasa penugasan.

Secara umumnya penglibatan anggota ATM dengan pelbagai misi PBB adalah antara yang paling aktif. Antara misi tersebut seperti berikut:

Tim Pemantauan Antarabangsa - Mindanao 10 (TPA-M10). Penglibatan Malaysia dalam TPA-M telah memasuki siri ke - 10 yang diketuai oleh Mej Jen Dato' Sheikh Moksin bin Sheikh Hassan sebagai Ketua Misi yang akan tamat bertugas pada 14 Mac 2016.

Jangka masa penugasan adalah selama setahun. Atur gerak TPA-M10 adalah di Markas TPA-M10 Cotabato City. Penglibatan TPA-M10 seramai 16 orang terdiri daripada 5 x pegawai TDM, 3 x pegawai TLDM, 3 x pegawai TUDM, 2 x pegawai PDRM dan 3 x staf awam.







Serah Terima Tugas Ketua Misi TPA M-9 dan TPA M-10

Pegawai Pemerhati Tentera (PPT) & Pegawai Staf Tentera (PST) Misi PBB

Sepanjang tahun 2015, penglibatan PPT dan PST dari ATM adalah di 5 buah negara yang bergolak iaitu Congo, Sudan (Darfur dan Abyei), Sahara Barat, Liberia dan Lubnan.

Jumlah pegawai dan anggota yang terlibat adalah seramai 55 orang.

United Nations Organisation Stabilization Mission in the Democratic Republic Of Congo, (MONUSCO)

Seramai 17 pegawai dan anggota telah diatur gerak dalam misi ini sebagai PPT dan PST di dalam misi ini iaitu 8 x TDM, 2 x TLDM dan 7 x TUDM.



PPT bersama penduduk setempat sewaktu melaksanakan rondaan



PPT bersama penduduk setempat

United Nation Interim Security Force in Abyei (UNISFA)

Hanya seorang pegawai dari TDM sahaja yang bertugas sebagai PPT di dalam misi ini.

United Nation Mission for the Referendum In Western Sahara (MINURSO)

Seramai 12 pegawai telah diatur gerak dalam misi ini sebagai PPT.

Keadaan kawasan yang terpaksa ditempuhi PPT semasa membuat rondaan di musim hujan



United Nations Mission in Liberia (UNMIL)

Seramai tujuh (7) pegawai telah diatur gerak dalam misi ini sebagai PPT.

United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL)

Seramai sembilan (9) pegawai dan anggota telah diatur gerak ke kawasan misi sebagai PST.

Resolute Support Mission (RSM), Kabul, Afghanistan

Seramai 2 x pegawai TDM telah ditugaskan sebagai PST. Kerajaan Malaysia telah membatalkan rancangan arut gerak Tim Perubatan Malaysia dan misi RSM juga ditamatkan.



Pemantauan kerja- kerja pembinaan kubu pertahanan di Naquora



Taklimat Operasi di misi UNMIL



Membuat rondaan dan tinjauan di KTJ



Penyerahan Peralatan Hospital kepada Kementerian Pengajian Tinggi Afghanistan di Kabul



LATIHAN & EKSESAI

Pada tahun 2015, Markas Angkatan Bersama (MK AB) telah merancang sebanyak 14 siri eksesais mulai Jan hingga Nov 15. Dari jumlah ini terdapat 3 eksesais yang telah dibatalkan pada waktu akhir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan satu eksesais telah diberi kepada TLDM untuk dianjurkan.

Ini menjadi jumlah eksesais yang telah dianjurkan oleh MK AB adalah sebanyak 10 siri eksesais merangkumi 6 siri eksesais bilateral dan 4 siri multilateral.



Perbincangan semasa STAFFEX

EKS BERSAMA WARRIOR 15

Eksesais ini telah dilaksanakan dari 22 hingga 30 Jan 15 di PESAMA, Kuala Lumpur di antara ATM dan Tentera Amerika Syarikat (TAS) dari United States Pasific Command (USPACOM).

EKS MALFRAN 15

Eksesais ini telah dilaksanakan di antara ATM dengan Angkatan Tentera Perancis di atas Kapal Tentera Laut Perancis FNS DIXMUDE yang berlayar dari Pelabuhan Klang ke Tanjung Resang, Mersing, Johor mulai 19 hingga 23 Apr 15.



Ceramah semasa perlaksanaan TTX



Latihan Menyelamatkan Tebusan



Majlis Pembukaan Eksesais oleh KS MK ATM

MALAYSIA - UNITED STATES AMPHIBIOUS EXERCISE (MALUS AMPHEX 2015)

MALUS AMPHEX 2015 adalah satu eksesais gabungan dua hala yang berkonsepkan Operasi Amfibi dan dilaksanakan secara FTX di antara ATM dan TAS dari Marine Force Pacific

(MARFORPAC). Eksesais ini telah diadakan mulai 10 hingga 13 Nov 15 di Pantai Kg Tanduo, Lahad Datu, Sabah.

COMBAT AFLOAT & READINESS TRAINING (CARAT) 15

Eksesais CARAT 15 telah dilaksanakan dari 10 hingga 21 Ogos 15. Eksesais ini dilaksanakan diantara ATM dan Tentera Amerika Syarikat (TAS) yang berkonsepkan Operasi Maritim dalam bentuk Field Training Exercise (FTX) di Perairan Lahad Datu, Sabah.

EKS PEACE & FRIENDSHIP 15

Eksesais ini merupakan eksesais ketenteraan Gabungan Bersama di antara ATM dengan People's Liberation Army (PLA) yang pertama kali diadakan secara FTX. Ianya dirancang sempena sambutan ulang tahun Ke-40 (2014) hubungan diplomatik di antara negara Malaysia dengan China.

Eksesais ini telah dilaksanakan di PU Subang, Daerah Banting, Klang dan Kundang Selangor serta Perairan Selat Melaka dari Pelabuhan Klang hingga Perairan Pulau Pinang. Ianya berkonsepkan HADR dan dilaksanakan dari 17 hingga 22 Sep 15.



Eksesais Pendaratan Amfibi



Majlis Perasmian Eks PEACE AND FRIENDSHIP 15 oleh PAT

EKS COBRA GOLD 15

Eksesais ini diterajui bersama oleh Royal Thai Armed Forces (RTAF) dan United States Pacific Command (USPACOM) yang merupakan eksesais multilateral tahunan menggabungkan 7 negara iaitu Thailand, Amerika Syarikat, Jepun, Malaysia, Singapore, Indonesia dan Korea Selatan. MULTINATIONAL

EKS BERSAMA SHIELD 15

Eksesais ini merupakan Eksesais Gabungan Bersama di antara Angkatan Tentera FPDA yang dilaksanakan dalam bentuk Field Training Exercise (FTX). Eksesais ini dianjurkan oleh Markas Integrated Area Defence System (MK IADS) yang berkonsepkan peperangan konvensional di PU Butterworth, Pulau Pinang dan kawasan latihan Five Power Defence Arrangement (FPDA) mulai 8 hingga 18 Mei 15.

ASEAN REGIONAL FORUM DISASTER RELIEF EXERCISE 2015 (ARF DIREX 2015)

Eksesais ini adalah anjuran bersama ATM dan MKN yang berkonsepkan HADR. ASEAN Regional Forum Disaster Relief Exercise 2015 dirancang untuk dilaksanakan bersama dengan agensi awam yang terlibat dengan bencana alam seperti pihak PDRM, Bomba dan Penyelamat, JPA dan APMM.

Walau bagaimanapun eksesais ini tidak dilaksanakan kerana pihak MKN telah melaksanakan ASEAN Regional Forum Disaster Relief Exercise 2015 (ARF DiREX 2015) mulai 24 hingga 28 Mei 15 di Tasik Timah Tasoh dan Chuping, Perlis.

EKS BERSATU AMAN 15

Eksesais ini melibatkan ATM dan PDRM yang berkonsepkan Ketenteraman Awam. Eksesais ini tidak dilaksanakan kerana pihak ATM dan PDRM masih lagi mengkaji kesesuaian Manual Ketenteraman Awam (POMAN) sedia ada dengan undang-undang dan akta semasa yang digunakan di Malaysia.

COUNTER TERRORISM EXERCISE (MNCTX 15)

MNCTX 15 merupakan eksesais yang dianjurkan bersama oleh ATM dan PDRM. Cadangan untuk menganjurkan eksesais ini telah dikemukakan oleh MENHAN semasa Retreat ADMM di Myanmar pada 20 hingga 21 Nov 14.

EKS KERIS AMAN CAPSTONE 15

Eksesais ini adalah yang berkonsepkan latihan Peacekeeping Operation (PKO) dan dilaksanakan di bawah kelolaan United States Pacific Command (USPACOM) di bawah initiatif Global Peace Operation Initiative (GPOI). Eksesais ini telah melibatkan penyertaan daripada 35 buah negara yang dilaksanakan



Perbincangan Semasa Eksesais



Majlis Penutup Eks KERIS AMAN CAPSTONE 2015



Majlis Penutup Eks KERIS AMAN CAPSTONE 2015

AKTIVITI

Majlis Serah Terima Tugas PAB

Majlis Serah Terima Tugas PAB antara Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM dengan Lt Jen Datuk Baharom bin Hamzah telah diadakan di Bilik Teratai, Wisma Pertahanan pada 3 Sep 15. Majlis tersebut telah disaksikan oleh PAT.

Lawatan Kerja PAT

Lawatan kerja PAT ke Sektor Utara Op PASIR iaitu di Markas Taktikal 8 RAMD di Pulau Berhala dan Kapal Auksiliari TUN AZIZAN (KA TAZ) pada 29 Jun 15.



Majlis Serah Terima Tugas PAB

Kunjungan Hormat

Kunjungan Hormat oleh Penasihat Pertahanan Korea, Capt (N) Lee Yong Ho pada 11 Sep 15.



Sesi fotografi bersama PAT di KA TAZ

Kunjungan Hormat

Kunjungan Hormat oleh Kol Chong Seow Aik Desmond, Penasihat Pertahanan Singapura pada 6 Okt 15.

Kunjungan Hormat

Kunjungan Hormat oleh RAdm Charles Williams, Commander Task Force 73 Singapore Area Coordinator pada 30 Nov 15.



Pertukaran Plaka



Kol Chong menerima plaka dari PAB

Perbincangan PAB bersama CTF 73



LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



KELAB & PERSATUAN BERDAFTAR

- Persatuan Suri & Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA)
- Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP)

PERSATUAN SURI & ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)

LATAR BELAKANG PUSPANITA KEMENTERIAN PERTAHANAN

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan telah ditubuhkan di bawah peruntukan 15.1 Perlembagaan PUSPANITA. Objektif penubuhannya adalah untuk merapatkan perhubungan muhibah serta menyatupadukan isteri-isteri dan anggota-anggota perkhidmatan awam di semua peringkat perkhidmatan.

Selain itu, persatuan turut menggalakkan perkembangan pengetahuan, kemahiran serta kemajuan diri ahli-ahli persatuan menerusi pelbagai program kemajuan diri seperti ceramah, bengkel, seminar dan kursus.

PUSPANITA juga menggalakkan ahli-ahlinya terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berfaedah kepada keluarga dan masyarakat. Wawasan dan hala tuju PUSPANITA adalah untuk menjadi wanita berkualiti, berilmu, berkemahiran, berketrampilan dan bertaqwa agar dapat menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Sehingga 31 Disember 2015, **seramai 2,932 orang** warga wanita dan suri Kementerian Pertahanan telah menjadi ahli seumur hidup PUSPANITA.



Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan bersama dengan barisan Exco Tertinggi PUSPANITA MinDef

AKTIVITI-AKTIVITI TAHUN 2015

MESYUARAT AGUNG PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN (PUSPANITA MINDEF) KALI KE 32

Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan (PUSPANITA MinDef) kali ke 32 telah diadakan pada 21 Januari 2015 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan dan telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan selaku Penasihat PUSPANITA Kementerian Pertahanan.

Buku Pelan Strategik PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan 2014-2016 turut dilancarkan semasa majlis perasmian mesyuarat.

Mesyuarat tahunan ini diadakan bagi membentangkan laporan aktiviti-aktiviti serta laporan kewangan PUSPANITA MinDef bagi tahun 2014. Pada mesyuarat tersebut turut diadakan pemilihan Jawatankuasa Kerja Sesi 2015/2017.

Seramai 950 ahli hadir pada mesyuarat tersebut dan bersempena mesyuarat ini juga, beberapa gerai jualan telah dibuka di foyer Wisma Pertahanan.



SENAMROBIK MINGGUAN

Aktiviti senamrobik mingguan diadakan pada setiap hari Rabu mulai jam 5.30 petang hingga 6.30 petang dan terbuka kepada semua warga kerja Kementerian Pertahanan.



Aktiviti ini turut disertai oleh Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai kanan Kementerian/ATM.



KARNIVAL SUKAN TAHUNAN PUSPANITA

Pada 21 hingga 22 Mac 2016, PUSPANITA MinDef telah menyertai Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA anjuran PUSPANITA Kebangsaan di dalam acara boling, futsal,



bola jaring, batu seremban, congkak, karom dan aerobikton. PUSPANITA MinDef telah mendapat tempat kedua di dalam acara pertandingan aerobikton.



MAJLIS LADIES NIGHT – HOLLYWOOD STARS

Majlis Ladies Night – Hollywood Stars telah diadakan pada 25 Mac 2015 bertempat di PUSPANITAPURI, Putrajaya. Seramai 10 ahli PUSPANITA MinDef telah menghadiri majlis tersebut diketuai oleh YBhg Datin Sri Zahrah binti Che Hussain, Pengerusi

PUSPANITA MinDef. Pada majlis tersebut PUSPANITA MinDef telah mendapat tempat pertama di dalam pertandingan nyanyian di antara PUSPANITA Cawangan/Negeri. PUSPANITA MinDef telah diwakili Puan Nor Azura binti Abu Bakar.



LAWATAN TURUN PADANG PUSPANITA KE KEMENTERIAN PERTAHANAN

Lawatan Turun Padang PUSPANITA ke Kementerian Pertahanan telah diadakan pada 29 April 2015 bertempat di Pangkalan Udara Subang. Lawatan tersebut diketuai oleh YBhg. Puan Sri Datuk Rohani binti Abdullah, Yang Dipertua PUSPANITA (YDP) dan turut dihadiri oleh 40 orang delegasi daripada pelbagai cawangan PUSPANITA Kementerian dan 38 orang pelajar Kejuruteraan Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Rombongan dibawa melawat ke hangar No 20 dan No 16 Skuadron yang menempatkan pelbagai Aircraft Static Display



termasuk pesawat terbaru A400M.

Puan Sri Datuk Rohani binti Abdullah turut menyampaikan sumbangan peralatan perubatan Tabung PUSPADARA PUSPANITA Kebangsaan kepada 14 orang ahli dan keluarga ahli-ahli PUSPANITA MinDef yang memerlukan. Selain itu ceramah kerjaya, pameran perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia serta gerai jualan turut diadakan.



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN

Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kali ke-33 telah diadakan pada 26 Mac 2015 bertempat di PUSPANITAPURI, Putrajaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan turut dihadiri oleh Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian. Seramai 35 orang

ahli PUSPANITA MinDef telah hadir ke mesyuarat ini. Di majlis tersebut YBhg Datin Sri Zahrah binti Che Hussain, Pengurus PUSPANITA MinDef telah menerima Anugerah Ahli PUSPANITA Cemerlang daripada Yang Dipertua PUSPANITA.



MAJLIS SEKALUNG BUDI JALINAN KASIH

Majlis Sekalung Budi Jalinan Kasih telah diadakan pada 29 Mei 2015 di Wisma Perwira ATM. Majlis ini diadakan sebagai tanda jalinan silaturahim di antara PUSPANITA Kementerian Pertahanan dengan Badan Amal Kebajikan Angkatan Tentera

(BAKAT) yang diketuai oleh YBhg Puan Sri Dato' Hjh Umi Kalsom bt Awang, Pengurus BAKAT ATM. Penyampaian sumbangan bungkus hari raya kepada ATM daripada PUSPANITA turut diadakan semasa majlis berkenaan.



BANTUAN BANJIR

Seramai 40 orang ahli PUSPANITA MinDef telah turun padang bersama tim Sukarelawan MinDef semasa dalam aktiviti pembersihan selepas banjir pada 8 Januari 2015 dan 17 Januari 2014 di Sekolah Kebangsaan Tanah Rom,

Jerantut dan Dewan Kampung Semangat, Pekan. Selain itu juga, PUSPANITA MinDef telah menyampaikan sumbangan keperluan harian kepada penduduk sekitar kawasan tersebut.



LAWATAN KE HAT MIZAN

PUSPANITA MinDef telah mengadakan lawatan ke Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur pada 3 Julai 2015. Lawatan ini telah diketuai oleh YBhg. Datin Siti Mariam binti Hj Yusuf, Timbalan Pengerusi 2. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk menyampaikan sumbangan

kepada pesakit kanak-kanak dan ibu bersalin sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Selain itu juga peserta lawatan diberikan pendedahan mengenai rawatan alternatif akupuntur.



SUMBANGAN IBU TUNGGAL

Sempena Majlis Hari Raya Kementerian Pertahanan pada 3 Ogos 2015, seramai 12 orang ibu tunggal yang terdiri daripada ahli-ahli PUSPANITA MinDef telah menerima sumbangan hari raya.

Sumbangan telah disampaikan oleh Yang Mulia Tengku Datin Seri Marsilla binti Tengku Abdullah, isteri kepada YB Menteri Pertahanan yang merupakan Penaung PUSPANITA Kementerian Pertahanan.



1M4U

Program IM4U bertemakan “Save Our Earth Through Cultivating Community” telah diadakan pada 19 September 2015 di Pantai Chermin Batu 10, Port Dickson, Negeri Sembilan. Program ini telah disertai oleh 240 orang ahli PUSPANITA MinDef, Markas Tentera Darat, JKKK Kg Teluk Kemang, Persatuan Nelayan Kg Teluk Kemang, Belia Pantai Batu 8, Port Dickson, Belia Pasukan Polis Bantuan Port Dickson, Belia

Politeknik Port Dickson, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Rakan Alam Sekitar.

Selain daripada aktiviti membersihkan pantai dan menanam pokok di Pantai Chermin, program melawat ke rumah Veteran ATM yang uzur turut diadakan dengan sokongan daripada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) ATM.



JALINAN KASIH DI SK HENRY GURNEY

Program Jalinan Kasih ke Sekolah Henry Gurney Melaka telah diadakan pada 14 November 2015. Program ini mendapat sokongan padu daripada Jabatan Penjara Malaysia, Persatuan Isteri, Anak dan Anggota Wanita Penjara Malaysia (PERSIAP) dan pengurusan Sekolah Henry Gurney.

Program dimulakan dengan acara senamrobik bersama-sama 48 pelajar wanita diikuti dengan sesi ceramah dan sesi

ramah mesra. Sesi ceramah disampaikan oleh Pegawai Psikologi Kementerian Pertahanan iaitu Puan Lau Pek Jin.

Rombongan juga telah menyampaikan sumbangan bahan bacaan dan buku rujukan untuk kegunaan para pelajar di sekolah berkenaan.





Antara aktiviti-aktiviti Jalinan Kasih



Program IM4U, "Save Our Earth Through Cultivating Community" berjaya memupuk semangat gotong-royong dan kerjasama terbaik di kalangan ahli PUSPANITA MinDef dengan agensi/NGO luar

SUMBANGAN

1. YBhg Datin Sri Zahrah binti Che Hussain, Pengerusi PUSPANITA Kementerian Pertahanan telah dianugerahkan Ahli PUSPANITA Cemerlang semasa Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Ke 33 pada 26 Mac 2015.
2. PUSPANITA Kementerian Pertahanan telah terlibat sebagai sebahagian Jawatankuasa Goodies, Hadiah dan Persiapan Pentas semasa Persidangan Tahunan ke 3 PUSPANITA pada 16 hingga 17 November 2015.
3. Mewujudkan Bilik Urusan Ibu di Kafeteria Wisma Pertahanan dengan kerjasama Kementerian Pertahanan sebagai salah satu inisiatif untuk menggalakkan warga wanita Kementerian Pertahanan untuk melaksanakan penyusuan ibu sepenuhnya kepada bayi masing-masing.

KELAB KAKITANGAN AWAM KEMENTERIAN PERTAHANAN (KAKEP)

LATAR BELAKANG KAKEP

Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) adalah sebuah pertubuhan bagi kakitangan awam yang bertugas di Kementerian Pertahanan Malaysia. Ditubuhkan bagi mengaktifkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, sosial, keagamaan, sukan, kesukarelawan di Kementerian Pertahanan.


TUJUAN PENUBUHAN KELAB

- Memajukan aktiviti sosial, kebudayaan, rekripsi, keagamaan dan sukan di kalangan kakitangan awam Kementerian Pertahanan di samping mengeratkan silaturahim;
- Memberi peluang kepada semua ahli untuk menyertai pelbagai aktiviti luar serta menggalakkan gaya hidup sihat;
- Menyediakan pelbagai kemudahan kepada ahli khususnya berkenaan hal-hal kebajikan.

Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein merasmikan Hari Keluarga MinDef 2015 “1MinDef Sehati Sejiwa” di stadium KEMENTAH



CARTA ORGANISASI KAKEP



BIL.	TARIKH	AKTIVITI	KEPUTUSAN
1	9 - 12 Feb	Badminton MAKSWIP 2015 di Pusat Komuniti, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur	Tempat ke 6/35
2	7 - 8 Mac	Bola Sepak MAKSWIP 2015 di Padang Bola Sepak INTAN, Bukit Kiara, Kuala Lumpur	Tempat ke 3/38
3	27 - 29 Mac	Bowling MAKSWIP 2015 di Mega Lane Prade, Sri Petaling, Kuala Lumpur	L / 1P 3 dari sepuluh terpilih MAKSAK
4	24 - 26 Apr	Bola Jaring MAKSWIP 2015 di Padang Majlis Sukan Negara, Taman Keramat, Kuala Lumpur Kuala Lumpur	Tempat ke 4/48
5	9 – 10 Mei	Kejohanan Dart MAKSWIP 2015 DI Bangunan RISDA , Jalan Ampang, Kuala Lumpur	Johan 1/46
6	23 – 25 Mei	Sukan Rakyat MAKSWIP 2015 di Kelab Belia Majlis Sukan Negara Sukan tersebut: a. Menyumpit b. Congkak c. Batu seremban d. Dam Aji	Johan 1/21 - Johan 1/21 Johan 1/35
7	16 – 18 Aug	Boling antara rumah-rumah KAKEP 2015 di Gelanggang Boling, Ampang Point, Kuala Lumpur	Johan Rumah Hijau Naib Johan Rumah Biru
8	23 -24 Ogos	Sukan Futsal antara rumah-rumah KAKEP 2015 di Gelanggang Futsal, Sport 7, Wangsa Maju, Kuala Lumpur	Johan Rumah Hijau Naib Johan Rumah Merah
9	5 – 6 Sept	Kejohanan Bola Tampar MASKWIP di Institut Penilaian Negara (INSPEN) Kementerian Kewangan Malaysia, Kajang. (Pasukan Lelaki dan Pasukan Wanita)	Lelaki Tempat 5/40 Wanita Tempat 4/43
10	03 Okt	Kanival Sukan KAKEP Sukan antara Rumah – Rumah a. Bola Sepak d. Bola Tampar Lelaki b. Badminton Bola Tampar Wanita c. Ping Pong e. Bola jaring Sukan Indoor: a. Congkak d. Dart b. Batu Seremban e. Karom c. Dam Aji	J: Hijau N.J: Merah J: Oren N.J:Biru
11	18 – 20 Dis	Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah, Bola Tampar (Lelaki/Wanita) Pantai dan Bola Jaring 5 sebelah MAKSWIP di Kangar Perlis	Bola sepak tempat 4/68 Bola Tampar L: 4/60 Bola Tampat W: 4/48 Bola Jaring: 8/58



Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein berkesempatan mengagihkan bubur lambuk kepada kakitangan Wisma Pertahanan



AKTIVITI KAKEP SEPANJANG 2015

BAZAR RAMADHAN 1436H/2015

Bazar Ramadhan telah diadakan pada 20 Jun 2015 hingga 14 Julai 2015 di ruang Kafetaria Wisma Pertahanan. Sebanyak 25 gerai telah disediakan untuk di sewa oleh peniaga dengan kadar sewa RM500 sebuah. Pendapatan dari sewa adalah sebanyak RM10,391.25.

BUBUR LAMBUK

Pengagihan bubur lambuk telah diadakan sebanyak tujuh (7) kali sepanjang bulan Ramadhan (pada hari Selasa dan Khamis) iaitu pada 23/6, 25/6, 30/6, 2/7, 7/7, 9/7 dan 14/7/2015. Sebanyak 13,000 bungkus bubur lambuk telah disediakan dengan kos perbelanjaan sebanyak RM26,000 dibayar oleh KAKEP.

Sumbangan dari Bahagian-bahagian RM1,870.10, Tabung (tunai) RM631.30 telah dimasukkan ke Akaun KAKEP. Affin Bank Wisma Pertahanan telah menaja sebanyak 1,500 bungkus pada 30 Jun 2015 . Manakala pada 30 Jun 2015 juga, Menteri Pertahanan telah memberi sumbangan 500 bungkus bubur lambuk.

CERAMAH RAMADHAN AL-MUBARAK 1436H/2015

Telah diadakan pada 21 Jun 2015. Penceramahnya adalah Y. Bhg Ustaz Rizal Hariyanto. Kos perbelanjaan adalah sebanyak RM500 (Anjuran Bersama KAGAT & PAKPAI) Program Ceramah Istimewa bersama Ustaz Syed Mohd Nurhisyam b. Tuan Padang juga telah diadakan pada 11 September 2015 dengan Kos Perbelanjaan sebanyak RM500 (Anjuran Bersama KAGAT & PAKPAI)

MAJLIS QURBAN/AQIQAH KAKEP 1436H/2015M

Pada 26 September 2015, KAKEP bersama Puspanita & PKPAI, telah mengadakan Majlis Qurban & Aqiqah di Dewan Seroja MinDef. Sebanyak lapan (8) Ekor lembu telah ditumbangkan.

Dua (2) ekor lembu telah disembelih di Rumah Puspanita MinDef dan enam (6) ekor lembu lagi telah di Sembelih di luar kawasan MinDef. Keseluruhan perbelanjaan Qurban & Aqiqah yang dikeluarkan oleh KAKEP sebanyak RM7,298.00.

Penyertaan gotong-royong dari ahli KAKEP melebihi 300 orang. Ahli KAKEP - dua (2) ekor lembu dan Penyumbang - enam (6) ekor lembu.

QURBAN & AQIQAH KAKEP - PUSPANITA MINDEF




JAWATANKUASA PROMOSI, PUBLISITI & PENERBITAN

JAWATANKUASA PUBLISITI, PROMOSI & PENERBITAN KAKEP

Sepanjang tahun 2015, Jawatankuasa Promosi, Publisiti dan Penerbitan KAKEP terlibat aktif dalam mempromosikan aktiviti-aktiviti utama KAKEP seperti Hari Keluarga KAKEP, Karnival Sukan KAKEP, serta program-program yang dianjurkan oleh jawatankuasa KAKEP yang lain. Hebahan meliputi pelbagai medium contohnya seperti melalui emel mod.gov.my kepada semua kakitangan awam di Wisma Pertahanan termasuk di pejabat sekitarnya serta agensi-agensi di bawah Kementerian Pertahanan, hebahan di konti radio MinDef, TV Info MinDef, bunting, edaran poster, memo dalaman serta melalui ‘agen-agen promosi’ khas yang dilantik di agensi-agensi – Berhubung melalui emel dan aplikasi ‘Whatsapp Group’.

Jawatankuasa promosi dan publisiti juga bertanggungjawab sepenuhnya dalam merancang dan melaksanakan konsep promosi bagi Karnival Sukan KAKEP dan Hari Keluarga MinDef

- Bagi mendapatkan lebih banyak penyertaan, kehadiran, selain menyampaikan informasi berkaitan program dari semasa ke semasa. Selain itu, jawatankuasa Promosi, Publisiti dan Penerbitan KAKEP turut mendapat kerjasama daripada pihak Pejabat Penerbitan Korporat, Unit Komunikasi Strategik (UKS) dalam mendapatkan ruangan khas bagi hebahan aktiviti KAKEP pada penerbitan Majalah Patriot Kementerian Pertahanan dan Buku Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan.





Acara indoor games untuk lelaki



Pasukan Bola Sepak Rumah Hijau



Pasukan Bola Jaring Rumah Merah



Acara Ping pong turut diadakan



Pasukan Bola Sepak Rumah Merah



Acara karom kategori wanita



Aktiviti Ala 'Fun Fair' turut memeriahkan Hari Keluarga MinDef 2015



Acara tarik tali antara yang menarik perhatian ramai

KARNIVAL SUKAN KAKEP 2015



KSU bersama Ahli-ahli Rumah Oren



Pasukan Rumah Hijau



Ahli-ahli Wanita Rumah Biru



Pasukan Bola Tampar Rumah Merah



Pasukan Rumah Merah "Red Scorpion"

LAPORAN
TAHUNAN **2015**
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



PENCAPAIAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PERINGKAT KEBANGSAAN
& ANTARABANGSA**





PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (N17) KEMENTERIAN PERTAHANAN

TEMPAT KE-3 PIDATO PIALA PUSINGAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM - BULAN BAHASA KEBANGSAAN TAHUN 2015



Puan Siti Fatimah binti Umar

Peserta daripada Kementerian Pertahanan, Puan Siti Fatimah binti Umar, Pegawai Khidmat Pelanggan (N17) di Unit Protokol & Pengurusan acara telah berjaya menduduki tempat ketiga (3) daripada 42 orang peserta yang mewakili pelbagai kementerian dan agensi seluruh negara pada Pertandingan Pidato Piala Pusingan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Pertandingan akhir telah diadakan pada 12 Oktober 2015 (Isnin) di Panggung Percubaan, Universiti Putra Malaysia Serdang Selangor sempena Bulan Bahasa Kebangsaan Tahun 2015.



PROGRAM JIWA MURNI ATM

JUARA ANUGERAH INOVASI PERDANA MENTERI (AIPM) 2015

Majlis penganugerahan telah berlangsung pada 16 Disember 2015 di Putrajaya International Convention Centre (PICC) dan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri.

Program Jiwa Murni telah diumum sebagai pemenang AIPM dan memenangi hadiah berupa wang tunai RM 1 juta, trofi dan sijil penyertaan. Penyertaan ATM adalah seperti berikut:

- a. **Kolaborasi ATM dan Jabatan Penjara Malaysia (Program Pemulihan Pemasyarakatan) - Pendekatan Pemulihan Memberi Sinar Baru Kehidupan**
- b. **Program Jiwa Murni - Tanggungjawab Sosial Ke Arah Kualiti Hidup Luar Bandar**

Program Pemulihan Pemasyarakatan (PPP) telah berjaya mengurangkan jumlah *recidivists* iaitu kemasukan semula bekas banduan ke dalam penjara dengan menempatkan penjenayah kecil dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir hukuman di pusat-pusat PPP.

Program Jiwa Murni ini telah membantu penduduk di kawasan luar bandar Sarawak, Pahang, Terengganu dan Perak melalui penyediaan kemudahan infrastruktur seperti jalan darat dan jambatan secara *fast track* menggunakan kaedah pembinaan yang kreatif dan kos efektif.



BAHAGIAN AKAUN JOHAN PEJABAT TERBAIK KESELURUHAN - AUDIT EKSA MINDEF 2014

Pada 4 Disember 2015 Bahagian Akaun telah menerima tempat pertama Pejabat Terbaik bagi tahun 2014 semasa sesi Penyampaian hadiah/cenderahati Anugerah Program EKSA MinDef Tahun 2014 yang bertempat di Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur. Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi.



Ketua Akauntan (dua dari kiri) menerima Anugerah Pejabat Terbaik Keseluruhan - Audit EKSA MinDef 2014

BAHAGIAN KEWANGAN DIiktiraf PTJ TERBAIK PROGRAM PENTADBIRAN PERTAHANAN

PTJ Bahagian Kewangan telah dianugerahkan sebagai PTJ Terbaik Program Pentadbiran Pertahanan tahun 2014 semasa Majlis Perjanjian Program.



PEGAWAI STRIDE CEMERLANG DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Dr Zalini binti Yunus adalah Pengarah Bahagian Teknologi Instrumentasi dan Elektronik, Institut Penyelidikan Teknologi Pertahanan (STRIDE). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Mikrobiologi (1986) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia; Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Immunology & Allergy (1997) dari University of Nottingham, UK; dan Ijazah Falsafah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Kimia (2004) dari University of Manchester Institute of Science & Technology (UMIST), UK.

Beliau terlibat secara aktif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, dalam aktiviti memperkuuhkan obligasi negara terhadap Konvensyen Senjata Biologi (KSBT). Oleh itu, beliau telah dilantik untuk mengetuai Jawatankuasa Teknikal Penggubalan Draf Rang Undang-Undang Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin serta Peraturannya. Beliau aktif membuat pembentangan kertas kerja di pelbagai persidangan, mesyuarat dan ceramah dalam isu-isu biosekuriti dan keperluan obligasi negara terhadap KSBT.

Di atas kepakaran yang dimiliki, beliau turut dijemput oleh United Nations Office of Disarmament Affairs (UNODA) untuk berkongsi pengalaman dengan negara Nepal yang pada ketika itu dalam proses meraktifikasi KSBT. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Biosekuriti Antarabangsa.

Dengan kerjasama agensi luar seperti Akademi Sains Malaysia dan Cooperative Biological Engagement Program, Jabatan Pertahanan US, beliau turut mempergerusikan beberapa Jawatankuasa Penganjuran Seminar dan Bengkel :

- a. National Workshop of the Development of a National Code of Conduct for Biosecurity in the Biological Weapons Convention, 2 – 4 June 2015, Melaka
- b. National Interagency Joint Bioincident Investigations Workshop, 17 – 20 August 2015, Kajang
- c. National Seminar on Convergence Chemistry & Biological Security: Trend and Culture of Responsible, 7 December 2015, Kuala Lumpur
- d. ASEAN Discussion on Preparedness against Chem-Bio Threats: Assessment of Scientific, Prevention and Response Capabilities, 9 – 11 December 2015, Kuala Lumpur



Mesyuarat Pakar Konvensyen Senjata Biologi & Toksin di United Nations Office at Geneva pada 10 – 14 Ogos 2015



Pembentangan kertas kerja di ASEAN Discussion on Preparedness against Chem-Bio Threats: Assessment of Scientific, Prevention and Response Capabilities, 9 – 11 December 2015, Kuala Lumpur



Mewakili negara sebagai Pakar Biosekuriti di "Enhancement of CBRN capacities of South East Asia in addressing CBRN risk mitigation concerning CBRN first response, biosafety and biosecurity, awareness raising and legal framework", 8 September 2015, Manila, Filipina

PEGAWAI STRIDE CEMERLANG DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Ir. Dr. Shamsul Akmar Ab Aziz, kelulusan dalam Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Sistem dari Yamanashi Universiti, Jepun (2003). Mempunya Sarjana Kejuruteraan Inovasi dan Reka bentuk dari Universiti Putra Malaysia (2010). Beliau membuat penyelidikan dan kajian berkaitan hingar, getaran dan aspek ergonomik kenderaan dan berjaya menamatkan pengajian Ph.D beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2016.

Beliau juga merupakan jurutera profesional (P.Eng) berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan ahli korporat dari Institut Jurutera Malaysia (IEM). Beliau telah menerbitkan lebih daripada 30 jurnal dan terlibat aktif dalam beberapa konferen antarabangsa. Beliau telah bekerja dengan STRIDE sejak tahun 2004 dan sekarang sebagai Pegawai Penyelidik STRIDE Gred Q44 di Cawangan Penyelidikan dan Kajian Strategik.



Dinesh Sathyamoorthy telah menerima ijazah B.Eng. dan M.Eng.Sc. dalam kejuruteraan komputer dari Universiti Multimedia pada tahun 2003 dan 2006 masing-masing, dan ijazah PhD dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik dari Universiti Teknologi Petronas pada tahun 2013. Beliau kini adalah pegawai penyelidik kanan di Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kementerian Pertahanan.

Beliau berkhidmat sebagai Ketua Editor untuk Defence S&T Technical Bulletin, dan ahli sidang editor untuk Malaysian Journal of Remote Sensing & GIS dan The Journal of Defence and Security, dan juga reviewer untuk beberapa jurnal antarabangsa dan persidangan.

Beliau adalah Setiausaha untuk Institution of Geospatial & Remote Sensing Malaysia (IGRSM), dan seorang Senior Member di dalam Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE), berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa IEEE Geoscience & Remote Sensing Society (GRSS) Malaysia Chapter. Bidang penyelidikan beliau termasuk teknologi geospatial dan pemprosesan isyarat & imej digital.



Encik Dinesh Sathyamoorthy



IEEE Workshop on Geoscience and Remote Sensing 2015 (IWGRS 2015),
17 November 2015, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur:
Membentangkan kertas kerja bertajuk Evaluating the Accuracy of Global Positioning System (GPS) Speed Measurement via GPS Simulation.

SISTEM PENULENAN AIR LAPANGAN BERINOVASI TINGGI HASIL KOLABORASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA & PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD

Projek inovasi Bamyan DIY-Bio Sand Filtration System. Projek dilaksanakan bagi mencapai misi program bantuan pembangunan semula keupayaan kesihatan untuk wilayah Bamyan, Afghanistan oleh Kumpulan Malaysian Contingent International Security Assistance Force (MALCON ISAF). Kolaborasi dengan Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) sejajar dengan pendekatan

Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) yang menekankan konsep non-conventional breaking interdepartmental barriers perkenalkan, sistem penulenan air untuk kegunaan lapangan ini diberi nama baru iaitu JERNIH (Jointly Developed, Efficient, Robust, Novel, Innovative & Handy Water Purification System).



JERNIH Superior



JERNIH Premium

Afghan Public Health Institute
Bamyan Provincial Public Health Directorate



MoPH Endorsed Bio-Sand Filtration System

The Bamyan Provincial Public Health Directorate authorised by Director General of Public Health, Afghanistan has endorsed MALCON bio-sand filtration system as the official water filtration system for Afghanistan. All the water filtration system built by MALCON from now may bear the logo of MoPH.

"Afghanistan, We Serve You"

Dr Mehr Ali -Director

پاکستانی اسلامی
بھارتی اسلامی
میڈیا میوسی

Sending Date : 30/9/11
سنگاپور اسلامی
میڈیا میوسی

Latihan Rawatan Air Khas Diberikan Kepada Penduduk Setempat Bagi
Memastikan Kualiti Air Minuman Yang Bersih di berikan oleh Lt Kol (Dr) Mohd
Arshil Moideen di wilayah Bamyan, Afghanistan.



Pemasangan Sistem Penapisan Air Bio-Sand Filtration System di Wilayah Bamyan melibatkan penduduk setempat



Sistem Penapisan Air JERNIH ini telah menyertai pertandingan iaitu International Conference on Quality 2014, di Tokyo, Jepun dan telah memenangi Anugerah KAIZEN GOLD AWARD SMALL GROUP ACTIVITY (SGA) COMPETITION STREAM - Anugerah tertinggi dan berprestij bagi pengurusan projek dan inovasi di peringkat antarabangsa.

PENGIKTIRAFAN BINTANG STANDARD KUALITI PERKHIDMATAN PSIKOLOGI SUMBER MANUSIA TAHUN 2015

Kementerian Pertahanan Malaysia telah dianugerahkan Pengiktirafan Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia Tahun 2015 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Naziran ini adalah antara usaha Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan psikologi di kementerian dan jabatan.



JLKN BERJAYA MENGEKALKAN PENARAFAN LIMA (5) BINTANG PADA PERTANDINGAN PORTAL & LAMAN WEB PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN 2015 UNTUK KALI KE 2

Pada September 2015, satu Pertandingan Portal dan Laman Web peringkat Kementerian Pertahanan 2015 telah diadakan dengan disertai oleh 11 agensi termasuk MinDef. Dalam pertandingan ini, Jabatan telah berjaya mengekalkan penarafan Lima (5) Bintang.

Penilaian adalah berdasarkan kaedah penilaian Sistem Self Assesment MDeC oleh agensi-agensi dan disemak semula oleh MinDef. Pencapaian ini juga dikekalkan oleh Jabatan dalam pertandingan Portal dan Laman Web peringkat Kementerian Pertahanan 2015 untuk kali kedua pada November 2015.



PENCAPAIAN KAKITANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN PERINGKAT KEBANGSAAN & ANTARABANGSA

TAHUN 2015

1. Nama : Mohamad Allie Helmy Bin Sabtu
 No. Tentera : T 6108521
 Tempat Bertugas : Kem Sungai Udang, Melaka

Tarikh Lahir : 23 Okt 1985
 Jantina : Lelaki
 Pekerjaan : Tentera

PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Kenyir Lake International Triathlon	34-40 Tahun	Johan
113 Desaru International Triathlon	Men Elite	Naib Johan
Port Dickson International Triathlon	Terbuka	Naib Johan
Desaru International Triathlon	Terbuka	Johan
Kedah International Duathlon	Terbuka	Johan
113 Bukit Merah International Triathlon	Men Elite	Naib Johan
Ironman Langkawi Malaysia 2015	Malaysian	Naib Johan



2. Nama : Siti Humairah Binti Kasidin
 No. Tentera : T 5501238
 Tempat Bertugas : KD Sri Gombak, Kuala Lumpur

Tarikh Lahir : 9 April 1989
 Jantina : Wanita
 Pekerjaan : Tentera

PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Kejohanan Silat Sedunia, Phuket, Thailand	Puteri B	Emas
Kejohanan Silat UPSI Dan Jemputan Antarabangsa	Puteri B	Emas
Kejohanan Silat Terbuka Bangkok	Puteri B	Emas
Kejohanan Silat South East Asean	Puteri B	Emas
Kejohanan Silat Terbuka Belgium	Puteri B	Emas
Kejohanan Silat Antarabangsa Terbuka Malaysia	Puteri B	Emas

3. Nama : Muhammad Ezuan Bin Nasir Khan
 No. Tentera : T 837053
 Tempat Bertugas : Pangkalan TLDM, Lumut, Perak

Tarikh Lahir : 31 Jan 1989
 Jantina : Lelaki
 Pekerjaan : Tentera

PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Selangor Shooting Championship 2015	10m Air Rifle Men 50m Rifle Prone Men 50m Rifle Prone Men Berpasukan 10m Air Rifle Men Berpasukan	Emas Emas Emas Perak
NSAM President Ally T.H Ong Trophy 2015	50m Prone Men Individu 50m Prone Men Individu 10m Air Rifle Men Berpasukan	Emas Emas Perak
Tun Tan Siew Sin Trophy 2015	50m Rifle Prone Men Berpasukan 50m Rifle Prone Men	Emas Gangsa
Chia Woh Trophy 2015	50m Rifle Prone Men Berpasukan 10m Air Rifle Men Individu	Emas Perak
Sirkit Kebangsaan Piala Tun Haniff	10m Air Rifle Men Individu 50m Rifle Prone Men 50m Rifle Prone Berpasukan 10m Air Rifle Berpasukan	Emas Perak Emas Perak
Menembak Sirkit Kebangsaan	10m Air Rifle Men Berpasukan 50m Rifle Prone Men Berpasukan 10m Air Rifle Men Individu 50m Rifle Prone Men Individu	Emas Emas Gangsa Gangsa
Kejohanan Sukan SEA Ke 28	10m Air Rifle Men Berpasukan	Perak
39th South East Asia Shooting Championships	10m Air Rifle Men Berpasukan 50m Rifle Prone Men Berpasukan 50m Rifle Prone Men Individu	Emas Perak Gangsa



4. Nama : Nur Suryani Binti Mohd Taibi
 No. Tentera : T 405274
 Tempat Bertugas : Markas Pemerintahan Pendidikan & Latihan TLDM, Kuala Lumpur

Tarikh Lahir : 24 Sep 1982
 Jantina : Wanita
 Pekerjaan : Tentera

PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Selangor Shooting Championship 2015	50m Rifle 3 Position Women 50m Rifle Prone Women 10m Air Rifle Women 10m Air Rifle Women Berpasukan 50m Rifle Prone Women Berpasukan 50m Rifle Prone Women 50m Rifle 3 Position Women Berpasukan	Emas Emas Emas Emas Emas Perak Perak
NSAM President Ally T.H Ong Trophy 2015	50m Rifle 3 Position Women 50m Rifle 3 Position Women Berpasukan	Emas Emas



5. Nama : Muhamad Hafizuddin Bin Mat Daud
 No. Tentera : T 728698
 Tempat Bertugas : Institut Perubatan Penerangan Pangkalan Udara Kuala Lumpur

Tarikh Lahir : 23 Jun 1992
 Jantina : Lelaki
 Pekerjaan : Tentera

PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Petanque Double Terbuka Terengganu	Double	Naib Johan
Petanque Triple Port Dickson, Negeri Sembilan	Triple	Johan
Petanque Antarabangsa Double Terbuka Kuala Lumpur	Double	Naib Johan
Kejohanan Mini Karnival MAKSAK Malaysia 2015 (Petanque)	Senior Lelaki	Ke Tiga
Kejohanan Sukan SEA Ke 28	Single Double	Emas Perak

6. Nama : Siti Zubaidah Binti Che Omar
 No. Tentera : T 5501465
 Tempat Bertugas : KD Pelandok, Pangkalan TLDM,
 Lumut, Perak

Tarikh Lahir : 27 Feb 1991
 Jantina : Wanita
 Pekerjaan : Tentera

PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Kejohanan Silat Terbuka Bangkok	Puteri C	Perak
Kejohanan Silat South East Asean	Puteri C	Perak
Kejohanan Silat Terbuka Belgium	Puteri C	Perak
Kejohanan Silat Antarabangsa Terbuka Malaysia	Puteri C	Emas



7. Nama : Nor Rizah Binti Ishak
 No. Tentera : T 50000973
 Tempat Bertugas : Markas Logistik Tentera Darat
 Kumpulan Ordnans, Kuala Lumpur

Tarikh Lahir : 21 April 1969
 Jantina : Wanita
 Pekerjaan : Tentera

PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Memanah Sirkit 2 Kebangsaan	Compound 50m Individu Wanita	Emas
	Compound Olimpik Individu Wanita	Emas
	Compound Olimpik Individu Wanita	Emas
Kejohanan Asia Cup 2015	Compound Berpasukan Campuran	Gangsa
Kejohanan Archery World Cup 2015	Compound Berpasukan Wanita	Emas
Kejohanan Sukan SEA 2015	Compound Berpasukan Wanita	Emas

8. Nama : Siti Fatima Binti Mohamad
 No. Tentera : T 6189578
 Tempat Bertugas : MKS Staf Stesyen Sungai Besi
 Kem Perdana Sungai Besi, K.Lumpur

Tarikh Lahir : 25 Mac 1986
 Jantina : Wanita
 Pekerjaan : Tentera

PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Kejohanan Olahraga Terbuka kebangsaan 2015	4x100m 4x400m	Emas Emas
Kejohanan Olahraga MAKSAK Malaysia 2015	4x100m 100m 200m	Emas Perak Perak
Kejohanan Sukan SEA Ke 28	4x100m	Gangsa



9. Nama : Shahrozli Bin Zailudin
 No. Tentera : T 727134
 Tempat Bertugas : Institut Latihan Tentera Udara,
 Gopeng, Perak

Tarikh Lahir : 19 Jun 1989
 Jantina : Lelaki
 Pekerjaan : Tentera


PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Kejohanan Silat UPSI Dan Jemputan Antarabangsa	Putera C	Emas
Kejohanan Sukan SEA Ke 28	Putera C	Gangsa
Kejohanan Silat Terbuka Bangkok	Putera C	Perak
Kejohanan Silat South East Asean	Putera C	Emas
Kejohanan Silat Terbuka Belgium	Putera C	Emas
Kejohanan Silat Antarabangsa Terbuka Malaysia	Putera C	Emas

10. Nama : Muhaizar Bin Mohamad
 No. Tentera : T 1141550
 Tempat Bertugas : Pusat Cemerlang Persatuan Sukan Lasak ATM, Melaka

Tarikh Lahir : 22 Mac 1985
 Jantina : Lelaki
 Pekerjaan : Tentera


PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Kejohanan Orienteering & Dakhiton MAKSAK Malaysia 2015	Dakhiton	Johan Johan
Larian Hari MAKSAK Malaysia 2015	Terbuka	Johan
International Half Marathon	Terbuka	Johan
Kelicap Trail Run 2015	Terbuka	Johan
3R International Marathon Putrajaya	Terbuka	Johan
Kenyir Lake International Triathlon	Lelaki Berpasukan	Naib Johan
Coronation International Twin Bridge Half Marathon	Terbuka	Naib Johan
Penang Bridge 2 Sultan Abdul Halim Marathon	Lelaki 21km	Johan
Merapoh Forest Run	Lelaki Terbuka 30km	Johan
International Asia Run	Terbuka	Johan
Rembau Challenge	Team Mix	Ke 3
Melaka River International Marathon	Terbuka	Johan





Rekod baru kejohanan Sukan SEA Ke-28

11. Nama : Muhammad Hakimi Bin Ismail
 Tarikh Lahir : 8 Apr 1991
 No. Tentera : T 8007861
 Jantina : Lelaki
 Pekerjaan : Tentera
 Tempat Bertugas : Pangkalan TLDM Pulau Indah, Bandar Armada Putra Pelabuhan Klang, Selangor



PERTANDINGAN	KATEGORI	KEDUDUKAN
Kejohanan Olahraga Terbuka kebangsaan 2015	Lompat Kijang	Emas
Kejohanan Sukan SEA Ke 28	Lompat Kijang	Emas (Rekod Baru Kejohanan)
Canberra Track Classic	Lompat Kijang	Emas
Melbourne State Championship	Lompat Kijang	Perak
Brisbane Track Classic	Lompat Kijang	Emas
Final Sydney Track Classic	Lompat Kijang	Perak

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada semua bahagian dan agensi di bawah Kementerian Pertahanan yang terlibat dalam kerja penerbitan Buku Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan Tahun 2015 ini.

Terima Kasih

SIDANG REDAKSI

- **Penasihat**

Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohd Radzi
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Tim Penerbitan Korporat, Kementerian Pertahanan

- **Ketua Editor**

Puan Adreena Binti Abdul Majid
Ketua Komunikasi Strategik

- **Editor**

En Muhamad Aszahari bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik
Puan Dalila Binti Abdul Majid
Mantan Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

Mejar Setia Perwira Bin Mohd Wazir
Ketua Tadbir Korporat

En Amir Rithauddin Bin Roslan
Pegawai Penerbitan Korporat

En Mohd Tahiruddin Bin Hamzani
Pembantu Penerbitan Korporat

- **Tim Jurufoto**

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
Jalan Padang Tembak, 50634 KUALA LUMPUR
Tel: (60)3-20598400 | Faks: (60)3-26914163

www.mod.gov.my

